

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 68

Rabu

**23 November
2005**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2006

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B. 28	(Halaman 27)
Maksud B. 29	(Halaman 37)
Maksud B. 30	(Halaman 118)
Maksud B. 32	(Halaman 160)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2006

Jawatankuasa:-

Maksud P. 28	(Halaman 27)
Maksud P. 29	(Halaman 37)
Maksud P. 30	(Halaman 118)
Maksud P. 32	(Halaman 160)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 26)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 23 November 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta **Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar** menyatakan:-

- (a) sama ada pihak Kementerian akan meminda Peraturan Kanun Tanah Negara untuk menjamin hak milik tanah tidak ditukar sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan pemilik asal; dan
- (b) berapakah jumlah kes penukaran hak milik tanah tanpa pengetahuan pemiliknya berlaku pada tahun 2002, 2003, 2004 dan sehingga Julai 2005.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berpendapat bahawa peruntukan-peruntukan dalam Kanun tanah Negara 1965 adalah mencukupi dan memadai. Malah kajian semula terhadap peruntukan seksyen-seksyen dalam kanun tanah negara menunjukkan bahawa pindaan adalah tidak diperlukan memandangkan perkara ini bukannya disebabkan kekurangan atau kelemahan undang-undang tersebut akan tetapi disebabkan oleh faktor-faktor lain khususnya faktor yang disebabkan oleh manusia.

Kementerian ini telah menjalankan kajian terperinci terhadap sistem pendaftaran tanah berkomputer. Hasilnya didapati sistem pendaftaran tanah berkomputer yang sedang diguna pakai masa kini adalah selamat dan ciri-cir keselamatannya adalah ketat. Oleh yang demikian sekiranya semua prosedur keselamatan telah diikuti oleh pengguna sistem tersebut maka adalah sukar untuk penipuan berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini beberapa kes telah dilaporkan ke Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan daripada negeri Selangor yang melibatkan 27 kes. Dua daripada kes yang dilaporkan ini sedang dalam proses perbicaraan dan satu kes telah pula telah diselesaikan melalui perintah mahkamah tinggi. Manakala 24 kes lagi masih belum diselesaikan kerana masih dalam siasatan pihak polis. Bagi kesemua kes tersebut telah dimasukkan caveat pendaftar untuk melindungi tuan tanah dan kesemua pihak yang berkepentingan. Manakala bagi negeri-negeri lain tidak terdapat sebarang laporan secara rasmi yang diperolehi setakat ini. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun kerajaan tidak niat untuk meminda Kanun Tanah Negara kerana masih untuk mencegah penipuan berlaku kaitan dengan penentuhan hak miliknya. Tapi, dengan adanya berkaitan dengan sifat dan faktor manusia.

Cara mana untuk mencegah kalau tidak ada undang-undang dan peraturan tertentu untuk mencegah untuk berlaku penipuan berlaku seperti untuk tukar hak milik begitu mudah sahaja. Satu kes di Serdang, lima ekar ditukar tangan demikian, tanpa pengetahuan pemilik asal, maka itu sebab apa langkah dan peraturan di dalam Pejabat Tanah Daerah untuk mencegah berlaku lagi pemalsuan semula. Ini satu jaminan penting supaya rakyat tidak akan hilang kepercayaan kepada sistem pengurusan tanah di negara kita ini.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada peruntukan perundangan yang mencukupi di bawah Seksyen 340 Kanun Tanah Negara untuk melindungi sebarang pemalsuan. Dan dalam urusan niaga tanah memang kita mengharapkan peguam-peguam yang terlibat dalam menyediakan surat cara pindah milik semua ini untuk memastikan, jadi mereka mestilah memastikan bahawa menunaikan amanah yang diletakkan ke atas mereka dan sekiranya mereka gagal maka tindakan boleh diambil terhadap mereka dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Tetapi, lebih daripada itu kami berpendapat seksyen 340 ini memberi kawalan yang cukup ataupun *protection* yang cukup bagi sebarang pemalsuan dan juga peruntukan yang ada itu boleh diguna pakai oleh mana-mana pihak yang terasa teraniaya melalui pemalsuan.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa sistem pengkomputeran mengenai tanah negara itulah ketat. Tetapi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa nampaknya pemalsuan, penipuan, penyelewengan bermaharajalela dan semacam baru-baru ini ada berlaku geran palsu, tetapi dapat pemungut Tanah dan Galian yang mengesahkan kesahihannya sebagai contohnya tanah sebanyak 180 ekar AHD 3001 PT 5600 Mukim Lumut, carian rasmi bertarikh 24 Februari 2005 menunjukkan tanah telah diberi milik kepada sebuah syarikat, carian pada 17 Jun 2005 tiada lagi dalam komputer. Kes kedua, AHD 2002 PT 5401 Mukim Pengkalan Baru, 45 ekar, carian rasmi 24 Februari 2005 menunjukkan ia telah diberikan milik kepada sebuah syarikat, 17 Jun 2005 tiada dalam komputer. Kes ketiga, AHD 2003 PT 5500 Mukim Pengkalan Baru 780 ekar, carian rasmi 24 Februari 2005 menunjukkan ia telah diberi milik kepada sebuah syarikat, 17 Jun 2005 tiada dalam komputer. Kes keempat, AHD 32338 PT 3345 Mukim Batang Padang, 2,753 ekar, carian rasmi bertarikh 21 Mei 2005 telah diberi milik kepada sebuah syarikat, 11 Ogos 2005 tiada dalam komputer.

Apakah sudah terjadi, kes semacam ini, mana boleh tunjuk bahawa sistem komputeran Pejabat Tanah ketat tidak ada penyelewengan, bukankah perlu apa jaminan bahawa perkara

semacam ini, ini *isolated cases*, banyak lagi di Perak, di seluruh negara dan pun palsu, milik yang palsu. Bukankah satu sistem yang untuk *revamp* pengkomputeran supaya *land offices* tidak terus menjadi termasyhur sebagai satu pejabat yang kurap, yang maha kurap apabila dibanding dengan jabatan-jabatan yang lain, bagaimana kita boleh ada sistem ada zero penyelewengan, zero pemalsuan, zero penyelewengan, penipuan dalam *land offices* .

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang: Tak tahu soalan?

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk perkara-perkara pemalsuan ini segala mana-mana pihak yang terasa teraniaya memang ada peruntukan perundangan di mana kes-kes itu boleh di bawa kepada mahkamah. Tetapi, kerajaan Persekutuan telah menentukan bahawa salah satu daripadanya ialah untuk memastikan bahawa Pejabat-pejabat Tanah di negara ini boleh menjalankan urusan mereka dengan cekap. Dan itu adalah salah satu sasaran kerajaan untuk mempertingkatkan *delivery* sistem dalam kerajaan dan itulah sebabnya kita amalkan sistem pendaftaran tanah berkomputer ini.

Jadi, memang kita pada tahun 2003 dan 2005 memang kita ada sedikit kelewatan dalam urusan niaga-urusan niaga pendaftaran dan sebagainya, tetapi ke semua kelemahan itu atau pun tunggakan itu telah pun diselesaikan pada masa ini dan kita telah pun memastikan bahawa sistem pendaftaran komputer ini akan membantu dan tidak akan membawa kepada kesusahan-kesusahan yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] tanah milik kerajaan kata diberikan, tetapi sebenarnya tidak berikan. Adakah kerana...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: ...adakah Kementerian tahu..

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang:itulah.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Kementerian tahu? Apa langkah yang diambil..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh *respon us*.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara spesifik itu kita kena bagi notis. Cara apa yang saya boleh katakan ialah cara umum dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan kes yang soalan yang dikemukakan dalam soalan asal ini sahaja. Jadi, kalau ada sebarang kes spesifik, saya harap Yang Berhormat boleh rujuk mana satu kes. Dan bagi mana-mana pihak yang terasa terainya maka peruntukan-peruntukan undang ada, maka untuk mendapat satu penyelesaian bahawa kes mahkamah boleh difailkan, itulah cara prosedur.

Tuan Lim Kit Siang: Isu bukan mahkamah, isu sistem, sistem yang *full prove*, bukan pergi mahkamah. Apa jawapan ini? Bolehkah kita tahu, adakah sistem boleh *full prove* tak boleh, jangan kata masalah pergi mahkamah, kalau begitu kenapa ada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh jawab..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Apa sistem, *full prove*.

Dato' S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, projek e-tanah ini baru kita ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' S.G. Sothinathan: ...akan laksanakan..

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Perkara-perkara tertentu.

Dato' S. G. Sothinathan: Projek-projek tanah ini baru kita laksanakan. Apa yang kita laksanakan ialah cara cuma beberapa aspek sahaja pendaftaran tanah, Jadi, kita telah siap apa-apa kelemahan yang telah ada dan projek e-tanah ini dilaksanakan pada permulaan di Pulau Pinang. Dan kita telah melihat sistem itu secara sempurna dan kita lihat yakin dengan adanya beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti kita dapat menjalankan satu sistem projek e-tanah yang sempurna...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' S. G. Sothinathan: menjelang tahun 2008.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan. Soalan ini bukan ada kena mengena dengan sistem pengkomputeran. Soalan ini tidak dijawab oleh kerajaan. Soalan ialah walau pun seksyen 340 Kanun Tanah Negara, *indefensibility of title*, maksud soalan ini ada penipuan, ada keputusan-keputusan mahkamah yang terlalu mekanikal sehingga tuan tanah sendiri tidak mengetahui tanahnya ditukar, ini berlaku dan ini adalah timbul kerana Court of Appeal sendiri telah membuat keputusannya kita kira silap...

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: ...semata-mata kerana *title* itu namanya maka diterima sebagai tuan tanah walau pun tanah itu dimiliki dengan proses penipuan. Jadi, soalnya ialah apakah kerajaan pentingkan mekanikal *interpretation of the law* ataupun keadilan. Itu soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan ini berkehendakkan..

Dato' S. G. Sothinathan: Saya rasa..

Tuan Yang di-Pertua: kementerian menyelidiklah.

Dato' S. G. Sothinathan: ..tak, kita telah, kita memang tahu tentang kekeliruan yang wujud daripada kes memang kita tahu. Tapi, selepas satu keputusan daripada Mahkamah Persekutuan maka interpretasi seksyen 2340 ini dikembalikan kepada interpretasi yang asal. Jadi, tidak ada sebarang kekeliruan buat masa ini.

Jadi, dan kita yakin seksyen 340 ini memang kalau diguna pakai dengan betul memang ia memberi perlindungan kepada beberapa pihak dan juga kepada pihak ketiga juga dalam urusan niaga ini.

2. **Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sekatan dan tindakan tegas yang patut diambil ke atas pengarang, pencetak, pengedar, penjual dan pelanggan-pelanggan yang melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan buku dan majalah yang mendatangkan kehairahan yang semakin banyak dalam pasaran dan bilakah tindakan ini akan diambil dan apakah tindakannya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Padang Terap bertarikh 1 Disember 2005 kerana persoalan yang dibangkitkan adalah menyentuh mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka terhadap pengamal media, khususnya media cetak tempatan agar industri penerbitan dan percetakan cenderung ke arah pemberitaan bercorak positif dan membina minda masyarakat.

Namun begitu, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 juga mengawal selia semua penerbitan yang dibawa masuk melalui pintu-pintu masuk di seluruh negara untuk diedar di pasaran tempatan supaya tidak menyiarkan bahan-bahan yang memudaratkan atau mungkin boleh memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Kementerian juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana penerbit, pengarang, pencetak, penjual dan pelanggannya yang menjalankan aktiviti yang menyalahi peruntukan akta berkenaan. Di antaranya adalah menggantung dan membatalkan permit penerbitan serta lesen mesin cetak, menahan penghantar serahan dan tolak pengimportan bahan-bahan penerbitan asing serta mengenakan perintah larangan terhadap mana-mana penerbitan yang menyalahi peruntukan akta tersebut.

Di samping itu, sepanjang bulan Januari hingga September 2005, kementerian telah melaksanakan sejumlah 609 operasi pemeriksaan yang merangkumi sejumlah 2,979 premis penerbitan dan percetakan di seluruh negara. Berikutan itu, kementerian telah merampas sejumlah 8,812 tajuk penerbitan yang menyalahi akta berkenaan. Di samping itu juga, kementerian telah memeriksa sejumlah 122,356,384 naskhah penerbitan dan menahan 431,185 naskhah penerbitan di pintu-pintu masuk di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan 'naziran' dan penguatkuasaan Kementerian adalah berterusan. Setakat ini, sebagai contoh Januari hingga September 2005, Kementerian turut mengeluarkan sejumlah 135 surat nasihat, 156 surat teguran, 19 amaran serta sejumlah 7 surat tunjuk sebab kepada penerbit tempatan yang menyalahi garis panduan dan syarat permit penerbitan Kementerian mengikut peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Di samping itu, Kementerian juga telah menggantung satu permit penerbitan kerana gagal mematuhi garis panduan penerbitan dan syarat permit berkenaan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu jawapan yang cukup *detail* dan kita sedar hari ini bahawa anak-anak muda hari ini begitu cenderung, ramai juga yang cenderung kepada perkara-perkara yang kita lihat tidak begitu mendatangi kebaikan kepada mereka, sehingga kita tengok budaya timur kita semakin terhakis dengan budaya *punk* dan sebagainya.

Ini saya percaya lahir sebahagian daripada pengedaran objek-objek tersebut. Soalan saya, adakah satu kaedah pengawalan di kalangan pelanggan-pelanggan ataupun peminat-peminat supaya dapat kita kawal. Contohnya kalau dalam aspek merokok tidak dibenarkan umur 18 tahun ke bawah membeli rokok dan juga tidak dibenarkan dijual, tetapi berkait dengan perkara ini sejauh manakah pengawalan ini dibuat, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Dari segi kita menapis buku-buku yang diterbitkan, ada dua cara. Yang pertama, tentu buku ini akan diimport daripada luar negara dan satu lagi buku yang diterbitkan sendiri di dalam negara kita. Saya telah menyatakan tadi untuk buku-buku yang dari luar negara, kita telah pun membuat pemeriksaan di pintu-pintu masuk di KLIA, di pelabuhan-pelabuhan. Ertinya kalau kita tahu buku hendak masuk, kita akan buat pemeriksaan. Sebab itu saya telah nyatakan tadi dekat berjuta buku kita telah semak dan lebih 400 ribu pula kita tidak benarkan ia masuk. Itu untuk buku yang dari luar negara.

Untuk buku yang diterbitkan di dalam negara, sudah tentu mereka ini terbit kerana mereka ada permit. Jadi, apabila kita dapati maklumat daripada orang ramai mengenai sesuatu buku yang boleh merosakkan moral rakyat, maka kita tidak boleh ambil tindakan terus-menerus, kita kena ambil buku itu dahulu. Kita akan rampas lima, enam buku dan kita kena kaji. Ada jawatankuasa khas untuk mengkaji sama ada benar ataupun tidak bahawa isi kandungan itu boleh merosakkan moral.

Jika, didapati benar, maka jawatankuasa ini akan memperakukan kepada Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Menteri akanewartakan bahawa buku itu diharamkan. Bila kita wartakan sahaja barulah tindakan boleh diambil pada mana-mana pihak yang memiliki buku yang telah dilarang ini, kita boleh tangkap dan kita boleh dakwa. Jadi, itulah prosedurnya. Kalau ada buku-buku yang terlepas, mungkin kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dapati banyak dalam

pasaran, kita akui kalau berlaku pun kemungkinan buku yang datang dari luar negara kemungkinan buku itu masuk melalui penyeludupan.

Jadi, ini agak sukar untuk kita kawal. Namun demikian, kalau dapat laporan kita akan ambil tindakan juga walaupun buku yang di seludup ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery Cheek [Kemaman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya perhatikan apa yang telah diusahakan oleh kementerian begitu mengagumkan sekali tentang usaha mereka mengejar perkara-perkara yang dianggap tidak baik dan merosakkan masyarakat negara ini. Tetapi ada yang menganggap bahawa kejaran ataupun hambatan kita itu, seperti kita mengejar pelanggi. Semakin hampir, semakin jauh. Semakin hampir, kita rasa sudah hampir tetapi semakin jauh. Mungkin ratusan ribu buku-buku dirampas dan sebagainya. Tetapi dalam konteks dunia global sekarang ini banyak lagi cara-cara lain bagaimana unsur-unsur ataupun perkara bahan-bahan tersebut masuk, misalnya melalui *internet*, yang tidak terbatas kemasukannya ke dalam rumah kita, ke dalam masyarakat kita.

Saya fikir bahawa dalam konteks keadaan dunia global sekarang ini, kita perlukan satu pendekatan lain, satu penyesuaian. Cara pendekatan kita bukan lagi bergantung kepada akta yang sedia ada, menahan bahan-bahan yang dianggap merosakkan kita, rakyat kita melalui Akta Mesin Cetak dan sebagainya.

Saya fikir sudah tentulah pihak kementerian sekarang ini sudah ada langkah-langkah ke depan bagaimana untuk mengatasi masalah dalam konteks dunia global, dunia digital, *internet*, dasar langit terbuka dan sebagainya. Tolong berikan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya bersetuju mengenai pendapat Yang Berhormat dan perkara ini kita telah pun bincang tetapi oleh kerana undang-undang dalam negara kita ini ia ada pelbagai. Yang diamanahkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ialah bahan-bahan yang dicetak.

Kemudian ada pula satu lagi undang-undang mengenai filem sebagai contoh. Kadang-kadang berlaku *blue film* yang tuan puan tengok dalam televisyen, melucah ataupun yang tidak sepatutnya ditayangkan, itu di bawah kementerian lain pula, bukan di bawah kementerian saya.

Kemudian, Yang Berhormat bangkitkan mengenai perkara yang dimasukkan ke dalam internet, itu betul. Itu pula diletakkan di bawah kementerian lain pula. Dan, ada jua undang-undang lain yang mengawal. Ertinya secara rambang saya boleh kata, kalau mesin cetak, itu bawah Akta Mesin Cetak dan juga Penerbitan. Kalau bawa tayangan filem, di bawah akta lain pula, kalau dalam internet, ada akta kalau tidak silap saya di bawah Akta komunikasi.

Oleh kerana kita ada undang-undang masing-masing, jadi saya percaya pihak-pihak berkenaan insya-Allah mereka akan melihat secara global kerana saya bersetuju bahawa bila masalah global ini, masalah-masalah ini mesti kita tangani secara global juga. Terima kasih.

3. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah kadar bayaran pembedahan di antara hospital-hospital swasta yang amat ketara perbezaannya di antara satu sama lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat perbezaan caj rawatan yang dikenakan di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain. Ini disebabkan oleh caj pembinaan yang dikenakan oleh syarikat swasta adalah tidak dikawal serta tidak seragam dan hanya berpandukan kepada Jadual B, edisi keempat, yang dikeluarkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia.

Walau bagaimanapun, di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 serta peraturan-peraturannya, satu jadual *fee* akan dikuatkuasakan. Dalam peruntukan-peruntukan tersebut, semua hospital swasta dikehendaki mematuhi kadar caj rawatan yang akan dikenakan ke atas pesakit. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita memang tahu bahawa tidak ada kawalan ke atas hospital-hospital swasta, maka sebab itu kita lihat bagaimana pembedahan yang dikenakan sewenang-wenangnya. Umpamanya sakit apendiks, tidak ada siling. Berapakah kadar paling tinggi, sakit jantung umpamanya, sakit mental dan sebagainya.

Jadi, bila akta kawalan ini akan dilulus, akan dikenakan oleh kerajaan kita tahu MMA, memang mengenakan kadar ke atas para doktor dan ahli-ahlinya. Tetapi siapa yang mengawal, siapa yang memantau ke atas kadar yang telah ditetapkan oleh MMA ini ke atas ahli-ahlinya, walaupun kita tahu bahawa hospital swasta ini diwujudkan, dibenarkan oleh kerajaan adalah untuk bersaing.

Kita tidak mahu segala keuntungan, sampai ada tujuh hospital swasta hari ini terlepas pada orang lain. Kalau tujuh hospital ini, sebagai contohnya tidak untung, mustahil orang-orang kaya daripada negara asing, daripada Singapura sanggup membeli tujuh hospital. Jadi apakah pihak kerajaan tidak mahu menyejajarkan Akta Kawalan ini untuk menjadi kebaikan, keadilan kepada rakyat yang memerlukan rawatan perubatan dan pembedahan. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang dikatakan tadi, kerajaan memang mengambil berat tentang caj-caj yang dikenakan oleh hospital swasta dan juga klinik swasta. Itulah mengapa kita akan segerakan jadual *fee* yang saya katakan tadi. Jadual tersebut ada dengan AG Chambers sekarang dan kita harap dalam masa yang singkat ini kita dapat menggazetkan peraturan ini. Sekian.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta kalau boleh satu *time frame*, sudah banyak kali disebut oleh Yang Berhormat Menteri, sebab ini membebankan masyarakat, rakyat. Terutama rakyat yang berpendapatan rendah, mereka pun hendak juga

mendapat rawatan daripada hospital swasta. Apakah Tuan Pengerusi hendak bantangan dalam Parlimen yang bersidang pada hari ini atau bila? Minta satu *time frame* yang lebih jelas. Ini bukan soalan daripada pembangkang, daripada Barisan Nasional. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau pembangkang, tidak boleh jawab. Apa ini? Apa ertinya ini?
[Ketawa]

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya akta tersebut iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 telah diluluskan. Cuma sekarang kita hendak mengadakan satu peraturan. Peraturan itu tidak perlu datang kepada Parlimen, cuma digazetkan sahaja. Seperti saya katakan tadi, kita akan segerakan peraturan ini dan peraturan tersebut, drafnya ada pada AG Chambers dan kita akan ambil maklum daripada cadangan Yang Berhormat dan kita akan segerakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya difahamkan bahawa jadual caj-caj ini akan diperkenalkan. Soalan tambahan saya, adakah ini dipakai di kes-kes ataupun di klinik-klinik pakar ataupun *specialist*. Sebagai contoh, kalau *child specialist* di Lembah Klang, kadang-kadang kalau kita pergi ke tempat *child specialist*, kita tahu bahawa satu caj mungkin RM150 satu rawatan, tetapi *child specialist* di klinik yang lain mungkin dia caj RM80. Selalunya alasan yang diberi ialah ubat-ubatan yang diberikan kepada pesakit.

Soalan tambahan saya ialah mengenai cadangan kementerian bahawa untuk mengasingkan *pharmacist* ataupun *prescription* ubat itu dengan doktor akan diperkenalkan di negara ini. Saya hendak tanya bila cadangan atau rancangan ini akan diperkenalkan dalam negara kita ini dan bagaimana kita akan mengimplementasikan? Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Untuk jawapan kepada soalan bahagian satu, iaitu klinik swasta dan hospital swasta akan tertakluk kepada jadual fi yang kita cadangkan ini.

Yang kedua itu berkaitan dengan pengasingan atau *separation of pharmacist* dengan doktor yang bermakna itu adalah *the right of prescription*. Pada masa sekarang kita masih meneliti cadangan ini, tetapi kita hendak mengatasi beberapa cabaran. Di antaranya adalah pada masa sekarang negara kita masih kekurangan *pharmacist*.

Yang ketiga adalah kebanyakan farmasi ini terletak di dalam bandar-bandar besar. Jikalau kita asingkan *the right of prescription* kepada *pharmacist*, bermakna ada banyak tempat pedalaman atau *rural area*, mereka tidak mempunyai farmasi dan kalau kita menjalankan *separation of prescription* ini, kita akan menghadapi masalah di mana tempat pedalaman itu walaupun ada doktor tetapi apabila mereka hendak beli ubat itu, mereka kena pergi ke satu bandar atau pekan yang lebih besar. Ini adalah beberapa cabaran yang kita hadapi, tetapi cadangan yang dikatakan itu memang kita meneliti. Sekian, terima kasih.

4. **Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan kesan terhadap ekosistem setelah keghairahan kerajaan negeri meneroka kawasan hutan dengan mengambil hasil hutan dalam jangka masa pendek.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang berat tentang isu pencemaran ekosistem yang mungkin berlaku akibat daripada pengusahhasilan hutan yang tidak terkawal, terutama sekali di luar kawasan hutan simpan kekal. Ini adalah kerana kawasan tersebut tidak tertakluk kepada kaedah pengurusan hutan secara berkekalan ataupun *sustainable forest management*. Pengubahsuaian hutan yang agresif di kawasan yang tidak melaksanakan *sustainable forest management*, dengan izin, boleh mendatangkan kesan negatif terhadap alam sekitar seperti tanah runtuh, hakisan, pencemaran air sungai dan kemusnahan biodiversiti hutan.

Sehubungan itu, Persidangan Majlis Perhutanan Negara Ke-19 pada 30 Ogos 2005 telah menggariskan beberapa peraturan dalam pengusahhasilan hutan di kawasan tanah kerajaan dan tanah beri milik bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar. Bagi tujuan ini, sistem pengurusan pengusahhasilan hutan yang lebih sistematik akan diamalkan di hutan tanah kerajaan dan tanah beri milik dengan melaksanakan beberapa kriteria minimum.

Antaranya termasuk mengenakan had batas tebanan, menentukan zon penampungan alur air dan sungai yang terdapat di kawasan pembalakan, mengenakan syarat pembinaan jalan pembalakan seperti mana dalam kawasan hutan simpan kekal, menyediakan rancangan mengusaha hasil hutan bagi kawasan pengusahhasilan yang melebihi 20 hektar ke atas, dan menentukan kawasan sensitif seperti tanah yang melebihi 1,000 meter dari aras laut dan kawasan berkecerunan melebihi 40 darjah tidak dibenarkan menjalankan sebarang penebangan pokok.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan tambahan, bolehkah kementerian memberi maklumat yang terkini tentang perkembangan Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam, setelah hasil daripada lawatan Perdana Menteri melalui udara baru-baru ini berikutan daripada pencerobohan rakus yang dilakukan oleh syarikat-syarikat termasuk kerajaan negeri sendiri. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Bukit Cahaya itu, ianya adalah di bawah bidang kawalan kerajaan negeri tetapi seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kerajaan negeri ialah untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan alam sekitar dapat diguna pakai dengan sempurna di kawasan tersebut, tetapi secara terperinci saya tidak dapat berikan kerana ini adalah di bawah kuasa kerajaan negeri.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri, *short and sharp* dia jawab tadi. Soalan tambahan saya, apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu kanun seperti Kanun Tanah Negara, oleh kerana kita lihat

tadi bencana akan berlaku sekiranya perparitan dan jalan tidak dibuat. Kemudian selepas ditebang balak tidak dibuat perancangan, maka apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu kanun atau peraturan bagi mengatasi masalah ini dan bila kalau hendak dibuatkan? Selepas 48 tahun kita masih tengok penebangan balak masih berleluasa dan tidak mengikut peraturan. Terima kasih.

Dato' S. G. Sothinathan: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya masalah ini amat berleluasa di negeri Kelantan di mana banyak tanah kerajaan diberi kelulusan untuk pembalakan dengan alasan untuk pembangunan. Jadi ini sebenarnya bukan sahaja masalah kepada negeri Kelantan, tetapi juga memberi masalah kepada kawasan-kawasan seperti di negeri Pahang, khususnya di mana ia membawa banyak pencemaran kepada sungai-sungai di kawasan tersebut dan juga kepada petani-petani di Cameron Highlands.

Itulah sebabnya Majlis Perhutanan Negara pada Ogos lalu telah pun diadakan dan memberi arahan supaya sistem pengurusan yang baru untuk pembalakan diguna pakai sama ada ianya untuk tanah yang diberi milik ataupun tanah kerajaan ataupun hutan simpan kekal. Jadi kita percaya dengan adanya sistem pengurusan dan arahan baru daripada Kerajaan Persekutuan, kita harap kita boleh menyelesaikan masalah ini. Tetapi kalau ianya masih lagi berleluasa di mana ada kerajaan negeri yang tidak mengikutnya, pada masa itu mungkin kita boleh menimbang untuk mengadakan satu perundangan yang ketat untuk mengawasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ingin mengalu-alukan kedatangan satu delegasi Ahli-ahli Parlimen dari Eropah, European Parliament [*Tepuk*] yang ketua oleh The Honorable Mr. Hartmut Nassauer dan juga *committees* yang mereka ketua, Committee on Civil Liberties, Justice and Home Affairs, Mr. Marc Tarabella, The Vice-Chairperson of Committee on Agriculture and Rural Development, Mrs Margie Sudre, Committee on Regional Development and Fisheries, Mrs. Barbara Weiler, Committee on the Internal Market and Consumer Protection, Mr. Jules Maaten, Committee on Environment, Public Health and Food Safety and Mr. Frithjof Schmidt, Committee on Development. [*Tepuk*] *Thank you.*

Kepada mereka, kita ucapkan selamat datang untuk menyaksikan perbincangan di dalam Dewan yang mulia ini. Mereka adalah dalam siri lawatan tiga hari di sini yang ketat programnya dan diharapkan dengan lawatan mereka ini akan meningkatkan lagi kefahaman di antara mereka dengan kita, di antara European Union (EU) dengan Malaysia. Sekian.

5. **Tan Sri Law Hieng Ding [Sarikei]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes sivil dan kriminal yang masih tertunggak untuk didengar dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah sebarang cadangan untuk mewujudkan mahkamah berlainan kelas sebagai salah satu cara penyelesaian.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sarikei. Soalan ini mempunyai jawapan dalam tiga peringkat.

Jawapan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kes-kes yang tertunggak bagi kes sivil dan jenayah mengikut mahkamah adalah seperti berikut:

Mahkamah	Kes Tertunggak Sivil	Kes Tertunggak Jenayah
Majistret	130,676	411,321
Sesyen	98,756	6,762
Tinggi	71,912	4,098
Rayuan	7,157	5,034
Persekutuan	252	121

Untuk jawapan yang kedua, badan kehakiman telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kes-kes tertunggak dan pada masa ini kes-kes tertunggak di dalam keadaan terkawal dan bukan kritikal lagi. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh badan kehakiman ialah:

- (i) operasi pelupusan kes-kes sivil dan jenayah pra 2000 yang didaftarkan iaitu sebelum tahun 2000 dan operasi ini telah menunjukkan pencapaian pelupusan dan penyelesaian kes-kes sivil dan jenayah amat memuaskan di seluruh negara, di mana semenjak tahun 2003 sehinggalah bulan September 2005 sebanyak 81% kes-kes sivil pra 2000 telah diselesaikan, manakala bagi kes-kes jenayah pra 2000 pula sebanyak 98% kes telah diselesaikan;
- (ii) operasi pelupusan kes-kes jenayah pra 2004 telah dan sedang dilaksanakan;
- (iii) arahan-arahan dan pekeliling dikeluarkan kepada hakim-hakim, pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya dan peguam-peguam bermatlamat untuk mengurangkan penangguhan perbicaraan-perbicaraan;
- (iv) memantau dan mengkaji untuk memperbaiki prosedur-prosedur dan undang-undang yang sedia ada bagi mempercepatkan proses perbicaraan dan penyelesaian kes-kes;
- (v) badan kehakiman juga dalam proses untuk menambah bilangan hakim, pegawai kehakiman dan kakitangan sokongan dalam mengatasi masalah kekurangan anggota kehakiman; dan

- (vi) badan kehakiman dalam proses melaksanakan sistem pengkomputeran pendaftaran kes-kes bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes.

Untuk jawapan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, buat sementara ini masih belum ada cadangan untuk mewujudkan mahkamah berlainan kelas. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, [Disampuk] salam sejahtera dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya merasa pelik, ganjil dan kadang-kadang terasa lucu dengan undang-undang di negara kita ini. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Timbalan Menteri bersabar dan boleh menjawab. Kalau seseorang mengaku jadi polis, salah. Kalau seseorang mengaku jadi doktor, salah. Kalau seseorang mengaku jadi kastam atau imigresen, salah. Tetapi tidak salah pula mengaku jadi sultan dan raja, pasal baru-baru ini boleh ada orang mengaku jadi sultan dan raja. Di bawah undang-undang kita tidak salah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tuntutan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak tahulah kita, sesiapa pun boleh tuntutan. Maknanya boleh seseorang mengaku jadi raja dan sultan, tidak salahlah. Kalau saya mengaku jadi polis, salah. Kita tidak ada kuasa sebagai polis. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana kedudukan ini?

Dan kes yang mengaku jadi Raja atau Sultan Melaka ini, macam mana sebenarnya dari segi undang-undang kita supaya tidaklah sewenang-wenang orang boleh mengaku jadi itu, jadi ini. Itu yang pertama, sementara saya berdepan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pakar tentang undang-undang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Berlakon sebagai raja macam mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini satu lagi yang terbaru, soal semasa, yang kahwin sejenis ini macam mana dalam undang-undang negara kita? Memanglah seorang pasangan yang satu lagi telah pun menukar jantina menjadi perempuan tetapi dalam kad pengenalan masih lagi dia lelaki. Jadi di bawah undang-undang negara ini, kedudukan itu bagaimana sebenarnya? Dari segi orang Islam, membantah keras tetapi apakah bantahan itu ia mempunyai nilai dari segi undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi itulah, Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya....

Tuan Yang di-Pertua: Biar Timbalan Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan ini terkeluarlah tetapi saya rasa hendak jawab juga kerana berkaitan sedikit dengan undang-undang negara kita. Di peringkat agensi-agensi kerajaan seperti polis, kastam dan imigresen, kita ada undang-undang berkaitan dengan uniform. Kalau personel itu ada uniform, tidak ada orang yang bukan daripada kumpulan beruniform itu dia memakai uniform itu dan dia rasa dia adalah daripada polis, kastam atau imigresen, maka kita ada undang-undang, itu salah.

Umpamanya uniform tentera, orang biasa tidak boleh menggunakan uniform tentera dan dia keluar ke mana-mana tempat awam, itu adalah salah. Ada kes baru-baru ini dia mengatakan bahawa dia adalah seorang anggota polis dan ada beberapa pangkat, itu pun salah kerana kita ada akta tertentu untuk menentukan bahawa orang yang tidak beruniform tidak layak atau tidak diluluskan oleh pihak kerajaan untuk memakai uniform itu, tidak boleh memakai uniform. Apabila mereka ditangkap mestilah kita boleh membawa mereka ke mahkamah dan undang-undang sedia ada boleh diguna pakai.

Berkaitan dengan orang-orang yang kata (mengaku) dia adalah sultan atau raja, ini ada dua; satu, undang-undang untuk raja-raja kita adalah berlainan, kita ada akta yang lain dan mahkamah pun lain. Tetapi katakanlah orang biasa, dia ada dokumen-dokumen - macam saya ada orang berjumpa saya berkaitan dengan negeri Kelantan. Dia ada membawa dokumen-dokumen sejarah yang tiga empat ratus tahun dahulu, dia boleh buktikan bahawa dia ditipu daripada hierarki - keturunan dan keluarga dia ditolak dan orang lain pula yang menjadi raja.

Di Melaka juga, kalau ada orang kata dia ada dokumen dan ada bukti, ini terserah kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat siasatan atau menangkap orang ini. Macam ada ramai orang yang mengatakan dia dapat 'datuk', dia kena dipanggil 'datuk', dia punya *calling card* pun menggunakan perkataan 'datuk' tetapi kalau kita buat siasatan dia bukannya seorang datuk.

Samalah juga, kalau keadaan di sini, dia sebagai rakyat negara ini kita beri peluanglah. Hanya kalau dia boleh membuktikannya dan mahkamah mahu mendengar kes itu, saya rasa itu hak dialah. Kalau tidak, kalau kita terus katakan bahawa dia tidak boleh bercakap seperti itu (mengaku), dia tipu dan pihak negeri Melaka juga ada bukti bahawa orang ini menipu dan tidak betul, boleh juga diambil tindakan, buat laporan polis dan sebagainya.

Soalan yang kedua berkaitan dengan - nombor sembilanlah, *transsexual* ataupun *same sex*. Saya pun membaca perkara ini daripada akhbar berkaitan dengan - namanya pun lain, dia lelaki tetapi dalam kad pengenalan perempuan, dia ada banyak masalah. Pertama, dari segi *humanity ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita perlu *respect* keadaan mereka ini. Dia tidak pilih untuk jadi - bukan dia punya pilihan. Ini Tuhan bagi dia rasa sudah salah macam ini, dia tidak tahu sama ada dia lelaki atau perempuan. Pada satu masa mereka ini berjumpa dengan doktor dan doktor kata, okeylah, *you* boleh buat

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, Tuhan tidak pernah salah.

Datuk M. Kayveas: Saya tidak kata Tuhan salah. Saya kata ini bukan pilihan mereka. Kalau saya lahir sebagai lelaki atau perempuan bukanlah pilihan saya, pilihan Tuhan, samalah juga dengan orang *transsexual* ini. Kita perlu beri sedikit perhatian kepada mereka, mereka pun rakyat kita juga, rakyat negara ini. Dia bukan rakyat asing dan dia bukan membuat satu kesalahan jenayah.

Kita perlu fikir, kita perlu ada satu cara di mana kita perlu tolong mereka ini. Kalau dia buat salah dari segi undang-undang-undang kita boleh ambil tindakan. Ini bukan kesalahan dari segi undang-undang. Mereka ini kalau berkahwin, dari segi Islam kalau tidak boleh, itu lain. Dari segi sivil kita tidak ada undang-undang yang tertentu tetapi negara-negara di dunia sekarang ini kita boleh nampak banyak negara yang sudah membangun - ada undang-undang *same sex*, dengan izin boleh berkahwin. Tetapi dari segi undang-undang kita masih *a bit backward*lah. Tetapi ini kita perlu fikir dengan cara baik, mungkin ada satu *committee* atau satu peringkat di mana memikirkannya. Tetapi pada pandangan saya kita perlu ambil perhatian tentang masalah mereka ini dan kita tidak perlulah ketuk atau tolak mereka ini sebagai bukan rakyat Malaysia. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu prinsip '*justice delay is justice denial*'. Walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa keadaan adalah terkawal, *backlog of cases* di mahkamah tetapi realitinya orang ramai begitu kecewa dengan proses perjalanan di mahkamah yang mengambil masa begitu lama. Soalan saya berkaitan angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, saya ingin tahu kes yang paling lama tertunggak di mahkamah itu berapa tahun? Itu soalan saya.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita tahu '*justice delay is justice denial*', tetapi Yang Berhormat juga faham *justice hurry* juga *justice denial*. Kita juga tidak boleh mempercepatkan proses kes tanpa memberi mereka peluang. Dengan izin, *there are two sides*. Daripada...

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Datuk M. Kayveas: Dengarlah, dengar dululah. *You* ada satu masalah orang bercakap tidak mahu dengar.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Datuk M. Kayveas: *You* bising, ada orang mahu cakap, *flow of thought* tidak ada macam mana? *You* suka saya mahu marahkan *you*, itu sahajalah.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Datuk M. Kayveas: Berkaitan dengan kes-kes - ada banyak kes, kes lima tahun, 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun pun ada. Tetapi kes-kes ini *isolated cases*, dengan izin kerana masalahnya tidak tentu. Kadang-kadang ada peguamnya nampak muka tiga empat kali sudah

tidak ada, firma sudah tidak ada lagi ataupun peguam sudah *migrated*. Kadang-kadang ada kes kemalangan (*accident*) - banyak kes kemalangan yang kita nampak sekarang ini tertunggak di mahkamah kerana bukti dan saksi. Satu masa dahulu kita ada banyak *mini bus* di mana banyak kes *mini bus* itu *drivemya*.....

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ialah mengenai yang terpanjang sekali dan kalau dia tidak tahu, katakanlah tidak tahu sebab itu perkara yang lain. *You are going round the whole world. Flow of thought - thought* tidak ada *flow!*

Datuk M. Kayveas: Duduklah. Tidak tahu apa, duduklah. Apa you tanya saya tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk M. Kayveas: *You* tak tahu tanya soalan. Dia punya soalan saya tahu berapa tahun kes yang paling lama.

Cik Fong Po Kuan: Jawablah berapa lama kes yang tertunggak.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Duduklah. *You* tidak ada kerja.

Cik Fong Po Kuan: Jawablah berapa lama yang tertunggak?

Datuk M. Kayveas: Orang daripada luar negara datang - macam monyet sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Bagi laluan.

Datuk M. Kayveas: Memalukan negara kita ini. Duduklah.

Tuan Lim Kit Siang: Timbalan Menteri menjadi monyet ke.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat memalukanlah!

Tuan Lim Kit Siang: Timbalan Menteri menjadi monyet.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk. Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Apa, serupa monyet. Tengok, macam monyet.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri laluan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Duduklah. Satu monyet belakang, satu monyet depan. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Orang mahu jawab tidak mahu dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak fahamlah. Dari masa dahulu sampai sekarang, bila orang hendak jawab dia tidak hendak orang jawab. Bila jawapan sudah sampai dia mahu bangun.....ha, tengok, monyet sekali lagi bangun. Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Wasting of time.*

Datuk M. Kayveas: Apa *wasting of time*. You dengarlah soalan. Ini kes mahkamah tertunggak. You mesti mahu tahu kenapa kes itu tertunggak. Banyak peguam daripada DAP dia datang daripada Ahli Parlimen. Dia pergi mahkamah, dia cakap pergi Parlimen....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Parlimen dia ponteng, dia cakap pergi mahkamah. Dekat hakim dia cakap pergi Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Ha, dua-dua belah kutip duit!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Kepada anak guam dia tipu. Dia cakap kepada anak guam dia ada banyak kes.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Satu masalah yang paling teruk adalah daripada pembangkang, di mana mereka banyak peguam....

Tuan Lim Kit Siang: Jangan main-main isu.....

Datuk M. Kayveas:dia jadi Ahli Parlimen.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Duduklah. Dengar dahulu apa yang saya cakap.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Apa, you boleh keluar?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Awak boleh keluar. Awak tidak mahu dengar, awak boleh keluarlah! Saya tidak mahu

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Buang masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi peluang Timbalan Menteri menjawab.

Datuk M. Kayveas: Saya jawab ini. Saya perlu jawab ini. Ada banyak kes oleh pihak-pihak menjadi ahli politik contohnya daripada pembangkang, dia ambil banyak kes. Dia kutip duit daripada ramai orang. Anak guam dia ambil banyak kes tetapi dia tidak boleh pergi ke mahkamah. Satu hari dia perlu hadir dalam lima atau enam mahkamah. Mana dia boleh hadir! Dia ada kes di Penang, dia ada kes di Selangor, dia ada kes di Kuala Lumpur, dia ada kes

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini seorang

Datuk M. Kayveas: Tapi dia minta penangguhan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Memegang Peraturan Mesyuarat]*
Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Yang tadi saya jawab, ya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat. Buang masa sahaja Ketua Pembangkang ini.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab ...*[Disampuk]* Eh, duduklah! Serupa...

Tuan Lim Kit Siang: *Fail lawyer, fail politician.*

Datuk M. Kayveas: Ini teruk punya monyet. Duduklah!

Cik Fong Po Kuan: *[Memegang Peraturan Mesyuarat].* Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

Datuk M. Kayveas: Eh, you pun duduk sekejaplah!

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak jawab tadi. Arahan-arahan pekeliing*[Dewan riuh]*

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat.

Datuk M. Kayveas: Arahan-arahan....

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Datuk M. Kayveas: Mana ada Peraturan Mesyuarat. Jangan tipulah.

Cik Fong Po Kuan: Tidak tahu peraturankah? Peraturan Mesyuarat!

Datuk M. Kayveas: Apa peraturan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan, tindakan dan sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri menjatuhkan nama baik Parlimen, saya bangkitkan Peraturan 36(4), "Ahli-ahli dalam Dewan tidak boleh memanggil, menggunakan bahasa yang kurang sopan." Bagaimana dia boleh panggil kami, sebagai wakil rakyat dipilih oleh rakyat sebagai monyet? *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia kata macam monyet, bukan monyet.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya haraplah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Monyet.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan gunakan perkataan itu.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak cakap monyet. Saya katakan macam monyet. Tetapi dia hendak jadi monyet pula.

Cik Fong Po Kuan: Pohon tarik balik.

Datuk M. Kayveas: Apa ini, bukan saya punya cakap.

Beberapa ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang:Kita ada pelawat-pelawat *Europian Union* - kita menjadi satu *circus* oleh kerana beliau.

Datuk M. Kayveas: Awak yang menjadi *circus*. Awak yang menjadi *circus*.

Tuan Lim Kit Siang: *Fail politician, fail jadi Deputy Minister*, apa kuasa cakap begitu. *I mean, we are a joke* kepada pelawat-pelawat *Europian Union*. Apalah ini!

Datuk M. Kayveas: Pembangkang boleh jadi *joke*, dia boleh nampak. Teruknya pembangkang kita ada. Orang mahu menjawab dia kacau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila ringkaskan jawapan.

Datuk M. Kayveas: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tauke *circus*, Ipoh Timor. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor, duduklah. Sila ringkaskan jawapan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah kata, kalau satu arahan dan pekeliling yang dikeluarkan kepada hakim-hakim, pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya dan peguam-peguam bermatlamat untuk mengurangkan penangguhan perbicaraan-perbicaraan. Banyak penangguhan adalah kerana di mahkamah banyak peguam-peguam daripada pihak pembangkang yang ambil kes-kes untuk publisiti dia tidak boleh datang ke mahkamah. Oleh itu....

Tuan Yang di-Pertua: Berapakah yang lama sekali tertangguh?

Cik Fong Po Kuan: [Menyampuk]

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau berani sebut nama.

Datuk M. Kayveas: Ada kes tertangguh 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun. Kita boleh *check* statistik berkaitan dengan ini. Kalau ini boleh dikurangkan kes-kes di mahkamah boleh dikurangkan.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebut nama.

Datuk M. Kayveas : Duduklah, satu lagi monyet bangun.

Cik Fong Po Kuan: Sangat jahat. Sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat daripada

Cik Fong Po Kuan: Tarik baliklah.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebut nama.

Tuan Yang di-Pertua: Tenom. Soalan Yang Berhormat daripada Tenom.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, pohon tarik balik. Tidak boleh diulang-ulang ini, mesti diajar.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Cik Fong Po Kuan: Apa? Tuan Yang di-Pertua sokongkah?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan sokong.

Cik Fong Po Kuan: Sokong dengan sikap yang demikiankah? Tuan Yang di-Pertua, saya pohonlah.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan-perkataan itu tidak patut dikeluarkan, ya?

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon tarik balik, kedua-dua kali diberi amaran.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.....

Cik Fong Po Kuan: Tidak boleh diedahkan begitu!

Tuan Raimi Unggi: Sudah dua kali ni.

Tuan Yang di-Pertua: Masing-masing mengata, ya?

Cik Fong Po Kuan: Kami tidak panggil.

Seorang Ahli: Orang daripada Europa itu tengok, malu sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Dia yang kata. Malu di hadapan pelawat asing.

Cik Fong Po Kuan: Kami tidak pernah kata, jangan tuduh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat

....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia monyet. Saya kata macam monyet. Kenapa hendak tarik balik.

Tuan Lim Hock Seng: *Check Handsard, check recording!*

Tuan Lim Kit Siang: Macam monyet pun tidak boleh.

Tuan Lim Hock Seng: *Check recording!*

Datuk M. Kayveas: Dia masih macam monyet juga.

Seorang Ahli Pembangkang; *Coward!*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk M. Kayveas: Macam mana mahu tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah buat satu *ruling*.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehlah.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri dipanggil tarik balik. Jangan ulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya....

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah.

Cik Fong Po Kuan: Macam *immunelah*. Ada *immunity* sahaja Barisan Nasional di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh tarik balik, ya?

Datuk M. Kayveas: Kalau dia orang punya sikap bukan macam monyet, okeylah. Saya boleh tarik balik 'bukan macam monyet'. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak benarkan.

Tuan Lim Hock Seng: Ini jawapan monyet. [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh dibenarkan *politician try to be funny in this House*, tidak boleh dibenarkan. Panggil dia tarik *unconditionally, unqualifiedly*. Kalau tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...ini tidak boleh.

Tuan Chow Kon Yeow: *No monkey business here*.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Saya tidak akan tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak akan tarik balik!

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini tidak akan tarik balik? Rujuk kepada *Committee of Privileges*, dia kata, "Tidak akan tarik balik", saya kata bahawa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua rujuk dia kepada *Committee of Privileges*.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 44. Tuan Yang di-Pertua, sudah minta dia tarik balik, dia berdegil tidak mahu mendengar keputusan dan arahan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Cik Fong Po Kuan: Saya pohon dia dihalau keluar. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ...

Cik Fong Po Kuan: Kerusi Tuan Yang di-Pertua perlu dijaga.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Kalau macam itu, ini galakan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak ada sangkaan jahat pada Speaker.

Cik Fong Po Kuan: Keputusan.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah tolong perbetulkan balik atau dia hendak tarik balik. Jangan ada sangkaan yang tidak adil kepada Speaker.

Seorang Ahli: Kalau tidak, bawa Yang Berhormat bagi Batu Gajah ke *Privilege Committee*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta Yang Berhormat bagi Batu Gajah tarik dulu.

[Dewan riuh]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Batu Gajah tarik balik sangkaan....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Batu Gajah tarik balik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita minta Yang Berhormat bagi batu Gajah bangun tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta Batu Gajah tarik balik sangkaan buruk kepada Tuan Speaker.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sangkaan buruk kepada Tuan Speaker, tidak boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, minta tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Semua Ahli Yang Berhormat duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta Yang Berhormat bagi Batu Gajah tarik balik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya cadangkan....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kurang sopan, kita tidak mahu orang-orang yang kurang sopan.

Tuan Chow Kon Yeow: 44 (3). "Jika Tuan Pengerusi mendapati bahawa kuasa di bawah perenggan (1) dan (2) tidak"

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, Yang Berhormat semua duduk. Saya tahu semua itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Speaker tahulah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Speaker lebih tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia punya kerja. Speaker tidak akan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mengikut Peraturan Mesyuarat.... saya mencadangkan Yang Berhormat bagi Batu Gajah dibawa ke *Privilege Committee*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya sokong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya sokong.

[Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu, duduk. Tidak sampai macam itu ya. Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri menarik balik yang mengatakan perkataan “Monyet” itu tarik balik ya. Saya mintalah. Untuk ketenteraman Dewan ini.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya tidak kata, “Monyet”. Saya cakap, “Macam monyet”, tetapi perlu ditarik balik oleh Tuan Yang di-Pertua, “Macam monyet”, okeylah. Saya tarik balik perkataan, “Macam monyet”.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Saya harap tarik balik itu ya.

6. **Tuan Raimi Unggi [Tenom]** minta menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menarik taraf kilang getah khususnya di kawasan daerah Tenom.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Getah Malaysia atau LGM satu agensi kementerian saya yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia Perbadanan 1996, hanya meliputi Semenanjung Malaysia sahaja manakala di Sabah pula, industri getah terletak di bawah Ordinan Lembaga Industri Getah Sabah 2000.

Kilang Getah SMR Tenom Yang Berhormat maksudkan ini adalah dimiliki secara usaha sama antara Tenom Crumb Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat Lembaga Industri Getah Sabah atau ringkasnya LIGS yang memegang ekuiti sebanyak 51% dan Golden Hope Plantations yang memegang ekuiti sebanyak 49%. Oleh itu, berhubung dengan cadangan untuk menaikkan taraf kilang berkenaan, ia sebenarnya adalah di luar bidang kuasa kementerian saya. Ia adalah tertakluk kepada dasar dan bidang kuasa Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah dan LIGS sendiri.

Saya percaya Yang Berhormat berpendapat bahawa kewujudan kilang ini sedikit sebanyak telah membantu dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan terutamanya penduduk daerah Tenom. Dalam hubungan ini ingin saya mencadangkan agar pihak Yang Berhormat merujuk perkara ini kepada LIGS sendiri atau Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah.

Di pihak Kerajaan Persekutuan, sukacita saya maklumkan bahawa kementerian saya sentiasa prihatin mengenai pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat keseluruhannya. Kerajaan Persekutuan sentiasa memastikan bahawa segala tindakan yang diambil dapat membantu masyarakat dan kumpulan sasarannya. Di samping itu kerajaan juga mengambil kira masyarakat sekeliling serta kesejahteraan masyarakat setempat turut terjaga dan diberi perhatian supaya segala aktiviti perkilangan tidak menjejaskan mereka secara negatif. Berhubung dengan

ini Kementerian saya sentiasa memantau perkembangan yang berlaku bukan sahaja di daerah Tenom, bahkan juga Industri Getah Negara secara keseluruhannya, terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, ada lagi? Jawapan sudah lengkap.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ada soalan lagi Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Ini soal *jurisdiction* Persekutuan dengan negeri dalam soal getah. Sebenarnya setelah mengetahui masalah tadi dan Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak Kementerian dan Kerajaan Persekutuan akan memantau. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ramai pekebun kecil ini yang menjual getah ke kilang yang dimaksudkan sama ada yang ditanam atau ada di kawasan di situ, menghadapi masalah oleh kerana pihak syarikat atau pihak LIGS menghadapi masalah *working capital* untuk membeli kadang-kadang, dan oleh sebab itu mereka terpaksa menjual kepada orang tengah dengan harga yang lebih murah dan dalam hal yang demikian juga, oleh kerana kapasiti kilang ini terbesar, terdapat masalah untuk menjual ke pembeli di luar negeri sebab dia lambat, sebab kapasiti dia kurang. Apakah peranan Kementerian atau Kerajaan Persekutuan dalam menangani masalah ini? Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sekejap: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuaran. Berdasarkan maklum balas dari Lembaga Industri Getah Sabah, mereka tidak ada rancangan membesarkan kilang kerana masalah kawasan tanah yang terhad, yang dikelilingi kawasan kediaman. Tetapi kita dapat maklum balas bahawa ada rancangan untuk menaik taraf *machinery* itu, untuk menaikkan kapasiti kilang itu dan berkenaan dengan penjualan getah dari pekebun kecil kepada kilang itu, ini jika LIGS tidak ada modal yang mencukupi atau *working capital* yang mencukupi, ini saya rasa terpulang kepada Kerajaan Sabah atau Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah sendiri, sekian Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya hendak mengalu-alukan kedatangan murid-murid daripada Sekolah Kebangsaan Permatang Bandar Baru Kedah. [*Tepuk*]

7. **Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah sekolah kurang murid (SKM) di seluruh negara dan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat sejumlah 2,260 buah sekolah rendah di seluruh negara yang dikategorikan sebagai sekolah kurang murid atau (SKM). Iaitu sekolah rendah yang mempunyai murid kurang daripada 150 orang. Secara amnya SKM

memainkan peranan yang penting kepada masyarakat kerana melalui sekolah-sekolah ini kemudahan pendidikan boleh diadakan di kawasan-kawasan terpencil dan mempunyai bilangan penduduk yang kecil terutama di luar bandar dan pedalaman. Juga saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat terdapat sebanyak 26 buah sekolah seperti ini di Lipis, 25 buah di Temerloh, 17 di Jerantut dan Raub 17, iaitu daerah-daerah yang mempunyai kampung tradisi.

Tuan Yang di-Pertua, KPM atau Kementerian Pelajaran Malaysia juga akan terus meningkatkan dan memperbaiki kualiti dari semua aspek pendidikan di SKM bagi memastikan kemudahan dan peluang pendidikan yang diadakan di kawasan luar bandar dan pedalaman adalah setanding dengan kemudahan yang diperolehi di kawasan bandar. Antara usaha-usahanya ialah:

- (i) meningkatkan prasarana dan tahap kemudahan bagi SKM;
- (ii) menambah peruntukan per kapita;
- (iii) memastikan penempatan guru dapat memenuhi keperluan semua mata pelajaran;
- (iv) meningkatkan taraf kesihatan murid seperti Rancangan Makanan Tengah hari;
- (v) memantapkan pelaksanaan Program Pemulihan dan Pembasmian Buta Huruf;
- (vi) meningkatkan kualiti guru melalui program-program latihan;
- (vii) meningkatkan kesedaran masyarakat melalui program *outreach*;
- (viii) meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris melalui Program Nilam;
- (ix) menggalakkan penglibatan pihak swasta dalam program-program kecemerlangan murid.

Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.. Tahniah kepada pihak kementerian kerana mempunyai pelbagai rancangan jangka panjang, jangka pendek dan sebagainya. Tetapi pada hari ini kita dapati di sekolah kurang murid, kita dapati kadang-kadang ada kelas yang digabungkan guru kerana terlalu kurang murid, kurang *mood* untuk mengajar dan sebagainya. Jadi soalan saya, dari segi statistik, sehingga ke hari ini, adakah pihak kementerian mempunyai statistik mengenai pencapaian murid-murid di SKM. Misalnya daripada keputusan UPSR, adakah kita boleh mengesan perbandingan di antara SM dengan sekolah lain dari segi mutu pembelajaran dari segi pencapaian mereka dan sebagainya. Jika ada bolehkah pihak kementerian memberikan statistik?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Buat secara rambang saya tidak dapat beri statistik itu. Walau bagaimanapun, saya akan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat. Kalau hendakkan statistik pada seluruh negara ataupun hanya pada negeri Pahang sahaja? Walau bagaimanapun, ada masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kita akan pastikan. Macam saya katakan tadi, murid bawah daripada 150, bayangkan perbelanjaan yang kita terpaksa lalui. Tetapi dasar di kementerian ita walau sekecil

mana sekali pun, kita tidak akan menutup sekolah itu dengan persetujuan ibu bapa. Walau bagaimanapun, saya akan terus beritahu kepada Yang Berhormat, sekolah-sekolah seperti ini kita dapati adalah di kawasan-kawasan misalnya di Semenanjung sahaja masih terdapat 1147, manakala di Sabah 418, Sarawak 695.

Kawasan-kawasan ini terlalu pedalaman, tetapi bagaimana kalau kita tutup sekolah itu, maka murid-murid di kawasan itu tidak dapat menyertai aliran pelajaran tadi. Saya di sini bagi jaminan sama ada sekolah itu kecil atau besar tumpuan kita adalah pelajaran yang saya katakan. Jadi saya harap, saya akan beri secara bertulislah statistik mengenai dengan prestasi UPSR terutama sekali, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini. Ada satu Usul daripada Menteri, silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.12 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari.”

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dan Anggaran Pembangunan 2006 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kesebelas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permohonan daripada Kementerian Pelancongan untuk membenarkan untuk giliran di peringkat Jawatankuasa yang dijadualkan pada hari Rabu 23 November 2005 dipinda ke hari Khamis 5 Disember 2005.

Maksud B.28 [Jadual] -

Maksud P.28 [Anggaran Pembangunan 2006] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.28 dan Kepala Pembangunan P.28 di bawah Kementerian Pengangkutan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung menjawab.

11.15 pg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Mambong telah pun menyentuh mengenai Pusat Kawalan Pencemaran Minyak di negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sememangnya memandang berat terhadap isu pencemaran dan alam sekitar. Bagi menangani masalah tumpahan minyak, khususnya di negeri Sarawak, terdapat tiga pusat *stockpile* telah siap dibina iaitu di Kuching, Bintulu dan Miri.

Yang Berhormat bagi Bagan menyentuh mengenai *North Butterworth Container Terminal*. Beliau mengatakan tapak ini kurang sesuai. Memang kita mengakui, oleh kerana kewujudan NBCT ini ia telah menyumbang kepada kesesakan trafik, khususnya kerana aktiviti-aktiviti ke Pelabuhan Pulau Pinang yang meningkat maka masalah ini berlaku. Walau bagaimanapun, kewujudan NBCT ini membantu pengimport untuk meningkatkan *volume* perniagaan mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan mesyuarat**]

Yang Berhormat bagi Langkawi menyentuh mengenai keadaan feri di Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan menyasat tuduhan Yang Berhormat itu. Yang Berhormat bagi Tanjung dan Bagan menyentuh mengenai kenyataan Penang Port yang mengatakan feri tidak akan dipertingkatkan dari segi pembelian bot baru. Ini adalah tidak benar bahawa Penang Port Sendirian Berhad tidak mahu mempertingkatkan perkhidmatan feri.

Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Penang Port Sendirian Berhad telah merancang membeli empat *catamaran* ataupun *fast boat* untuk membawa penumpang sahaja. Walau bagaimanapun, sebelum *catamaran* ini boleh beroperasi, Penang Port Sendirian Berhad perlu mengubah suai struktur terminal feri untuk menampung *catamaran* berkenaan.

Yang Berhormat bagi Maran menyentuh mengenai masalah feri di Tanjung Gemuk dan Pulau Tioman.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Yang Berhormat!

Datuk Douglas Uggah Embas: Untuk makluman Yang Berhormat, laluan utama perkhidmatan feri antara Terminal Feri Tanjung Gemuk dan Terminal Feri Kampung Ketek di Tioman, ini juga kita juga akan siasat masalah yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Penjelasan.

Timbalan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kerajaan kerana memilih satu pilihan yang wajar supaya meningkat taraf perkhidmatan feri di Pulau Pinang dengan membeli 4 buah lagi bot penumpang. Tetapi bagaimana seorang pegawai dari PPSB ini, dia berani berkata projek ini tidak akan dijalankan sedangkan ia bercanggah dengan pendirian kerajaan. Apa tindakan yang akan diambil terhadap pegawai ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Kita sedar pendirian Penang Port Sdn Bhd seperti yang dituduh oleh Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ada bukti minta majukan kepada kementerian.

Yang Berhormat bagi Jerai dan Jasin ada menyentuh mengenai buruh asing di Pelabuhan Barat. Untuk makluman Yang Berhormat, pengendalian pelabuhan di Pelabuhan Barat memiliki tenaga kerja sejumlah 2,124 pekerja. Dari jumlah tersebut, 70% merupakan bumiputera dan bakinya adalah warga negara Malaysia bukan bumiputera. Buruh asing yang bekerja di Pelabuhan Barat adalah pekerja daripada kontraktor luar yang membekalkan perkhidmatan sampingan. Kementerian Pengangkutan sentiasa mengarahkan supaya semua pelabuhan perlu mengutamakan pengambilan pekerja orang tempatan.

Yang Berhormat bagi Jasin juga menyentuh mengenai pengerukan sungai. Beliau mengatakan pengerukan sungai hanya ditumpukan kepada Pelabuhan Klang. Ini juga tidak

berapa tepat. Untuk makluman Yang Berhormat, pengerukan sungai di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, beberapa sungai telah dan sedang dikorek seperti Kuala Perlis, Kuala Kedah, Muar, Batu Pahat, Sungai Pahang dan Kuala Besar. Muara Melaka telah dikorek pada April 2004 dengan kos RM2 juta. Malahan oleh kerana aktiviti-aktiviti di hulu sungai, Muara Sungai Melaka dipendap semula. Kerajaan Negeri Melaka juga perlu memainkan peranan untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pemendapan sungai. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan akan mengerok muara sungai Melaka sekali lagi mulai 23 November 2005.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam bangun.

Datuk Douglas Uggah Embas: Dengan anggaran kos sebanyak RM2.5 juta.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik sedikit sebab malam tadi Yang Berhormat ada menjawab panjang lebar tentang MAS dan telah disiarkan dalam surat khabar pada hari ini. Saya ingin bertanya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebenarnya kita telah buat satu *ruling* apa yang lepas kita tidak akan dibenarkan. Ini kerana kita terpaksa mengawal dan menjimatkan masa. Kita telah buat satu *ruling* dan sebenarnya mengikut Peraturan Mesyuarat memang perlu buat demikian.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tetapi perkara ini kepada saya supaya dihuraikan sedikit sahaja. *[Disampuk]* Sikit sahaja, satu minit sahaja, Tuan Pengerusi. Sebab pada 3 November berlakunya sekumpulan wartawan pergi ke New Zealand, Auckland. Apabila naik ke kapal terbang itu nampaknya juruterbang tidak ada. Lewat satu setengah jam dan apabila sampai sahaja juruterbang, dia kata minta maaf kerana kereta saya rosak di tengah jalan. Jadi, disaksikan oleh kebanyakan penumpang dari negara asing. Apakah tindakan kementerian terhadap perkara ini kerana perkara ini memang teruk. Jadi, saya minta pandangan dan penjelasan dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah perkara tertentu dan saya perlu siasatan. Walau bagaimanapun, kita telah, semalam pun kita menyatakan, kita memberi peluang kepada pengurusan baru untuk mencari jalan bagaimana hendak membetulkan segala yang tidak betul dalam syarikat MAS. Saya harap tidak ada lagi, balik kepada tajuk-tajuk yang diberi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat balik kepada tajuk yang sedang kita bangkitkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yes!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagipun Yang Berhormat, berapa lama lagi?

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya harap kalau tidak ada gangguan mungkin 15 minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Sila.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ada menyentuh menenai Pulau Indah. Perkara ini pun telah dibincang dengan panjang lebar pada perbahasan apabila kementerian menjawab dalam perbahasan mengenai dasar tempoh hari, maka saya tidak ingin mengulang balik jawapan-jawapan kita. Kita cuma ingin menjelaskan bahawa dakwaan mengenai Kumpulan Dimensi Sdn. Bhd. yang mempunyai hanya modal berbayar RM2. Untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan ini adalah tidak betul. Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Dimensi Sdn. Bhd. mempunyai modal berbayar sebanyak RM30 juta dan modal dibenarkan sebanyak RM50 juta.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Yang pertama tarikh butir-butir anitu dan kedua apa jawapan mengenai isu yang sama.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang pertama mengenai isu Yang Berhormat bangkit, kita telah jawab semasa perbahasan pada Timbalan Menteri menjawab apabila kita bincang mengenai dasar tempoh hari jadi kita tidak perlu ulang. Tarikh rekod ini saya tidak ada di sini.

Yang Berhormat bagi Lipis menyentuh mengenai

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak ada perkara lagi. Saya sudah jelas, tidak perlu buang masa lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah buang masa, kita tidak buang masa di sini. Jawapan yang mustahak bukan buang masa. Kepada Yang Berhormat mungkin buang masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri kata benda ini, perkara ini pun telah dijawab.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak dijawab dengan memuaskan mengenai perkara ini.

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, kita tidak tahu apa yang memuaskan Yang Berhormat kerana kita telah pun menjawab dengan panjang lebar semasa kita menggulung tempoh hari. Jadi, kita tidak hendak membuang masa untuk mengulang balik apa yang telah kita perjelaskan waktu itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ini kali pertama Kumpulan Dimensi disebutkan dan melibatkan Bendahari UMNO. Mengenai perkara sama ada wajar atau tidak wajar satu mega skandal melibatkan West Port tidak boleh di'*dismiss*', dengan kata tidak mahu buang masa. Hal ehwal rakyat kita mahu tahu. Itu yang pertama. Kedua saya mahu tanya adakah isu-isu lain yang ada disebut akan dijawab nanti.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang pertama, Yang Berhormat menyentuh mengenai penglibatan seorang Bendahari UMNO dalam syarikat ini. Bagi pihak kerajaan tidak ada salah

untuk seorang ahli UMNO mengambil bahagian dalam perniagaan. Jadi, kita tahu mengapa Yang Berhormat sentuh. Mengapa Yang Berhormat mengatakan ini mega skandal? Kalau Yang Berhormat betul-betul ada bukti maka Yang Berhormat berilah bukti mega skandal itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, Tuan Pengerusi, mega skandal oleh kerana tanah sebenarnya RM15 *per square feet* yang dibeli dengan RM25 juta.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat perlu minta izin dari saya untuk membenarkan ruang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya minta izin, tadi saya ada minta izin.

Datuk Douglas Uggah Embas: Sekarang Yang Berhormat tidak meminta izin.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, saya minta izin. Saya minta izin, *alright*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya tidak beri peluang lagi. Sudah cukup, kita sudah bahas dengan panjang lebar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta izin, boleh benarkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya minta izin, boleh? Oleh kerana mega skandal melibatkan RM3.1 bilion yang sebenarnya harga tanah mungkin tidak sampai RM1 bilion, bukankah ini satu mega skandal? Dan, khasnya apabila melibatkan Bendahari UMNO yang ada menunjukkan koneksi antara politik dan *business* dan khasnya mengenai syarikat adakah butiran yang diberi tadi itu ialah sebelum atau selepas 13 September 2004?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang pertama, mengenai kos yang disentuh Yang Berhormat, kita telah jelaskan. Yang Berhormat pun ada dalam Dewan waktu Timbalan Menteri menjawab. Mengapa Yang Berhormat hendak ulang yang itu lagi.

Yang kedua, oleh kerana orang UMNO itu mengambil bahagian dalam syarikat ini, tidak bermakna ini adalah satu skandal. Kalau ada skandal Yang Berhormat buktikanlah. Yang Berhormat jangan putar belitkan keadaan dan sentiasa untuk menuding jari mengatakan apabila orang UMNO mengambil bahagian dalam satu perniagaan, itu adalah skandal. Ini sikap yang tidak baik.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Lipis telah pun menyentuh mengenai taraf perkhidmatan KTMB di Pantai Timur. Kementerian ingin memaklumkan bahawa kerajaan memang prihatin kepada laluan ini kerana ini juga laluan yang penting yang memberi perkhidmatan kepada kira-kira 1.5 penumpang yang menikmati perkhidmatan ini dan subsidi akan diteruskan.

Untuk makluman, sehingga kemudahan jalan atau alternatif di kawasan tersebut pada masa hadapan dan lain-lain perkembangan semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan jumlah RM90 juta untuk memperbaiki serta menaik taraf landasan jambatan lintasan dan stesen-stesen KTNB di laluan Pantai Timur bagi keselesaan dan keselamatan penumpang.

Untuk makluman rakan saya dari Sabah, Tenom dan Kudat mengenai kereta api Sabah. Projek ini telah pun diluluskan oleh UPE dan peruntukan sebanyak RM28.5 juta pada asalnya dan dalam pasal yang kedua sebanyak RM324 juta - stesen-stesen yang sedia ada akan dibaik pulih di bawah projek ini. Dengan siapnya projek ini kelak, pada tahun 2008, ia dapat membantu kereta api Sabah untuk menarik lebih ramai lagi pengguna dan perjalanan lebih selesa. Untuk gerabak pula kerajaan telah bersetuju pinjaman bagi negeri Sabah untuk pemulihan lokomotif tersebut.

Yang Berhormat bagi Bagan ada menyarankan kerajaan berkempen supaya penumpang-penumpang ERL kita berbaris. Ini adalah satu cadangan yang baik dan kita akan berusaha untuk menentukan perkara ini berlaku. Bila bersaing dengan bas, memang inilah usaha-usaha kita untuk meningkatkan perkhidmatan KTM supaya ramai lagi rakyat kita menggunakan pengangkutan awam.

Yang Berhormat bagi Puchong, mengenai kajian laluan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sememangnya ada mengadakan kajian bagi menambah laluan LRT di kawasan-kawasan disebutkan dan hasil kajian tersebut akan ditimbang oleh EPU dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat juga menyentuh mengenai projek Landasan Berkembar Rawang-Ipoh. Untuk maklumat Yang Berhormat, perkara ini juga telah banyak kita bincang pada peringkat dasar tetapi ada perkara-perkara yang disoalkan oleh Yang Berhormat yang baru kita jawab sekarang.

Yang pertama, projek ini dijangka siap bagi projek infrastruktur adalah pada tahun 2007 dan bagi kontrak kerja sistem bagi tahun 2008. Yang kedua, mengikut kementerian, anggaran kementerian bagi kerja projek ini kira-kira 20% yang belum siap. Siasatan sedang dijalankan oleh juru perunding bebas bagi menentukan baki sebenarnya. Maka mengenai tuduhan Yang Berhormat bahawa harga projek ini akan meningkat kepada RM1 bilion, itu belum ditentukan kerana ini kos dan terma-terma mengenai kontrak baru ini sedang dalam perundingan oleh pihak yang berkenaan. Maka dengan itu Yang Berhormat..

Tuan Lit Kim Siang: Penjelasannya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, mintalah dulu!

Tuan Lit Kim Siang: Penjelasan! Penjelasannya. Terima kasih. Kenapa sampai sekarang dalam Parlimen, Kementerian Pengangkutan tak rela untuk telus dalam perkara ini. Oleh kerana dalam pasaran, kita tahu, umum pun semua tahu bahawa apa United Engineers mahu ialah RM1.1 bilion untuk habiskan saki baki kerja itu. RM1.1 bilion, walhal, DRB HICOM, apa mereka mahu sebagai *variation order*, ialah RM700 jutat. Sekarang ialah antara RM700 juta DRB HICOM yang kontraktor asal atau RM1.1 bilion United Engineers, tetapi oleh kerana, projek *management consultants* kepada projek itu, tidak setuju dengan DRB HICOM ada buat *recommendation* bahawa United Engineers patut diambil alih dan bukannya di sini ada *conflict of*

interest? Oleh kerana projek *management consultants* ialah Kinta Samudera, Kinta Kellas. Konsortium KSKK ialah sebenarnya anak syarikat United Engineers dan United Engineers satu daripada empat main *sub-contractors* kepada DRB HICOM.

Dan kenapa sampai sekarang kita belum tahu, kalau kerajaan sudah berikan kontrak kepada United Engineers untuk menghabiskan ini infrastruktur kontrak itu tahun 2008, kenapa terma mengenai kos belum ditentukan? Kalau belum ditentukan, bagaimana boleh bagi kepada kontrak kepada United Engineers. Adakah satu *blank cheque*. Yang Berhormat kata sudah bagi dan akan dihabiskan 2008. Tetapi, apa kos tak mahu bagi tahu. Bukankah benar, bahawa sebenarnya, semenjak tiga bulan ini, tidak apa-apa kerja dibuat dalam *double-tracking* ini.

Dan kedua, apa jawapan mengenai soalan saya timbul semalam bahawa masalah yang ditimbulkan oleh kerana campur tangan-campur tangan KSKK, di mana tahun 2004, bahawa sehingga DRB HICOM diketepikan, pembayaran *direct* dibuat daripada atas arahan Kementerian Kewangan melalui KSKK kepada sub-sub kontraktor termasuk Teknik Niaga yang diberi bayaran RM20 juta, September 2004, wang ada bersangkutan paut dengan *money politic* UMNO *party elections* September 2004. Apa jawapan itu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Cukup Tuan Pengerusi. Yang pertama, kita tidak ada apa yang dilindungi. Kita memang telus. Yang dapat kita jelaskan, kita telahpun jelaskan. Tetapi perkara yang kita belum dapat jelaskan, itu kita tidak boleh reka semata-mata di sini.

Oleh itulah kita belum dapat menentukan bahawa kos yang ditawarkan kepada UE adalah sekian, sekian kos kerana itu masih dalam perbincangan, masih dalam perundingan. Perjanjian juga belum ditandatangani. Kalau ini belum berlaku, maka bagaimana kita nak beritahu Dewan?

Tuan Lit Kim Siang: Begitu, bagaimana boleh bagi itu kontrak? Kalau terma belum habis *sign*, bagaimana kontrak boleh bagi kepada United Engineers?

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu kontrak *is Letter of Intent*. Yang lepas itu kita bincang.

Tuan Lit Kim Siang: Oh, bagi kontrak dan bincang kos itu? Itu kali pertama yang kita dengar. Apa ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat kena faham, *Letter of Intent*.

Tuan Lit Kim Siang: Masih *Letter of Intent*?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya, kita masih dalam perbincangan, belum putus.

Tuan Lit Kim Siang: Masih dalam perbincangan?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Lit Kim Siang: Tetapi akan dihabiskan tahun 2008.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kita ada jadual. Kita ada perancangan.

Tuan Lit Kim Siang: Bukankah lebih baik, perkara ini dibawa kepada DRB HICOM untuk dihabiskan kerja ini? RM700 juta sahaja dan bukan RM1.1 bilion United Engineers.

Datuk Douglas Uggah Embas: Nampaknya Yang Berhormat lebih tahu daripada saya, mengapa tanya saya?

Tuan Lit Kim Siang: Ya, saya lebih tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Malu bukan? Betul, saya *confirm*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Betullah. Betul atau tidak Yang Berhormat sebut?

Tuan Lit Kim Siang: Kenapa? Kenapa tak bagi DRB Hicom?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat mungkin lebih faham tetapi tepat tak tepat itu lain cerita.

Tuan Lit Kim Siang: Tidak, dia boleh betulkan. Tetapi dia tak boleh betulkan. Itu masalah!

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya betulkan. Tapi Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia sudah betulkan.

pbetong: ..apa yang Yang Berhormat sebutkan tak betul!

Tuan Lit Kim Siang: Tak betul. Dia tak sebutkan apa kos?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tapi Yang Berhormat berpura-pura! Berpura-pura untuk menunjukkan Dewan ini Yang Berhormat tahu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Penjelasan, penjelasan sikit.

Tuan Lit Kim Siang: Apa, apakah perkara ini satu skandal?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Yang Berhormat, siapa yang beri Yang Berhormat maklumat adalah tidak tepat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sikit Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Dengan itu saya amat bersimpati dengan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

Tuan Lit Kim Siang: Apa jawapan mengenai tadi, Teknik Niaga RM27 juta masuk ikut UMNO. *UMNO Money Politics*. Apa jawapan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya minta sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah habiskah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya minta penjelasan sikit, Yang Berhormat.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya nak jelaskan yang bayar terus itu tadi. Yang bayar terus kepada ..

Tuan Lit Kim Siang: Kenapa tidak ada orang UMNO berani berdiri? Sama ada bercakap benar!

Datuk Douglas Uggah Embas: Duduk! Duduk! Duduk!

Tuan Lit Kim Siang: RM27....

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya belum bagi peluang untuk Yang Berhormat berdiri. Duduk! Duduk!

Tuan Lit Kim Siang: Siapa bagi masuk *money politics* UMNO? Tidak berani berdiri?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya berdiri, saya berdiri.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi bagi Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta penjelasan sedikit, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia sebut pasal UMNO ini, saya pun tak faham lah Ipoh Timur selalu buat tuduhan, dakwaan,. Saya ingat pembangkang, DAP ini, dia tak boleh.

Tuan Lit Kim Siang: Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia dah bercerai dengan PAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa soalan itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya nak bertanyalah ni! Soalan ada kena mengena.

Tuan Lit Kim Siang: Mahu perbahasan baru? Boleh!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dengar! Dengar! Dengar! Dia tuduh UMNO. Oleh sebab dia dah bercerai dengan PAS, dia tak boleh nak pergi ke Pengkalan Pasir. Sekarang dia nak ambil hati PAS ini. Sebab PAS dah buang dia dah! Jadi, gunakan isu UMNO seolah-olah nak mengambil hati PAS. Kerana dia tak boleh pergi ke Pengkalan Pasir. Dia timbulkan isu-isu baru.

Tuan Lit Kim Siang [Ipoh Timur]: *[Ketawa]* Itu apa ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini sudah kehabisan modal. Jadi saya harap, dengarlah!!

Tuan Lit Kim Siang: Ini *guilty concious*lah. Kalau *corrupt* kata *corrupt*, kalau bersih kata bersih!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat.

Tuan Lit Kim Siang: Bersih kata bersih, *corrupt* kata *corrupt*!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini bukan pasar! Kalau *you* nak orang ikut dengar cakap *you, you* dengar cakap orang. Jangan melenting-lenting. Jadi singa, ...

Tuan Lit Kim Siang: Perkara berkenaan *double-tracking*..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dengarlah dulu!

Tuan Lit Kim Siang: Bukan mengenai *by-elections!* Ini *double-track*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasal apa panas telinga? Dengarlah saya nak tanya Timbalan Menteri! Saya nak tanya Timbalan Menteri, apakah pandangan Yang Berhormat? Kita patutnya bertanya perkara yang tak jelas. Ini kait dengan UMNO. Dia tak boleh pergi Pengkalan Pasir, sebab apa PAS buang dia, PAS dah ceraikan dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dia cuba nak bagi kita dalam perkara ini. Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita sedang berbincang KTM.

Datuk Douglas Uggah Embas: Saya setuju dengan Yang Berhormat. Kerana saya sudah lama dalam Dewan ini. Tahun pertama saya dipilih dalam Dewan ini ialah pada 1986. Saya selalu mendengar Yang Berhormat Ketua Pembangkang memang apabila perkara-perkara mengenai projek yang besar, dia selalu kaitkan parti politik dan membuat berbagai-bagai tuduhan termasuk *North-South Highway* dulu saya dah duduk dalam Dewan ini. Jadi, ini bukan isu yang baru. Ini memang gelagat Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Lit Kim Siang: *North-South Highway* tak ada bersangkut paut dengan UMNO. Tak ada sangkut paut dengan UMNO. Adakah *North-South Highway* bersangkut paut dengan UMNO?

Datuk Douglas Uggah Embas: Itu isu lain.

Tuan Lit Kim Siang: Ada bukan? Ada, sekarang dia mengakui. Tengok, dia mengakui! Ada sangkut paut dengan UMNO. Itulah UMNO *Chronism*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tadi saya nak menjelaskan kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia kata mengenai isu lain.

Tuan Lit Kim Siang: Tidak, dia kata dia *confirm!*

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar: Saya akan menjelaskan kepada Yang Berhormat..

Tuan Lit Kim Siang: *North-South Highway* dengan UMNO! DRB HICOM dengan UMNO! *Double tracking* dengan UMNO! Sebab itu adalah kotor, politik kotor UMNO!!

Datuk Douglas Uggah Embas: Nyanyian Yang Berhormat nyanyi adalah nyanyian *tune* yang lama. Tidak ada yang baru. Mengenai yang ..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*].

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey. Tuan Pengerusi, saya cuba jawab, tapi dia tak benar saya jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau tidak ada apa-apa lagi, boleh duduklah. Duduklah!

Datuk Douglas Uggah Embas: Okey, duduklah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM808,120,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM808,120,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM636,500,000 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM636,500,000 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.29 [Jadual]-

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2006]-

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.29 dan Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi terbuka untuk dibahas. Larut.

11.41 pagi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak pergi terus kepada perkara yang spesifik di bawah B.29 Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi iaitu di bawah 08400 - Rancangan Bekalan Air di Negeri Perak. Saya cuma nak bertanya kepada pihak Lembaga Air, mereka yang terlibat tentang masalah bekalan air di beberapa kawasan perkampungan tersusun, terutamanya.

Kita faham, bahawa di kawasan perkampungan tersusun ini, banyak lagi kemudahan yang masih lagi berkurangan oleh kerana kos pembiayaan oleh penduduk-penduduk tidak setimpal dengan kos pembangunan yang nak disediakan. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya perkampungan tersusun ini pada masa-masa yang akan datang biarlah dibuat kos pembangunannya dahulu, kemudian barulah ditetapkan kos harga tanah lot-lot yang nak dikeluarkan. Kalau tidak ia akan mengambil masa. Saya beri contoh, kes spesifik di kawasan saya Parlimen Larut di mana sebuah kawasan Kampung Tersusun Redang Panjang yang telah begitu lama masih lagi sebanyak 70 buah rumah di situ yang masih belum lagi mendapat bekalan air oleh kerana mereka tidak mampu untuk memasang paip daripada *main pipe* yang mana dianggarkan sebanyak RM1.3 juta.

Oleh itu saya merayu walaupun Yang Berhormat Menteri Besar Perak baru-baru ini telahpun membuat kenyataan bagaimana usaha untuk menyelesaikan masalah ini, saya pun berharap kepada pihak Lembaga Air kerana saya sendiri telahpun berbincang dengan jurutera Lembaga Air Daerah Larut, Matang dan Selama, supaya bagaimana dapat mengatasi masalah air di Kampung Tersusun Redang Panjang ini. Oleh itu, saya memohon dan merayu supaya pembinaan paip-paip tersebut dapat disegerakan oleh kerana ini akan dapat mengatasi beberapa masalah di situ. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli Yang Berhormat: [*Bangun*].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rasah, Mambong, Bandar Kuching, dan Menteri jawab.

11.43 pagi.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih. [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak bangun.

Seorang Ahli Yang Berhormat: Dia tak bangun. Tahu tak bangun tak payahlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, boleh saya cakap sekarang? Saya tahu mesti

Dato' Goh Siow Huat: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020000 yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pembedungan. Saya amat gembira kerana kementerian ini mahu memodenkan sektor pembedungan dengan menyediakan sistem pembedungan yang sesuai.

Tuan Pengerusi, selama ini memang ada satu kebiasaan atau satu tradisi bagi orang-orang awam yang ingin pergi ke tandas sama ada di bandar atau di pekan. Mereka pasti pergi ke kedai-kedai kopi. Kedai-kedai kopi memang ada kemudahan ini untuk orang-orang awam dengan percuma. Walaupun pengguna tandas itu bukanlah pelanggan kedainya.

Saya telah difahamkan oleh *coffee shop*, restoran dan *Hotel Keepers Association* bahawa mulai tahun hadapan, pihak IWK akan menetapkan satu kadar bayaran mengikut bil JBA. Difahamkan akan menjadi satu beban kepada peniaga-peniaga kedai kopi kerana penggunaan air ini di kedai kopi memang adalah banyak disebabkan ramai orang yang datang menggunakan tandas sepanjang masa.

Oleh itu saya harap kerajaan dapat kaji kadar IWK yang sesuai supaya tidak menjadi satu masalah kepada peniaga-peniaga kedai-kedai kopi seperti dapat ditetapkan satu kadar khas khususnya kedai-kedai kopi di seluruh negara kita. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong.

11.45 pg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 02600 iaitu yang berkaitan dengan pampasan penempatan Sungai Asap. Anggaran yang disediakan untuk tahun hadapan, apakah ia digunakan sama ada untuk

pampasan ataupun untuk membina fasiliti-fasiliti yang diperlukan oleh penduduk-penduduk yang sekarang berada di pusat penempatan Sungai Asap.

Butiran yang kedua adalah berkaitan dengan Butiran 11600 - Rancangan Bekalan Air Sarawak. Saya nampak anggaran pada tahun hadapan amat tinggi, apakah ini untuk satu projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk membina satu empangan air ataupun *water reservoir dam* yang kebetulan di dalam kawasan Parlimen Mambong. Saya ingin tahu apakah kegunaan anggaran ini ataupun wang ini yang akan diberikan pada tahun hadapan.

Yang ketiga adalah berkaitan dengan Butiran 90000 iaitu Projek Pembetungan Negara. Projek Pembetungan Negara ini adalah perlu untuk semua bandar di negara kita. Kalau kita lihat bandar-bandar di negara kita semuanya terletak di tebing sungai. Jika ia terletak di tebing sungai, projek pembetungan adalah penting kerana air sekarang ini kalau kita lihat semua air kumbahan selain daripada Kuala Lumpur tetapi di bandar-bandar yang lain, air kumbahan semuanya mengalir masuk ke dalam sungai. Yang inilah yang menyebabkan sungai kita amat tercemar. Air kumbahan ini memang susah untuk dikawal kalau dia dah mengalir ke dalam sungai kerana kita nak memulihkan sungai itu mengambil satu masa yang panjang, yang kedua lebih tinggi lagi kosnya kerana air kumbahan yang mengandungi bahan-bahan pencemaran yang berlainan bukan hanya satu jenis tetapi yang berlainan termasuk juga logam berat. Jadi oleh yang demikian dengan begitu banyak anggaran pada tahun hadapan, saya haraplah agar bandar-bandar lain di negara kita haruslah juga memberi peruntukan supaya projek pembetungan dapat dijalankan seperti di Kuching yang sekarang semakin berkembang dan tiada pembetungan di bandar itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim si Cheng]: Bandar Kuching.

11.50 pagi

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang itu telekomunikasi mengenai pembinaan *telecommunication tower*. Saya ingin tahu sama ada kementerian ada merangkakan apa-apa syarat-syarat untuk pembinaan *telecommunication tower* di mana-mana tempat kerana adalah satu tujuannya Kerajaan Pusat untuk menyeragamkan itu pembinaan *telecommunication tower* tetapi di Kuching di kawasan saya kerana sekarang kerajaan negeri telah melantik satu syarikat 'Sakofast Sdn. Bhd.' untuk menjalankan pembinaan menara telekomunikasi di seluruh Sarawak dan nampaknya tak ada apa-apa syarat-syarat yang perlu diikuti kerana sekarang itu 'Sakofast Sdn. Bhd.' Sdn. Bhd. dia hanya sesuka hati boleh sesuka hati membina itu menara telekomunikasi.

Di depan kedai 20, 30 kaki juga dia membina satu menara yang tinggi setinggi 10, 20 meter dan di dalam itu *housing estate* juga dia membina itu *telecommunication tower*. Oleh itu saya keliru bahawa apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan supaya itu pembinaan menara telekomunikasi boleh diseragamkan dan kita tidak mahu rumah kita di depan rumah kita

ada satu menara yang tinggi dan itu *electromagnetic wave length* apakah antena-antena yang akan digunakan kerana menurut itu kajian tinjauan yang dijalankan oleh saintis-saintis ada sesetengah itu antena akan membahayakan kesihatan kita.

Oleh itu saya haraplah kerajaan, kementerian boleh menetapkan satu syarat yang lebih telus dan mengenai pembinaan *telecommunication tower* supaya penduduk-penduduk di *housing estate*, pemilik-pemilik kedai mereka tidak *suddenly a telecommunication tower is build in front of their house, in their doorstep*. Itu akan menyusahkan orang ramai dan keduanya adalah mengenai itu kos sewaan bulanan kerana setakat ini syarikat telekomunikasi mereka menyewa itu bumbung kedai untuk meletakkan antenanya.

Menurut purata sewa bulanan adalah RM2000, RM3000 satu bulan tetapi maklumat yang saya terima adalah setelah itu 'Sakofast Sdn. Bhd.' itu ambil semua itu kuasa, dia akan menyewakan itu *towernya* untuk meletakkan itu antena syarikat telekomunikasi dan sewa bulannanya adalah di antara RM20 ribu, RM30 ribu satu syarikat. Oleh itu semua ini adalah kos yang akan di *transfer* kepada pengguna. Saya haraplah kerajaan akan menimbang mengenai kos yang akan dicajkan oleh itu 'Sakofast Sdn. Bhd.' dan lain-lain syarikat yang dilantik sebagai itu ejen untuk membina itu telekomunikasi *tower* supaya kosnya tidak terlampau tinggi dan satu maklumat yang telah dilaporkan dalam surat khabar adalah 'Sakofast Sdn. Bhd.' akan meminjam sejumlah RM400 *million* untuk pembinaan itu menara telekomunikasi dan ini kalau RM500 *million*, *interestnya* sahaja jikalau kita ambil itu lima *percent*, RM25 *million* satu tahun dan ini semuanya ia akan dibiayai oleh itu sewaan bulanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Chong Chieng Jen: Oleh itu saya haraplah kementerian boleh memberi satu jawapan mengenai syarat-syarat pembinaan menara telekomunikasi dan apa-apa sekatan atau *conditions* untuk menentukan sewaan bulanan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 03020 - Lembaga Elektrik Sabah di mana kita dapat pinjaman sebanyak RM81 *million*. Tentu sekali ini akan memberi sedikit cahaya di mana lembaga elektrik dapat meneruskan penjana-penjana bagi negeri Sabah tetapi apa yang saya merayu di sini ialah supaya kita dapat melaksanakan penjana-penjana semua ini dengan secepat yang mungkin dan saya mintalah daripada kementerian ini supaya memantau dan melaksanakan semua yang ingin kita jalankan supaya dapat dilaksanakan dengan segera oleh sebab kita tahu bahawa di negeri Sabah ini betul-betul memerlukan bekalan elektrik untuk dijalankan supaya dapat cahaya ini dapat diturunkan kepada rakyat di Malaysia di Sabah.

Menyentuh mengenai Butiran 70005 - Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar, walaupun ia diperuntukkan begitu kecil tetapi saya merayulah di sini agar oleh sebab ini adalah satu pusat yang begitu baik sekali khasnya bagi di luar bandar supaya penduduk-penduduk dari

luar bandar juga dapat menyertai dengan pembangunan secara global dan secara purata dengan sama khidmat dapat kita sama-sama dapat kebaikan khidmatnya. Di ini juga saya ingin merayu agar Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar ini juga dapat disalurkan kepada negeri Sabah yang begitu memerlukan betul-betul perkhidmatan seperti ini.

Menyentuh mengenai Butiran 11400 - Rancangan Bekalan Air Sabah yang pinjaman sebanyak RM119.56 *million* ini, ini sangat-sangat lah perlu dan saya pohon supaya kerajaan pusat memantau perjalanan dia agar ini betul-betul dapat dilaksanakan di negeri Sabah oleh kerana masalah air ini tidak akan berpanjangan kerana pada ketika ini memang kita tahu bahawa masalah air walaupun kita mempunyai banyak sungai dan banyak air tetapi masalah air yang baik dan sihat dan bersih masih lagi kita dihantui di negeri Sabah. Saya minta dan merayu juga agar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bolehlah.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Menyentuh dengan Butiran 08000 - Perkhidmatan Pembedungan. Ini juga saya difahamkan kita mempunyai begitu banyak peruntukan tetapi berapakah peratus yang kita salurkan kepada negeri Sabah oleh sebab walaupun kita mempunyai ordinan ataupun perundangan sendiri di negeri Sabah tetapi kita perlu peruntukan-peruntukan ini daripada pusat supaya perkhidmatan pembedungan ini betul-betul dapat dilaksanakan di negeri Sabah. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi Butiran 07000 - Rancangan Bekalan Air bagi negeri Kelantan. Seperti mana kita tahu Kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan sebanyak RM642,500,000 kepada negeri Kelantan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-8 dan bahawa negeri Kelantan merupakan salah satu negeri yang masih di bawah tahap bekalan air yang terbaik di dalam negara kita di mana kita tahu banyak isu berkenaan dengan air di negeri Kelantan telah dibangkitkan di Parlimen ini dan untuk makluman Tuan Pengerusi bahawa negara kita mempunyai sumber air yang banyak di mana hujan kita tinggi dan juga ini di mana lima peratus sahaja daripada sumber air di negara kita ini digunakan untuk kegunaan harian dan bagi sumber air yang banyak ini sudah pasti kalau diurus dengan baik sudah pasti dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat khususnya kepada rakyat di negeri Kelantan.

Sekarang ini musim tengkujuh ataupun musim banjir di mana saya baru dapat laporan dari negeri Kelantan bahawa sungai-sungai Kelantan telah pun dilimpahi dengan air dan kemungkinan besar banjir akan berlaku di Kelantan sekiranya hujan tidak berhenti-henti untuk sehari, dua ini. Tambah pula kita digegarkan dengan satu pilihan raya kecil di Pasir Mas yang mana sekarang ini pun air pun banyak, serba-serbi banyak di sana. Untuk rakyat negeri Kelantan sekarang ini hanya 60% sahaja dibekalkan dengan air bersih dan 40% rakyat negeri Kelantan tidak menerima bekalan air bersih khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Saya

meminta kementerian supaya memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan luar bandar di negeri Kelantan supaya dibekalkan dengan air bersih dan juga paip-paip air yang lama diganti dengan paip baru dan kawasan yang tidak diliputi dengan bekalan air diberi bekalan air secara sempurna.

Pada musim kemarau yang lepas kita tahu bahawa walaupun air kita banyak tetapi apabila tiba musim kemarau ia menjadi isu kepada rakyat khususnya di negeri Kelantan dan khususnya di tempat saya di mana berlakunya satu masalah air yang besar pada Februari yang lepas di mana ramai rakyat di negeri Kelantan tidak dapat bekalan air kerana air dicatu, kerana air kering dan sebagainya. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana negara kita dilimpahi dengan air yang banyak. Cuma pengurusan kita sahaja sebagai pentadbir untuk mentadbir air ini dengan sempurna. Mungkin air ini sekiranya diurus dengan baik, kita tidak ada masalah untuk membekalkan air bersih kepada rakyat, kepada masyarakat di dalam negara kita.

Saya ingin menyentuh kepada tarif air di negeri Kelantan. Tarif air agak tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Saya pasti perkara ini tidak seharusnya berlaku kerana walaupun air yang dibekalkan dikatakan tidak bersih, contohnya air berkarat dan sebagainya tetapi tarif air ini tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain terutamanya pada bekalan selepas 20 meter padu di mana kadarnya lebih tinggi lebih kurang 70 sen satu meter padu. Ini menyulitkan rakyat dan sudah pasti rakyat tidak berpuas hati apabila bekalan air yang tidak berapa bersih ini disalurkan dan dicaj dengan harga yang tinggi. Saya yakin dengan penubuhan SPAN, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang baru sahaja digubal di Parlimen, saya pasti satu nafas baru, satu suntikan baru oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan seluruh rakyat di negara kita ini mendapat bekalan air yang sempurna.

Selain daripada itu, penyakit-penyakit akibat daripada air yang tidak bersih juga berlaku khususnya di negeri Kelantan terutamanya pada musim kemarau di mana penyakit yang kita tahu, penyakit berjangkit seperti taun ataupun kolera dan juga penyakit kepialu yang disebabkan oleh salah satu sebab air yang tidak bersih digunakan oleh manusia. Perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh kementerian khususnya kepada kerajaan negeri yang bertanggungjawab 100% terhadap bekalan air bagi tiap-tiap negeri, khususnya di negeri Kelantan.

Bagi bekalan air di luar bandar, saya memohon kepada kementerian supaya beri peruntukan yang lebih kepada negeri Kelantan untuk memberi bekalan air yang sempurna kepada rakyat khususnya rakyat di negeri Kelantan yang masih lagi mengguna air yang tidak dirawat. Air yang tidak dirawat, contohnya dari air bukit yang ditadah dan disalurkan ke kampung-kampung, sudah pasti air ini tidak tahu kadar kebersihannya dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, yang terakhir sekali saya memintalah rakyat negeri Kelantan supaya bersabar kerana tidak lama lagi kita akan mendapat bekalan air bersih dengan secepat mungkin. Saya pasti pilihan raya di Pengkalan Pasir ini menentukan arah mana rakyat negeri Kelantan, insya-Allah...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun.

Ir. Shaari bin Hassan: Silakan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Tuan Pengerusi, saya dengar tadi dan bersyukur kita akan dapat air bersih tidak lama lagi. Cuma air yang keruh hari ini dan tidak bersih kerana paip itu lama, 48 tahun tidak pernah tukar paip di Kelantan. Apakah peranan kita, hendak tukar paip dahulu atau hendak air bersih dahulu? Kalau kita hendak air bersih, air yang dirawat dihantar ke rumah, dia akan keruh balik, sebab rumah saya sendiri keruh pekat. Dia punya tarif air pun naik harganya. Pasal apa? Angin kuat, [*Sambil membuat bunyi angin*] meter itu berpusing dengan air. Jadi macam mana tukar paip dahulukah atau tidak? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, penjelasan, Tuan Pengerusi. Penjelasan ya, yang bunyi... [*Sambil membuat bunyi seperti Yang Berhormat bagi Pasir Puteh*] itu, anginkah atau air?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Itu angin, bukan bom tetapi bunyi angin!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau air dia bunyi macam mana?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Air dia bunyi... [*Sambil membuat bunyi air*] [*Ketawa*]

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih sahabat saya dari Pasir Puteh. Itulah gambaran rakyat negeri Kelantan hari ini. Bahkan bukannya air yang tidak bersih, air yang berwarna oren tetapi seperti sahabat saya maklumkan tadi air yang berserta dengan angin. Walaupun angin dalam meter air ini berjalan dan juga rakyat juga kena caj...

Tuan Salahuddin bin Ayub: Kena caj sokmo!

Ir. Shaari bin Hassan: Ya, sabar, sahabat saya daripada Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan ucapan saya Yang Berhormat, ya.

Ir. Shaari bin Hassan: Inilah akibatnya dan rakyat Kelantan hari ini sudah sedar. Insya-Allah, rakyat Kelantan akan memberi mandat sepenuhnya kepada Barisan Nasional di Pengkalan Pasir nanti. [*Tepuk*] Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

12.07 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa Data Protection Bill di peringkat yang terakhir untuk dikemukakan dalam Dewan ini. Saya rasa ini sangat mustahak, 10 tahun dahulu perkara ini sudah dibangkit dalam Dewan ini. Saya boleh ingat lagi bahawa pada tahun 1996, 1997, masa itu kita pun ada satu *IT committee* di antara anggota-anggota Parlimen kedua-dua pihak di

mana saya ada buat usaha untuk menjemput seorang yang fasih dalam *data protection* untuk memberi dialog seorang bernama Murnianah Hashim, dalam rekod ialah pada Julai 1997. Oleh kerana masa itu kita dapati bahawa proses untuk menggubal Data Protection Act di peringkat yang terakhir. Sekarang lagi terakhir, kita belum tengok apa-apa ini.

Satu tahun ialah *equal* dengan lima tahun internet. Perkembangan yang begitu cepat dan pesat. Ini bererti bahawa kita sudah di belakang 50 tahun, 10 tahun *ordinary year* ialah 50 tahun *internet year* mengenai Data Protection Act. Kita 50 tahun di belakang, kenapa? Bolehkah kita tahu, masa itu sudah peringkat terakhir dan sekarang lagi peringkat terakhir dan kita lihat Data Protection Act sangat mustahak untuk memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna, kepada rakyat-rakyat jelata khususnya dalam era IT.

Kenapa kita sekarang dapat *spam* bukan sahaja melalui komputer, *slaps*, *e-mail* tetapi juga *hand phone* ada *spam*, oleh kerana maklumat-maklumat ada dijual untuk dapat keuntungan komersial dan ini kita perlu membela hak warga negara, *Netizen* khususnya dalam era yang baru. Saya harap bahawa dalam perkara ini kita tidak terlewat lagi. Kita tengok ada satu *chart* mengenai dunia, semua negara yang ada kedudukan mengenai Data Protection Act. Kalau kita bukan dalam era IT, tidak perlu ada Data Protection Act.

Negara pertama yang ada Data Protection Act ialah France (Perancis) tahun 1978, juga *pre internet* tetapi sudah *computerizatio, pre internet*. Mereka boleh tahu masalah ini mustahak. Kita 30 tahun di belakang Perancis. *Internet year* 150 tahun di belakang Perancis tetapi banyak negara meluluskan Data Protection Act dalam 10 tahun ini oleh kerana *the coming, the advance of internet*. Tetapi kenapa kita nampaknya belum siap. Bolehkah sepatutnya penggubalan Data Protection Act patutlah satu proses yang Terbuka. 10 tahun kita tidak tahu apa yang sebenarnya dalam draf Data Protection Act, tidak ada apa-apa *networking* atau *consultation* dengan Ahli-ahli Parlimen, dengan NGO-NGO, dengan *civil society*. Saya harap draf ini boleh dibukakan oleh sebab khususnya dalam era IT, isu-isu in *cyber law* kita sangat bangga, *among the most advanced countries in the world* mengenai *cyber law* tetapi Data Protection Act, 50 tahun ke belakang dan saya harap dalam perkara ini kita boleh dapat satu proses yang memuaskan supaya kita ada satu Data Protection Act yang boleh menjadi contoh. Sebenarnya kita ada begitu banyak negara yang ada Data Protection Act, kita tidak perlu akses contoh-contoh sebenarnya. *Access of reference material.....*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, itu kepala berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Oh, saya sangat berterima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana ada tanya saya, tengok muka 408, *the first item*. Saya pun sudah lupa, terima kasih kepada Tuan Pengerusi, Kajian Perlindungan Data Peribadi, peruntukan kosong, *zero*. Di manakah serius kita dalam mengenai Data Protection Act? Kita sudah 50 tahun belakang daripada negara-negara yang lain tetapi kita *take our own sweet time*, ada peruntukan tetapi *zero*. *We are*

not serious. Di mana keseriusan kita mengenai mahu *becoming an IT leader.* Kita tidak ada *mindset* sebagai *IT leader.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana ingatkan saya. Ini menunjukkan yang kita tidak serius. Saya harap selepas ini kita boleh ingat-ingat supaya sudah boleh *cross reference.* [Ketawa]

Kita mahu tanya, mana sudah pergi *Strategic Initiative One?* Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu apa itu *Strategic Initiative One?* Apa itu *Strategic Initiative One?* Untuk *reinvent Malaysian society,* dengan izin, *to grasp the opportunities of the information age that it would be for the entire nation for every citizen.* *Strategic Initiative One* membawa Malaysia ke dunia IT dan *power.* Siapa berani berdiri dan berkata bahawa beliau tahu apa itu *Strategic Initiative One?* Saya percaya tidak ada seorang pun tahu apa itu *Strategic Initiative One.* *I am prepared to stand contradicted.* Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tahu, apa itu *Strategic Initiative One?* Apa itu? Mana itu?

Beberapa Ahli: Tahu, tahu.....

Tuan Lim Kit Siang: Semua pun tidak tahu. *This is supposed to be the master plan* untuk Malaysia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu dasar Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ini mengenai kajian. Apa dasar? Tidak ada kajian, mana ada dasar? [Ketawa]

Kajian, tidak tahu, *no strategic initiative plan,* Parlimen 2005, November 23, semua Ahli Parlimen tidak tahu apa itu *strategic initiative plan.* Ia merupakan *knowledge economy master plan....*

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Menyampuk] [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang: *Knowledge economy master plan,* semua tidak tahu, apa sudah berlaku?

Seorang Ahli: Tahu!

Tuan Lim Kit Siang: Tahu? Tahu apa? Tahu? *What is the progress report?* Sudah lima tahun tidak ada *progress report* oleh kerana tidak tahu. Bila sudah keluar *report, buried,* dikebumikan terus tanpa *any ceremony.* Ini kita mahu serius....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Menyampuk] Hah!

Tuan Lim Kit Siang: Hah, hah, hah buat apa? Binatangkah? Apakah itu bunyi binatangkah, bising binatang, saya tidak tahu.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: Adakah itu bising binatang? Saya tidak tahu. Sepatut dalam Dewan tidak ada binatang...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Siapa binatang?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *You* binatanglah!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu, saya tidak tahu ada suara binatangkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, ya

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan ucapan Yang

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dan saya mahu tahu *broadband*, kalau kita mahu *active power broadband* kita 100%, tengok itu South Korea. Mula guna lebih lewat daripada Malaysia, enam bulan lewat daripada Malaysia apabila kita mengumumkan Multimedia *Super Corridor* 1996. Tetapi sekarang begitu cepat 75% *house hold* ada *broadband*, Malaysia 1%. Kalau kita ambil kira itu *user-user* mungkin 5%. Kenapa? Kenapa kita begitu lambat, lebih lambat. Adakah ini oleh kerana Yang Berhormat Kementerian KTAK, harap bukan Kementerian Katak, KTAK ya, bukan katak. Kementerian ini nampaknya *lost of direction*. Saya dapati bahawa dalam beberapa bulan ini beberapa bidang kuasa Kementerian KTAK ini sudah diambil alih oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan orang ramai tidak tahu siapa bertanggungjawab mengenai satu bidang dalam IT sama ada *Energy and Multimedia, Energy, Water and Multimedia* atau *innovation and science*. Kenapa kelam kabut?

Saya harap dalam perkara ini kita boleh dapat penjelasan mengenai air. Semua tahu kenapa? Sepatutnya malam ini kita ada satu taklimat untuk Ahli-Ahli Parlimen mengenai Rang Undang-undang II Air - *SPAN dan Water Industry and Build*, kenapa *last minute* taklimat ini di *cancel*? Kita mahu kenapa dan bila taklimat akan diberi supaya kita boleh ada ambil bahagian dalam satu proses yang bermakna dalam penggubalan air oleh kerana kita tengok semua Ahli Parlimen *complain* mengenai masalah air bukan sahaja di Kelantan. Kita tidak mahu *by election profit*. Oleh kerana ada buat *election* semua salahkan Kelantan. Benar, di Kelantan masalah air itu pun teruk tetapi bukan sahaja Kelantan, tengok di Johor di Kluang, di Ayer Hitam di.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Ha? Perak banyak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat gulung cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya oleh kerana itu kita harap bahawa isu ini kita boleh dapatlah satu *approach* yang *about* parti. Akhirnya mengenai tenaga. Kementerian ada tiga bidang - tenaga. Yang Berhormat Menteri kata jangan khawatir tidak akan naik tarif tenaga sehingga tahun ini. Tahun ini akan habis! Lagi satu bulan habis, 1.1..2006 akan bermula. Jaminan ini tidak bererti kita mahu tahu kenapa tarif akan naik apabila semua ketua-ketua TNB dapat gaji yang begitu besar. Untuk air kita dengar *voice* - suara air supaya pengguna-pengguna boleh ambil bahagian, pandangan mereka boleh didengar oleh kerajaan, oleh *utility provider* mengenai pandangan orang ramai. Kenapa bukan dalam Tenaga? Kenapa tidak ada suara Tenaga? Satu

consultative council di mana pengguna-pengguna ada peranan supaya masalah mereka, supaya hasrat mereka, supaya tuntutan mereka boleh ditangani.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap ini boleh ambil bahagian bukan sahaja suara untuk pengguna-pengguna air tetapi suara untuk pengguna-pengguna tenaga boleh diadakan dan tubuhkan satu *consultative body* untuk semua *energy user* yang ada kuasa untuk memberi pandangan mengenai patut atau tidak patut tarif tenaga dinaikkan. Sekian terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun]

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pensiangan.

12.19 tengah hari

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh dua perkara 170005 - Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar dan di bawah dasar baru 040100 - Pusat Internet Desa. Memang baik kementerian telah menyentuh soal pusat perkhidmatan multimedia di luar bandar ini tetapi saya lihat dari segi peruntukan yang telah diperuntukkan untuk 2006 adalah begitu kecil sekali. Bila kita lihat luar bandar ini lebih luas khususnya di bahagian pedalaman Sabah dan juga Sarawak yang mana memerlukan perkhidmatan seumpama ini.

Bila kita tengok daripada pusat perkhidmatan multimedia ini saya hanya ingin bertanyakan mengenai dengan - saya merasa sangsi mengenai mekanisme dan pendekatan berkaitan dengan kaedah-kaedah multimedia yang akan dibentuk ataupun dibangunkan di daerah luar bandar ini. Itu memang baik, ia akan menambahkan dari segi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran orang-orang luar bandar. Tetapi saya tidak lihat daripada mana butiran yang terdapat di sini bahawa dia ada satu *integrated approach* dengan izin iaitu latihan-latihan mengenai dengan pusat-pusat multimedia ini tidak ada nampak dalam butiran-butiran tersebut. Bagaimana kita hendak bangunkan pusat-pusat pembangunan multimedia desa ini kalau kita tidak ada *approach* mengenai dengan latihan-latihan tertentu untuk memberi satu kesan keberkesannya kepada penduduk-penduduk luar bandar. Jadi saya minta kepada kementerian untuk memberi satu cadangan macam mana kita hendak buat pendekatan tersebut.

Selain daripada itu saya juga melihat sangsi bahawa prasarana yang telah disediakan di luar bandar ini memang saya rasa tidak ada. Macam juga telah disebutkan tadi kita punya *broadband, fiber optic* ataupun kita hendak gunakan digital satelit *transmission* dan sebagainya. Yang ini akan memakan belanja yang agak besar sedangkan yang kita hendak buat ini adalah RM3.5 juta sahaja. Jadi saya cadangkan kepada kementerian untuk menambah lagi dari segi

peruntukan untuk luar bandar ini khususnya kepada pusat perkhidmatan multimedia luar bandar. Kalau kita hendak lihat dari segi pendekatan kita mengenai dengan globalisasi dan sebagainya yang telah kita sebut-sebutkan dengan begitu mendadak sekali tetapi kalau peruntukan seumpama ini amat mendukacitakan kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Satu lagi yang saya lihat saudara Yang Berhormat, mengenai rancangan termasuk dengan dasar baru ini - Pusat Internet Desa. Ini saya rasa mungkin ada hubung kait juga dengan pusat multimedia ini sebab di antara dasar baru tetapi saya hendak tanya dengan kementerian mengenai dengan peruntukan RM2.3 juta ini. Yang ini pun saya rasa kalau kita cakap mengenai dengan Pusat Internet Desa ini RM2.3 juta ini tidak cukup. Apa kita hendak buat dengan RM2.3 juta ini? Bila kita hendak cakap keseluruhan mengenai multimedia internet desa dan sebagainya *we are not talking a small amount of money* dengan izin. *We are talking of a bigger amount of money.* Satu perancangan yang jitu dari kementerian harus ditekankan. Kalau kita lihat lihat, oh! desa hendak buat internet yang begini, multimedia yang begitu tetapi tidak melihat dari segi keseluruhan kajian tidak dibuat sebenarnya daripada sudut-sudut macam mana kita hendak membangunkan penduduk-penduduk luar bandar khususnya dari segi pusat multimedia ini.

Jadi saya cadangkan kepada kementerian supaya membuat satu kajian yang lebih jitu dan lebih teliti untuk keperluan luar bandar ini. Kalau kita hendakkan luar bandar ini lebih maju setanding dengan bandar dan sebagainya kita harus melihat ini secara keseluruhan, secara holistiknya. Dengan itu saya cadangkan kepada kementerian supaya melihat kedua-dua yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit.

12.23 tengah hari

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membangkitkan dalam maksud hubungan 29 ini kepala 170005 - Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar. Seperti mana rakan saya daripada Pensiangan itu saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian:

- (i) bagaimanakah program ini dilaksanakan, siapakah yang melaksanakan program ini di peringkat pelaksanaannya di kampung itu namakan syarikat yang bertanggungjawab;
- (ii) di peringkat daerah siapakah agensi yang menjadi hubung kait dengan pihak kementerian untuk melaksanakan program ini;
- (iii) siapakah yang menjadi kumpulan sasaran program ini. Adakah pemimpin-pemimpin JKK ataupun pihak-pihak tertentu kerana kita hendak memanfaatkan program ini kepada masyarakat luar bandar supaya mereka

mendapat pendedahan yang lebih berkenaan dengan penggunaan perkhidmatan multimedia;

- (iv) setakat ini bagaimana kemajuan program ini berjalan di seluruh negara. Adakah semua negeri telah melaksanakan program ini dan kalau boleh pihak kementerian menerangkan negeri-negeri yang telah melaksanakan dan adakah negeri yang belum lagi melaksanakan program ini. Kita berterima kasih kepada pihak kementerian kerana memberi tanggungjawab.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun Yang Berhormat. Bagi jalan?

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Boleh, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Apa pandangan Yang Berhormat Parit saya mencadangkan supaya kementerian mengeluarkan satu peruntukan supaya mungkin suatu rombongan daripada Parit boleh datang ke Sabak Bernam kerana di Sabak Bernam kita ada satu Pusat Internet Desa (PID) yang boleh dijadikan contoh. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang peruntukan ini, bukan untuk Parit sahajalah mungkin untuk Ahli-Ahli Parlimen yang lain supaya kita dapat ada satu macam lawatan sambil belajar untuk dimanfaatkan. Jadi apa yang ditanya oleh Parit tadi itu saya rasa semuanya ada di sini. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Sabak Bernam. Bukan sahaja daripada Parit semua kawasan Parlimen yang belum berpuas hati dengan pelaksanaan ini bolehlah dijemput. Itu pandangan sayalah tetapi terpulang pada pihak kementerian. Akhirnya berkenaan dengan kepala dasar baru 0400 - Pusat Internet Desa. Saya juga berasa terkilan seperti Yang Berhormat Pensiangan tadi bahawa peruntukan yang disediakan begitu kecil Tuan Pengerusi adakah ini bermakna Program Pusat Internet Desa ini telah dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara, maka RM2.3 juta sahaja diperuntukkan tahun hadapan. Jadi saya tidak tahu apakah ini bermakna program ini telah dilaksanakan sepenuhnya ataupun bagaimana? Sekian Tuan Pengerusi terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kinabatangan.

12.26 tengah hari

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tiga perkara iaitu bekalan air, pusat internet desa dan juga multimedia luar bandar. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan keperluan air ini ialah keperluan masyarakat

sejagat. Pokoknya benda yang bernyawa dia hendakkan air sama ada manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya perlukan air. Yang anehnya dalam negara kita ini pengurusan air contohnya ketika ini waktu tengkujuh ataupun hujan berlimpah-limpah. Di sinilah pula pihak kerajaan mengarah DBKL mencari bagaimana untuk mengalihkan air ini supaya bandar Kuala Lumpur ini tidak ditenggelami oleh air. Ini yang peliknya dan apabila kemarau pula, maka kita terpaksa import eksport pakar-pakar dari Jepun dan mendatangkan air pula daripada negeri Pahang ke Kuala Lumpur.

Dalam masa yang sama kita ambil juga pakar daripada Jepun untuk buat *tunnel* supaya membuang air di bandar raya Kuala Lumpur ini di mana airnya dibuang. Kenapa kementerian dan kerajaan tidak mempunyai satu pendekatan, mekanisme bagaimana tadahan hujan itu diguna pakai, dimanfaatkan dan air hujan itu tidak perlu dibuang, tidak perlu dibuat *tunnel* tetapi disimpan sebagai bekalan air semasa kita musim kemarau. Kenapa tidak ada apa yang dibuat oleh pegawai-pegawai kakitangan kerajaan yang ada *researcher* dia di kementerian.

Saya harap Timbalan Menteri boleh memaklumkan kepada kita apa yang sudah berlaku setelah beberapa puluh tahun kita merdeka kita ada multimedia, kita ada sains inovasi semua ini tidak boleh diselesaikan. Untuk apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencetus kementerian ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sahabat saya Kinabatangan. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat, setuju atau tidak Yang Berhormat bahawa masalah air ini ialah masalah negara. Kalau hendak mengatasinya kita tidak boleh serahkan kepada kerajaan negeri harus pusat mengambil hal perusahaan air ini. Kerana kita lihat Kelantan pada hari ini, sungai Kelantan punya banyak air tetapi masalah air masih lagi berlaku dekat Kelantan. Di Melaka lainlah, Melaka negeri kecil memang air tidak ada tetapi oleh sebab kepintaran orang Melaka beli air dengan Johor, jual kepada Negeri Sembilan itu pintar. Jadi mengapa tidak kita serahkan kepada kerajaan persekutuan supaya masalah air ini bagaimana kita mengatasi masalah bekalan elektrik dan juga kemudahan-kemudahan awam yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih rakan saya daripada Jasin. Inilah yang saya perkatikan awal-awal tadi, kenapa sehingga hari ini tidak ada satu badan yang dilihat oleh kerajaan mengurus segala bentuk urusan air ini secara saksama. Sebab antara satu faktor penyebab negara boleh menjadi negara maju iaitu prasarana air dia ada. Kalau masyarakat di luar bandar masih minum di perigi bagaimana kita hendak *declare* negara kita negara maju.

Satu peringkat kita maju, di satu peringkat yang lain pula ada masyarakat kita yang tidak boleh minum air bersih. Ini harus dilihat oleh kerajaan dan Kementerian, ke arah mana membawa urusan air kita ini sehingga boleh memberi kesaksamaan dan juga memberi kepuasan kepada seluruh rakyat di negara kita, bukan hanya masyarakat di bandar yang boleh membuka

paip, menikmati air bersih, dalam masa yang sama masyarakat di kampung masih terkial-kial dengan mengambil air di perigi.

Dalam masa yang sama kita pula masih berfikir apabila kemarau ada statistik, data dia Tuan Pengerusi menyatakan di Selangor dia kata, di Lembah Kelang air kita di paras bahaya. Ini paras bahaya, hari ini kita di paras bahaya juga sebab dikhuatiri ditenggelami oleh air. Jadi apa perancangan Kementerian, saya mahu saya percaya pegawai-pegawai ada di sini, mereka terdiri daripada yang pakar-pakar, gunakan kepakaran ini untuk membangunkan negara kita, jangan guna untuk merugikan anak bangsa kita.

Satu perkara lagi iaitu Pusat Internet Desa, bunyi dia Tuan Pengerusi sedap macam kita tengok ada harapan internet di luar bandar dan desa. Tapi nampak hujung dia tidak ada keseriusan Tuan Pengerusi, nampak main-main sahaja Kementerian ini. Apa yang dibagi-bagi dengan RM2 juta lebih dengan beribu-ribu kampung di luar bandar, di Kinabatangan pun tidak cukup kalau setakat sebegini. Jadi mintalah rasional lah sedikit, pegawai-pegawai yang ditugaskan menjaga internet desa ini, gunalah kepintaran yang ada itu, tidak rugi membantu anak bangsa kita, tidak rugi memberi pandangan kepada Menteri sendiri. Datuk Menteri, internet desa ini luar bandar ini perlu peruntukan yang banyak. Apa simpan RM2 juta, ini main-main sahaja, kalau main-main macam ini, tak perlu pakai pegawai yang ada kepakaranlah, guna kita Ahli Parlimen saya ingat selesai masalah ini. Ini yang kita

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]-*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading dah ada internet desa kan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading dah lengkap kot?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, ini nak cerita tentang kemudahan asas dan peruntukan yang disalurkan ke luar bandar dan desa. Memang tidak pernah cukup, kita suarakan di Parlimen ini berkali-kali dengan suara yang merayu, yang meninggi tapi tak ada siapa yang kisah. Walhal perkara-perkara asas ini penting bagi rakyat, air, api, jalan, sekolah penting tapi peruntukan kepada rakyat di luar bandar amat sedikit. Itu sebab saya bertanya adakah hati Menteri bergetar kalau di pedalaman Kinabatangan terputus elektrik. Siapa Menteri yang tergetar hati kalau di luar bandar terputus air, bekalan air, siapa Menteri yang terasa bahawa dia bersalah ada rakyat di hujung kampung yang putus tentang air, siapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, minta Kinabatangan ulas. Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi apabila kita suarakan macam ini, ada pula kerajaan kata kita macam pembangkang. Kita bukan macam pembangkang, kita membela

rakyat, harus dibezakan antara pembela rakyat dengan pembangkang. Pembangkang cari *mileage* politik, kami tidak, mencari bagaimana keadilan bagi rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Ya, teruskan Kinabatangan, sila gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ho. Ho [*Dewan brsorak*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih rakan saya Sri Gading. Saya pun sebetulnya tertanya-tanya macam Yang Berhormat, adakah di kalangan pemimpin-pemimpin negara kita bimbang soal ini. Kalau pun ada, saya tidak nampak keadaannya, yang bimbang kita selaku Wakil Rakyat mewakili rakyat, tugas Wakil Rakyat menyuarkan amanah rakyat. Kalau Wakil Rakyat tidak berbicara bagi pihak rakyat, bagus berhenti jangan jadi Wakil Rakyat. Jadi wakil NGO, jadi pegawai kerajaan, jadi peguam ke dan sebagainya, itu dia.

Tetapi selagi kita dianggap Wakil Rakyat, tugas kita, amanah kita akan kita laksanakan menyuarkan masalah rakyat. [*Tepuk*] Jadi suara rakyat ini harus didengar oleh pihak Menteri, oleh pihak Kementerian, oleh KSU, oleh Pengarah. Kalau tidak didengar, kita akan cadangkan mungkin kerajaan supaya merombak semula struktur yang ada dalam negara kita, buat apa semua jawatan yang ada ini? Bukan untuk *glamour*, bukan untuk naik Mercedes, duduk belakang, bukan untuk naik kapal terbang *first class*, untuk berkhidmat. Semua yang ada ini sementara, tidak ada yang kekal buat selama-lamanya, yang kekal ilmu kita, perjuangan kita, yang kita bagi kepada masyarakat, itu kekal.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biarkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia nak saya gulung Tuan Pengerusi. [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Raden: Saya minta supaya Kementerian mengkaji semula agar peruntukan-peruntukan yang melibatkan multimedia dan juga internet desa luar bandar ini di fikir secara bijaksana, jangan main-main “seperti melepaskan batuk di tangga”. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ho. Ho.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Langkawi.

12.36 th.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Tuan Pengerusi, merujuk kepada perkara 06000 berkenaan dengan air negeri Kedah. Tuan Pengerusi, negeri Kedah dikatakan miskin, pada saya negeri ini kaya, kaya dengan sumbernya, kaya dengan budi pekertinya dan hati budinya. Kerana sejak 1970 sehingga sekarang, kita membekalkan air ke Perlis, percuma. Jadi saya hendakkan kalau boleh, saya hendakkan bagi pihak EPU ataupun Kementerian fikirlah sesuatu yang boleh memanfaatkan Kedah. Kerana kita ada Muda Dam (Empangan Muda) dan Empangan Pedu. Empangan Muda melibatkan kawasan tadahan seluas 300 batu persegi,

kawasan Pedu melibatkan 50 batu persegi dan Baling juga lebih kurang macam itu juga. Tapi tempat ini tidak dimanfaatkan, tidak boleh tebang tebas hutan-hutan kerana disebabkan kawasan tadahan.

Tuan Pengerusi, kita tak kisah hendak bekal air tetapi kadang-kadang itu kita terasa juga kerana walaupun perkara ini percuma tetapi untuk minuman. Tetapi yang lainnya, patutlah

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah Penang, Penang Tuan Pengerusi, Pulau Pinang. Kita bekalkan air walaupun dalam *attention law* katakan flow of water *must be there* tetapi tak akanlah kita hendak antara Singapura dan Malaysia jugalah, Johor. Dalam itu kita terfikir kita bekal air percuma, mereka meniaga kan air itu, meniaga kan air yang dibekalkan pada *factory*, ataupun *industrial use* dan juga kapal-kapal, mereka caj begitu mahal tapi air nya dari Kedah. Daripada kawasan Kulim, kawasan Muda, dan lain-lain lagi. Jadi Tuan Pengerusi, saya harap benar-benar supaya pihak Kementerian fikirkan sesuatu untuk *compensate* Kedah dalam membekalkan air.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah kita juga membekalkan kawasan Perlis, kita ada kawasan Muda 100 ribu hektar dan Perlis ada lebih kurang 20 ribu hektar. Itulah yang boleh dikatakan 1/5 daripada bekalan air terpaksa diperuntukkan kepada Perlis. Tuan Pengerusi, itulah yang saya nak katakan kalau boleh

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Hendak tolong Langkawi. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Kita tahu Pulau Pinang merupakan negeri yang tarif air dia paling rendah, mungkin sebab dia dapat air free kot, dia boleh beri dekat rakyat dia, itu satu.

Satu hal lagi, rakyat Kedah sekarang ini dibebankan dengan dua perkaralah, bebanan. Yang pertama cukai tali air, disebabkan oleh air pertanian, yang keduanya mungkin apabila SPAN dilancarkan, terpaksa juga membayar tarif air sama dengan negeri lain. Jadi apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan dua bebanan yang ditanggung oleh petani di Kedah? Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Pengerusi, saya pun tak tahu, tak baca lagi telah SPAN ini nisbah ini, sejauh mana dia hendak menggunakan air ini. Tetapi saya, minta maaflah oleh kerana membangkitkan Perlis tadi. Yang Berhormat Arau, minta maaf kerana isu Perlis tadi. Jadi itulah pada saya apa perlu kita buat, kita hendaklah *compensate* negeri-negeri yang membekalkan air ini. Walaupun mungkin dari segi peraturan negeri, tak boleh oleh sebab *compensate* mungkin pihak pusat perlu melihat, mungkin kita *write off* kah hal pinjaman, ini pun boleh RM73 juta ini pinjaman juga. Bertambun-tambunlah hutang Kedah tapi pada saya dia kaya dengan khazanahnya tapi dia juga kaya dengan hati budinya tapi dari segi ini tidak dapat kita tolong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya ingin memperbetulkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pendang tadi. Kerajaan Pulau Pinang mendapat kadar air yang rendah bagi saya, setuju tak Yang Berhormat bahawa air yang dibeli dari Pulau Pinang ini bukan *free*, saya difahamkan akan beli sesuatu angka yang tertentu setahun, itu satu.

Yang kedua ialah kadar air yang rendah di Pulau Pinang adalah kerana pengurusan *corporation* ataupun *water corporation* di Pulau Pinang itu adalah cekap, amanah dan berkesan. Dan ini telah dibuktikan bahawa penyenaian *company* dua tahun syarikat itu dalam bursa saham Kuala Lumpur telah memberikan manfaat kepada Pulau Pinang. Apakah pendapat ataupun setuju kah Yang Berhormat dengan saya, pendapat saya?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tak setuju, tak setuju kerana kita bekalkan air secara percuma, *apparent right* tapi itulah. Dia untuk *apparent right* ini untuk *domestic use*, penggunaan awam, itu profesion Pulau Pinang. Tapi digunakan juga untuk bekalan air kepada kapal, kepada *industrial, it should be treated differently* lah, *to me it's no, I just should dia.....*

Tuan Pengerusi, itulah perkara-perkara yang saya nak bangkitkan. Saya haraplah pihak EPU, juga Kementerian berkenaan fikirkan betul-betul adakah perlu di *commensurate* Kedah dalam hal ini kerana kita *reserve* kan 300 skema soal-soal kawasan Baling untuk dijadikan kawasan terhad, dan empangan Pedu, kita *reserve* 50 ekar untuk bagi kawasan tadahan. Begitu juga dengan kawasan Ening dan Beris ini untuk keperluan Penang juga kerana dia menyekat air *or flowing the river* untuk tak melimpah ruah dan juga untuk *save mitigation project*. Dan difahamkan juga general transfer dan juga pihak general transfer dan akan dibuat dan mungkin tidak lama lama lagi tahun depan. Itu untuk *mitigation purposes* ..Jadi air untuk Kedah cukup, cukup, paad saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi Datuk Dr. Yusof bin Yacob: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian.

12.43 th.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh terus kepada perkara 70014 dan juga 07000 yang menyentuh tentang SPAN dan juga rancangan berkenaan dengan air negeri Kelantan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak berhajat untuk bercakap panjang tentang pengurusan air Kelantan, oleh sebab perkara ini dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Tanah Merah dan mengaitkannya dengan Pilihanraya Kecil Pengkalan Pasir, maka saya merasakan kalau kita berfikir secara rasional dan bijak bahawa saya berpendapat masalah air, isu air ialah nasional yang menjadi perhatian umum dan memerlukan satu tindakan yang bijak dan lestari pada kerajaan pusat terhadap pengurusan air ini. Kalau kita hanya menuding jari hanya negeri Kelantan yang mengalami masalah pengurusan air, saya merasakan itu tuduhan yang tidak adil kerana hanya bermotifkan politik semata-mata.

Tuan Pengerusi, dalam kunjungan kami Ahli-ahli Parlimen Jawatankuasa Terpilih Perpaduan sewaktu kunjung hormat bertemu dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor lebih kurang dua bulan yang lalu. Menteri Besar Johor sendiri menyatakan bahawa dia sendiri tiga penggal dalam pejabat tidak dapat untuk menyelesaikan masalah air di antara kerajaan negeri Johor dan juga SAJ Holding. Ini disebabkan oleh perjanjian-perjanjian yang terlalu berat sebelah dan perjanjian yang hanya menguntungkan sebelah pihak.

Beliau sendiri mengakui bahawa sehinggakan untuk membersihkan tangki-tangki, itu pun terpaksa dibayar oleh kerajaan negeri Johor. Saya merasakan masalah air dan perusahaan ialah masyarakat yang nasional yang saya merasakan tidak wajar hanya ditundingkan kepada negeri-negeri tertentu sahaja.

Di Johor, air yang bersih, air yang *first class* kita jual kepada Singapura. Kita minum air kelas berapa? Tidakkah jurutera-jurutera air di Johor tidak dapat mengenal pasti di antara kawasan tambatan banjir dengan tasik yang mahu dibuat untuk empangan air bersih. Saya merasakan isu ini ialah isu yang perlu diperbaiki oleh semua pihak dan secara rasional saya mengalu-alukan langkah Kerajaan Pusat untuk memperbaiki pengurusan air di semua negeri dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat tadi tentang Butiran 040100 - Pusat Internet Desa. Saya sangat bersetuju dengan pandangan sahabat-sahabat tadi bahawa kementerian harus serius. Saya telah berucap kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam tajuk yang sama iaitu Pusat Internet Desa.

Apa yang boleh kita buat dengan RM2 juta, sedangkan anak-anak kita di kampung-kampung pedalaman, hari ini semua kemasukan ke IPTA menggunakan sistem komputer. Saya telah membangkitkan perkara ini dan berlaku di mana anak-anak di desa ini tidak dapat menggunakan internet desa. Internet Desa yang diletakkan di balai-balai raya tidak berfungsi. Model yang telah *out of date*. Saya mengharapkan, tidak cukup RM2 juta. Ini untuk kepentingan pelajar-pelajar dan juga tentang bagaimana kita membangunkan masyarakat desa ini dengan peruntukan yang saya rasa peruntukan perlu ditambah. Kalau ada bajet tambahan, perlu ditambah hingga RM20 juta ataupun RM200 untuk kita melihat semua desa yang terpencil ini memiliki sistem internet desa yang memberikan manfaat kepada mereka.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 70006 – Kajian Keselamatan Maklumat dan Kebolehpercayaan dan Integriti Rangkaian. Saya mengharapkan bahawa kementerian ini dapat menyasat benarkah pengguna-pengguna kad pra-bayar ini, kad pre-paid ini dilindungi hak mereka oleh undang-undang. Saya cukup kluatir kerana saya pernah menggunakan perkhidmatan *pre-paid* ini yang dijanjikan dengan bayaran-bayaran tertentu tetapi kalau kita beli *pre-paid* yang nilainya RM50 sebagai contoh.

Saya pernah membuat panggilan telefon daripada Batu Pahat ke Kuala Lumpur dalam masa satu hari *pre-paid* ini boleh habis. Saya minta adakah kementerian memantau semua kad

pra bayar ini, syarikat-syarikat yang memperkenalkan kad pra bayar ini. Saya bimbang ada penipuan di sana. Saya bimbang pengguna-pengguna yang menggunakan kad pra bayar ini membayar satu kadar yang cukup mahal sebenarnya. Saya mengharapkan kalau tidak ada suatu pemantauan, saya mengharapkan suatu jawatankuasa khas ditubuhkan oleh kementerian ini untuk memantau semua syarikat sama ada 019, 016, 013 dan 012 yang memperkenalkan kad pra bayar ini supaya pengguna tidak akan tertipu dengan kadar yang mereka iklankan. Adakah sistem itu benar-benar memberikan manfaat kepada pengguna-pengguna kad pra bayar ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya difahamkan sekarang ini di negeri-negeri Pantai Timur, seperti di Kelantan, Terengganu dan Pahang di zon timur ini telah ada suatu kerjasama di antara syarikat *Celcom* dan Telekom di mana mereka memperkenalkan suatu sistem telefon mudah alih tetapi ianya adalah telefon di rumah tetapi dalam bentuk mudah alih dengan bayaran RM24 sebulan dan kadar panggilannya sekiranya dipanggil daripada tiga negeri ini maka bayarannya hanya satu minit empat sen.

Kalau ini, yang sedang berlaku di zon timur di negeri Pantai Timur ini adakah kementerian bercadang untuk melebarluaskannya ke seluruh negara kerana pada saya, sistem ini kalau benar satu minit empat sen dan kadar bayaran bulannya hanya RM24 ia akan memberi suatu manfaat yang besar kepada rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Sekadar itu Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tenom.

1250 th

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja dan saya terus kepada Butiran 040100 berkenaan dengan Pusat Internet Desa. Tadi ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh berkenaan pusat internet desa ini dan saya amat bersetuju dengan pandangan-pandangan mereka kerana dengan peruntukan sebanyak RM2.3 juta ini bukanlah banyak sangat. Kalau boleh biarlah kementerian ataupun pegawai-pegawai mengkaji semula peruntukan ini. Sebagai contoh di tempat saya, pusat internet desa telah diletakkan bersebelahan dengan Pejabat Pos dan saya memang faham bahawa Pejabat Pos ini mudah dikunjungi oleh penduduk-penduduk khususnya masyarakat di luar bandar.

Tetapi apa yang amat memilukan ialah dalam pusat internet desa di tempat saya ini, saya lihat di sana ruang operasi dalam bilik itu sendiri pun tidak begitu baik sekali. Saya percaya ini boleh menyulitkan para pengguna terutama kepada penduduk-penduduk luar bandar untuk menggunakan pusat internet desa ini. Tidak ada hawa dingin, tidak ada kemudahan yang lain.

Kedua, saya lihat di sini pihak kementerian juga perlu memberi promosi seperti memberi kursus-kursus asas khusus kepada masyarakat luar bandar sebelum mereka menggunakan pusat internet desa. Kalau boleh diadakan kursus-kursus asas selama satu atau dua hari melalui badan-badan JKKK ke atau ketua kampung kepada sesuatu kawasan Parlimen. Kita lihat

kesedaran mereka ini saya lihat rata-ratanya sebagai contoh di tempat saya memang amat kurang sekali tentang fungsi pusat internet desa ini dan saya memanglah amat bersetuju hasrat pihak kementerian untuk mewujudkan pusat internet desa ini kerana untuk merapatkan jurang digital di antara bandar dan juga luar bandar dan selaras dan objektif kerajaan – Dasar Kebangsaan Keenam yang disebut dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu hutan memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata sentiasa ada pada harga termampu.

Saya percaya, saya harap pihak kementerian dalam usaha untuk mengujudkan pusat internet desa ini perlulah serius. Kita tidak mahu pada masa yang akan datang seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kita tidak mahu ini sebagai 'melepaskan batuk di tangga' sahaja. Saya harap melalui peruntukan RM2.3 juta ini juga saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian apakah program-program yang bakal akan diterima melalui pusat internet desa pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

12.53 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dalam Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya ada dua perkara sahaja untuk dibahas.

Perkara pertama mengenai Butiran 03202 - Penghantaran dan Pembahagian Tenaga. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya telah menerima banyak aduan mengenai bagaimana Tenaga Nasional Berhad memberi invois atau bil-bil yang terlalu tinggi cajnya kerana mengikut mereka ialah penggunaan elektrik secara curang di *premises*.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya tahu, saya menyokong langkah-langkah Tenaga Nasional untuk memperbetulkan meter yang dianggap curang ataupun telah diubahsuai ataupun telah diusik kerana ini telah memberi lebih pendapatan kepada Tenaga Nasional yang mana pada saya ini adalah suatu cara yang baik untuk sendiri juga, pada pengguna dan sebagainya.

Pada masa yang sama saya juga menyokong proses ini kerana kalau meter diusik ataupun telah diubahsuai, memang telah melanggar dari segi undang-undang. Tetapi saya mempersoalkan cara ataupun prosedur bagaimana Tenaga Nasional ini untuk memberikan satu invois ataupun satu bil yang tidak munasabah. Saya tidak menyokong sesiapa yang telah mengupah ataupun mengusik meter sedemikian kerana proses pembetulan itu telah menimbulkan beberapa persoalan mengenai hak dan juga kepentingan pengguna baik di dalam rumah ataupun di kedai-kedai ataupun di kilang-kilang tertentu.

Sebagai contoh, saya telah menerima banyak aduan khususnya di kawasan saya iaitu mereka telah memberikan surat yang mengatakan bahawa kes penggunaan elektrik secara curang di *premises*. Saya telah menerima tidak kurang daripada 15 kes dengan harga atau nilai

wrenching from RM3,000 lebih hingga RM36,000. Kerana proses pembetulan ini, telah menimbulkan banyak persoalan daripada pengguna ataupun masyarakat secara umum.

Persoalannya adalah seperti begini. Siapakah yang menentukan kadar ataupun hutang yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, kalau tiba-tiba rumah Yang Berhormat telah diberikan satu surat bahawa Yang Berhormat telah mengubahsuai meter itu dan sekarang ini Yang Berhormat telah berhutang dengan saya sebanyak RM5,000 maka saya hendak tanya, *base on what basis?* Bila kita sudah gunakan meter ini. Bila meter ini telah diubahsuai? Tambahan pula lagi kalau

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Pernahkah Yang Berhormat menerima aduan daripada pengguna bahawa pernah berlaku *technician* daripada Tenaga Nasional sendiri yang menawarkan khidmat mereka untuk mengubahsuai meter itu dengan bayaran-bayaran yang tertentu dan selepas beberapa tahun barulah dikesan meter mereka diubahsuai oleh pihak yang lain.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih. Memang betul, saya sendiri ada pengalaman sama saya telah mula hendak menceburkan diri di dalam perniagaan di Subang Jaya, di USJ saya didekati oleh seorang *technician* yang berpakaian seragam Tenaga Nasional bahawa 'Encik hendak men *slow down you* punya meter tak?' Saya tahu sebab saya sewa bangunan dua tingkat untuk *business* saya. Dia kata satu meter kalau *you* hendak *slow down* satu meter saya caj *you* RM800, kalau dua RM1,600 dan hanya mengambil masa selama 10 minit.

Ini memang pengalaman saya sendiri sebelum saya menceburkan diri dalam politik semasa saya dalam proses perniagaan. Tetapi, yang saya rasa hairan di kawasan saya sekarang ini, mereka tahu meter yang mana. Mereka ini tahu di dalam suatu premis yang sama, tetapi mereka tahu tingkat satu dan tingkat tiga ada meter yang telah diubahsuai. Saya sangsi, saya *suspect*. Orang kata 'hantu pun dia, orang pun dia.' Itulah masalah dia. Saya berharap Yang Berhormat, kementerian mengambil perkara ini dengan cara serius.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak memberikan beberapa persoalan lagi. Persoalan yang kedua saya hendak tahu mengenai mengapa pengguna telah diberi notis secara tiba-tiba, tidak ada masa *grace period* atau sebagainya dan yang paling serius sekali bagi saya ialah surat yang diberikan kepada pengguna ini telah memasuki banyak seksyen di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 itu iaitu Seksyen 31(1), Seksyen 31(3), Seksyen 37(1), Seksyen 37(3) dan Seksyen 37(14) dan akhir Seksyen 38(1). Bagi saya ini, adakah Tenaga Nasional ini tahu seksyen mana yang dipakai. Ataupun seksyen tembak sahaja kerana sebagai contoh, *subsection* 31(1) dia kata "...mengganggu atau menyelaraskan apa-apa pemasangan ataupun pembahagiannya ataupun mengilang ataupun mengimport ataupun menjual apa-apa kelengkapan sehingga menyebabkan ataupun mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa

ataupun anggota badan manusia atau kerosakan kepada mana-mana kerosakan harta-harta lain.”

Seksyen 37(3) pula, “dia mengambil tenaga, mengguna habis tenaga, mengguna tenaga.” Yang (d) “...mengubah, pinda indeks apa-apa meter atau yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pemasangan, mana-mana pemasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau pengubahsuaian tenaga atau menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekod dengan sempurnanya keluaran atau penggunaan habis tenaga.” Mana *apply* ini? Semua pakai, saya tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habis sekarang macam mana.

Tuan Lau Yeng Peng: Boleh saya sambung Tuan Pengerusi. Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan.

Tuan Lau Yeng Peng: Tidak boleh habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Lau Yeng Peng: Okey. Yang Seksyen 37(14) “...merosakkan apa-apa meter atau alat-alat lain yang digunakan atau atas atau berkaitan dengan mana-mana pemasangan berlesen bagi merekodkan keluaran atau pun pengubahsuaian tenaga.” Semua ini telah ditembak masuk dalam surat ini. Mana yang pakai, saya tidak tahu. Saya hendak tahu jawapan daripada kementerian.

Yang saya lebih sedih ialah, mengikut salah satu daripada surat ini, mereka telah membuat pemeriksaan di dalam premis itu pada 4 April. Tetapi surat ini sampai ke premis itu ialah pada 31 Oktober. Pada masa yang sama mereka telah menggunakan Seksyen 38(1) bahawa pengguna terpaksa bayar dalam masa kurang daripada 30 hari dan ini saya menanggapi sebagai suatu perkara yang serius dan saya berharap Yang Berhormat dapat memperbetulkan keadaan sekarang ini kerana kelemahan-kelemahan Tenaga Nasional berhad sendiri kerana ciri-ciri keselamatan meter yang tidak ketat mungkin ataupun pengurusan sumber manusia, *human resource management*, dia yang *technician*, dia yang membuat pengubahsuaian meter dan dia yang *menforce*kan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: Ada lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Lau Yeng Peng: Okey, okey dan saya berharap dan juga kerana saya di sini mencadangkan kepada Tenaga Nasional bahawa satu program yang lebih *friendly customers* dapat dilaksanakan. Sebagai contoh, beri notis ataupun *advertise* dalam akhbar dahulu bahawa ini suatu proses pemotongan meter sedang dilakukan dan sesiapa yang didapati meter curang atau disyaki meter curang laporkan kepada Tenaga Nasional dan seterusnya memberikan satu *grace period* yang lebih panjang kepada penduduk membayarnya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, iaitu yang kedua ialah mengenai Butiran 080000 – Projek Pembetungan Negara. Ada beberapa persoalan yang saya hendak tanya kepada IWK. Saya difahamkan sekarang sudah banyak kolam oksidasi atau kumbahan di negara ini yang telah mencecah satu tahap yang kritikal selepas hujan, selepas banjir kerana ini amat serius. Kalau kita tidak menguruskan dengan baik mungkin suatu bencana akan berlaku.

Apakah tindakan dan langkah-langkah seterusnya oleh kementerian untuk memperbetulkan keadaan sekarang ini dan juga kolam oksidasi ini mengalami kesukaran untuk *discharge* najis ataupun kumbahan ke kawasan-kawasan tertentu. Saya hendak tahu apakah tindakan yang menyeluruh untuk menyelesaikan masalah *oxidation pond* ini di seluruh negara. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Petrajaya.

1.04 tg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Tuan Pengerusi hendak saya teruskan atau sambung petang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung petanglah Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Sambung petanglah, ya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang sebagai majlis mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Dewan ditempo pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Petra Jaya sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan hanya menyentuh dua perkara berkaitan dengan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi iaitu B 29 Butiran 010200 – Perancangan dan Dasar serta 040100 - Pusat Internet Desa yang berkaitan. Jadi salah satu strategi kalau kita lihat dalam rancangan Bajet 2006, ialah untuk meningkatkan jentera pengawalseliaan terhadap perkhidmatan bekalan telekomunikasi untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan dan kepentingan semua pihak diberi perhatian sewajarnya. Selaras dengan itu, saya yakin kita telah

menubuhkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan dana yang telah kumpul menurut soalan pada jawapan yang saya kemukakan melebihi RM2 bilion. Namun yang menyedihkan, saya lihat hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang digital di antara bandar dan luar bandar masih belum tercapai.

Jadi salah satu sebabnya ialah infrastruktur asas berkaitan dengan telekomunikasi belum dilaksanakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Telekomunikasi dan Multimedia ini. Jadi untuk itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah punca dan sebabnya kelambatan dalam melaksanakan kemudahan infrastruktur ini berbanding apabila ia dilaksanakan oleh Telekom Malaysia dahulu. Ianya lebih mudah untuk kita mohon dan cepat dilaksanakan.

Yang kedua, adakah penubuhan *one stop agency* yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri dapat menyelesaikan masalah kelambatan ini atau, adakah dengan penubuhan *one stop agency* oleh kerajaan negeri hanya menjadikan agensi tersebut menjadi *one stop*. Maknanya apabila proses dilakukan ia terhenti di situ sahaja.

Yang ketiga, apakah langkah yang akan diambil bagi mempercepatkan pelaksanaan infrastruktur asas ini dapat disiapkan supaya hasrat kita untuk merapatkan jurang digital ini akan dapat dilaksanakan. Perkara kedua berkaitan dengan perancangan dan dasar ialah berkaitan dengan Syarikat Telekom Malaysia. Saya tahu ini juga berkaitan dengan Kementerian Kewangan dan kemungkinan pihak kementerian tiada kuasa secara langsung untuk menangani masalah ini. Namun saya telah dihubungi oleh pihak Union Telekom, di mana mereka telah memaklumkan kepada saya bahawa Lembaga Pengarah Telekom telah meluluskan *management buy-out* ke atas *service co* ataupun khidmat sokongan dalam Syarikat Telekom seperti bahagian pengangkutan dan sebagainya. Antara langkah yang bakal mereka ambil ialah *downsizing*, dengan izin Tuan Pengerusi, di mana akan diberi tawaran kepada pekerja dan unit khidmat sokongan tadi dan mereka mesti menerima tawaran kerja atas terma-terma yang baru, di atas konsep *take it or leave it*, dengan izin. Jadi fahaman saya, Telekom diswastakan dahulu matlamatnya ialah untuk memberi khidmat yang lebih baik.

Mewujudkan peluang pekerjaan serta mengurangkan beban kewangan kerajaan. Namun dengan *management buy-out* ini, adakah ianya telah lari dari matlamat kerajaan seperti mana yang disetujui dalam konsep penswastaaan yang dibuat dahulu?

Kedua, adakah kementerian boleh bersama dengan Kementerian Kewangan mengkaji secara terperinci akan perkara ini terutamanya implikasi pada pekerja yang bergantung hidup dengan Telekom Malaysia akibat *downsizing exercise* nanti.

Ketiga, saya mengharapkan pihak kementerian untuk mendapat maklum, bagaimanakah kaedah atau mekanisme yang akan dilaksanakan oleh pihak pengurusan Telekom Malaysia nanti dalam menjalankan *downsizing* ini? Ini amat penting pada saya, sebab saya tidak mahu melihat nanti dengan *management buy-out* ini, dengan berlakunya *downsizing*, pihak kerajaan di mana Telekom Malaysia dilihat sebagai GLC, dilihat sebagai menganiayai kakitangan kerajaan yang

bergantung hidup dengan Telekom Malaysia. Jadi untuk itu, saya mohon penjelasan dan menyokong Bajet 2006 ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tanjong.

2.37 ptg,

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 090000 - Program Pembangunan Industri Bekalan Elektrik dan 00100 - Program Kecekapan Tenaga.

Tuan Pengerusi, apabila masyarakat kita menghadapi gangguan elektrik, kita sedar betapa pentingnya Tenaga Nasional kepada hidup kita dan kepada industri perniagaan kita. Jadi timbulah isu kecekapan dalam menguruskan bekalan tenaga elektrik dalam negara yang akan membawa impak yang amat besar kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa kos untuk mengeluarkan tenaga elektrik sedang meningkat dan adanya pihak tertentu, saya rasa maksudnya Tenaga Nasional telah mula menekan pihak kerajaan untuk membenarkan syarikat itu menaikkan takrif elektrik. Para pengguna amat prihatin sama ada mereka akan terpaksa berhadapan dengan kenaikan takrif elektrik pada tahun akan datang, sebab Menteri cuma janji bahawa takrif tidak akan naik menjelang akhir tahun ini. Tetapi Menteri tidak memberi jawapan yang ada kepastian sama ada takrif elektrik akan naik. Beliau cuma berkata bahawa ia akan menyediakan laporan untuk mengatasi masalah kewangan yang kini dihadapi oleh Tenaga Nasional khususnya pinjaman dari sumber-sumber asing. Tenaga Nasional berkata Tuan Pengerusi bahawa kenaikan takrif elektrik tidak boleh dielakkan kerana kenaikan harga minyak sedunia. Tetapi oleh kerana subsidi yang diberikan takrif elektrik dapat dikekalkan sehingga bulan Ogos tahun depan. Faktor kenaikan harga gas dan juga bayaran faedah kepada pinjaman-pinjaman asing merupakan tekanan kepada Tenaga Nasional. Kita mendapati bahawa pada masa kini Tenaga Nasional menggunakan sumber gas sebanyak 60%, arang sebanyak 30% dan 6% sumber air untuk menjana elektrik. Cuma 1% sahaja sumber menjana elektrik datang dari minyak.

Memandangkan hakikat ini saya berharap kementerian dapat menjamin bahawa ia tidak akan membenarkan kenaikan takrif semata-mata atas alasan kenaikan harga minyak sebab menteri sendiri telah membuat kenyataan cuma 1% sumber minyak digunakan untuk menjana elektrik di negara ini. Soal penting pada masa ini ialah mengapa Tenaga Nasional perlu bergantung sepenuhnya kepada gas asli untuk menjana elektrik sebab ini bukan satu strategi yang baik bagi tempoh panjang.

Sepatutnya, saya rasa Tenaga Nasional harus meneroka kemungkinan alternatif-alternatif yang lain iaitu menggunakan sumber air untuk menjana elektrik. Saya ingin tahu dari kementerian, apakah langkah-langkah yang dijalankan ataupun sama ada ia akan mengarahkan supaya Tenaga Nasional akan mengkaji dan lebih banyak menggunakan sumber alternatif, khususnya sumber air untuk menjana elektrik di negara ini. Sumber air haruslah dipentingkan

sebab Malaysia ini sememangnya dikurniakan sumber ini dengan banyaknya sehingga Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata, pelbagai masalah untuk menguruskan lebih air dan kekurangan air pada masa-masa tertentu dan sumber air ini harus dipentingkan kerana ia *renewable, sustainable* dan lebih murah.

Di samping itu, apakah kementerian akan menggalakkan sumber solar sebagai sumber tenaga alternatif yang akan diutamakan ataupun dimajukan lagi supaya kita dapat mengurangkan pergantungan negara kita kepada minyak dan gas untuk menjana elektrik. Jadi, saya berharap perkara tenaga ini, bekalannya dan salurannya kepada industri, kepada perniagaan dan kepada rumah menjadi satu isu yang amat penting dan *supply*, bekalan yang stabil dan murah dan *effortable* adalah isu-isu yang harus ditangani oleh kementerian ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Serdang.

14.43 petang.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan sentuh Butiran 09100 - Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor. Tuan Pengerusi, negeri Selangor merupakan satu negeri begitu pesat pembangunannya, di mana diisytiharkan sebagai negeri maju. Dengan demikian, keperluan had air di negeri Selangor bertambah. Saya bangkitkan perkara ini kerana masalah yang akan dihadapi oleh negeri Selangor, termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebab SYABAS yang sedang beroperasi bukan sahaja di negeri Selangor dan juga membekalkan air kepada Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Saya difahamkan mengikut laporan daripada kementerian, pada tahun 2007, negeri Selangor termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mengalami kekurangan bekalan air sebanyak 10 juta liter sehari dan akan berlanjutan. Kekurangan ini akan meningkat 836 juta liter sehari pada tahun 2011. Laporan ini atau maklumat ini telah memberi satu tamparan begitu serius bekalan air di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kalau kita meninjau kembali pada peristiwa krisis air pada tahun 1998, negeri Selangor dan Kuala Lumpur sedang menghadapi begitu teruk di mana rakyat merasa kepahitan kerana krisis air.

Pada masa itu, saya difahamkan bahawa pihak yang berkenaan telah merancang untuk mengambil tindakan supaya kekurangan air dan berharap krisis air pada tahun 1998 itu tidak akan berulang di negeri Selangor. Tetapi sepanjang tujuh tahun ini, masih belum nampak nyata program jangka panjang atau jangka pendek untuk mengatasi masalah yang akan dihadapi di negeri Selangor. Malahan juga dalam laporan ini, tahun 2007 akan menghadapi kekurangan begitu nyata.

Saya pernah bangkitkan perkara ini kerana saya sebagai anak negeri Selangor, prihatin terhadap masalah yang dihadapinya kerana keperluan sehari oleh rakyat begitu mendesak. Tetapi saya tidak tahu kenapa masalah ini tidak dapat memberikan satu program supaya untuk merangsang rakyat di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Jadi saya minta penjelasan dari pihak kementerian rancangan penyaluran air mentah dari negeri Pahang ke negeri Selangor.

Saya difahamkan bahawa perjanjian telah ditandatangani dan akan dimulakan pada tahun depan tetapi memakan masa sehingga tahun 2011 baru siap. Di antara tempoh ini bagaimana untuk mengatasi masalah kekurangan air di sini. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian untuk memberi satu berita atau merangsang rakyat di Kuala Lumpur.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya memang prihatin apa yang dihadapi oleh negeri kesayangan kita bersama, Yang Berhormat bagi Serdang. Memang masalah penyaluran air daripada negeri Pahang ke negeri Selangor telah disebut-sebut beberapa kali iaitu berjumlah RM4 bilion atau RM3.8 bilion tetapi buat masa ini belum ada apa-apa langkah-langkah permulaan. Tetapi masalah yang ketara sekarang ini ialah masalah kekotoran atau pun air yang tidak bersih yang selalu dihadapi di kawasan-kawasan bandar dan di pinggiran bandar. Walaupun ada rancangan penukaran paip yang baru dan sebagainya tetapi masalah ini masih berlaku dan masalah ini semakin hari semakin serius. Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kementerian bahawa masalah ini juga masalah penting yang perlu diselesaikan secepat mungkin. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Yap Pian Hon: Saya memang setuju tetapi kesedaran pihak kementerian akan ambil tindakan terutama sekali SYABAS yang akan menjalankan operasi dan tugasnya. Tuan Pengerusi, satu perkara penting yang pernah saya bangkitkan iaitu definisikan semula kadar caj air dari kod 18 ke kod 17. Perkara ini telah dibangkitkan tetapi masih belum dapat satu formula. Tak tahu apa masalah. Apa sebab demikian? Tetapi saya difahamkan laporan dari sini menyatakan, "*... pihak kementerian juga dapat makluman dengan keadaan ini dan akan bekerjasama dengan Jabatan Kawal Selia Air Selangor untuk menangani isu ini*". Bilakah akan mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, ikut akta itu kod 18 ialah untuk jenis rumah pangsa dan pangsapuri tanpa kemudahan, di mana caj air yang dikenakan pada ketika itu ialah 0.70 sen semeter padu. Kod 17 ialah jenis kondominium dengan kemudahan di mana caj air yang dikenakan adalah sebanyak RM1.20 sen semeter padu. Tetapi dengan demikian itu pihak berkuasa yang menjalankan operasi air di negeri Selangor mendefinisikan lagi supaya rumah pangsapuri dicaj dari kod 18 ke kod 17. Ertinya 70 sen naik ke RM1.20. Tetapi sampai sekarang apa ertinya kemudahan itu? Pangsapuri itu tidak ada banyak kemudahan, apa sebab ditukarkan caj air ini daripada kod 18 ke 17.

Tuan Pengerusi: Ya, masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Jadi, apa jadinya? Bolehkah pihak kementerian beril penjelasan dan apa cara untuk mengatasi masalah ini di mana rakyat pangsapuri menjadi mangsa kerana ini

tidak munasabah dan tidak akan beri satu penjelasan yang lebih terang lagi kepada mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Baik, baik, Sandakan.

2.51 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Butiran 11400 – Rancangan Bekalan Air Sabah. Soal masalah bekalan air di Sabah telah dibangkitkan dalam sesi Parlimen yang lalu dan difahamkan bahawa kerajaan negeri telah dinasihatkan supaya berunding dengan tiga syarikat konsesi air yang berkenaan untuk menyelesaikan hutang bil air yang melebihi RM1 bilion pada masa itu. Nampaknya tiada apa-apa keputusan telah dicapai setakat ini. Seharusnya perkara ini mesti mendapat perhatian yang berat untuk menyelesaikannya dengan serta merta kerana Kerajaan Negeri Sabah hanya dapat membayar 1/3 sahaja jumlah bil air semasa ini dan jumlah hutang bil air ini meningkat berterusan.

Ini menunjukkan dengan jelasnya Kerajaan Negeri Sabah memang tidak mampu membayar bil air yang terlalu tinggi. Untuk menyelesaikan masalah sistem bekalan air di Sabah, saya ingin menyeru Kerajaan Persekutuan supaya memberi bantuan segera untuk menyelesaikan hutang bil air yang tidak dapat dibayar oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan air.

Yang kedua, Butiran 03202 – Lembaga Elektrik Sabah (Penghantaran dan Pembahagian). Saya tidak mahu banyak menyebut tentang masalah gangguan bekalan elektrik yang sering dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sabah. Tetapi apa yang saya ingin sentuh ialah kecurian bekalan elektrik yang berleluasa di Sabah khususnya di kawasan rumah setinggan. Aktiviti haram ini mengakibatkan gangguan bekalan elektrik. Adalah dilaporkan dalam surat khabar bahawa wakil Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dalam satu taklimat pembangunan di Majlis Pembangunan Tawau memberitahu bahawa adanya lebih daripada 6 ribu buah setinggan di Tawau terlibat dalam kecurian bekalan elektrik yang membawa kerugian sebanyak RM180 ribu sebulan kepada SESB. Ini adalah satu masalah yang besar dan serius.

Demikian juga aktiviti haram ini berlaku dengan berleluasa di kawasan Sandakan seperti Sedco Light Industrial Estates, Seta Light Industrial Estates, Taman Sivil kawasan Karamunting dan sebagainya. Kabel-kabel sambungan secara haram dapat dilihat daripada kabel utama SESB tetapi tiada tindakan daripada SESB ataupun pihak yang bertanggungjawab. Walaupun sambungan haram ini telah lama wujud di sesuatu tempat itu. Jadi diminta sesuatu penjelasan dan siasatan segera oleh kementerian supaya dapat membendung masalah ini dengan segera. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pontian.

2.54 ptg.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 00100 - Program Kecekapan Tenaga. Tuan Pengerusi, saya kira Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi mempunyai potensi yang luas untuk mencari sumber-sumber tenaga yang lebih murah dengan mewujudkan persaingan di antara pembekal-pembekal yang ada di negara kita. Sama ada kalau kita tengok dari segi sumber tenaga elektrik, sama ada tenaga itu dibekalkan oleh TNB mahupun oleh IPP yang telah diwujudkan di seluruh negara kita, itu boleh dijadikan sebagai satu asas untuk membuat ukuran sama ada pihak kementerian sudah bersedia untuk mengendalikan lebih banyak lagi pembekal tenaga secara mewujudkan persaingan.

Kalau dalam bidang komunikasi, kita boleh membuka ruang, dengan adanya Celcom, Maxis, Digi dan pelbagai *service provider*, dengan izin, saya kira tenaga elektrik juga boleh meninjau aspek-aspek yang boleh memberi galakan kepada persaingan supaya pada akhirnya nanti masyarakat atau pengguna yang akan menikmati faedah daripada sumber bekalan yang lebih murah dan perkhidmatan selepas jualan yang lebih berkesan.

Ini saya kira, mungkin saya boleh mendapat pandangan daripada kementerian kalau perkara ini dipertimbangkan, apakah halangan ataupun apakah rintangan yang menyebabkan belum sampai agaknya masa untuk kita berada dalam keadaan yang sedemikian. Kerana kalau kita lihat di negara-negara maju, perkara-perkara ini sudah lama dilakukan. Lebih-lebih lagi bila kita hendak beralih daripada, sebagai contoh, sebagai sumber tenaga bagi sistem pengangkutan negara kita daripada diesel kepada biodiesel. Ini kita akan mencari pelbagai kaedah untuk memastikan penggunaan tenaga negara kita lebih berkesan, lebih murah dan ianya dapat mengurangkan atau mengawal inflasi di negara kita.

Maka saya amat yakin dan percaya bahawa dengan tenaga kepakaran dari segi sumber manusianya, kita ada para graduan, para lulusan yang mempunyai Ph.D yang begitu ramai dan begitu meningkat sekali jumlahnya, tentu kebolehan-kebolehan yang adadan kepakaran-kepakaran yang ada ini boleh kita gembelngkan supaya mereka dapat sama-sama memastikan bahawa usaha ke arah meningkatkan kecekapan dalam soal mentadbir sumber tenaga di dalam negara kita ini dapat kita gerakkan dengan lebih berkesan kerana kalau kita terpaksa memperuntukkan begitu besar untuk, sebagai contoh bekalan air Bakun ataupun bagi tujuan pembetungan sebagai khidmat bagi bekalan air sehingga hampir RM1 bilion pada tahun ini, kalau kita tidak menyusun usaha-usaha, maka perkara-perkara yang dilaung-laungkan oleh pembangkang ini yang senantiasa sahaja bercakap tentang soal faktor masa, kelewatan dalam segi kita menyampaikan janji-janji yang telah kita berikan dalam setiap kali bajet kita atau belanjawan yang kita bentangkan, tidak ada kesudahan.

Maka saya yakin dan percaya bahawa kementerian punya kebolehan dan juga sumber-sumber yang cukup untuk membolehkan kita menggembelngkan tenaga di peringkat dalaman

dengan hasrat untuk mengenal pasti lebih banyak lagi sumber-sumber tenaga yang dapat dilahirkan secara pengenalan teknologi-teknologi baru kerana, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi berpeluang untuk mendengar pelbagai cadangan. Ada yang hendak menggunakan pelbagai sistem sebagai kaedah bagi mewujudkan tenaga. Ada yang mencadangkan dari segi sistem pembuangan *solid waste* boleh diterjemahkan kepada sumber tenaga selain daripada IPP yang ada di dalam negara kita.

Yang keduanya Yang Berhormat bercakap soal kecekapan dalam program tenaga ini. Saya mohon sedikit penjelasan dari pihak kementerian sama ada Tenaga Nasional dalam menandatangani perjanjian dengan pembekal tenaga swasta (IPP) ini, kadar harga yang dipersetujui itu, adakah serupa dengan setiap IPP yang ada di negara kita atau pun berbeza-beza dari satu IPP dengan IPP yang lain. Kalau terdapat perbezaan apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan harga-harga yang diperolehi atau dipersetujui oleh Tenaga Nasional dengan pembekal tenaga-tenaga swasta tersebut.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Tuan Pengerusi, saya harap pihak Tenaga dalam menjalankan satu usaha supaya perbezaan ini adalah sesuatu yang mempunyai asas yang kukuh supaya tidak berlaku rasa tidak puas hati di kalangan pengguna-pengguna di tempat-tempat yang berbeza. Terima kasih Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Jerai

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 06500 Rancangan Bekalan Air di Kedah. Tuan Pengerusi, negeri Kedah ini seperti kita sedia maklum, sebuah negeri pertanian yang hasil pendapatannya tidaklah seberapa kerana kita banyak berkorban untuk kesenangan orang lain. Begitu juga dari sistem bekalan air, yang mana Kerajaan Negeri Kedah terhutang begitu banyak dengan Kerajaan Pusat tetapi hutang itu bukan terlibat dengan pengurusan atau terlibat dengan perbelanjaan yang lain-lain tetapi majoriti daripada hutang tersebut adalah untuk bekalan air kepada rakyat yang lebih kurang RM800 juta. Jadi, kadang-kadang kita tengok dalam laporan Kerajaan Negeri Kedah berhutang begitu banyak tetapi kebanyakan hutang itu adalah untuk bekalan air kepada masyarakat.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak meminta kepada kerajaan melalui kementerian supaya mengkaji. Sekarang ini Tuan Pengerusi, air daripada Sungai Kedah pun diberi untuk kegunaan orang Pulau Pinang dan sekupang pun dia tak bayar kepada Kerajaan Negeri Kedah. Begitu juga air yang ada di negeri Kedah, kita bagilah kepada orang Perlis, termasuklah Arau, sekupang pun tak bayar kepada Kerajaan Negeri Kedah. Jadi Kerajaan Negeri Kedah ni dok bagi ajalah, sudahlah kita tanam padi, beras pun bagilah kat orang, royalti sekupang pun tak dapat.

Saya nak minta dengan Kerajaan Persekutuan, apabila air ini hendak diswastakan pemprosesannya dan sebagainya, harus diambil kira supaya hutang-hutang yang tertunggak disebabkan oleh bekalan air kepada masyarakat, *social contribution* kerajaan kepada rakyat ini harus dihapus kirakan. Kalau tidak teruklah negeri Kedah, sampai bila kita nak berkorban Tuan Pengerusi dan kita pula terpaksa ada takungan air, kawasan tadahan air dan tak boleh diambil kayu-kayu balak ini kerana kalau kita ambil, takungan air ini tak ada dah. *[Disampuk]* Ayer, ini minta maaf. Saya tak boleh, hendak *pronounce* bahasa buku, tapi yang itu pun bahasa baku. Bahasa baku Arau, ya? bukan bahasa buku, bahasa baku.

Jadi, kawasan-kawasan ini Tuan Pengerusi, kalau boleh kita ambil, tebang kayu balak ini, kita proses, kita jual, Negeri Kedah tak susah. Tapi demi pengorbanan kepada rakyat, pengorbanan kepada rakyat Pulau Pinang, rakyat Perlis, kita berkorban tetapi apakah pengorbanan ini tidak diambil kira? Timbalan Menteri jangan tidur, ini saya dok cakap ni. Ambil kira, Timbalan Menteri. Masuk catatan, pegawai. Kesian kepada kami di Kedah ini menanggung penderita yang amat sangat daripada dulu sampai hari ini dan sistem perairan sekarang ini, paip-paip di Kedah - negeri Kedah Tuan Pengerusi, negeri yang bertamadun cukup lama daripada negeri-negeri lain di Malaysia. Perlis pun hak Kedah dulu, kita bagi.. *[Ketawa]*. Jadi, Arau ini atas belas kasihan Kedah, Tuan Pengerusi. Pulau Pinang pun kalau mengikut dalam ini masih lagi di bawah pajakan. Tak apalah dah orang putih kata selagi ada bulan dan matahari....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Jerai, Jerai, penjelasan. Penjelasan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Okey, okey

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, air di Sungai Muda mengalir melalui kawasan Seberang Perai, apa kata kalau sehari Seberang Perai menutup sungai ini tak mahu bagi ia mengalir, maka seluruh Kedah akan banjir. Jadi, kalau tak bagi dia mengalir pun semua, air masuk ke lautan Pulau Pinang. Jadi, baiklah diberi kepada Pulau Pinang supaya negeri Kedah tidak banjir dan dapat bayaran juga. Betul atau tidak, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, dia mengalir tetapi bukit, kepala dia itu negeri Kedah punya. Pulau Pinang pun kita tak mahu bisinglah, Tuan Pengerusi. Nak tuntutan apa, yang ini kita Malaysia. Pulau Pinang pun memang hak Kedah dulu, tak apalah, tak ada masalah, Bagan duduk, saya tak mahu kacau. Cuma hari ini kita hendakkan, Pulau Pinang bayarlah sedikit kepada Kedah, daripada hasil Allah Taala bagi air turun ke Kedah dan hasil daripada kami, Tuan Pengerusi, kami berkorban beratus ribu juta, tak boleh guna pokok-pokok ini kerana kita gunakan untuk tadahan air. Jadi pengorbanan ini tentu ada pembalasan. Kita mesti ada *win win situation*, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa cukup Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, baru air Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ini butiran jawatankuasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Tuan Pengerusi. Saya minta sedikit. Kesiankan saya sedikit, Tuan Pengerusi. Jadi saya harap pihak kerajaan memikir. Kemudian sistem pepaipan di negeri Kedah itu, bagilah paip baru. Sekarang ini paip besar, zaman dulu, la ni paip jadi kecil. Hari raya baru-baru ini, orang Kuala Lumpur, anak-anak Kedah, anak-anak Yan balik, saya nak raya pun tak boleh. Depa telefon, depa kata Wakil Rakyat buat apa, api tak ada, air pun tak ada. Depa bising.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, Tadi Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan bahawa Kedah sudah banyak berkorban untuk Perlis, untuk Pulau Pinang dan sebagainya dan hutang air Kedah RM800 juta. Boleh atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai terangkan supaya kita hapus kira hutang Kedah dengan Kerajaan Pusat kerana terlalu banyak pengorbanan Kedah kepada negara, kepada Perlis dan juga Pulau Pinang. Macam mana pendapat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalau tak saya duduk Kuala Lumpur pasal tu la ni. Dok mintak depa potong, buang. Penantian satu penyeksaan Tuan Pengerusi. Kami menanti tanpa satu harapan dan gambaran yang kami ini diselamatkan daripada hutang RM800 juta.

Paip-paip air tolonglah betulkan (baiki). Wakil Rakyat kena maki, Tuan Pengerusi. Saya tak boleh makan ketupat hari itu, Tuan Pengerusi. Telefon Dato' Badruddin, buat apa ni, kami nak mandi air pun tak ada? Bila orang ramai balik dari Kuala Lumpur dan daripada mana-mana berhari raya di kampung Tuan Pengerusi, paip kecil, air tidak ada. Orang-orang yang anak banyak saya nak cari air di mana? Aku nak cari air tang mana, saya kata. Aku pun kalang kabut raya ni. Api pula masa itu padam pula, Tuan Pengerusi. Sudahlah air tidak ada, api pun tidak ada, meraba orang-orang tua, Tuan Pengerusi. Jadi saya minta [Disampuk] Ya, kalau air tidak ada lagi masalah. Api tidak ada boleh pasang lilin, Tuan Pengerusi. Raba lebih kurang pun boleh juga, tapi kalau air tidak ada masalah besar.

Lagi satu Tuan Pengerusi, sedikit Tuan Pengerusi, hak multimedia tadi. Mintalah, kementerian - saya bersetuju, Sekarang ini ada jawatankuasa dan sebagainya. Banyak orang kata '*be open minded*, bukan saya tidak *open minded*, *I am very-very open minded, you know* tetapi apakah kita hendak melihat *open minded* itu sampai ke tahap merosakkan generasi anak kita di masa akan datang? Filem-filem yang agak keterlaluan dan sebagainya saya sudah banyak kali bercakap, tapi tentulah sementara kita ada jawatankuasa itu, jawatankuasa ini. Sebab itulah saya cadang, dalam jawatankuasa ini bubuh Ahli-ahli Parlimen, kita boleh tengok yang mana tak boleh, rakyat tak suka - ini kadang-kadang 'gambar' datang dari negeri-negeri mana Tuan Pengerusi, dia pakai baju tak cukup kain, tang dada tak cukup, tang peha tak cukup.

Jadi kita tengok, anak-anak kita macam mana? Ini Pak dan Mak dok tengok, anak ada duduk di tepi. Jadi, walau pun ada *sensor* di sana-sini Tuan Pengerusi, tapi pakaiannya

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: [*Bangun*]:

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, Tuan Pengerusi, Kesian kat dia.

Tuan Pengerusi: Ya, apa dia

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat bahawa dalam stesen-stesen TV swasta ini saya dan rakyat melihat bahawa cuma TV3 yang dianggap membawa program yang menjadi sentuhan rakyat. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian supaya menasihati semua stesen-stesen TV swasta? Apa ini, bukan meniru tetapi mengikuti langkah TV3 mengadakan program mencari mereka yang daif supaya dengan sebab melalui program ini, kedaifan mereka dibela oleh pemimpin, oleh kerajaan. Jadi, cuma satu stesen yang membuat demikian. Stesen-stesen TV yang lain berdiam diri. Minta pandangan, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin: Ya, Tuan Pengerusi saya nak respons sedikit Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini. Tuan Pengerusi, memang betul Tuan Pengerusi, mintalah stesen-stesen TV buat program-program tentang rakyat Malaysia sama, program-program macam TV1, 2 dan buat. Ini TV3 ok Tuan Pengerusi, dia bagus, dia bagus. Dia ada buat kerja, dia turun ke bawah ke akar umbi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Cukup itu, cukup itu, saya faham sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin: Cukup! Cuma saya nak bagi faham sedikit lagi kepada Timbalan Menteri - awat tengok pelik Timbalan Menteri? Bila saya bercakap, Timbalan Menteri tengok gambar. Tengok saya ini. [*Ketawa*] Gambar dia tak berapa elok, saya ini elok lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin: Jadi, boleh atau tak boleh, saya sarankan TV lain, Tuan Pengerusi, juga menurut mesej-mesej kerajaan supaya dipancarkan melalui stesen TV mereka. Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi. Hak air Kedah itu tolong banyak-banyak ya, tidak saya nak tutup pancur di Kedah nanti, biar orang Pulau Pinang, orang Arau tidak boleh minum air. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Jasin.

3.14 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Empat, lima minit cukuplah, ya, sebab orang lain banyak lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya terus kepada Butiran 09000 - Program Pembangunan Industri Bekalan Elektrik. Kita dapati bahawa hari ini bekalan elektrik yang kita caj

kepada orang kampung atau rakyat Malaysia makin lama makin naik dan salah satu sebabnya yang dikatakan oleh TNB baru-baru ini oleh kerana minyak. Minyak naik jadi kita kena caj orang lagi naik. Tetapi mengapa tidak kementerian memikirkan balik, hari ini kita kena cari bahan-bahan bakar alternatif. Hari ini kebanyakan *power station* yang dibuat oleh TNB selain daripada elektrik, kita ada gas, kita ada arang batu. Mengapa nak pakai arang batu?

Negara kita bukan ada arang batu tetapi pembuangan sisa-sisa dari kilang sawit kita ini, berapa banyak ada, hari ini kita buang sahaja. Mengapa tidak kita gunakannya? Hari ini saya dengar ada perancangan, ada juga syarikat-syarikat yang dapat teknologi dari Kanada dah *approach* kementerian, dah *approach* FELDA tetapi malangnya tidak ada satu tindakan diambil oleh FELDA dan juga kementerian. Seolah-olah takut. Saya pun tak tahu takut kerana apa, takut apa? Walhal ini satu benda yang kita buang saja, sia-sia.

Seorang Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, bagi lima minit, you nak masuk lagi ke? [Ketawa]

Tuan Pengerusi, kena kawal ini. Benda ini kita buang saja. Jadi, oleh yang demikian dalam segi kita nak membangunkan kuasa elektrik, kita harus cari, cari lain daripada gas, bakarliah habis. Arang batu yang mana Malaysia tak ada arang batu, kita terpaksa guna yang luar. Kalau besok yang negara arang batu pula menaikkan harga bahan mentah arang batu, kita nak caj balik pada *consumer* kita? Yang benda yang dok ada dengan kita, yang banyak pada hari ini terbuang, *bio-mass* terbuang, apa semua, mengapa tidak kita bangunkan?

Seolah-olah Allah Taala dah bagi negara kita ini segala kemudahan tetapi kita tidak gunakan sepenuhnya. Begitu juga dengan air. 030000 - Bekalan Air. Jadi, oleh demikian kita berharaplah kementerian, *we must come with the solution* untuk mengatasi masalah ini, dengan izin, kerana dah terlampau lama dah kita bercakap. Kita dah bercakap soal ini dah terlampau lama dan hari itu, Tuan Pengerusi, hari raya saya balik rumah mentua dekat Negeri Sembilan kena mandi air sungai. Saya sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar malam tadi, masa jamuan mesyuarat raja-raja dekat negeri Melaka. Saya kata, "*Yang Amat Berhormat, saya balik rumah mentua saya dekat Negeri Sembilan, dah berpuluh tahun dah saya tak mandi sungai hari ini saya terpaksa mandi sungai kerana air tak ada*".

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin: Depa kata air sungai sejuk lebih, betulkah Yang Berhormat? [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tak kah aniaya ini? Keadaan Malaysia yang hari ini kita akan isytiharkan sebagai negara maju 2020, Ahli Parlimen kena mandi air sungai? Jadi, kita kena *come up, come up*, cukuplah bagi kita. *Keep the political*, benda itu *aside* dan kita harus terima, terima SPAN ini supaya masalah air bukan lagi di peringkat negeri. Kita hendakkan supaya negara, nasional mengambil alih air ini supaya masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri yang kekurangan duit ini dapat kita atasi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pendang.

3.17 ptg

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. ass Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Kita terus kepada Butiran 70002 – Kajian Semula Pelan Strategik Industri Pos. Saya ingin bertanya kementerian apa sudah jadi dengan pos laju? Sebenarnya saya menghadapi masalah dengan pos laju ini tentang satu surat daripada JPA dan perkara ini saya dah laporkan kepada Menteri di Parlimen ini tempoh hari. Di pos di JPA di Putrajaya dan sampai kepada saya sembilan hari selepas itu baru sampai.

Surat itu kebetulan menjemput anak saya untuk temu duga belajar di luar negeri. Jadi sembilan hari. Bila surat itu sampai, tarikh itulah, hari itulah, tarikh temu duga tersebut dijalankan. Maknanya terlepaslah peluang beliau untuk pergi ke temu duga, di mana surat itu dihantar daripada Putrajaya sendiri. Jadi, saya harap penjelasan daripada kementerian berhubung dengan kelewatan yang berlaku di dalam pos laju ini. Apakah yang berlaku, bagaimana surat itu dijalankan atau disampaikan kepada pelanggan, penerima? Adakah ia disemak dengan komputer ataupun bagaimanakah cara, ia guna kapal terbang ataupun guna kenderaan lain?

Yang kedua, tentang Program Pembangunan Industri Bekalan Elektrik - 09000. Perkara ini telah banyak kali dibangkitkan dengan tentang harga sambungan wayar hitam ataupun daripada grid tiang elektrik sekarang ini ditetapkan RM450 sama ada untuk rumah, untuk pondok, untuk surau ataupun untuk masjid. Saya harap perkara ini di'review' oleh kementerian kerana banyak rumah-rumah orang yang miskin hanya satu atau dua bilik tetapi mereka terpaksa membayar RM450 juga kalau dibandingkan dengan rumah banglo yang besar-besar pun begitu juga kosnya. Ini harga sambungan penyambungan bukan harga meter. Kalau harga meter dia lain sedikitlah iaitu RM450, walaupun rumah itu hanya dekat sahaja dengan tiang elektrik atau wayar elektrik.

Kemudian 65000 - Rancangan Bekalan Air Negeri Kedah. Tadi saya sudah mencelah kepada Langkawi berhubung dengan bil air ataupun kos apabila SPAN ini dilancarkan nanti. Petani di Kedah sebenarnya kalau sekiranya tarif yang sama dikenakan dengan yang negeri yang lain mereka terpaksa membayar dua kali, satu cukai tali air daripada air sungai MADA ataupun projek MADA tersebut, satu lagi tarif air yang ditetapkan oleh SPAN. Jadi, saya harap kementerian memberi perhatian kepada tarif ini, berilah sedikit perbezaan kepada petani-petani yang mengerjakan sawah di kawasan MADA agar cukai tali air tersebut ataupun tarif tersebut dikurangkan kerana mereka terpaksa membayar dua kali.

Dan, seterusnya tentang 00100 - Program Kecekapan Tenaga. Kita telah mendengar banyak keluhan daripada Ahli-ahli Parlimen berhubung dengan kekurangan tenaga, kenaikan kos minyak dan juga penggunaan arang batu dalam menjana tenaga. Apakah tidak terfikir di benak kita tentang penggunaan tenaga nuklear. Walaupun ini merupakan sesuatu yang menjadi

political isu sekarang tetapi kita lihat negara China telah pun membentuk 40 loji tenaga nuklear untuk menjana tenaga nuklear untuk masa depan kerana minyak kita akan habis seperti yang dijawab oleh Menteri semalam. 19 tahun lagi habis. Itu pun kalau tidak berlaku Tsunami ataupun perkara-perkara yang tidak kita ingini. Kalau sekiranya perkara ini berlaku mungkin lebih cepat lagi. Apakah tidak terfikir kita menggunakan nuklear sebagai satu tenaga kerana ianya satu tenaga yang bersih dan juga tidak mencemarkan terlalu banyak alam sekitar.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat .

Dr. Mohd Hayati bin Othman: Seterusnya satu lagi, tentang multimedia ini iaitu Mango TV. Kalau pagi-pagi kita tengok tidak silap saya, TV8 iaitu SMS yang digunakan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Mango TV. Saya ingin mendapat kepastian daripada Kementerian apakah ini mendapat kelulusan ataupun mendapat green light untuk menjalankan aktiviti sebegini dan berapa banyakkah keuntungan yang mereka dapat dengan mengadakan pertandingan melalui Mango TV ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ipoh Barat.

3.20 ptg

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi dari wang yang akan diagihkan kepada Lembaga Air Perak, saya ingat saya ada sentuh mengenai perkara itu. Saya difahamkan bahawa saya ingin tahu, berapakah wang dari sana akan digunakan untuk pengurusan dan berapa banyak untuk pembangunan. Saya difahamkan sebanyak 30 per cent air di negeri Perak yang dikeluarkan oleh Lembaga Air Perak adalah *non-revenue water*. Ini adalah lebih baik dari banyak negeri yang lain tetapi tidak sebaik seperti Pulau Pinang yang hanya dikatakan sebanyak 18 per cent dan adakah wang-wang yang diagihkan ini akan diguna pakai untuk membaiki paip-paip yang selalu bocor dan sudah lebih dari had masa yang patut digunakan.

Selain dari itu saya juga ingin tahu adakah kementerian ambil tahu beberapa lawatan yang telah dibuat oleh lembaga tersebut sebagai lawatan sambil belajar di mana bukan sahaja pengarah-pengarah yang pergi tetapi juga mengambil isteri-isteri mereka. Adakah wang-wang ini akan diguna pakai untuk perkara sedemikian dan adakah ia dibenarkan.

Selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai 0102000 iaitu mengenai Indah Water. Saya telah bangkitkan perkara ini sebelum ini bahawa adakah satu syarikat konsortium akan mengambil-alih Indah Water, walaupun Timbalan Menteri mengatakan tidak tetapi ada beberapa pengisytiharan yang dibuat di Bursa Saham mengatakan ada kemungkinan syarikat-syarikat yang tertentu yang telah tawar untuk mengambil Indah Water dan adakah kerajaan dan kementerian akan bagi lagi satu *amnesty* kepada semua pihak yang tidak membayar wang kepada Indah Water seperti yang telah dibuat sebelum ini beberapa tahun dahulu. Adakah Indah Water itu akan diambil alih 100 peratus oleh kerajaan dan bagi balik kepada *local council* untuk

mentadbir perkara-perkara yang berkaitan dan apa yang terjadi kepada pinjaman yang dibuat oleh kerajaan kepada Indah Water. Apakah situasinya, berapa banyak dan siapakah serta bilakah ia dibayar balik?

Lagi satu adalah mengenai water purifier. Apakah pendirian kementerian mengenai perkara ini? Kerap kali kita tengok ramai pengguna dikatakan tidak selamat untuk menggunakan air yang sedia ada di paip-paip kita dan diberi pendidikan bahawa *purifier* patut dibeli dan *purifier* akan membawa kebaikan kesihatan. Adakah ini semua benar dan apakah kawal selia yang dibuat oleh kementerian?

Sebagai akhir saya hendak kata mengenai ASTRO Tuan Pengerusi. Saya dapat beberapa aduan, bila bayaran caj sebulan tidak dibayar atau bayar satu hari lambat dikenakan caj 10 ringgit dan ini akan berlanjutan walaupun dia membayar sebulan yang kemudian dan jika membayar satu tahun sekali gus atau membayar enam bulan sekali gus tidak ada apa-apa diskaun. Bukankah ini satu perkara yang mengabaikan hak seorang pengguna dan apakah kementerian akan mengambil atau memberi arahan yang tertentu mengenai perkara ini supaya pihak-pihak yang menyewa ataupun menjadi customer kepada ASTRO dapat layanan yang baik. Dan yang mustahak sekali apabila ASTRO mula ia telah berjanji tidak ada apa-apa *advertisement*. Sekarang kerap-kali dalam 3 minit, 10 minit ada *advertisement*, apakah ini satu canggah polisi *decision*? Bolehkah ini diterima pakai? Saya harap kementerian dapat memberitahu dan adakah syarikat-syarikat lain yang baru dan yang akan diberi lesen untuk meng*independent* seperti ASTRO. Apakah kriteria-kriteria yang sedia digunakan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Pasir Puteh.

3.25 ptg

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin membincangkan mengenai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dalam jawatankuasa ini saya cuba dua kepala, 07000 – Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan. Kepala ini mengenai rancangan air negeri Kelantan. Sudah banyak diperkatakan bahawa air ini adalah termasuk dalam urusan yang terpenting negara iaitu kalau kita tengok dalam istilah 'dharuriat' ialah kepentingan yang cukup cukup 'dharuri'. Maka cukup mustahak, maka dengan sebab itu kita yakin bahawa SPAN nanti akan beroperasi dan akan mengambil kira bukan sahaja tentang hutang-piutang terutamanya negeri Kelantan tentang hutang air ini tetapi boleh meyakinkan bahawa paip-paip baru baru ini dapat dibina. Kita hendak kepastian bahawa air bersih yang dirawat itu dapat disalurkan ke rumah-rumah sehingga 100 per cent.

Tuan Pengerusi, hari ini air sampai ke rumah ialah 60 percent kalau tidak silap saya, 40 percent masuk ke tanah, balik ke tanah, jadi air balik kerana paip-paip lama ini sejak daripada kita merdeka tidak pernah ditukar. Kalau tukar pun sekerat-kerat, mana yang bocor kita tukar. Saya pernah tidak mandi tiga hari kerana perigi tidak ada lagi, telaga kerana air paip bocor.

Kerana kerja-kerja dibuat itu dengan tidak sengaja paip itu jadi bocor. Maka dengan sebab itulah, saya rasa paip-paip yang lama ini perlu ditukar, walaupun kita habis dari segi kosnya terlampau tinggi tetapi mana baik kalau kita dok tampal yang ada sedangkan kos menampal itu ialah dari segi elaun dan sebagainya, pekerja, mengambil masa yang banyak dan kos yang tinggi, bagus kita tukar.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang kedua, ialah kepala 00100 - Program Kecekapan Tenaga. Pernah berlaku di kawasan Parlimen Pasir Puteh, rakyat saya mengadu, 150, 000 ribu rakyat di Pasir Puteh itu bukan yang mengundi saya hendak cerita ini, saya tidak bercerita yang mengundi Tuan Pengerusi. Jadi yang mengadu dekat saya, gangguan api senantiasanya berlaku dua, tiga hari dalam seminggu beberapa kali gangguan. Ini bukan kerana petir tetapi kerana ibu pesawatnya cukup lama. Jadi sebab itulah saya cadang supaya peruntukan disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kalau kita mampu buat Rancangan Malaysia 2006 ini jangan tunggu Rancangan Malaysia Kesembilan kerana benda ini adalah dhuururiat, saya sebut air, api adalah dhuururiat, maka kita kena selesaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, baik sila Kudat.

3.28 ptg

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh hanya dua - Pembangunan P.29, Butiran 7002 - Kajian Semula Pelan Strategik Industry Post. Saya ingin memperkatakan di sini tentang masalah di sebuah kawasan di daerah saya di kawasan Parlimen saya iaitu Daerah Pitas iaitu sebuah daerah yang telah pun wujud lebih daripada dua dekad dan lebih daripada 20 tahun dan apa yang menyedihkan sehingga hari ini belum ada perkhidmatan pos bagi kawasan ini dan ini adalah merupakan sesuatu yang amat menyulitkan kerana di kawasan ini memiliki penduduk tidak kurang daripada 40, 000 ribu orang. Dengan wujudnya jalan raya baru akan memberikan akses kepada kawasan-kawasan dan daerah-daerah lain seperti daerah Paitan dan daerah Beluran tetapi sehingga hari ini tidak ada perkhidmatan pos daripada kawasan ini. Sedangkan pentadbiran di kawasan ini adalah merupakan *full district administration* di mana terwujudnya pejabat-pejabat daerah, pejabat-pejabat negeri dan persekutuan yang telah beroperasi di kawasan ini.

Yang amat menyedihkan mereka terpaksa - pegawai-pegawai ini terpaksa pergi ke sebuah daerah lain iaitu Kota Marudu yang terpaksa menggunakan masa yang begitu lama hampir satu jam di sana untuk mendapatkan apa juga hantaran-hantaran ataupun hantaran-hantaran yang dibuat melalui pos. Dan kerap kali berlaku kelewatan-kelewatan dan ini menimbulkan kesulitan bagi penduduk di kawasan ini sehingga ada di antara mereka yang mendapat, misalnya panggilan temu duga untuk ke universiti ataupun panggilan temu duga untuk mendapatkan pekerjaan telah menghadapi masalah kelewatan ini. Jadi saya meminta kepada

kementerian ini supaya melihat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini untuk mewujudkan satu pejabat pos, kalau tidak pun pejabat pos sepenuhnya sekurang-kurangnya pejabat pos mini untuk dilaksanakan di daerah ini.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Penjelasan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Yang Berhormat Kudat cerita pasal Pitas, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak lagi pekan-pekan lain seperti daripada Pitas seperti pekan - di kawasan saya seperti Pekan Baloh banyak lagi pekan-pekan lain yang tidak punya perkhidmatan, dan adakah Yang Berhormat cadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semuanya supaya semua pekan kecil di Sabah akan dapat perkhidmatan pos seperti Pitas yang Yang Berhormat bicarakan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya minta supaya satu kajian yang komprehensif khususnya bagi kawasan luar bandar sama ada di Sabah ataupun di Semenanjung. Saya tidak nampak bahawa kos yang terlibat di dalam penyediaan perkhidmatan ini tidaklah begitu besar kerana sebuah pejabat mini saya fikir hanya boleh ditadbir dengan kakitangan yang *minimal*, dan juga dengan peruntukan yang tidak begitu banyak. Apakah Pos Malaysia yang telah diperbadankan hari ini telah meninggalkan tanggungjawab sosial mereka kepada kawasan luar bandar? Jadi saya minta supaya tindakan segera dapat diambil kerana pada pendapat saya ini adalah merupakan satu kerugian kepada masyarakat, walaupun kita masyarakat luar bandar tetapi kita juga adalah pembayar cukai dan kita membayar cukai kepada kerajaan. Dan kita mengharapkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan yang asas seperti ini dapat diberikan kepada masyarakat luar bandar seterusnya.

Butiran yang kedua iaitu berkaitan dengan Lembaga Lektrik Sabah. Seperti mana yang kita tahu telah pun banyak rungutan yang telah dibuat berkaitan dengan perkhidmatan Lembaga Lektrik Sabah ini. Kalau kita lihat pada beberapa tahun yang lalu, kita telah menyerahkan Lembaga Lektrik Sabah pengurusan bagi membekalkan elektrik di negeri Sabah ini kepada Lembaga Lektrik Negara dan seterusnya Tenaga Nasional dengan harapan bahawa kita mahu melihat satu kemajuan di dalam usaha bekalan elektrik khususnya di negeri Sabah. Tetapi apa yang menyedihkan bukan sahaja melibatkan kawasan-kawasan luar bandar, tetapi juga di bandar. Di bandar berlaku *frequent power failures* dan juga berlaku masalah-masalah besar khususnya kepada industri-industri terutamanya mereka yang melaksanakan projek-projek dan industri-industri di kawasan KKIP. Dan yang menyedihkan di kawasan saya, misalnya *power failures* ini adalah merupakan sesuatu perkara yang rutin, boleh dikatakan satu hari dua atau tiga kali berlaku *power failures* dan menimbulkan banyak masalah kerana banyak *electrical appliances*

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuaran bangun.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kudat. Ini bercerita tentang Lembaga Elektrik Sabah dan kita bercerita tentang sumber kuasa, sumber tenaga elektrik. Dahulu dibuat kajian Liwago sebagai penjana, jana kuasa untuk membekalkan elektrik ke negeri Sabah. Lepas itu ada lagi kajian daripada Bakun sekarang sudah lain cerita. Adakah Yang Berhormat bersetuju supaya pihak kerajaan betul-betul mengkaji dan menetapkan daripada mana sumber bekalan elektrik untuk negeri Sabah? Sebab setakat ini kita tidak tahu dan hari ini kita baca surat khabar Pengerusi TNB menyatakan bahawa yang *genset* di pekan-pekan akan dihidupkan semula dan sebagainya. Kita ini keliru dari mana sebenarnya bekalan elektrik untuk negeri Sabah, apakah selama ini pihak kerajaan tidak membuat kajian yang terperinci dalam soal ini?

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Saya seperti mana Yang Berhormat Tuaran juga amat keliru kerana beberapa tahun yang lalu apabila berlaku masalah *power failures* di beberapa bandar di negeri Sabah, maka kerajaan telah mewujudkan apa yang dipanggil *independent power producers* yang telah menswastakan sebahagian daripada *independent power producers* ini dengan harapan bahawa dengan wujudnya IPP ini, maka akan dapat memberikan atau menyelesaikan sedikit sebanyak masalah *power failures* yang berlaku di kebanyakan daerah di negeri Sabah. Tetapi setelah beberapa tahun masalah ini tidak juga selesai dan bermacam-macam *proposal* yang telah dibuat, seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Tuaran bahawa kononnya diwujudkan satu empangan di Liwago Ranau dan juga akhirnya terdapat rancangan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila gulung.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Ya. Untuk mendapatkan bekalan daripada Sarawak iaitu melalui bekalan daripada hidroelektrik Bakun, tetapi sehingga hari ini tidak dapat tidak pernah pun wujud. Dan di kawasan saya mereka sebenarnya telah pun cuba untuk melaksanakan yang dipanggil "*Grid system*", tetapi saya tidak nampak kemajuan sehingga hari ini projek tersebut masih lagi belumsepatutnya telah pun selesai pada tahun ini, tetapi saya tidak nampak masih lagi berlaku kelewatan di dalam projek ini. Dan kononnya enjin-enjin diesel yang ada di kawasan-kawasan daerah ini akan dikeluarkan, tetapi saya tidak tahu apakah sebenarnya hala tuju dalam usaha untuk menyelesaikan masalah *power failures* yang berlaku di negeri Sabah ini khususnya di kawasan saya. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai lagi ya. Saya mohon kerjasama kalau perkara yang telah bangkit tidak payah ulang lagilah. Kota Melaka sila.

3.36 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin merujuk kepada Butiran 010200 iaitu Perancangan dan Dasar. Saya difahamkan bahawa perancangan dan dasar memang bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pengguna, tetapi saya rasa baru-baru ini apa yang dilakukan TNB dia tidak memenuhi kehendak pengguna. Kerana saya difahamkan di seluruh negara masa sekarang wujudnya 20,000 lebih kes yang mana TNB melalui satu skuad iaitu *Special Enforcement Engagement Against Loss* (SEAL). Pasukan ini telah pun memberikan pemeriksaan ke atas meter-meter lama dan mereka menukarkan meter-meter yang lama dengan meter-meter elektrik yang baru dan selepas beberapa bulan itu mereka kembali dan mereka memberikan notis-notis kepada pengguna-pengguna tersebut dan menyatakan bahawa disebabkan oleh perbezaan elektrik itu, iaitu kegunaan elektrik, maka wujudnya satu kes penggunaan elektrik secara curang oleh pengguna-pengguna.

Saya rasa daripada 20,000 kes itu memang wujudnya kes-kes yang mana pengguna-pengguna yang teraniaya, kerana saya percaya bahawa ramai pengguna yang telah pun berjumpa dengan wakil rakyat dan juga pihak MCA dan sebagainya. Dan saya percayalah sehingga hari ini walaupun mereka begitu tegas sekali TNB dia minta pengguna-pengguna membayar "so-called", dengan izin penggunaan elektrik bil-bil bayaran yang telah pun digunakan, tetapi tidak dibayar kerana dikatakan dia menggunakan penggunaan elektrik secara curang. Tetapi sekurang-kurangnya Tuan Pengerusi

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ayer Hitam Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat sedikit sahaja.

Tuan Wong Nai Chee: Ya bagi *chance* Tuan Pengerusi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa meter-meter itu sepatutnya dijalankan pemeriksaan. Kalau TNB tidak hendak buat pemeriksaan itu silap TNB tidak boleh kira balik 10 tahun yang lalu, itu yang pertama.

Kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan tindakan TNB kalau mereka tidak bayar bekalan elektrik terus dipotong, walaupun itu bukan pada premis yang dinyatakan itu. Potong bekalan elektrik dekat kedai atau rumah. Apakah implikasinya dan saya minta pandangan Yang Berhormat sebagai seorang peguam ini tidak adil bagi pengguna.

Tuan Wong Nai Chee: Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sebenarnya soalan kedua itu termasuk di dalam perbahasan saya kemudian, tetapi untuk menjawab soalan yang kedua tadi sebenarnya TNB memberikan alasan kepada pengguna-pengguna bahawa kalau dia tidak bayar apabila skuad atau *SEAL team* itu dapati wujudnya satu kesalahan dia akan

menamatkan bekalan elektrik. Tetapi sebenarnya Tuan Pengerusi mengikut akta, apabila dia melakukan satu kesalahan, kesalahan itu bukan ditentukan oleh TNB tetapi kesalahan itu haruslah ditentukan oleh pihak mahkamah. Dan sebenarnya pihak mahkamah haruslah menentukan siapakah yang betul-betul salah ke atas peruntukan yang berkenaan atas akta tersebut. Tetapi bukannya bagi TNB menggunakan SEAL *squad* itu mengambil gambar-gambar foto yang tertentu dan lepas itu membuat keputusan bahawa kesalahan telah pun dilakukan, itu tidak betul.

Tuan Pengerusi, seperti mana saya katakan tadi untuk menjimatkan masa saya hanya huraikan empat alasan yang sehingga kini belum lagi dapat dijawab oleh TNB kepada pengguna-pengguna, iaitu soalan yang pertama apabila penggunaan elektrik itu dia menukarkan yang lama, *substitute*, dengan izin, dengan yang baru penggunaan elektrik dalam sesetengah kes sebelum penukaran meter dengan selepas penukaran meter, penggunaan elektrik itu adalah sama.

Yang kedua, apabila meter yang lama telah pun ditukarkan dengan yang baru penggunaan elektrik itu menjadi lebih rendah daripada yang dahulu. Saya tidak tahu bagaimana TNB boleh memberikan penjelasan.

Soalan yang ketiga, apakah asas pengiraan TNB yang dikatakan pengguna elektrik secara curang itu. Apakah asas itu? Adakah ia berasaskan sesuatu penggunaan yang sebenarnya ataupun ia berasaskan ke atas satu *projection* sahaja, seperti mana yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Apakah asas itu? Adakah ia disebabkan oleh meter yang telah pun usang, *fair, ware and tare*, disebabkan itulah dia punya rekod penggunaan itu adalah kurang daripada yang baru.

Dan, yang akhir sekali, adalah mustahil apabila kita bandingkan dengan rumah-rumah yang biasa, rumah-rumah kediaman apabila mereka menerima bil-bil yang begitu besar jumlahnya. Kadangkala berbelas-belas ribu yang menyatakan rumah kediaman yang biasa telah pun menggunakan elektrik secara curang tetapi apabila kita menggunakan semua alat-alat perkakas dalam rumah itu tidak mungkin bahawa rumah atau tuan punya rumah itu boleh menggunakan elektrik yang begitu banyak sekali jika bandingkan dengan apa yang dikatakan oleh TNB. Saya rasa kita kena minta penjelasan daripada pihak kementerian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

3.41 petang.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas, pendek sahaja Tuan Pengerusi. Yang pertama, bagi maksud B.29 Butiran 020000 - Perkhidmatan Pembedungan.

Tuan Pengerusi, di kawasan saya, pekan Tamparuli, bekalan air untuk seluruh daerah Kota Kinabalu dan juga taman perindustrian Kota Kinabalu, airnya diambil daripada Sungai Tuaran di pekan Tamparuli. Setakat ini, pembedungan ini, selain daripada masalah hakisan dan

sebagainya, ia juga terdedah kepada masalah pengambilan kumbahan dari pekan Tamparuli. Semua kumbahan dari Pekan Tamparuli dibuang terus ke Sungai Tuaran dan selepas itu dihisap untuk bekalan air Kota Kinabalu.

Walaupun ada *treatment plant* tetapi dia di hisab terus dan oleh itu pekan Tamparuli memerlukan amat sangat satu pembedungan untuk menyelesaikan masalah ini. Saya pernah menyebut di Dewan yang mulia ini bahawa satu peruntukan diperlukan sebanyak RM20 juta untuk tujuan membina pembedungan ini tetapi peruntukan itu telah dipindah ke pekan lain iaitu pergi ke pekan Kuar. Jadi, saya minta dan mohon pihak kementerian supaya mengkaji keperluan pembedungan ini. Saya difahamkan bahawa pihak Majlis Daerah Tuaran sudah memohon kepada pihak kementerian untuk tujuan pembinaan pembedungan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 70014 - Kajian Bagi Penubuhan Suruhanjaya Air Negara. Tuan Pengerusi, kita telah menerima dan Butiran 11400 - Rancangan Bekalan Air Sabah. Tuan Pengerusi, kita telah menerima maklumat daripada pihak kementerian bagi kita untuk mengkaji Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), yang dijangka akan dibentangkan pada bulan Mac tahun depan. Tapi dalam proses itu, kajian sedang berjalan lancar dan sebelum ini kita telah berbincang di Dewan yang mulia ini dan kita telah menyatakan bahawa SPAN yang akan ditubuhkan itu adalah hanya untuk bagi maksud Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak melibatkan Sabah dan Sarawak.

Bagi negeri Sabah, sudah kita maklum bahawa di negeri Sabah ini menghadapi masalah bekalan air yang begitu berat, iaitu pertamanya dari segi *non revenue water*, lebih daripada 26% *non revenue water*, kita semua sudah tahu ini. Beberapa masalah lain yang berhubung dengan pembuat *provision* dan di beberapa pekan juga menghadapi masalah bekalan air. Oleh sebab itu, saya mohon mencadang kepada pihak kementerian supaya di bawah butiran ini dalam proses mengkaji penubuhan Suruhanjaya Air Negara ini, saya mohon supaya pihak kementerian berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah, khususnya pada pihak Ketua Menteri dan juga pihak Menteri yang berkenaan berhubung dengan bekalan air bagi negeri Sabah untuk kemungkinan menubuhkan juga Suruhanjaya Air bagi negeri Sabah.

Sebab jika sekiranya hanya SPAN ini untuk Semenanjung, barangkali nanti negeri Sabah akan menghadapi masalah untuk mendapatkan peruntukan yang diperlukan untuk mengatasi masalah bekalan air negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ambil satu contoh pada setakat masa ini, bekalan air untuk seluruh Kota Kinabalu, juga untuk kawasan daerah Tuaran dan taman perindustrian Kota Kinabalu. Kerajaan sedang membina satu empangan untuk *treatment plant* di kawasan saya, iaitu di Tam Belugu, yang mengakibatkan banyak masalah. Yang telah melibatkan pengambilan tanah daripada orang kampung dan sehinggakan orang-orang kampung dipaksa untuk keluar daripada dia orang punya tanah, itu saja tanah yang terlibat. Saya nampak, Tuan Pengerusi bahawa

dalam proses ini pun pelbagai masalah telah timbul, banyak pelbagai persoalan telah timbul dalam pembinaan ini dan melibatkan peruntukan yang begitu besar.

Oleh sebab itu, saya mohon mencadangkan sekali lagi supaya pihak Kementerian Kerajaan Persekutuan berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah, apakah nanti tiba pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini, juga akan melibatkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Air bagi Negeri Sabah, khususnya, supaya kita dapat *supply*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 70005 - Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar. Saya ingat itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, saya kalau bolehlah Yang Berhormat cuba berikan peluang kepada Timbalan Menteri menjawab pada pukul 4. Jadi, saya minta kerjasama, Yang Berhormat bagi Lipis, sila.

3.46 petang.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan 29 ini saya yang pertamanya nak bercakap tentang Butiran 70006 - Kajian Keselamatan Maklumat dan Kebolehpercayaan dan Integriti Rangkaian.

Pada 19 November lalu, saya menonton satu rancangan TV swasta dan rancangan itu memaparkan tentang masalah yang berlaku di kawasan dan sebagainya, di Kuala Tahan sebenarnya. Satu daripada kenyataan yang dikeluarkan dan disiarkan melalui tersebut mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin tempatan tidak pernah datang ke kawasan Kuala Tahan. Jadi, saya merasakan amat terkejut kerana 8 November, kebetulan pada masa itu saya berada di Kuala Tahan, saya dapati ada wakil rakyat yang berada di Kuala Tahan dan selepas itu dia naik bot mudik dan berada beberapa hari pula di kawasan-kawasan lain dan dalam kawasannya.

Jadi, apa yang saya nak katakan di sini ialah dari segi kebolehpercayaan dan integriti maklumat yang disiarkan oleh rangkaian tersebut sebenarnya tidak tepat dan ini boleh memberi gambaran buruk. Apa yang kita harap sebagai kementerian pengawal, pihak kementerian perlulah memberi perhatian dan menasihatkan atau mengambil tindakan kepada rangkaian-rangkaian TV swasta ini, di mana kebanyakan mereka ada kalanya bertanya sebuah pihak sahaja dan menyiarkan maklumat yang tidak tepat seperti yang saya katakan itu.

Yang keduanya, saya nak bercakap tentang Butiran 00100 - Program Kecekapan Tenaga. Dari segi penyeliaan atau kawal selia tiang-tiang elektrik dan juga tiang-tiang telefon ini. Di dalam kawasan luar bandar, kebanyakan tiang-tiang telefon ini saya tengok tidak terurus, tiang-tiang elektrik dan telefonnya. Kadang-kadang ada ulan dan sebagainya, ada juga tiang-tiang yang patah. Sebagai contohnya di kawasan saya ada beberapa tempat tiang-tiang elektrik

patah, mungkin ada yang di tengah sawah dan sebagainya. Saya sebenarnya pada tahun lepas telah beberapa kali bercakap dengan pihak TNB, di kawasan tapi tidak diambil endah.

Yang membimbangkan saya apabila kabel ini jatuh ke tanah dan sebagainya mungkin bagi pandangan saya, mungkin ini membahayakan tetapi mungkin pandangan TNB tidak begitu. Tetapi bagi saya takkanlah kita nak tunggu sampai ada orang yang mati dan sebagainya barulah kita nak menukar tiang-tiang tersebut. maka sibuklah masing-masing melihat dan sebagainya dan mungkin menuduh antara satu sama lain. Seingat saya pada masa dahulu, semasa Telekom dan Tenaga ini berada di bawah jabatan kerajaan, memang saya selalu nampak pekerja-pekerjanya meronda dan apabila ada ulan dan sebagainya, mereka terus membaik pulih. Tetapi sekarang saya tak tahulah, mungkin setelah diswastakan ini keuntungan lebih diutamakan sehingga kita mengabaikan keselamatan penduduk-penduduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Yang ketiga, yang terakhirnya saya hendak bercakap tentang Butiran 800000 – Projek Pembedungan Negara. Di kawasan Kuala Tahan dekat kawasan Taman Negara itu telah menjadi satu pusat pertumbuhan dan itu merupakan pusat pertumbuhan pelancongan kerana sekarang ini Taman Negara, Kuala Tahan boleh sampai atau boleh sampai melalui bot dan melalui jalan raya. Sekarang nampaknya banyak *chalet* dan sebagainya tumbuh di kawasan pertumbuhan itu.

Tetapi sekarang ini tidak ada suatu sistem pembedungan yang betul di situ dan apa yang membimbangkan saya kebanyakan daripada kumbahan yang dialihkan adalah terus ke dalam sungai. Jadi ini boleh mencemarkan sungai dan kita mintalah pihak kementerian sebagai pihak pengawal kepada program ini supaya memikirkan atau membuat kajian tentang keperluan pembedungan di Kuala Tahan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

3.51 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyebut TNB. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi telah mengkritik pekerja-pekerja TNB kurang cekap tetapi pandai menuntut *overtime* beratus jam satu bulan. Ini satu tuduhan yang serius dan boleh menyakitkan hati dan semangat kakitangan-kakitangan TNB.

Cuba bayangkan sekiranya kakitangan TNB memboikot kerja-kerja *over time*. Banyak tempat akan tenggelam dalam kegelapan. Tergendalanya atau gangguan bekalan elektrik lebih serius jika berlaku pada waktu malam. Penduduk-penduduk derita kerana kepanasan dan gangguan nyamuk-nyamuk. Kekurangan kecekapan kerja-kerja penyelenggaraan atau kerja-kerja membaik pulih adalah kerana kekurangan *work team*.

Ini bukan salah pekerja-pekerja. Selalunya dalam satu daerah, seperti dalam daerah saya hanya ada satu *team* atau satu geng pekerja pembaikan sahaja. Mereka perlu membuat kerja mengikut senarai yang diberi. Sebab itu, kadang-kadang ia mengambil masa dua hingga

tiga jam untuk datang membuat *repair work* dan perlu diambil perhatian bahawa *over time* dikira mengikut *one to one and a half hours*. Sekiranya kerja dua jam, dia dapat tiga. Kerja empat jam, dia dapat enam jam.

Apabila pihak sini membuat satu tuduhan berkenaan sesuatu perkara, pihak kerajaan akan kata beri bukti dan kita akan ambil tindakan. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri memberi bukti. Jangan melontar batu dan sembunyi tangan sahaja. Berikan bukti supaya tindakan boleh diambil. Jikalau tidak, beliau perlu menarik balik tuduhan-tuduhan yang dikatakan ini.

Butiran 020000 – IWK Perkhidmatan Pembedungan. Di daerah saya boleh dikatakan perkhidmatan IWK atau perkhidmatan pembedungan adalah memuaskan. Baru-baru semasa hari raya, berlaku juga tersumbat *manhole* dan juga lain-lain perkara dan saya ada buat pengaduan. Pada hari cuti ada juga orang sambut. Ada orang juga melayan dan ada orang juga pergi membuat kerja-kerja *repair*.

Setakat ini kerja-kerja pembedungan oleh IWK adalah memuaskan kecuali mereka saman mereka yang tidak membayar caj pembedungan itu dan saya pernah membangkitkan di dalam Dewan ini surat jangan mengupah peguam-peguam dari Kuala Lumpur dan caj sesuatu pelanggan itu dari Butterworth hendak datang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri *court*. Beliau kena caj pengguna-pengguna itu dalam daerah yang sama dan bukan caj di KL *court* dan panggil mereka datang ke sini.

Yang akhir sekali ASTRO. Kami mendapati ASTRO adalah suatu rangkaian yang berbayar, mengapa masih ada banyak *advertisement* dalam ASTRO? Baru-baru ini ASTRO menaikkan yurannya satu keluarga atau satu *subscriber* sebanyak RM5 dan ASTRO mempunyai 1.5 juta *subscriber*. Senang-senang satu bulan dia mengaut lebih kurang RM7.5 juta satu bulan. Saya ingin bertanya adakah suatu kawalan yangengehadkan supaya ASTRO jangan ada banyak *advertisement* sebab kami membayar yuran bukan hendak menengok *advertisement*, hendak menonton wayang dan bukan hendak menonton *advertisement*.

Saya juga bertanya tentang *second phase station* yang kedua, bilakah ia akan dapat beroperasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiawangsa, dua minit.

3.55 ptg.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai dua tabung yang di bawah kementerian ini iaitu Tabung Amanah Elektrik dan Tabung Komunikasi. Saya difahamkan Tabung Amanah Elektrik ini sudah beratus juta dikutip dan untuk Tabung Komunikasi ini sudah lebih RM800 juta. Persoalannya, saya ingin tahu apakah cara wang ini digunakan sebab tujuan asal tabung ini ditubuhkan ialah untuk membantu kerajaan untuk membiayai projek-projek yang kurang ekonomik di luar bandar.

Saya pendekkan lagi, yang kedua baru-baru ini kita tengok dalam televisyen, pengiklanan oleh Tenaga Nasional mengenai satu *rock concert* yang telah diganggu oleh satu gangguan bekalan elektrik dan dengan bangganya mereka telah memulihkan bekalan. Tetapi saya rasa ini agak dalam keadaan sekarang di mana bekalan tidak begitu cekap, Yang Berhormat bagi Kalabakan pun kata di Sabah kalau ada jamuan perkahwinan pun sekarang ada orang *standby* generator.

Saya rasa TNB tidak berapa sensitif mengeluarkan iklan yang sedemikian menunjukkan mereka dengan cekap memulihkan bekalan elektrik. Sebenarnya mereka patut memastikan bekalan itu lebih cekap dan putus elektrik itu tidak berlaku. Satu lagi saya rasa iklan yang dibuat tahun lalu, Tuan Pengerusi, kalau kita ingat semasa hari raya itu dibuatnya satu iklan yang kita ingat dia itu naik motosikal, rupanya dia tengah parut kelapa dalam hujan. Tetapi saya rasa kalau dari segi keselamatan elektrik pun kita tidak harus mengendali mesin dalam hujan.

Saya rasa kalau sesiapa yang bertanggungjawab dalam pengiklanan bagi pihak Tenaga Nasional, sensitiflah sedikit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam, dua minit sahaja.

3.57 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja. Butiran 800002 – Penyediaan Kajian Tadahan Pembedungan dan 800003 – Penyelidikan dan Pembangunan Pembedungan. Saya berasa hairan kerana kajian tinggal kajian dan kita macam satu trend untuk sentiasa mengadakan satu R&D dan sebagainya. Tetapi dalam konteks ini kalau kita menyebut tentang pembedungan, saya memang terlibat dalam bidang kejuruteraan awam ini, saya nampak perkara ini sebenarnya kita telah ada *master plan* dan mana-mana kawasan pun kalau hendak dibangunkan, kita mesti ada satu *master plan*, kawasan-kawasan tadahan pembedungan pun sudah sedia ada. Saya tidak nampak di mana logiknya kita buat kajian tadahan pembedungan, itu mungkin membazir wang.

Yang kedua, lagi tidak saya boleh terima ialah dari segi R&D untuk pembedungan. Semenjak dahulu sampai sekarang, caranya kita buat pembedungan sama dan hasil R&D nya apa. Saya hendak minta kementerian supaya jangan membazir sahaja kerana saya tidak nampak. Kalau ada inovasi ataupun ada satu teknik yang terbaru yang menjimatkan saya rasa saya setuju. Kalau tidak, saya rasa itu sia-sia sahaja usaha kita.

Yang satu lagi, modenisasi pengurusan sistem bekalan air. Saya mintalah kementerian supaya membuat suatu kajian yang menyeluruh dengan teknik GIS. Kita tidak ada suatu peta yang menunjukkan di mana kita tanam paip-paip air dan berapakah jejaringnya ataupun diameter paip-paip tersebut. Saya rasa ini adalah suatu perkara yang kritikal. Jangan korek, tambak, korek, tambak. Kadang kala tidak tertambak balik. Itulah mentaliti kita dan kita hendak menggunakan cara yang lebih profesional, kita gunakanlah GIS dan sediakan suatu peta yang

menyeluruh. Saya rasa kita perlu mula sebelum kita membuat pemasangan paip-paip baru. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bera.

3.59 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Butiran 700200 – Pos. Saya hendak tanya apakah sebenarnya dasar pejabat pos dari segi pembukaan ataupun penutupan – pembukaan pejabat pos, pembukaan pos mini, pembukaan wakil pos dan sebagainya. Sebab selepas Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah membuat jawapan di Parlimen mengatakan salah satu syarat untuk membuka pejabat pos mini ialah kawasan itu mempunyai sekitar penduduk lebih kurang 5,000 orang dan di kawasan saya, sebuah bandar satelit, bandar kecil di kelilingi oleh kampung-kampung baru dan kampung-kampung baru Cina iaitu di Mengkarak Stesen, penduduknya melebihi 5,000.

Saya menulis surat kepada Pengarah Pos Besar supaya membuka semula pejabat pos mini yang telah ditutup dan jawapan dia, tidak akan dibuka lagi.

Jadi pada hari ini saya hendak tanya dasar pos besar, pos mini, wakil pos dan juga pos bergerak, apa dasar-dasarnya. Yang kedua soalan saya ialah mengenai, saya difahamkan apabila pejabat pos diswastakan, seramai 81 pegawai kanan telah memohon untuk meletakkan jawatan secara sukarela di bawah VSS. Jadi pelbagai andaian mengatakan mengapa terlalu banyak permohonan untuk meletakkan jawatan tersebut dan saya difahamkan 58 telah diterima permohonan tersebut. Jadi ramai pegawai yang telah lama berkhidmat semenjak pos di bawah pengkorporatan tiba-tiba apabila diambil alih, meletakkan jawatan secara sukarela.

Jadi saya hendak tanya apakah punca perkara ini berlaku dan seterusnya secara ringkasnya saya hendak tanya, mengenai bekalan air, penyaluran air daripada Pahang ke negeri-negeri lain terutamanya negeri Selangor. Perkara ini telah lama dibincangkan, disebut-sebut telah lama tetapi sehingga ke hari ini belum lagi dapat dijalankan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi saya hendak tanya apakah sebabnya dan oleh kerana saya terakhir, sedikit lagi Tuan Pengerusi, saya juga ingin tanya mengenai kajian perlindungan data peribadi. Tahun lepas saya bercakap dan tahun ini saya hendak tanya lagi. Bila undang-undang perlindungan data ini akan dibentangkan di Parlimen dan diluluskan. Kalau kita lihat sudah banyak perkara-perkara kebocoran berlaku. Kalau kita lihat transaksi elektronik telah banyak dijalankan dalam negara, *e-government*, *e-commerce* macam-macam e lagi.

Baru-baru ini kita dengar kebocoran di dalam UPU apabila data peribadi telah digunakan oleh pihak tertentu untuk menjual kepada *private-private college* dan sebagainya. Jadi saya rasa perkara ini perlu disegerakan dan kalau akan dijalankan, pendekatan mana yang kita hendak ikut? Adakah pendekatan mengikut standard USA ataupun standard EU. Kalau mengikut standard USA industri-industri itu boleh mengadakan perundangan sendiri (*self regulatory*)

ataupun mengikut perundangan daripada EU dan akhirnya saya hendak tanya apabila dijalankan siapakah yang akan menguatkuasakan jika terjadi pencerobohan di dalam data peribadi ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah mengikut hujah-hujah daripada ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya yakin 1 jam untuk Yang Berhormat menjawab mencukupi, sila jawab.

4.03 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian membahaskan di peringkat jawatankuasa berhubung dengan kementerian ini dan saya juga akan berusaha untuk memberi jawapan sebaik mungkin tetapi agak mustahil saya rasa saya dapat menjawab semua soalan kerana sepanjang yang saya ambil nota, seramai 32 orang....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 33.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: 33 orang telah mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa ini dari Perlis sampailah ke Sabah. Setiap negeri ada wakilnya yang membahaskan di peringkat jawatankuasa ini. Jadi untuk memudahkan saya dan juga ahli-ahli Yang Berhormat memahami jawapan-jawapan yang diberi ini, maka sukalah saya memecahkan kementerian ini kepada tiga bahagian iaitu seperti biasa:

- (i) air;
- (ii) bekalan elektrik; dan
- (iii) komunikasi.

Jadi saya akan memulakan jawapan saya dengan bahagian air yang mana terlebih dahulu saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rasah iaitu yang menanyakan orang ramai menggunakan tandas, kedai-kedai kopi, kadar caj IWK yang dikenakan mengikut kadar kegunaan air dengan demikian caj IWK bagi kedai kopi akan meningkat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rasah. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Rasah caj IWK pada masa ini mempunyai elemen penggunaan air. Pada akhir tahun 2004, kerajaan telah membuat kajian semula caj IWK bagi sektor komersial. Daripada maklum balas yang diperolehi, dari masyarakat peniaga termasuk daripada persatuan-persatuan kedai kopi sendiri, kerajaan tiada cadangan untuk mengkaji semula kadar baru dalam masa yang terdekat ini memandangkan kajian semula baru sahaja dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Mambong juga bangun menanyakan apakah tujuan peruntukan yang besar yang disediakan bagi pembinaan empangan bagi Negeri Sarawak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Mambong, peruntukan sebanyak RM130.9 adalah untuk lapan projek sambungan termasuk pembinaan empangan Bengoh untuk membekalkan air mentah untuk loji air kawasan Kuching dan kawasan-kawasan yang berhampiran. Empangan ini

akan mula dibina pada tahun 2006 bagi menampung keperluan bekalan air sehingga tahun 2030. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana kawasan Yang Berhormat mendapat peruntukan yang begitu besar daripada kerajaan pada tahun ini.

Yang Berhormat bagi Mambong juga menyarankan projek-projek pembedungan perlu dibangunkan di kawasan-kawasan pembangunan di tepi sungai mencegah berlakunya pencemaran air sungai. Seperti biasa Yang Berhormat bagi Mambong ini memang seorang yang begitu peka tentang alam sekitar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Mambong, pihak kementerian memang memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek pembedungan berhampiran sungai-sungai.

Projek-projek sedemikian telah pun dirangkumi dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan akan terus dicadangkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Antara projek-projek itu ialah sistem pembedungan Bandaraya Kuching di mana di bawah Rancangan Malaysia Kelapan sejumlah RM14 juta telah pun diperuntukkan untuk pengambilan balik tanah dan sekiranya Yang Berhormat bagi Mambong mempunyai cadangan-cadangan yang sesuai untuk dikemukakan kepada pihak kementerian, pihak kementerian sentiasa mengamalkan sikap keterbukaan untuk menerima pandangan-pandangan Yang Berhormat bagi Mambong yang begitu peka berhubung dengan alam sekitar ini.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Sepanggar yang menanyakan masalah bekalan air di negeri Sabah. Kerajaan memang sedar mengenai masalah bekalan air di Negeri Sabah. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, jumlah peruntukan asal yang diberikan kepada negeri Sabah adalah RM308 juta dan jumlah ini telah ditambah kepada RM481 juta pada tahun 2004. Penekanan yang khusus telah diberikan kepada beberapa kawasan yang menghadapi masalah yang berpanjangan seperti berikut:

- (i) mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW) iaitu sebanyak RM91 juta;
- (ii) Program Bekalan Air Sandakan sebanyak RM125 juta liter sehari sebanyak RM26 juta;
- (iii) Program Bekalan Air Telibong dan Telipok 80 juta liter sehari sebanyak RM11 juta;
- (iv) Program Kecemasan untuk Kudat, Sandakan dan Papar 30 juta liter sehari iaitu jumlahnya RM51 juta.

Sebanyak RM1,816 juta telah dicadangkan untuk Projek Bekalan Air Sabah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Sepanggar menanyakan lagi peruntukan projek-projek pembedungan di Sabah. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan telah disediakan untuk pelaksanaan projek-projek pembedungan di Semporna dan juga membaik pulih loji-loji rawatan pembedungan di sekitar Kota Kinabalu. Senarai projek-projek yang dicadangkan

untuk disenaraikan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan telah dikemukakan untuk kelulusan dan dipertimbangkan oleh pihak EPU.

Saya juga ingin beralih kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah yang mana Kerajaan Persekutuan...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri. Senarai pembedungan yang dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, adakah pekan Tamparuli yang tersenarai. Saya ingin tanya, sebab itu saya bangkit dalam perbahasan tadi mengenai pembedungan untuk pekan Tamparuli sebab Yang Berhormat sentuh tadi tentang senarai pembedungan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *I'll reach to your question later.* Yang Berhormat bagi Tanah Merah, Kerajaan Persekutuan memberi RM600 juta untuk bekalan air Kelantan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kelantan hanya mampu belanja RM290 juta sahaja dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerana masalah pelaksanaan kontrak-kontrak berkenaan.

Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan selaras dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk mengadakan satu perancangan air luar bandar yang lebih teratur bagi negeri Kelantan, program air di bawah penyeliaan KTAK sebanyak RM740 juta telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Masalah bekalan air di Tanah Merah. Masalah berlaku semasa musim kemarau pada bulan Februari hingga Mei setiap tahun. Buat sementara, kawasan Felda Kemacang memperolehi bekalan air daripada Loji Kelau untuk jangka masa panjang akan dapat bekalan air daripada loji air Bukit Remah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Yang Berhormat Tanah Merah juga membangkitkan takrif air Kelantan yang dikatakan tinggi berbanding dengan negeri lain. Takrif air domestik Kelantan ialah pada purata 0.55 sen per meter padu. Mengikut rangking ia adalah rangking nombor empat terendah berbanding dengan negeri-negeri lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah dan Pasir Puteh - program penggantian paip-paip lama dan usang. Untuk negeri Kelantan sebanyak RM60 juta telah diperuntukkan untuk penggantian paip-paip lama dan usang sepanjang 200 kilometer di bawah Rancangan Malaysia Kelapan manakala untuk Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM272 juta telah dicadangkan untuk menggantikan paip-paip lama dan usang sepanjang dijangkakan 910 kilometer.

Yang Berhormat bagi Ipoh Timur menanyakan dari segi pembatalan taklimat air kepada Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur taklimat mengenai Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau pun SPAN kepada Ahli Dewan Rakyat yang dijadualkan pada peringkat awalnya pada hari ini telah ditangguhkan atas permintaan Ahli-ahli

Dewan sendiri. Ini menunjukkan bagaimana kementerian ini amat prihatin. Ini kerana Dewan ini akan bersidang sehingga 8.30 malam. Tidak mahulah nanti Yang Berhormat pergi Ipoh Timur pergi berlengas, tak mandi, kata tak cergas tidak ada idea, kita mahu Yang Berhormat Ipoh Timur *fit* baru pergi program macam ini boleh tanya banyak soalan lagi.

Taklimat kepada Ahli Dewan Negara juga ditangguhkan kerana Dewan Negara akan hanya bersidang pada bulan Disember 2005. Kedua-dua taklimat ini akan diadakan pada bulan Disember ini. Oleh kerana pembentangan Rang Undang-undang ini ke Parlimen dan dibuat pada sesi Mac 2006 penangguhan ini akan membolehkan Ahli-ahli Dewan mengkaji Rang Undang-undang berkenaan dengan lebih mendalam. Jadi ini memberi kesempatan kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur supaya lebih masa untuk meneliti lagi Rang Undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana penjelasan dan keterangan itu. Di sini saya mahu bertanya sama ada kerajaan atau kementerian berkenaan adalah untuk memberi kepada Ahli-ahli Parlimen dan sama ada Dewan Rakyat dan Dewan Negara sebelum taklimat Disember kajian-kajian yang kementerian ada commission mengenai industri air tentulah saya percaya banyak kajian diadakan supaya Ahli-ahli Parlimen boleh baca dan *read up first* dalam perkara-perkara ini supaya apabila taklimat datang Ahli-ahli Parlimen pun lebih fasih dalam isu ini. Ini pun melibatkan *prinsip of accountability* dan *transparency*.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sebagai mana yang diketahui memang ada *web site* berhubung dengan kedua-dua Bill ini di bawah kementerian ini dan boleh diekses oleh mana-mana pihak.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga yang mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah meminta pihak konsultan sendiri iaitu KPMG supaya meletakkan dalam *web site* itu perkara-perkara yang menjadi asas kepada KPMG dalam menggubal ataupun apabila mereka menggubal undang-undang bagi kedua-dua Akta ini. Saya rasa Yang Berhormat orang lama tetapi ada kemampuan boleh eksess internet, dia ada kebolehan ini maka Yang Berhormat boleh teroka *web site* ini dan melihat sendiri perkara-perkara yang wujud dalam barisan ini dan sekiranya Yang Berhormat memerlukan maklumat-maklumat lanjut

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Orang lama tidak boleh pakai.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Orang lama tidak boleh pakai?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Orang lama tidak boleh tetapi dia ini moden sikitlah. Sebab itu dia tanya fasal ICT banyak tadi. Yang Berhormat Kinabatangan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Apa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: *Microphone, microphone, on, on.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mengikut apa yang Tuan Pengerusi ada tanya orang yang tak faham ICT bagaimana, Ahli-ahli Parlimen?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya yakin semua Ahli-ahli Parlimen mempunyai ilmu untuk melihat laman web kementerian ini. Kalau ada masalah sangat hubungilah pihak kementerian ini dan kita sedia memberi bantuan berhubung perkara ini.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi mengadakan satu pendekatan supaya air hujan dan sungai dipakai sepenuhnya dan tidak terbuang ke laut. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kadang-kadang ia nampak agak pelik. Di sini kerajaan telah menyediakan satu pelan induk untuk melalui kajian sumber air negara di mana antaranya sebanyak 47 buah empangan telah dikenal pasti untuk dibina bagi menakung air untuk keperluan bekalan air seluruh negara sehingga 2050 kerana sebagai mana Yang Berhormat katakan tadi kita tidak mahu hujan turun banyak tetapi baru hujan tidak turun seminggu kita dah bising, terkial-kial nak cari ada. Dengan adanya

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerima cadangan Yang Berhormat apa hendak tanya lagi?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ada lagi?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Respons* yang baik. Saya pun pelik macam Yang Berhormat, sebab saya sebetulnya merasa banggalah sebab cadangan diterima oleh kementerian. Sebab kita tidak mahu pembaziran berlaku seolah-olah agensi kerajaan seperti DBKL 'menghalau' air menggunakan RM2 bilion mengeluarkan air, bayangkan RM2 bilion digunakan untuk 'menghalau' air sementara di satu agensi pula kementerian orang kampung panggil kementerian seperti 'katak' memanggil air pula. Jadi tidak ada kerjasama. Kalau ada kerjasama RM2 bilion itu diguna pakai untuk tujuan yang sama, saya rasa banjir tidak ada dan masalah air pun tidak ada. Saya harap Yang Berhormat membawa perkara ini supaya tidak berlaku lagi pada masa-masa akan datang sebab ini wang rakyat digunakan. RM2 bilion Tuan Pengerusi dibazirkan untuk membuang air sahaja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebagaimana yang saya katakan tadi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dan pihak kerajaan khasnya kementerian ini juga sebagai mana yang telah saya nyatakan tadi telah menyediakan satu pelan induk melalui kajian sumber air negara yang mana hasilnya kita telah memutuskan bahawa 47 buah empangan telah dikenal pasti untuk dibina bagi menakung air untuk keperluan air seluruh negara sehingga tahun 2050.

Sebagaimana yang saya katakan tadi sebenarnya negara kita tidak pernah kekurangan air cuma dari segi pengurusan air dan lebih malang lagi kadang-kadang air hujan di negara kita

yang turun ke sungai, sungai yang ada di negara kita tidak dijaga sebaik mungkin. Sebab itu menjadi kesukaran daripada kita untuk mengambil air sungai seperti air Sungai Klang tidak digunakan oleh orang Selangor sendiri akhirnya kita terpaksa mengimport air daripada negeri-negeri lain.

Yang Berhormat bagi Pendang tadi bangun untuk menanyakan satu takrif yang sama untuk semua negeri selepas Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Buat sementara ini, ini bukanlah objektif untuk selepas SPAN ditubuhkan oleh kerana kementerian sedar bahawa struktur kos pembangunan air adalah berbeza di antara negeri-negeri. Walau bagaimanapun, SPAN akan mengkaji dengan lebih teliti

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ada lagi dia ke Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya pun hairan juga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya Tuan Pengerusi ini masalah SPAN. Saya ingin bertanya apakah jaminan bahawa masalah air tidak lagi berlaku apabila Suruhanjaya ini diwujudkan sebab berlaku juga Suruhanjaya Tenaga, masih tenaga elektrik kita masalah sana masalah sini, jadi apa jaminan? Kedua apakah kriteria kementerian atau kerajaan melantik ahli-ahli Suruhanjaya ini sebab apa yang kita lihat kebiasaannya contoh dia mereka yang dahulu bekerja dalam bidang tenaga elektrik sudah *stignent*, sudah berkarat di situ, sudah tidak *develop* kemudian dilantik menjadi Suruhanjaya Tenaga. Di mana ada perkembangan terbaru kalau ini berlaku.

Kita berharap kementerian dan kerajaan mengkaji dan mencari Suruhanjaya ini tidak semestinya mereka yang telah berkhidmat lama dalam air ini tetapi tidak *develop* tidak berkembang. Akhirnya negara kita rugi dan Suruhanjaya ini hanya tinggal Suruhanjaya, tidak ada kesan ataupun impak yang besar ke arah memastikan bahawa Suruhanjaya ini benar-benar menepati masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Jadi kita meminta saya rasa rakan-rakan bersetuju dengan saya tidak semestinya mereka ini terdiri daripada mereka yang telah pencen ataupun telah memberi perkhidmatan dalam air berpuluh-puluh tahun. Tetapi bayangkan dia di situ pun perkara tidak berubah apa lagi kalau dia jadi Suruhanjaya, sudah pasti tidak bergerak Suruhanjaya yang akan diwujudkan oleh kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kinabatangan semenjak dia sudah tamat pelajaran buat Master ini, soalnya macam-macam. Ini menunjukkan dia banyak membacalah Tuan Pengerusi. Saya ucap tahniah dan kagumlah kepada Yang Berhormat Kinabatangan kerana sentiasa ada keprihatinan untuk membaiki sistem yang ada di negara ini.

Berhubung dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, suka saya nyatakan dalam menubuhkan suruhanjaya ini, kita ada *water forum* yang mana ahli-ahli dalam suruhanjaya ini

nanti, bukan sahaja terdiri daripada mereka yang terlibat dalam industri, kita juga akan ada wakil daripada pengguna, kemungkinan wakil daripada NGO dan juga mereka yang pakar dalam bidang air yang mana secara tidak langsungnya, kita akan menerima banyak pandangan.

Dengan adanya gabungan-gabungan ini, kita yakin akan memberi hala tuju yang lebih baik dalam industri air. Saya juga bersetuju kepada Yang Berhormat dan saya yakin bahawa Suruhanjaya Air nanti tidak akan terdiri daripada mereka yang tidak mahir dalam bidang ini. Oleh itu, saya percayalah Yang Berhormat, dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air nanti, bekalan air di negara ini akan bertambah baik di masa yang akan datang.

Seterusnya, saya ingin terus kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong. Puchong tidur ke, ada di sana? Okey, okey Yang Berhormat ..

Dr. James Dawos Mamit: Mohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Mambong bangun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Mambong, okey, ya.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Politik, maaf,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan politik.

Dr. James Dawos Mamit: Bukan politik ..[Ketawa].

Dr. James Dawos Mamit: Air adalah satu bahan yang ada kaitan dengan politik. Kerana ini ada kaitan dengan interest orang ramai. Oleh yang demikian, adakah kementerian bercadang juga untuk mengambil daripada kalangan Ahli Parlimen untuk menjadi suruhanjaya itu?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Mambong, dari segi perlantikan, Lembaga Pengarah Suruhanjaya, ahli-ahli suruhanjaya ini, terletak di bawah kuasa Menteri. Tetapi mungkin dari segi committee-committee itu bolehlah kalau nak cadangkan, saya boleh cadangkan, tetapi keputusan terletak di tangan Menteri untuk melantik sesiapa sahaja yang dirasakan sesuai dan mampu untuk menyokong dan memperkuatkan atau memperkemaskan lagi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini.

Yang Berhormat bagi Puchong telah menanyakan bahawa banyak sistem kolam oksidasi yang bermasalah. Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian dan apakah rancangan jangka panjang yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini? Kementerian sememangnya mempunyai program membaik pulih sistem pembedahan yang berterusan termasuklah kolam oksidasi. Program ini dilaksanakan mengikut keutamaan meliputi kolam-kolam oksidasi. Sebagai langkah jangka panjang, kementerian akan melaksanakan sistem pembedahan bertaraf wilayah atau kita panggil *regional system*. Dengan adanya sistem ini, kolam oksidasi akan diganti dengan sistem yang lebih berkesan.

Seterusnya Yang Berhormat daripada Larut membangkitkan dari segi bekalan air di Kampung Tersusun di Larut Perak di mana penghuni tidak berupaya menyambung paip daripada paip besar ke rumah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Larut, kos untuk memasang paip daripada paip besar kepada rumah adalah menjadi lazimnya dibiayai oleh pengguna sendiri. Bagaimanapun, pihak Lembaga Air Perak akan berbincang dengan Pejabat Daerah Larut Matang berkenaan masalah-masalah sekiranya terdapat terlalu banyak permintaan daripada mereka yang memerlukan. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk rujukan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jurutera air daerah Larut Matang dan Selama, Puan Rodziah memang tahu. Kita telah memohon peruntukan ini, sejak tahun 2003, yang terbaru walaupun perkara ini dah bangkit lama. Dan dalam surat permohonan daerah pun berkali-kali perkara ini dibangkitkan. Jadi, mintalah jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya pemasangan paip ini dapat disegerakan yang bernilai RM1.3 juta untuk lebih kurang 70 buah rumah di situ kerana mereka kebanyakan terpaksa menggunakan tadahan hujan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Larut, yang mana tidak kira siapa jua mereka memerlukan bekalan air bersih. Tetapi sebagaimana yang saya nyatakan tadi, pihak kementerian ini bersedia untuk membantu mereka yang terlibat dengan berjumpa dengan Pejabat Daerah Kawasan Larut untuk memastikan bagaimanakah kaedah yang terbaik supaya mereka yang tidak mendapat bekalan air bersih ini mendapat penyambungan daripada bekalan air di kawasan Larut, sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Serdang, status projek penyaluran air negeri Pahang ke Selangor. Rakan saya Yang Berhormat Serdang, untuk pengetahuan Yang Berhormat, perjanjian pinjaman projek ini dengan Japan Bank of International Corporation (JABIC) telah ditandatangani dan kementerian telah pun mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan projek ini termasuk mengadakan taklimat kepada Kerajaan Negeri Pahang dan memulakan proses pelantikan juruperunding. Sekiranya semua aspek berjalan lancar, projek ini akan dijangka siap pada tahun 2015.

Yang Berhormat Serdang juga menanyakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan air di Selangor yang dijangka pada tahun 2007 sementara menunggu siapnya penyaluran air antara negeri. Nampaknya Yang Berhormat begitu prihatin, begitu bimbang dari segi kekurangan air kalau tak siap projek untuk membawa air daripada negeri Pahang ini. Antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan air di Selangor adalah, satu, program kerja-kerja menghilangkan kekurangan air tidak terhasil (NRW) termasuklah penggantian paip lama, pengesanan kebocoran secara proaktif dan pencegahan kecurian air. Dan pada hari ini, alhamdulillah kita

lihat banyak telah berlaku penurunan dari segi NRW negeri Selangor. Kita nampak, berlaku penurunan dari segi ini.

sekiranya trend ini dapat terus dikekalkan, percayalah negeri Selangor tidak akan mengalami masalah kekurangan air walaupun projek membawa air daripada negeri Pahang itu siap mungkin agak terlewat sedikit. Yang penting, cara kita menguruskan air kita. Macam mana air nak cukup kalau 42% air hilang, ya? Hanya 60, hanya setakat 58%, boleh pakai, 42% boleh hilang. Tapi *if we can reduce*, boleh kurangkan NRW, Selangor *shouldn't have problem* dengan air, air bersih. Kedua, mencari sumber air alternatif, seperti air bawah tanah dan air tasik.

Dan ketiga, kempen penjimatan air yang lebih intensif. Ini juga boleh memainkan peranan. Ada kadang-kadang ramai menggunakan air secara yang membazir. Dan yang keempat, menggalakkan kitaran air semula, khususnya di kalangan pengguna-pengguna besar misalnya kilang-kilang. *Certain industry* dia boleh gunakan air-air yang telah diproses semula, boleh digunakan di kilang-kilang ini. Kalau ini dapat dilakukan, banyak cara boleh membantu Selangor supaya tidak menghadapi masalah kekurangan air nanti. Dan yang kelimanya, mengenal pasti beberapa sumber air kecil yang lain yang boleh diterokai.

Serdang juga membangkitkan dari segi *coding* tarif air untuk rumah pangsapuri kod 18, pada kadar 0.70 ataupun RM0.70 sen per meter padu dan kondominium pada kadar RM1.20 per meter padu. Kalau tak silap saya, Yang Berhormat Serdang pernah bertanya saya berhubung perkara ini. Mengikut *clasify* lama, kadar air untuk pangsapuri tanpa kemudahan adalah pada harga RM0.70 per meter padu, dan pangsapuri serta kondominium dengan kemudahan, pada kadar RM1.20 per meter padu.

Pada tahun 2003, PUAS pada masa itu telahewartakan klasifikasi baru iaitu kod 18 untuk apartment, atau kos rendah pada RM0.70 per meter padu dan pangsapuri dan lain-lainnya, sama ada dengan kemudahan atau tidak, dikenakan kod 17 pada kadar RM1.20 per meter padu.

Kemudian ini Sandakan. Yang Berhormat.

Dato' Yap Piau Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat beri penjelasan berkaitan dengan kod 8, kod 17 itu. Tapi sebenarnya, kalau katakan kemudahan, apa ertinya kemudahan? Pangsapuri tanpa kemudahan dan pangsapuri dengan kemudahan, apa ertinya kemudahan itu? Baru pulih *justified* apa yang akan dinaikkan, caj itu akan diubah supaya mereka tidak akan kena beban. Itu yang penting sekali.

Lagi satu, apa sebabnya hanya satu surat pekeliling hantar kepada penduduk-penduduk pangsapuri yang kena RM0.70 sen itu naikkan terus kepada ... RM0.20 sen tanpa penjelasan lebih lanjut di mana dijadikan isu sosial dan isu politik di sekitar kawasan negeri Selangor.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Ingin saya jelaskan dari segi kemudahan ini, kalau saya tidak disalah tafsirkan, kemudahan ini bermaksud pangsapuri-pangsapuri yang ada seperti kolam renang, dan sebagainya. Ini kemudahan-kemudahan yang mana mereka gunakan air untuk tujuan-tujuan begini. Tapi

sekiranya keterangan saya agak bercanggah sedikit, saya akan berhubung semula dengan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini. Saya akuih mungkin ada kelemahan-kelemahan pada mereka menukar kod ini dan sebab itu nanti dengan adanya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, kita mengharapkan perkara-perkara ini dapat mengatasi perkara-perkara yang memberi kelemahan dan juga menyusahkan wakil rakyat seperti Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Bolehkah saya minta penjelasan atau satu pandangan daripada Yang Berhormat di antara kod 17 dan 18 kerana *charge* ubat itu begitu tinggi sekali gus, bolehkah timbangkan supaya diwujudkan satu kod yang baru di antaranya, supaya mereka boleh terima tawaran penduduk di pangsapuri, kerana banyak pangsapuri tidak ada kolam renang ertinya *charge* dari.....sama dengan kondominium yang ada kolam renang. Maka itu, bolehkah pihak kementerian untuk menimbangkan perkara ini?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat saya lebih suka berterus terang dengan Yang Berhormat sebenarnya untuk pengetahuan, akhirnya pada masa ini, kuasa air itu masih lagi di bawah kerajaan negeri. Jadi ada batasan-batasan tertentu yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, kita tidak mengamalkan semangat lepas tangan, sekiranya ini amat menyusahkan orang ramai dan juga memberi implikasi sosial, maka kita akan berjumpa dengan syarikat yang membekalkan air di negeri Selangor dan kita mengadakan perbincangan untuk kebaikan semua pihak, sama ada Kerajaan Negeri Selangor mahupun orang ramai di negeri Selangor ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Sandakan, isu hutang Kerajaan Negeri Sabah dengan syarikat konsesi. Kerajaan Negeri Sabah masih berunding dengan 3 syarikat konsesi untuk menyelesaikan masalah tunggakan hutang tersebut. Tumpuan rundingan adalah untuk mengurangkan kadar belian pukal membeli air *bulk sales rate* yang pada masa kini membebankan kerajaan negeri, kementerian sedang memantau tentang rundingan tersebut dan sedia membantu dengan nasihat-nasihat teknikal.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat Jerai tidak ada dalam Dewan sekarang ini. Menghapus kira hutang Kerajaan Negeri Kedah untuk pinjaman bekalan air. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat perkara pinjaman kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, dalam struktur industri air yang dicadangkan, kementerian bersama Kementerian Kewangan mengkaji satu model kewangan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan air yang baru dan perkara mengenai hutang kerajaan negeri akan diambil kira dalam modal tersebut.

Jerai juga menanyakan dari segi mengganti dan membesarkan paip-paip lama. Dalam program menggantikan paip-paip lama, adalah menjadi amalan biasa, supaya paip lama yang kecil digantikan dengan paip baru yang lebih besar bagi menampung keperluan semasa dan akan datang. Untuk tujuan ini, peruntukan sebanyak RM114 juta untuk Kedah telah

dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk mengganti sepanjang lebih kurang 380 kilometer.

Ipoh Barat menanyakan sama ada peruntukan diberi untuk menggantikan paip-paip lama di negeri Perak. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Ipoh Barat, peruntukan juga memang diberi untuk setiap negeri bagi program menggantikan paip lama. Untuk negeri Perak sebanyak RM45 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Untuk tujuan ini RM150 juta dicadangkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan.

Ipoh Barat sekali lagi menanyakan, penggunaan penapisan air dan cadangan peraturan kawal selia terhadapnya. Buat masa ini, peraturan penguatkuasaan berkenaan penapis air di rumah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa air negeri masing-masing. Apabila SPAN ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Air dikuatkuasakan kelak, perkara berhubung peraturan penguatkuasaan penggunaan akan dikaji dan diselaras oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Walau bagaimanapun, selalunya adalah menjadi kelaziman mana-mana syarikat yang membekalkan air, dia tidak membenarkan kita letak alat-alat untuk penapisan ini berhampiran dengan meter mereka kerana ia bimbang akan mengganggu perjalanan meter yang mereka bekalkan itu.

Yang Berhormat Pendang menanyakan cukai untuk kegunaan tali air pertanian dan takrif air dikurangkan supaya tidak membebankan petani. Untuk makluman Yang Berhormat *charge* tali air pertanian adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk takrif air, kerajaan telah menetapkan bahawa struktur takrif air dirangka secara *block*, di mana *block* pertama adalah diberikan pada kadar yang rendah, bagi membantu rakyat miskin dan bagi menggalakkan penggunaan air secara berhemah. Ini maknanya, bila SPAN ditubuhkan nanti, bila kita hendak buat takrif air kita pastikan.....

[Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin masuk ke dalam Dewan]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Jerai baru masuk..., tadi dia tak ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya dok monitor daripada luar..

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tadi saya dah jawab Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, saya tak kacau.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ..dari segi takrif air nanti kita peka pada segala permintaan orang ramai dan juga pandangan-pandangan Yang Berhormat yang mana jangan menyusahkan mereka yang memerlukan. Jadi kita memastikan nanti, ada banyak *curve*, maknanya kalau mereka yang menggunakan air minimum, kalau ada 7, 8 orang anak tu mungkin kosnya rendahlah, hanya mereka yang menggunakan air yang banyak, sampai ke tahap pembaziran, mereka akan membayar kos yang lebih, sebab kita tidak mahu nanti, industri air ini menjadi satu industri yang tidak *sustainable*, yang tidak mempunyai daya saing dan dalam masa yang sama kita tidak mahu menyusahkan orang ramai, kalau kita bagi subsidi, kita bantu hanya

mereka yang berpendapatan yang rendah, orang pendapatan rendah ini dia pakai tak banyak, dia mandi, dia masak, itu saya rasa - untuk air, dia siram bunga pun dia pakai tadah air hujan sahaja. Jadi air yang digunakan tak banyak, jadi kos untuk air ini kita kenakan takrif kos yang rendah untuk kegunaan yang sedikit.

Seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat bertanya, apakah syarikat baru akan mengambil alih IWK. Ini pernah saya jawab dahulu. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, IWK telah menjadi syarikat milik kerajaan pada tahun 2000 setelah ekuiti sepenuhnya dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. Pada masa kini, kerajaan tidak ada rancangan untuk IWK diambil alih oleh mana-mana syarikat. Kerajaan tiada cadangan untuk menghapuskan *charge* IWK yang tertunggak. Berapakah hutang kerajaan kepada IWK, dan apa akan terjadi kepada hutang ini? Pinjaman kerajaan kepada IWK berjumlah RM925 juta dan perkara ini sedang dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

Kepada Yang Berhormat dari Ayer Hitam menanyakan peta untuk kedudukan paip di bawah tanah. Di bawah Program Modenisasi Pengurusan Bekalan Air sebanyak RM121 juta dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk mewujudkan peta-peta digital kedudukan air di bawah tanah dengan menggunakan sistem GIS.

Kepada Tuaran, memohon kepada Majlis Perbandaran Tuaran mengenai projek sistem pembedungan di Tuaran, Sabah. Pihak kementerian telah menerima permohonan tersebut, projek ini dicadangkan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tertakluk kepada kelulusan EPU.

Yang Berhormat bagi Lipis, memberi tahu bahawa Kuala Tahan membangun dengan pesat. Oleh itu dicadangkan supaya kementerian ini menjalankan satu kajian untuk mengenal pasti cara yang sesuai bagi menampung keperluan sistem pembedungan Kuala Tahan. Kementerian akan meneliti dan menyusul cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Yang Berhormat Bagan pula mencadangkan bahawa kes saman *charge* IWK di bawa ke mahkamah di kawasan yang sama. Cadangan Yang Berhormat ini sememangnya dilaksanakan oleh IWK pada masa ini.

Yang Berhormat Ayer Hitam sekali lagi menanyakan kenapa masih ada kajian pelan tadahan dan R&D di bawah program pembedungan. Kajian pelan tadahan adalah bagi kawasan-kawasan baru serta mengemas kini pelan tadahan yang ada. R&D adalah untuk membantu menyediakan piawaian teknikal yang sesuai untuk kegunaan industri pembedungan tempatan. Contohnya, untuk memberi asas kepada ulang kaji piawaian Malaysia MS 1228, *Malaysia Code of Practice for the design and construction of sewerage system*.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin terus kepada bahagian seterusnya iaitu Bahagian Tenaga. Yang Berhormat bagi Mambong menanyakan peruntukan untuk pusat penempatan semula kampung Sungai Asap. Apakah peruntukan ini untuk pembinaan

kemudahan orang awam? Untuk pengetahuan Yang Berhormat Mambong, peruntukan yang dipohon untuk pusat penempatan Sungai Asap adalah untuk penempatan sebuah dewan orang ramai serta lain-lain kemudahan yang membolehkan orang ramai menggunakannya.

Yang Berhormat bagi Sepanggar pula menanyakan isu pinjaman mudah kepada SASB, Yang Berhormat mencadangkan juga kementerian ini memantau pelaksanaan projek penjanaan elektrik di Sabah, supaya projek siap mengikut jadual. Untuk pengetahuan Yang Berhormat projek-projek penjanaan elektrik yang sedang dilaksanakan di Sabah adalah seperti berikut:

- i. penambahan kapasiti IPP *Ranhill Power* daripada 120 megawatt kepada 190 megawatt menggunakan gas di kawasan grid pantai barat Sabah. Projek ini dijangka siap pada tahun 2006;
- ii. Projek IPP Sepanggar *Bay Power Corporation* 100 megawatt gas di kawasan *grid* pantai barat Sabah. Projek ini dijangka siap pada tahun 2007.
- iii. Projek baru IPP, 190 megawatt gas oleh *Ranhill Power* di kawasan Pantai Barat Sabah, projek siap pada tahun 2008.
- iv. Projek baru IPP, 300 megawatt arang batu yang akan dilaksanakan di kawasan Pantai Timur Sabah, pelaksanaan projek adalah secara *open bidding* dan dijangka siap pada tahun 2009 ataupun 2010.
- v. Projek Grid Sambungtara Timur-Bbarat yang akan siap pada bulan Jun 2006. Grid sambungtara ini akan menghubungkan Grid Pantai Barat dengan Grid Pantai Timur Sabah. Apabila siap kelak sistem grid Sabah akan diwujudkan bagi memastikan bekalan elektrik yang mencukupi dan stabil bagi seluruh negeri Sabah.

Pihak kementerian sememangnya memantau semua projek infrastruktur bekalan elektrik di Sabah bagi memastikan projek-projek tersebut siap mengikut jadual. Ipoh Timur perlu diadakan *consultative body* mengenai tenaga bagi membolehkan orang awam membincangkan mengenai tarif elektrik. Untuk Pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, kerajaan telah menubuhkan panel perundingan yang dipengerusikan oleh Suruhanjaya Tenaga. Panel ini memberi landasan atau platform untuk perbincangan mengenai isu-isu tenaga seperti permintaan dan penawaran elektrik, kualiti dan sebagainya.

Ahli-ahli panel perundingan tenaga terdiri daripada FOMCA, TNB, UPE, (*Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO) dan juga FFM. Yang Berhormat bagi Puchong membangkitkan isu mengenai penggunaan tenaga elektrik secara curang. Pengubahsuaian meter, ingin tahu mengenai asas pengiraan bil elektrik dan penggunaan Seksyen 37 dan 38 dalam Akta Bekalan Elektrik 1990 untuk mengatasi masalah pengguna-pengguna yang terlibat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Puchong, pengiraan bil elektrik dibuat berdasarkan

anggaran penggunaan bagi tempoh yang dikenal pasti sebagai penggunaan tenaga secara curang.

Penggunaan disahkan oleh jurutera Tenaga Nasional Berhad. Yang keduanya, Akta Bekalan Elektrik - Seksyen 37 menyenaraikan kesalahan yang dilakukan, Seksyen 38 menyenaraikan kuasa-kuasa yang ada dan tindakan-tindakan yang boleh dilakukan oleh TNB seperti memotong bekalan elektrik tidak melebihi tiga bulan dan menuntut kembali kerugian hasil.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sekejap! Yang ketiganya, sekiranya pengguna masih tidak berpuas hati.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu bagaimana jurutera tenaga nasional ini tahu bila meter itu telah diubahsuai ataupun telah dicurangkan. Ini kerana, sebagai contoh kalau pemilik seorang premis atau seorang *shop lot* itu, dia mungkin beli daripada *second hand market* dan seterusnya dan dia tak tahu. Mungkin pemilik asal itu yang telah membuat satu pengubahsuaian tetapi yang kena yang pemilik kedua. Saya nak tahu bagaimana, orang kata *definite answer*, bagaimana dia tahu bila dan *start* meternya telah diubahsuai.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya masalah yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong ini bukan sahaja masalah yang pernah saya dengar, malah Yang Berhormat bagi Batu Gajah juga pernah mengutarakan masalah ini dan beberapa Ahli Yang Berhormat juga pernah mengutarakan masalah ini, cuma dari segi penjelasan yang diberikan adalah pengiraan bil elektrik dibuat apabila mereka anggarkan berlaku terlalu jauhnya, tiba-tiba bilnya *drop* dan kemudian bila dia *suspect* baru mereka buat anggaran. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak yang terbabit itu tidak berpuas hati, sepatutnya pihak ini terpaksa membuat aduan kepada Suruhanjaya Tenaga, bukannya kepada Tenaga Berhad.

Sepatutnya mereka melaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga apabila mereka tidak puas hati. Bagaimana sebagai *player*, Tenaga Nasional Berhad mereka adalah *player*, yang *player* buat salah, mesti *player* tak mengaku. Sepatutnya yang *opponent* mesti mengadu kepada *referee*, *referee* siapa? Dalam kes ini, *refereenya* adalah Suruhanjaya Tenaga. Jadi, sekiranya Yang Berhormat mendapati ada di kalangan mereka, pengguna-pengguna daripada tenaga ini tidak berpuas hati sepatutnya mereka melaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga dan bukannya membuat laporan kepada Tenaga Nasional Berhad. Pihak kementerian akan memberi perhatian berhubung perkara ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, pihak menteri sendiri telah meminta Tenaga Nasional untuk melihat perkara ini secara serius kerana banyak aduan-aduan telah diterima berhubung perkara ini setakat ini.

Tuan Pengerui [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya ekoran daripada penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya telah pun berjumpa dengan pihak pentadbiran TNB beberapa minggu dahulu. Saya telah pun difahamkan oleh pihak pentadbiran TNB bahawa bukanlah - dia katakan disebabkan oleh *shock handle* dalam pentadbiran suruhanjaya, seperti mana yang dikatakan *referee* itu. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah apabila wujudnya sesuatu aduan, dia akan tujukan kepada pengeluar iaitu pejabat TNB yang mengeluarkan notis itu di mana-mana tempat, daerah ke di peringkat negeri ke.

Jadi, pengguna-pengguna disuruh pergi berjumpa dengan seorang pegawai dan selalunya pegawai itu disebabkan TNB ini merupakan monopoli, jadi dia tak kisah. Biasanya dia hanya tentukan angka ini dan dia suruh pengguna-pengguna bayar sahaja dan katakan ini adalah pengiraan dan juga pendapat daripada *civil squad*, daripada TNB dan disebabkan itu pengguna-pengguna haruslah bayar kalau tidak dia potong saja. Dan saya rasa apa yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi mungkin tidak sebenarnya berlaku. Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan saya juga bersetuju sekiranya.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, ada kaitan, ada kaitan. Minta maaf, ada kaitan. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau kita baca surat yang telah diberikan oleh TNB, dia kata sila ambil perhatian bahawa di bawah subseksyen 38(1) Akta, "*Tuan adalah diberi notis bahawa bekalan elektrik di premis seperti di atas akan dipotong pada sekian hari.*" Ini bermakna pemilik-pemilik kedai atau pemilik kilang itu terpaksa berjumpa dengan Tenaga. Kalau tak jumpa dia akan potong mengikut akta ini. Dia tak kata pemilik itu mesti berjumpa dengan Suruhanjaya Tenaga. Saya nak satu penjelasan dari Yang Berhormat, yang mana yang sepatutnya kita jumpa Tenaga atau Suruhanjaya?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Sebagaimana yang saya katakan selain daripada berhubung dengan Tenaga sepatutnya membuat aduan ini kepada Suruhanjaya Tenaga kerana merekalah yang bertindak sebagai badan *regulatory* kepada Tenaga Nasional Berhad. Sebagaimana yang saya nyatakan sendiri, pihak menteri juga amat memahami akan keperitan yang diterima oleh mereka yang mendapat tiba-tiba bil tundangan ini dan pihak menteri sendiri telah mengarahkan pihak Tenaga supaya melihat semula berhubung dengan isu ini dan saya akan juga memaklumkan semula kepada pihak menteri bahawa masih lagi terdengar banyak rungutan berhubung perkara ini. Saya amat memahami kerana tiba-tiba mereka mendapat bil yang tertunggak yang mengatakan mereka menggunakan bil secara curang. Percayalah kita akan mencari penyelesaian yang seadil mungkin kepada kedua-dua pihak supaya tidak ada mana-mana pihak yang tertindas berhubung dengan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasihlah kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Bolehkah saya mengambil kesempatan ini mendapat satu jaminan daripada kementerian supaya memberitahu TNB bahawa selagi masalah ini tidak diselesaikan maka amalan yang dilakukan oleh *squad seal* itu haruslah diberhentikan dengan serta-merta supaya tidak wujudnya golongan pengguna di mana-mana sudut di negara kita ini yang akan terus lagi teraniaya. Ini kerana saya tidak mahu mempertahankan hak bagi pengguna-pengguna yang betul-betul menggunakan elektrik dengan curang tetapi saya ingin mempertahankan hak bagi pengguna-pengguna yang teraniaya dalam kes ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka bahawa mereka yang menggunakan tenaga ini secara berhemah tidak sepatutnya dihukum. Oleh itu, sebagaimana yang saya katakan tadi saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya memaklumkan semula kepada Tenaga Nasional sekiranya boleh dihentikan buat sementara waktu skuad ini supaya mereka yang benar-benar bersalah hanya diambil tindakan buat sementara waktu ini. Itu yang boleh saya beri jaminan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Tanjong dan Yang Berhormat bagi Jasin, yang mana menyentuh tentang cadangan TNB untuk menaikkan tarif elektrik. Sumber bahan api gas merupakan 60% daripada bahan api penjaanaan; berharap kementerian tidak menggunakan isu harga gas untuk menaikkan tarif elektrik; harus menerokai sumber alternatif seperti hidro dan solar dalam penjaanaan elektrik.

Berhubung dengan permohonan TNB untuk menaikkan tarif, perkara ini masih dalam kajian kementerian ini. Kementerian memang mengambil langkah-langkah untuk mempelbagaikan bahan api untuk menggalakkan penggunaan *renewable energy* seperti *biomass*, solar dan hidro. *Program Small Renewable Energy (SREP)* telah dijalankan mulai tahun 2001. Sebanyak 66 buah projek SREP dengan kapasiti 330 megawatt telah diluluskan.

Yang Berhormat Pontian menyentuh tentang sama ada kerajaan akan menggalakkan persaingan dalam industri bekalan elektrik. Kerajaan memang menggalakkan persaingan dan industri bekalan elektrik. Segmen penjaanaan telah pun dibuka untuk persaingan. Terdapat 12 buah IPP beroperasi di Semenanjung Malaysia. Penjaanaan elektrik dari pelbagai sumber seperti solid waste, kerajaan memang mengamalkan kepelbagaian dalam campuran bahan api, gas hidro, arang batu dan *renewable energy*, *biomass*, solar, dam field.

Adakah kadar harga jualan tenaga daripada IPP sama rata atau berbeza-beza. Kadar harga pembelian tenaga oleh TNB daripada IPP adalah berbeza-beza bergantung pada jenis lokasi projek, kos kewangan dan lain-lain. Pada lazimnya harga yang dibenarkan adalah ditetapkan berdasarkan kepada IRR yang tidak jauh daripada kadar pinjaman.

Yang Berhormat bagi Pontian juga memohon penjelasan kepada perjanjian IPP berbeza-beza. Perjanjian IPP berbeza-beza kerana bergantung kepada jenis loji penjanaaan bahan api yang digunakan dan kos projek. Mencadangkan penjanaaan elektrik secara persaingan di antara TNB dan IPP untuk bekalan elektrik yang lebih murah dan perkhidmatan berkesan. Persaingan yang terdapat sekarang adalah berdasarkan kepada penjanaaan yang lebih murah di antara stesen-stesen jana elektrik. Berdasarkan kepada peruntukan di dalam kod stesen-stesen yang mempunyai kos yang murah akan diberi keutamaan untuk menjanaaan elektrik mereka setiap hari.

Yang Berhormat bagi Jasin juga menyentuh tentang cadangan.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, terus hendak bercakap!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tidak, saya terus masuklah itu. Penjelasan. Saya dengar tadi pencawang elektrik dan sebagainya serta kos. Bolehkah Yang Berhormat terangkan, baru-baru ini ada pihak kawasan tengah Kuala Lumpur itu sudah periksa di lebih 2,000 rumah di mana didapati mereka tukarkan meter. Kemudian selepas tukar meter itu dicaj dengan banyak, beberapa kali ganda. Saya hendak mengetahui daripada Yang Berhormat apakah kriteria yang digunakan sebab bukan semua ini tahu apa yang terjadi. Ada besar kemungkinan meter-meter ini yang lama ini ia berjalan dengan perlahan. Kerana ia jalan dengan perlahan pihak TNB caj dengan lebih banyak dan menyalahkan pihak pengguna. Saya ingat yang ini satu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah jawab yang itu, Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak dengar fasal itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri tidak salah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya, walau bagaimanapun saya hendak dia bagi pihak TNB tahu, tidak bolehlah kita hendak salahkan pengguna sahaja. Mengapa pihak TNB tunggu begitu lama untuk menukarkan meter ini. ya sekian terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Kepong, suka saya nyatakan yang saya sudah jawab, saya juga setuju dengan Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Puchong yang mana mereka yang tidak bersalah yang tidak sepatutnya dihukum dan diambil tindakan dengan begitu segera.

Yang Berhormat bagi Jasin telah menyentuh tentang cadangan ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun pula Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sekejap, sekejap ya, sedikit sahaja. Saya hendak tolong Tenaga Nasional Berhad ini, hendak beri satu pandangan yang saya telah fikir masak-masak, bagus. Kita ada *independent power plant* yang mengeluarkan jana kuasa dan dijual kepada TNB. Kemudian TNB *distribute* kepada pengguna dan sebagainya. Apa kata hari ini TNB juga buat dan adakan *independent power distributor*. Jangan terkejut Yang Berhormat, Yang Berhormat terkejut ini sebab benda baru. Bermaknanya, katakanlah dalam kawasan-kawasan tertentu serah kepada satu syarikat, dia beli karan daripada TNB, dia *distribute* dalam kawasan-kawasan berkenaan dan dia *maintain* untuk dalam kawasan berkenaan, *break down*kah, apakah.

Jadi dia ada komisen dan sebagainya. Jadi mengurangkan bebanan TNB untuk menyelaraskan *distribution of power* ini kerana Yang Berhormat kena sedar Yang Berhormat kalaulah *breakdown*, sukarlah bagi kita untuk menuntut kerugian kepada TNB. Katakanlah *breakdown 24 hours* ataupun *5 to 6 hours* dalam satu kawasan, benda-benda yang di rumah sendiri, segala ikan, apa semua yang kita letak dalam peti ais itu akan rosak, takkan kita hendak *claim* dari TNB?

Jadi kalau perkara ini berlaku kerap-kali, ia akan merugikan. Kalau kita himpun-himpun, ia menjadi besar. Jadi, cadangan saya tadi adalah untuk meringankan sedikit beban dan memberi sedikit peluang kepada orang untuk menjaga dan kawasan perumahan-perumahan yang besar itu dia ada *independent power distributor*. Memang dia beli *power* dari TNB tetapi dia *maintain* dan jaga kawasan-kawasan yang berkaitan.

Satu lagi, Yang Berhormat, saya hendak tanya, kadang-kadang orang kampung, depa orang susah – yang pergi ke laut, yang tidak boleh memotong dan sebagainya. Kadang-kadang bil mereka tertunggak. Selalunya wakil rakyat akan *subsidize*kan di mana mereka datang tunjuk bil kita, kalau kena RM300, tidak bayar TNB hendak potong, kitalah bawa keluar, sedekah kepada dia dan pergi bayar. Jadi boleh atau tidak Yang Berhormat, kes-kes yang tertentu yang kadang-kadang orang miskin ini kita bayar macam dua, tiga kali.

Jadi boleh atau tidak pihak TNB melalui kementerian beri peluang kerana kalau kita tengok kadang-kadang syarikat-syarikat besar, hutang berjuta tidak bayar tidak apa pun, api masih berjalan, karan masih berjalan juga. Yang hamba Allah ini hutang, tengah RM200, dua bulan tidak bayar, depaa sudah datang potong. Jadi, boleh atau tidak Yang Berhormat demi kesejahteraan untuk membantu orang-orang miskin. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jerai, yang ini yang saya sayang lebih kat dia, asyik jaga orang ramai, orang susah ini dan nelayan semua dia jaga, dia tidak makan ketupat raya pun dia tahan. Jadi saya hendak tanya, dari segi memecahkan pencawangnya, dari segi *distribution*nya, akhirnya macam kita pecahkan

sendiri TNB itulah, kita beri mungkin *state* itu ada *company* yang lain itu buat, itukah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Maksudnya macam ini, dia jadi pengedar, *distributor* dalam kawasan-kawasan yang dihadkan, dia beli karan daripada TNB, kemudian dia jaga kawasan itu, dia *maintain breakdown*, dia tengok apa semua, dia untung sedikit.

Seorang Ahli: Rugilah macam itu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak rugi, dia hendak rugi apa? Pasal dia beli daripada TNB juga.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Akhirnya kosnya akan jadi lebih tinggi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak tinggi, maknanya Tenaga Nasional bagi....

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Akhirnya kos akan lebih tinggi sebab dia tidak ada *economic of scale*....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pengguna tidak rugi, Tenaga Nasional yang untung.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang ini saya rasa Yang Berhormat kena setuju dengan Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudahlah, biarlah dia jawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau yang lain kita boleh bincang tetapi yang ini Yang Berhormat kena bersetuju dengan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu cadangan sahaja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Dari segi *economic of scale*, ia tidak ada dan apabila tidak ada *economic of scale*, itu yang berlaku kepada macam banyak kawasan kecil, mereka tidak boleh ada syarikat mereka sendiri. Malah negeri Sabah dahulu, apabila Sabah itu sendiri tidak berada di bawah Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Elektrik Sabah tidak mampu untuk membekalkan elektrik yang berkualiti kepada masyarakat Sabah dan akhirnya TNB kena ambil seluruh negeri Sabah ini untuk bersama-sama menjadikan satu *company* yang cukup kuat dari segi kewangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang ini Yang Berhormat kena bersetuju. Yang kedua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu cadangan, tidak apa, tidak apa.
[Ketawa]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Dari segi masyarakat susah itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mana TNB sepatutnya prihatin tetapi dalam soal ini TNB

sebenarnya memberi masa lebih kurang 30 hari, Yang Berhormat, kepada mereka yang tidak mampu yang mana TNB tidak melakukan pemotongan kerana memang tidak patut kalau hendak potong rumah orang macam Yang Berhormat cakap, rumah nelayan, rumah petani, bekalan mereka bukan banyak mana pun kadang-kadang, RM12, RM15 ringgit, kita potong terus, yang besar-besar kita tidak potong, orang pun marah, Yang Berhormat, macam Yang Berhormat cakap.

Jadi yang itu saya sokong Yang Berhormat tetapi TNB pun memang mereka ada prihatin berhubung dengan perkara ini, mereka tidak potong terus. Mereka ada 30 hari, selepas itu mereka ada 7 hari lagi saya rasa, 7 hari bekerja. Maknanya kalau dia kata Yang Berhormat kata bayar ansur-ansur tetapi jangan bayar dahulu Yang Berhormat, minggu pertama dia berapa hendak letak, dia letak sebelah, minggu kedua dia letak berapa lagi sebelah, minggu ketiga dan keempat dia kumpulkan dan bayar ansur-ansur itu dia bayar sekali kepada TNB. Itu juga boleh Yang Berhormat, itu selesai masalah.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak, kes himpun di rumah ini, tidak tahu kalau ada masalah berlaku macam anak demam pula bawa pergi ke klinik, kena RM15, habis, hendak himpun macam mana? *[Ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai *breakdown*, TNB kalau dia tidak bayar di bawah satu, dua bulan kena potong. Bagaimana dengan *breakdown* yang selalu berlaku di tempat-tempat tertentu, apakah pampasannya? Biasanya TNB akan memberikan macam-macam sebab mengikut akta inilah, mengikut klausa inilah, tidak boleh bayar dan untuk keadilan, bagi saya kalau TNB hendak potong satu-satu bila yang tidak dibayar, itu memang hak dia tetapi pada masa yang sama kalau pengguna mengalami kerugian terutama kerugian daripada komersial, kilang-kilang besar di mana terpaksa berhenti beberapa jam ataupun satu hari, kerugian dari segi *order* dan sebagainya. Mengapa TNB tidak ada satu mekanisme untuk membayar pengguna atau memberi pampasan kepada para pengguna yang mengalami kerugian dari segi komersial. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Puchong, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat yang mana kadang-kadang bila bekalan elektrik itu terganggu, bekalan elektrik itu terputus banyak orang menghadapi masalah. Bukan sahaja syarikat-syarikat besar masalah kadang peniaga-peniaga kecil, mereka kadang-kadang ada yang macam Yang

Berhormat Jerai cakap tadilah, mereka ada ikan dalam peti ais, bila hendak raya ada ikan, ada daging dalam peti ais tiba-tiba tiga hari macam di kata dekat Jerai tidak ada elektrik dua tiga hari mesti busuk dan sebagainya. Tiba-tiba dia kata tidak boleh dapat pampasan dan sebagainya tetapi ini adalah perkara-perkara yang termaktub dalam akta bekalan elektrik yang mana jika kesalahan itu bukanlah merupakan kesalahan daripada pihak tenaga seperti perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan berlakunya kerosakan-kerosakan teknikal kepada *equipments* ataupun peralatan-peralatan yang digunakan oleh Tenaga Nasional ini memang sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Tetapi sekiranya mengikut akta itu ianya merupakan kesilapan, kecuaiian daripada pihak tenaga sebagaimana yang termaktub dalam akta bekalan elektrik, maka orang ramai bukan sahaja syarikat-syarikat besar orang ramai berhak membuat tuntutan berhubung dengan perkara ini. Sebab itu kita memerlukan satu suruhanjaya tenaga yang kuat dan bebas supaya dapat menjadi pengadil (*referee*) berhubung dengan perkara ini. Terima kasih. Itu penjelasan yang dapat saya berikan kepada Yang Berhormat.

Kemudian Yang Berhormat bagi Sandakan menyentuh dari segi kecurian elektrik di kawasan setinggian di Sabah, apakah tindakan siasatan yang dilakukan untuk mengatasi masalah ini. Isu ini sememangnya mendatangkan masalah kepada SESB. Kawasan-kawasan setinggian ini kebanyakan adalah didiami oleh pendatang tanpa izin (PTI) terutamanya di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Antara tindakan yang dilakukan oleh pihak SESB ialah telah menubuhkan unit khas yang terdiri daripada beberapa pasukan pemeriksaan untuk menjalankan operasi pemeriksaan di kawasan-kawasan tersebut. Operasi telah dijalankan sejak dua tahun yang lalu. Pihak SESB juga sentiasa memantau dan memastikan tiada sambungan-sambungan haram dilakukan di kawasan-kawasan ini. Di samping itu pihak SESB membawa isu ini kepada pihak berkuasa tempatan negeri agar menangani secara bersepadu agar menyelesaikan isu penempatan setinggian ini sendiri. Walau bagaimanapun isu ini tidak dapat diatasi oleh SESB sahaja tetapi melibatkan semua pihak termasuk juga daripada wakil-wakil rakyat di negeri Sabah.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam membangkitkan mengenai tindakan SESB memotong meter. Ini saya dua sudah jawab tadi. Yang Berhormat bagi Kudat membangkitkan isu gangguan bekalan elektrik di kawasan bandar dan luar bandar di Sabah. Mengenai kejadian gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di negeri Sabah keadaan elektrik pada masa ini adalah dalam tahap yang kritikal dengan *reserve margin* minimum iaitu di paras 5.8% berbanding dengan *reserve margin* minimum di paras 30% di semenanjung. Penurunan ini adalah daripada tambahan permintaan bekalan elektrik akibat pembangunan negeri Sabah yang agak pesat di samping pengurangan *efficiency* set jana kuasa yang sedia ada. Ketiadaan sistem grid Sabah bagi menyalurkan bekalan elektrik dengan lebih cekap di seluruh negeri Sabah juga menyambung kepada keadaan bekalan elektrik yang kurang

stabil. Sistem pembahagian SESB yang telah lama juga perlu diperbaiki dan dinaik taraf dan diperkukuhkan bagi menampung permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat.

Di samping itu SESB telah membuat perancangan jangka panjang untuk memperkukuhkan lagi sistem pembekalan elektrik di negeri Sabah menjelang tahun 2015 termasuk kawasan Pitas dan Kudat. Projek-projek pembangunan tersebut sedang dalam pelaksanaan dan melibatkan kos perbelanjaan berjumlah RM1.2 bilion. Projek-projek ini adalah seperti berikut: Grid Pantai Timur, Grid Utara siap pada Februari 2005, Grid sambung Utara Timur Barat yang menyambungkan grid Pantai Barat dan juga Grid Pantai Timur. Projek ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam bulan Jun 2006. Projek-projek grid ini telah lewat dilaksanakan asal kerana masalah mendapat hak izin lalu.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Pendang membangkitkan mengenai penggunaan tenaga nuklear sebagai tenaga alternatif. Pada masa ini kerajaan tidak mengambil kira tenaga nuklear dalam campuran bahan api negara. Walau bagaimanapun kerajaan tidak menolak kemungkinan menggunakan tenaga nuklear dalam penjanaan elektrik suatu masa nanti. Kajian mengenai bagaimana hendak dilupuskan sisa-sisa daripada sumber nuklear dengan cara yang selamat perlu dijalankan dengan teliti terlebih dahulu.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Akhirnya Yang Berhormat saya akan menjurus kepada komunikasi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kudat, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan mengenai penggunaan tenaga nuklear di dalam penjanaan elektrik. Saya rasa adalah sudah sampai masanya bagi negara kita untuk memikirkan masalah ini kerana walaupun sebenarnya banyak kontroversi berkaitan dengan penjanaan tenaga nuklear ini tetapi kebanyakan negara-negara maju telah pun menggunakan cara ini untuk membekalkan elektrik ke negara mereka. Kerana cara begini adalah merupakan cara yang murah dan juga sekurang-kurangnya akan membantu usaha perindustrian di negara kita. Kalau kita lihat misalnya negara Amerika sendiri pun mereka menggunakan tenaga nuklear dan baru-baru ini saya terbaca satu artikel di negeri China mereka bercadang untuk sekurang-kurangnya mewujudkan 40 buah pusat tenaga nuklear dan Iran memang bercadang untuk menggunakan teknologi ini.

Demikian juga di Taiwan, kebetulan saya duduk di negara tersebut. Walaupun negara tersebut adalah sebuah negara yang kecil yang saiznya cuma satu persepuluh daripada Malaysia tetapi mereka juga telah menggunakan tenaga nuklear berpuluh-puluh tahun. Dan disebabkan

penggunaan tenaga nuklear inilah yang telah menyebabkan negara tersebut dapat menjana pembangunan perindustriannya dengan begitu cepat kerana mereka dapat membekalkan tenaga nuklear dengan harga yang murah. Dari segi logistiknya ia adalah lebih baik kerana penggunaan uranium adalah digunakan dengan kuantiti yang kecil dan dengan masalah yang wujud seperti masalah bekalan minyak yang semakin berkurangan hari ini saya fikir negara kita bolehlah bersedia untuk memikirkan bagaimana menggunakan tenaga ini sebagai satu sumber alternatif kerana pada masa-masa yang akan datang saya percaya masalah kekurangan bekalan ini akibat daripada masalah krisis minyak dan sebagainya akan terus berlaku dan ini tidak akan dapat mampu untuk membantu kemajuan perindustrian dan juga kemajuan negara kita secara keseluruhan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kudat. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa kerajaan tidak menolak sepenuhnya kemungkinan menggunakan tenaga nuklear dalam penjanaan elektrik dalam jangka masa yang panjang suatu hari nanti. Cuma pada masa ini kita lebih membuat penelitian kajian bagaimana hendak dilupuskan sisa-sisa daripada sumber nuklear dengan cara yang selamat perlu dijalankan dengan lebih teliti terlebih dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong. Bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Walaupun kita masih mempertimbangkan dengan lebih panjang lebar untuk menggunakan tenaga nuklear dan saya berharap kita dapati lombong uranium juga di Malaysia ini. Sebab kalau kita lihat di China dia ada perjanjian dengan Australia kerana Australia merupakan sebuah negara yang mengeluarkan uranium yang mempunyai deposit uranium terbesar di dunia dan pihak China sudah ada hubungan dengan Australia untuk kontrak jangka panjang.

Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat. Yang pertama mengenai usaha TNB untuk membeli lombong batu arang di Pontianak - kalau tidak silap saya di Pontianak. Apakah terjadi dengan usaha itu. Yang kedua, apakah usaha pihak kerajaan untuk mengadakan tenaga alternatif seperti mana yang diluluskan oleh pihak kerajaan ada 66 projek iaitu projek tenaga alternatif,

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Kepong, berhubung dengan pembelian lombong arang batu itu, saya tidak dapat jawab soalan Yang Berhormat pada masa ini kerana itu spesifik. Saya akan cuba bagi jawapan bertulis. Dari segi *renewal energy* memang di bawah kementerian ini. Kita *encourage* banyak syarikat kecil dia gunakan SRAP untuk *renewal energy*, setakat ini kalau tak silap saya *about....*

Dr. Tan Seng Giaw: 13 atau 12 megawatt sahaja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Benda ini ambil masa Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat ada cadangan-cadangan lebih baik, kita boleh gunakan untuk menambah lagi *renewal energy* untuk kegunaan di negara ini.

Seterusnya saya ingin menjurus kepada telekomunikasi di mana Yang Berhormat bagi Bandar Kuching menanyakan sama ada syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian untuk pembinaan menara, masalah di Kuching mengenai pembinaan instruksi komunikasi yang tidak terancang serta kadar sewa yang dikenakan dan kesan-kesan radiasi daripada antena. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Titiwangsa. Yang Berhormat.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Boleh saya tahu apa yang telah berlaku kepada Tabung Amanah Elektrik dan Komunikasi?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Komunikasi saya akan sentuh sebentar lagi. Yang Berhormat tadi saya ingat tadi ada sentuh iklan TNB. Iklan TNB tu saya akan maklumkan kepada kakitangan TNB. Sebenarnya iklan tu ramai orang komen tentang iklan itu. Dia kata kenapa boleh *repair* dalam hujan-hujan macam itu. Ramai orang bagi teguran, jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya yakin wakil-wakil daripada Tenaga Nasional Berhad juga ada di sini mendengar pandangan daripada Yang Berhormat. Dari segi tabung itu, saya belum dapat jawapannya lagi, *once* saya sudah terima, saya akan maklum kepada Yang Berhormat sebentar lagi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, bagi pembinaan struktur komunikasi, kerajaan telah mengeluarkan garis panduan pembinaan menara struktur pemancar telekomunikasi di kawasan PBT, pihak berkuasa tempatan yang mana menggariskan jarak minimum menara yang perlu dipatuhi bagi memastikan keperluan estetika dan keselamatan fizikal. Di samping itu Kerajaan Negeri Sarawak juga telah mengeluarkan garis panduan yang sama pada April 2005 untuk diguna pakai oleh 'SCOFA Sdn. Bhd.'

Mengenai kadar sewa yang dikenakan di atas bangunan, pihak kementerian bersama pihak suruhanjaya serta pihak *telco* dan SCOFA masih di dalam proses untuk menyeragamkan kadar. Manakala untuk menara telekomunikasi atas tanah, ianya telah diseragamkan. Kadarnya adalah antara 3,500 hingga ke 22,000 sebulan di Sarawak, berasaskan kutipan menara.

Berhubung dengan kesan radiasi daripada antena, kajian-kajian yang telah dijalankan oleh badan-badan dunia yang berkaitan seperti *International Conference of Non-Ionizing Radiation Protection* serta WHO telah membuktikan bahawa tiada hubung kait di antara radiasi yang dihasilkan oleh menara dengan kesihatan manusia. *Non-ionizing radiation protection* juga telah mengeluarkan garis panduan mengenai tahap keselamatan yang diguna pakai di Malaysia. Pihak suruhanjaya juga ada mengadakan seminar bergerak di seluruh negara dan mengeluarkan risalah mengenai radiasi seperti dalam lampiran.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bertanya soal perlindungan hak pengguna perkhidmatan prabayar selular terutama tarif yang dikenakan, apakah usaha pemantauan pihak kementerian. Perlindungan hak pengguna perkhidmatan pra bayar adalah sama dengan pengguna perkhidmatan pasca bayar, ditetapkan dalam kod pengguna, *consumer code* yang digubal oleh semua pihak yang terlibat dalam forum pengguna menggunakan tarif prabayar ia memang lebih sedikit daripada pasca bayar kerana ia merangkumi dua elemen iaitu bayaran akses dan juga penggunaan *airtime*. Perlu dimaklumkan kod tarikh perkhidmatan selular tidak tertakluk kepada kawal selia, akan tetapi lebih ditentukan oleh kuasa pasaran dan persaingan. Jumlah pengguna kad prabayar adalah lebih daripada 85% daripada pengguna perkhidmatan selular yang kini angkanya lebih kurang 15 juta orang pengguna.

Yang Berhormat bagi Sepanggar, Parit, Pensiangan, Kinabatangan dan Tenom bertanya soal Pusat Perkhidmatan Multimedia dan Pusat Internet Desa (PID). Mengenai soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Sepanggar, Parit, Pensiangan, Kinabatangan, Tenom berhubung dengan Pusat Perkhidmatan Multimedia dimaklumkan bahawa Program Internet Desa (PID) di bawah program ini adalah usaha sama antara kementerian dengan Pos Malaysia Berhad di mana Pos Malaysia menyediakan tempat, bangunan tambahan di pejabat pos secara percuma.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 42 Pusat Internet Desa ditubuhkan di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM6.8 juta bagi peralatan berkomputer dan talian internet. Tiga buah adalah di Sabah, empat di Sarawak dan lain-lain di Semenanjung. Pemilihan tempat adalah atas persetujuan bersama antara kementerian dengan Pos Malaysia Berhad.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian telah mengemukakan permohonan untuk menambah jumlah pusat-pusat ini kepada 100 buah pusat kerana mendapat sambutan baik dari masyarakat di luar bandar. Kementerian juga akan meningkatkan lagi fungsi pusat-pusat ini. Peruntukan yang dipohon sebanyak RM2.3 juta adalah bagi bayaran emolumen penyelia dan penolong penyelia di 42 lokasi di seluruh negara. Manakala sebanyak RM3.5 juta adalah untuk menambah peralatan dan meningkatkan fungsi Pusat Internet Desa sedia ada pada tahun 2006. Penyelia dan penolong penyelia Pusat Internet Desa masing-masing mempunyai ijazah dan diploma. Mereka ditugaskan memberi latihan IT untuk komuniti luar bandar yang terlibat. Sehingga ini lebih daripada 140,000 masyarakat luar bandar telah diberi latihan IT sejak ditubuhkan pada awal tahun 2002.

Selain Pusat Internet Desa, Kementerian juga menyediakan kemudahan komputer dan talian internet di bawah program Perkhidmatan Sejagat, *Universal Service Provision* di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Sehingga kini kemudahan tersebut telah disediakan di 518 perpustakaan desa dan 363 buah klinik desa. Kementerian juga memohon tambahan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memperluaskan kemudahan ini di kawasan luar bandar untuk faedah komuniti luar bandar.

Selain dari ini, kementerian juga telah dan akan menyediakan kemudahan infrastruktur komunikasi di 10,000 buah sekolah di seluruh negara di bawah program *SchoolNet*. Sehingga kini sebanyak 9,220 buah sekolah telah disediakan di seluruh negara dengan menggunakan pelbagai teknologi iaitu *wire* dan tanpa *wire*. Kementerian prihatin dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai latihan IT untuk masyarakat di kawasan luar bandar dan meningkatkan fungsi *tele-centre* ini. Sehubungan ini kementerian telah memohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menjadikan *tele-centre* ini sebagai Pusat Ilmu Komuniti (Community Knowledge Centre).

Yang Berhormat bagi Petra Jaya bertanya tentang hasrat kerajaan untuk merapatkan jurang digital masih belum terlaksana – apakah punca, sebab dan bagaimana caranya kerajaan mengatasinya? Tabung USP, *Universal Service Provision* diwartakan pada 17 Oktober 2002 bagi tujuan membiayai Program Pembangunan Sejagat (USP). Pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM1.2 bilion dari tahun 2003 hingga 2005. Di samping itu pihak SKMM juga telah mengenal pasti sebanyak 89 daerah di seluruh negara yang kurang mendapat liputan. Proses pemberian projek USP perlu melalui proses bida oleh pemegang lesen dan tidak dikhususkan kepada Telekom Malaysia Berhad sahaja, tidak seperti amalan sebelum ini.

Pada penghujung tahun 2002, tiga projek perintis telah berjaya dilaksanakan di Kinabatangan, Sabah, di Julau, Sarawak dan Yan, Kedah. Selanjutnya pelaksanaan projek telah dipecahkan kepada dua fasa bermula tahun 2004 di mana kumpulan satu terbahagi kepada 9 daerah dan 8 daripadanya telah siap dan satu lagi akan dilaksanakan. Manakala kumpulan dua, baki sebanyak 56 daerah di mana sejumlah 48 daerah telah siap dan selebihnya sedang dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya juga menanyakan penubuhan OSC, *One Stop Company* sama ada dapat mempercepatkan kelulusan permohonan yang dihantar oleh *telcos*. Berhubung perkara ini kesemua 14 buah negeri telah melantik OSC, *One Stop Centre* bagi tujuan untuk menjadi perantaraan di antara pihak PBT, agensi-agensi teknikal dan pihak *telcos*. Dengan pelantikan OSC ini, permohonan-permohonan yang dikemukakan oleh pihak *telcos* dapat diselaraskan dan dipercepatkan bagi mendapat kelulusan pihak berkuasa PBT.

Yang Berhormat bagi Petra Jaya sekali lagi menanyakan adakah Telekom Malaysia memaksa pekerja-pekerjanya mengambil Skim VSS yang diperkenalkan. Telekom Malaysia sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan, GLC, sentiasa memastikan kebajikan para pekerja terpelihara. Di dalam melaksanakan Skim *Voluntarily Separation Scheme* ataupun VSS baru-baru ini, Telekom Malaysia (TM) tidak pernah memaksa pekerja-pekerjanya, malah ia merupakan tawaran terbuka kepada mana-mana pekerja yang ingin mengambil kesempatan pada tawaran tersebut untuk menceburi bidang-bidang yang mereka minati contohnya peluang perniagaan. Skim yang dilaksanakan tempoh hari juga bukanlah proses *downsizing*, malah

Telekom Malaysia sentiasa mempraktikkan *natural attrition* yakni sehingga persaraan ke atas pekerja-pekerjanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Jerai, adakah kerajaan memantau kandungan siaran TV swasta dan meminta stesen TV mencontohi TV3 menjadikan program pembelaan rakyat. Kementerian ini sentiasa memantau siaran TV swasta di negara ini melalui peruntukan Akta Komunikasi Multimedia (AKM) 1998, Akta Penapisan Filem (APF) 2002, syarat-syarat lesen serta Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Stesen TV dan Radio Awam dan Swasta.

Semua kandungan penyiaran juga perlu mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem (LPF). Kerajaan sentiasa menggalakkan semua stesen TV swasta menerbitkan program kandungan bercorak tempatan di mana syarat lesen telah menetapkan 90% daripada kandungan adalah kandungan tempatan. Namun, penerbitan rancangan seperti 'Bersamamu' oleh TV3 adalah terpolung kepada inisiatif stesen-stesen TV berkenaan.

Yang Berhormat bagi Pendang telah

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat berkata 80% daripada filem-filem itu adalah kandungan tempatan.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: 60%

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: 60%.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 60%. Jadi 40% import punyalah.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada tinjauan yang saya buat, saya tunggu juga tengok TV, tidak sampai kadang-kadang. Filem-filem tempatan itu lebih kurang dalam 20% sahaja. Yang lain itu, filem-filem yang diimport yang ditayangkan di dalam TV swasta lain. Di manakah kita boleh tahu berapa peratus tayangan ini ataupun dia kena dapat *clearance* daripada penapisan sebelum ditayangkan dan dia ada jadual tayangan dan sebagainya. Adakah ini dijadikan sebagai suatu peraturan. Terima kasih.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Berhubung perkara ini izinkan saya supaya kembali semula kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia dan menanyakan bagaimana kaedah mereka untuk menentukan bagaimana mereka sukut 60% ini siaran tempatan, 40% ini siaran yang diimport daripada luar.

Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, walau bagaimanapun semua siaran ini yang hendak disiarkan melalui stesen TV swasta ini perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga Penapis Filem. Cuma cara mereka hendak menentukan 60% dan 40% itu saya terpaksa kembali semula kepada Suruhanjaya Komunikasi Multimedia hendak tengok macam mana mereka sukut dan kemudian saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh saya minta penjelasan sedikit?

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Baik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya hendak sentuh tentang penerbitan program agama. Pada saya TV3 saya pujilah sebab ada program 'Jejak Rasul', kadang-kadang kita sudah ketinggalan sejarah. Tetapi stesen yang lain ini umpamanya ASTRO – Program Cahaya, tengah malam kalau tidak silap saya waktu subuh. Siapa yang hendak tengok? Apakah ini Jawatankuasa Pemantauan ke atas program-program yang telah disiarkan. Walhal program agama ini perlu kita tekankan sesuai dengan Islam Hadhari.

Kita tidak mahu hanya Perdana Menteri sahaja yang melaung-laungkannya tetapi kita tidak mengendakkannya. Di mana sistem *delivery* kita? Apakah pihak kalau boleh, kalau jawatankuasa yang ada itu tidak cukup, tubuhkanlah satu jawatankuasa khusus untuk program-program agama yang disiarkan oleh stesen-stesen swasta ini supaya kalau boleh program ini bukan sahaja ditambah tetapi sesuai dengan masanya. Sebab Yang Berhormat bagi Kota Baharu pun hendak tengok juga.

Sahabat saya Yang Berhormat bagi Kota Baharu sebagai contoh, kami pernah berbincang. Apakah program agama ini tidak penting? Ini sebagai suatu pendidikan kepada kita kerana diagamalah pegangan kita. Yang Berhormat bagi Jerai pun setuju. Bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini. Kita tidak mahu bila lesen dikeluarkan, mereka tersasar daripada dasar yang kita wujudkan dan kita kalau bolehlah

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, tidak payah ulas lagi Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan saya ulas, saya hendak minta penjelasan sebab kalau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan boleh jelas. Tuan Pengerusi pun setuju program agama ini dia kata kurang di stesen TV swasta ini. Apakah langkah-langkah yang lebih positif yang perlu kita ambil. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa saya sudah berkali-kali mengatakan bahawa sebenarnya hari ini, kementerian ini telah bekerjasama dengan Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Dalam Negeri dan buat masa ini telah diwujudkan suatu jawatankuasa yang mana jawatankuasa ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ingin merangka dari segi program yang sesuai untuk dilaksanakan untuk siaran TV di negara ini.

Dengan adanya jawatankuasa ini percayalah nanti kita akan ada satu kerangka (*frame work*) bagaimanakah program-program yang kita rasa dapat membentuk jati diri kepada seluruh rakyat di negara ini. Saya rasa ini dapat menjawab soalan Yang Berhormat sebentar tadi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, selain daripada RTM membuat siaran langsung Sembahyang Jumaat, kita mintalah TV swasta ini baik TV3 ataupun yang lain, apa salahnya siaran langsung Sembahyang Jumaat seminggu sekali. RTM buat satu, ASTRO buat satu, TV buat satu, sudah dapat tiap-tiap minggu kita ubah-ubahkan kepada destinasi yang lain. Tidak hanya kita bergantung kepada stesen TV kerajaan. Yang Berhormat bagi Jerai memang setuju perkara ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya setuju. Kemudian saya hendak tanya satu Yang Berhormat. Bagaimanakah pihak kementerian Yang Berhormat meluluskan lesen-lesen televisyen ini? Saya tengok lesen ini kita bagi, kemudian akhirnya syarikat itu gulung tikar. Kemudian dia jual kepada orang lain. Saya tahulah kadang-kadang syarikat itu dia dapat lesen, kemudian dia jual dapat untung. Ini untung punya hal. Adakah kerajaan juga tidak mengenal pasti sebenar-benarnya sama ada dia orang ini boleh atau tidak boleh.

Begitu juga stesen-stesen radio swasta ini. Kadang-kadang saya dengar semasa saya memandu kereta dalam perjalanan dari rumah, saya dapati merepek DJ ini. Bercakap kadang-kadang sampai kita tidak faham, dia sendiri tidak faham, kemudian bahasa-bahasa yang digunakan kadang-kadang bahasa yang tidak boleh memberi suatu pendidikan kepada pendengar. Yang Berhormat sambil naik kereta itu carilah stesen-stesen radio yang merepek-merepek ini dengar. Ada bunyi macam-macam, lagu macam-macam, kemudian dia bercakap pelik-pelik. Kononnya DJ cara itulah..... jadi *happening – happening* ini berlaku.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Ketawa*] Ini *happening* ini bahasa baru Yang Berhormat. Kemudian mereka kata seronok, kadang-kadang seronok sampai naik gila. Macam itu, bahasa dia itu. Ini siaran radio, kita syok sampai naik gila.

Saya dengar Yang Berhormat Kota Baharu kata orang muda. Bukan kira muda Yang Berhormat. Tetapi bahasa mencemar. Mana boleh tua atau muda kita cemarkan bahasa kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak cuba Yang Berhormat, dia hendak *you calling – calling*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Hah, macam *you calling – calling*. Panggil suruh panggil, guna macam itu mana boleh? Gunalah bahasa-bahasa yang sesuai. *You* panggilah, janganlah cakap bahasa campur orang puteh, Melayu, bahasa itu, bahasa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kadang-kadang campur bahasa Kedah juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya? Saya minta izin. Saya minta izin tetapi mereka tidak minta izin. Sila Yang Berhormat. Ini untuk kebaikanlah.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Sebagaimana yang telah saya katakan kepada Yang Berhormat bagi Larut, saya bersetuju bagaimana kadang-kadang itu kalau agak keterlaluan, sebab itu kadang-kadang yang menjadi sedih itu sampai kita terpaksa wujudkan

suatu jawatankuasa yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk melihat sendiri atau menasihatkan bagaimanakah program-program yang sesuai untuk disiarkan ataupun dikumandangkan di radio untuk menjadi halwa telinga rakyat negara ini supaya rakyat negara ini mempunyai suatu semangat jati diri, cintakan negara dan memupuk semangat nasionalisme yang lebih tinggi dan saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Nampaknya ramai Ahli Parlimen sangat asyik mengenai program-program agama. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa masa sudah sampai selepas 48 tahun merdeka, memandangkan bahawa Malaysia sebuah negara yang berbilang agama, bahawa membenarkan program-program agama yang lain semacam Kristian, Buddha, Hindu dan lain-lain melalui radio dan TV setiap minggu untuk menegaskan bahawa negara ini adalah sebuah negara *multi-religious*.

Dato' Shahziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebagaimana yang telah saya katakan kita serahkan ini kepada tanggungjawab jawatankuasa ini supaya mereka memikirkan bagaimanakah kaedah yang sesuai, bagaimanakah program-program kerangka yang sesuai untuk dijadikan santapan, pandangan, tontonan dan juga kedengaran untuk seluruh rakyat di negara ini untuk kebaikan semua rakyat dalam negara ini yang berbilang bangsa dan agama.

Yang Berhormat bagi Pendang menanyakan dari segi rancangan Mango TV. Rancangan Mango TV adalah rancangan yang disiarkan secara langsung (*live*) pada stesen 8TV pada waktu pagi diulang siar di TV3 pada waktu malam.

Pihak TV3 dan juga 8TV telah mendapat kebenaran daripada SKMM untuk menyiarkan rancangan tersebut. Kebenaran tersebut disertai dengan syarat-syarat yang perlu diikuti oleh TV3 dan 8TV, iaitu peruntukan-peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia, kod kandungan dan juga peruntukan-peruntukan lain yang berkaitan.

Yang Berhormat bagi Lipis pula menanyakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi? Sudah satu jam setengah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya cubalah, sedikit lagi. Kalau tidak sempat nanti, saya bagi jawapan bertulis. Bagi saya *another 15 minutes*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Lipis menyentuh integriti dan kepercayaan stesen TV swasta. Stesen TV swasta mempunyai integriti dan kebolehpercayaan yang tinggi, kerana Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan kod kandungan menghendaki mereka menyiarkan berita yang tepat. Pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia boleh mengambil tindakan terhadap mana-mana stesen yang menyiarkan berita yang tidak tepat atau berita palsu.

Yang Berhormat bagi Bera menanyakan dari segi dasar Pos Malaysia Berhad untuk mewujudkan pejabat pos di luar bandar. Dasar pembukaan pejabat pos, Pos Malaysia membuat kajian dengan membuat kriteria pejabat pos mengikut kelasnya berdasarkan populasi penduduk yang tidak kurang daripada 5000 orang penduduk bagi suatu tempat dan kawasan.

Pos mini sebagai satu khidmat sokongan perkhidmatan kaunter pejabat pos tetapi dikendalikan oleh pengusaha individu dan syarikat. Transaksi terhad iaitu semua menerima bil-bil utiliti berdasarkan keperluan setempat menerima elaun tetap RM100 sebulan sahaja. Wakil pos transaksi terhad, manual wakil pos diperlukan sebagai sebuah perkhidmatan tambahan bagi penduduk pedalaman, diusahakan oleh pengusaha individu dan memperoleh elaun tetap RM50 sebulan. Yang Berhormat Bera juga menanyakan apakah punca 58 pegawai pos menerima VSS. Pos Malaysia mengambil langkah menawarkan VSS kepada kakitangannya adalah kerana;

- (i) memberi peluang kepada kakitangannya memilih *option* bagi pekerja menumpukan kemahiran pekerjaan untuk peningkatan *skill* kakitangan masing-masing;
- (ii) memberi peluang menumpu kepada keuntungan; dan
- (iii) meningkatkan lagi kecekapan agensi Pos Malaysia Berhad.

Yang Berhormat bagi Ipoh Barat telah menyentuh tentang pengiklanan di ASTRO dan sama ada kementerian bercadang untuk mengeluarkan lesen baru seperti ASTRO. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ASTRO adalah dibenarkan mengeluarkan iklan oleh syarat-syarat lesennya untuk menyiarkan iklan walaupun perkhidmatan yang diberikan merupakan perkhidmatan langganan. Buat masa ini, kementerian tidak bercadang untuk melesenkan syarikat lain untuk menyediakan perkhidmatan siaran terus kepada pengguna melalui *satellites* seperti ASTRO.

Akhirnya saya ingin menyentuh daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat yang menyatakan ASTRO mengenakan *charge* Ringgit Malaysia ke atas bil yang lewat dibayar. ASTRO tidak beri diskaun jika bayar bil secara.... kadar bayaran perkhidmatan ASTRO perlu dikawal oleh kerajaan kerana perkhidmatan ini adalah perkhidmatan premium.

Oleh yang demikian, kadar perkhidmatan dan *charge* tambahan adalah terserah kepada syarikat bergantung kepada kehendak pasaran. Walau bagaimanapun, kerajaan boleh menasihatkan syarikat berkenaan dari masa ke semasa. Penyiaran iklan oleh ASTRO tidak menyalahi mana-mana lesen sebagaimana yang saya nyatakan tadi. Terakhir ialah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang menyentuh mengenai status PDP (Personal Data Protection Registration).

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kementerian telah pun menyediakan draf perundangan PDP. Bagaimanapun, berikutan perkembangan terbaru, termasuk peristiwa 11 September 2001, kerajaan telah mengkaji semula perundangan ini. Dalam hal ini negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat telah mengkaji semula isu PDP ini. Kementerian juga telah

menerima maklum balas daripada individu, industri, NGO dan kerajaan-kerajaan negeri mengenai perundangan ini. Berikutan itu, kementerian telah menggubal semula perundangan ini dengan mengambil kira maklum balas awam dan perkembangan terbaru selepas peristiwa 11 September 2001.

Perundangan ini memberi fokus untuk mewujudkan kesinambungan antara kepentingan perlindungan data individu dengan kepentingan keselamatan negara di samping kepentingan industri. Kementerian telah mengemukakan draf perundangan ini kepada Jabatan Peguam Negara untuk dimuktamadkan dan perundangan ini dijangka insya-Allah dibentangkan dalam Dewan ini pada sesi tahun hadapan.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Kita boleh faham bahawa peristiwa 11 September tentulah ada kesan mengenai fikiran dan kajian dalam perkara ini, tetapi ini sudah empat tahun. Lalah 2001, sekarang ini sudah 2005. Pertama.

Kedua, sungguhpun begitu bolehkah draf yang sudah dibuat, walaupun masih dalam peringkat terakhir, diposkan atas *web site* kementerian Yang Berhormat supaya boleh dapat dikaji oleh semua orang yang berminat dalam perkara ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebagaimana Yang Berhormat tahu, terlebih dahulu sebelum kita siarkan bil air kita minta kebenaran daripada Kabinet. Berhubung dengan perkara ini, jika Yang Berhormat ingin saya ketengahkan perkara ini, saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa ada permintaan daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, supaya kalau boleh, kalau drafnya sudah siap, boleh dibentangkan ataupun disiarkan di dalam *web site*, supaya dapat diberi pandangan oleh mana-mana pihak. Jadi untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja yang sempat saya jawab pada hari ini.

Kepada jawapan-jawapan yang tidak sempat saya jawab, saya akan beri jawapan bertulis kerana terlalu banyak tadi persoalan, seramai 33 orang telah bangun dan saya rasa saya juga telah menjawab lebih daripada 1 jam setengah dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan sumbangan idea untuk melancarkan lagi kementerian ini di masa akan datang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menjawab selama 1 setengah jam, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM66,786,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM66,786,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,154,400,000 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,154,400,000 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

**Maksud B.30 [Jadual] –
Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2006] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor

5.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. [*Handset berbunyi*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada panggilan?

Tuan Lim Kit Siang: Habiskan, matikan dia. Tuan Pengerusi, pada hari Jumaat 18 November, saya ada kemukakan notis yang berbunyi, bahawa saya akan mencadangkan yang berikut:

Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 daripada Maksud Bekalan 30, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Butiran 010000 emolumen iaitu dengan memotong gaji Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, sebanyak RM10 di bawah Maksud Bekalan 30, Butiran 010000 emolumen.

Tuan Pengerusi, saya ada buat notis itu oleh kerana pada menggulung perbincangan bajet, Yang Berhormat Menteri ada memberi jaminan bahawa untuk beri jawapan bertulis kepada saya mengenai hal *Open Source*, *OSS*, *Open Source Software*, tetapi itulah pada hari 19 Oktober 2005, tetapi dekat satu bulan janji itu tidak dikotakan.

Sungguhpun pada 16 hari bulan saya ada keluar satu kenyataan dan membuat peringatan dan kalau tidak ada apa-apa respons saya akan kemukakan usul memotong RM10 sebagai satu *sensuous* pun tidak ada apa-apa reaksi sehingga 18 hari bulan notis diberi. Pada hari Isnin, saya dapati dua hari dahulu bahawa adalah satu surat dibentangkan kepada saya, diberi kepada saya yang menunjukkan kalau Yang Berhormat Menteri mahu menjalankan tugas beliau, sungguhpun beliau tidak ada di sini, oleh kerana dia ada di luar negeri, kita tahu dia di Tunisia untuk menghadiri *SIS - World Summit Information Society*. Dia ada di sana tetapi saya ada terima surat daripada dia dengan tangan beliau, orang di Tunisia pun ada tanda tangani. Ini

menunjukkan kalau orang mahu menjalankan tugasnya apa pun boleh buat, orang di Tunisia pun boleh sains di sini. Saya terima, tak apa saya terima, saya tidak mahu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan pun telah diberikan kepada Yang Berhormat,

Tuan Lim Kit Siang: Ini mustahak. Ini mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya fikir Yang Berhormat bersetuju perkara ini boleh tutup.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, tidak boleh tutup. *Lesson*, kita perlu belajar, dia orang perlu belajar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, saya hendak minta

Tuan Lim Kit Siang: Nanti! Kerajaan perlu belajar. Nanti belum habis. Perlu pergi belajar, kita mahu serius, ini mustahak. Kita mahu Parlimen ini, *first world* Parlimen, kalau kita mahu *first world* Parlimen kita mahu semua menteri, khasnya menjalankan tugas serius dalam tanggungjawab mereka. Tengok blok ini kosong, hari ini, hari semalam, kenapa minggu ini semua kosong. Minggu lalu menteri datang *queue up*, Menteri Pengangkutan datang, Menteri Kerja Raya datang oleh kerana bajet mereka.

Minggu ini semua tidak oleh kerana nampaknya pengerusi BBC berdiri di sini kata *Deputy Minister* cukup. Nampaknya ini satu mesej bahawa *Deputy Minister* cukup, *Minister* tidak perlu datang. Saya rasa ini satu *great the service* kepada Parlimen. Saya harap Yang Berhormat Pengerusi BBC akan betulkan perkara ini. Satu *great the service* kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mahu Dewan ini, Parlimen ini *first world* Parlimen. Kenapa mahu jawab soalan kerana mahu datang. Blok – *empty, empty, empty*.

Ini saya rasa perlulah kita tegur, khasnya oleh kerana lagi pun sungguhpun saya sudah terima surat jawapan bertulis, saya kata ini tidak *satisfactory*. Tidak *satisfactory*, oleh kerana tidak *address* dengan baik masalah yang saya sudah timbulkan ialah mengenai OSS. OSS ialah *Open Source Software*, di mana kita tahu bahawa pada 2003 membelanjakan dekat RM8 bilion mengenai IT dan RM1.8 bilion dibelanjakan *soft ware*. Kalau kita boleh menjimatkan wang ini 10%, oleh kerana kalau kita boleh menjimatkan 90% wang ini kalau kita menggunakan *Open Source Software* (OSS) dan bukan *microsoft*. Apa ertinya RM1.6 bilion? Kita mahu tahu apa pendirian, apa kedudukan kita dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bolehkah saya cadangkan kerana tadi Yang Berhormat dalam ucapan telah menyatakan sudah menerima satu jawapan dan hanya isi kandungan mengikut Yang Berhormat tidak puas hati. Jadi, saya mencadangkan Yang Berhormat nanti boleh mengambil bahagian dalam perbincangan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau saya boleh beri jaminan lepas itu saya boleh ada blok untuk berucap selepas ini saya boleh buat keputusan mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu saya cadangkan supaya ini tidak akan

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya jawapan itu tidak memuaskan. Sebenarnya ia bersangkut paut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti Yang Berhormat boleh membahas mengikut butiran yang sedia ada.

Tuan Lim Kit Siang: Pun boleh. Alternatif pun boleh tetapi saya rasa oleh kerana saya berdiri, *I'm also take the opportunity.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak perlu kita buang untuk membincangkan satu masalah yang.....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan buang masa. Okey, kalau dengan jaminan bahawa saya boleh memberi pandangan dalam perkara ini saya kata saya harap perkara ini tidak akan berlaku di masa depan. Semua janji dibuat dalam Dewan yang mulia ini oleh Menteri atau Timbalan Menteri, sesiapa yang mahu beri jawapan yang bertulis patut ditunaikan dengan serta-merta dan bukan dilupakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang bersetuju dengan apa yang dijanjikan dan Yang Berhormat perlu ikut. Saya bersetuju.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi selalu tidak diikuti, selalu *belated*. Ya, dengan itu oleh kerana Tuan Pengerusi saya boleh beri pandangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tarik baliklah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya rela untuk tarik balik usul pindaan ini dan saya harap perkara ini tidak akan berlaku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, terima kasih, terima kasih. Oleh kerana keputusan telah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, jadi saya fikir kita tidak perlu bangkitkan perkara mengikut Peraturan Mesyuarat 66(9) ini. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya buka B.30 dan P.30 di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

5.45 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah! *[Kehairanan] [Ketawa]* Berbahas dalam *open source software*. Ini mustahak kepada perkembangan negara kita.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apakah ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu? Apa masalah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa masalah? Apa masalah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor? Tadi sudah cakap sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak faham apa itu OSS?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa OSS? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Itulah pasal tak tahu OSS. Kegagalan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Tengok Ahli Parlimen tidak tahu apa itu OSS. Itulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita tahu *youlah*, apa you tahukah?

Tuan Lim Kit Siang: Apa OSS? Berdiri. Apa Oss? Satu *test* apa itu OSS? Berdiri. Berdiri. Ada *briefing* pun takut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kita balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: OSS, tajuk OSS.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hah! Balik kepada tajuk.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, OSS. Ini menunjukkan OSS ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini...

Tuan Lim Kit Siang: Kempen OSS kerajaan sudah gagal. Kempen OSS Yang Berhormat kementerian ini sudah gagal sehingga Ahli Parlimen pun tidak faham. Adakah kita tahu kita ada kempen OSS.

Seorang Ahli: Butiran, butiran apa?

Tuan Lim Kit Siang: OSS sangat mustahak. Kerana apa? Kerana kalau kita berjaya melancarkan satu kempen OSS, setiap tahun kita boleh jimat RM2 bilion. Ini bukan satu angka yang kecil. Dan, OSS ini ada sekurang-kurang ada tiga tujuan kempen OSS. Satu, untuk mengurangkan *cost ownership* mengenai *software*, boleh jimat RM2 oleh kerajaan. Kedua, untuk menambahkan *freedom of choice* dalam sektor awam. Ketiga, untuk mengurangkan *digital divide*. Itu kita bincang mahu *digital divide* kurang. OSS kempen mustahak tetapi Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak tahu apa itu OSS tetapi mereka mahu kurang *digital divide* tetapi tidak faham apa itu OSS.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Bharu bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Oleh kerana Orang Barisan tidak tahu OSS

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bukan dari Barisan, bukan? Masuk Barisan Nasional sudah dikeluarkan, sudah ditendangkan, bukan! Sekarang bukan Barisan Nasional.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Yang Berhormat, *Point of Order, Point of Order*.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bukan Barisan Nasional.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sangkaan jahat Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *You have been suspended.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan jahat kepada Yang Berhormat bagi Kota Baharu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada sangkaan jahat. Ini *statement of fact*. Yang Berhormat bukan Barisan Nasional.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor ini perangai dia cukup kotor.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat bagi Kota Baharu kawan saya, sekarang bukan Ahli Parlimen Barisan Nasional. Dia digantung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat bagi Kota Baharu kalau hendak diberi laluan. Yang Berhormat terpaksa duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, saya bagi jalan, saya bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Perangai macam orang syok sendiri ini. *[Bercakap dalam bahasa Cina] [Ketawa]*

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mengenai *open system software* yang disebut-sebut itu, apakah dia sendiri yakin dengan sistem ini? Dan kalau dia yakin apakah alasannya?

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*sebut tiga sebab yang kita boleh dapat faedah daripada OSS, kita mahu bincang lebih mendalam 10 minit tidak cukup. Kita boleh bincang di luar, *lodge* di luar. *[Disorak]* Kalau Yang Berhormat bagi setengah jam boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: You pun kelentonglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu skrip orang tulis suruh dia baca sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: You pun kelentonglah ini OSS.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Orang tulis skrip panggil dia baca 'pet, pet, pet'.

Tuan Lit Kim Siang: Nampaknya ini lagi satu bukti yang kedua kegagalan kempen OSS oleh kementerian ini, kerajaan ini sehingga Ahli-ahli Parlimen sungguhpun digantung daripada Barisan Nasional pun berdiri kata tidak percaya. Kempen OSS nampaknya perlulah satu kajian yang *revamp*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan Lit Kim Siang: Ahli Parlimen tidak tau, Ahli Parlimen....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak cakap dia tidak percaya tau.

Tuan Lit Kim Siang: Dia tidak percaya! Dia tidak percaya. Dia kata tidak percaya. Kalau dia percaya, dia tidak kemukakan soalan itu. Kalau dia percaya dan kemukakan soalan

itu, dia sangat nakal. Dia sangat nakal sahaja. Apa itu, bagi jalan. *I'll give you the way, you tell me.*

Seorang Ahli: *[Ketawa]* Syok sendiri je.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Saya sebenarnya, Tuan Pengerusi, saya bertanya penjelasan, kerana seolah-olah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini faham benar konsep *open system* ini. Jadi saya tanya ya, *open source system software* ini yang disebut-sebut! *[Disampuk]* Ya, jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, dia sendiri, dari kajian dia, apakah alasan dia yang dia sendiri tu begitu yakin dengan sistem ini?

Tuan Lit Kim Siang: Dengan *time limit* yang kita ada ini, kerajaan ada lancarkan OSS, kempen OSS. Dan ada *Master Plan* OSS. Bukan, mungkin Yang Berhormat Ahli Parlimen Barisan Nasional pun tidak tau ada *Master Plan* OSS. *[Menyampuk]* Banyak mereka tidak tau. Lagi bukti yang ketiga, kegagalan kempen OSS, mereka tidak tau. Dan *Master Plan* OSS ini pun ada target atau sasaran. Saya mahu tanya sasaran *Master Plan* OSS....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat boleh tanya sedikit, Yang Berhormat?

Tuan Lit Kim Siang: Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit?

Seorang Ahli: Bagilah!

Tuan Lit Kim Siang: Sedikit, sedikit boleh. Okeylah, okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat ni, janganlah bagi sampai kita dah *fed up* dengar apa yang Yang Berhormat hendak berucap. Janganlah perlekeh orang lain.

Tuan Lit Kim Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan, cakap secara baik-baiklah. Jangan hendak tunjuk benda-benda yang tidak menguntungkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, hendak tanya sama siapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak bagi penjelasan. *Lu kaki kong, lu kaki tiow, lu kaki songeh. [Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lit Kim Siang: *[Menyampuk]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi Yang Berhormat, janganlah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Lu kaki kong, lu kaki tiow, lu kaki songah. [Ketawa]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Janganlah dok kondem orang lain, perlekeh orang lain, tidak usahlah.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Baiklah, semua duduklah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh tidak Yang Berhormat ubah sikit sikap....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ubah sedikit sikap yang lebih positif. Bagi cadangan, pandangan. Bukan setakat kondem saja.

Tuan Lit Kim Siang: Pandangan tidak boleh diterima.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, kalau pandangan Yang Berhormat, pandangan tidak berisi, tidak boleh diterima, macam mana?

Tuan Lit Kim Siang: Orang yang tidak positif ialah Yang Berhormat sendiri! *If you have a positive thinking, I think there is no problem.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat tolong beri penjelasan Yang Berhormat. Dia sendiri cakap, dia sendiri dengar...

Tuan Lit Kim Siang: Dan saya mahu tanya Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan, saya hendak bagi tahu, dia sendiri cakap, dia sendiri dengar, dia sendiri syok!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Lu kaki kong, lu kaki chong, lu kaki songeh!*

Tuan Lit Kim Siang: *[Bercakap dalam bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan pasar!

Tuan Lit Kim Siang: Okey. *[Ketawa]*. Saya mahu tanya..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *World, world class competition. [Ketawa]*

Tuan Lit Kim Siang: Saya mahu tanya mengenai *Master Plan OSS*. Tengok apa itu, dengan izin, dengan cepat, ini bukan pelan saya, pelan kerajaan, *OSS Master Plan. Target to be achieved by 2005*. Ini tinggal lagi satu bulan. Mana itu *awareness? 100% of CIOs and IT personnels are OSS literate*. Ahli Parlimen *OSS literate. Re-skilling, 60% of IT personnels are OSS trained*. Sampai sekarang, berapa peratus? *10% of IT personnels are OSS certified*. Berapa peratus *certified? 20% of teachers responsible for school IT lab are OSS trained*. Berapa peratus?

Tiga, *education, . 40% of higher education utilised OSS as education and teaching tools*. Apa progress? *20% school IT labs utilised OSS education and teaching tools. Procurement, 60% of all new servers hardware procured are able to run Open Source Operating System*. Apakah

kedudukan? *Implementation, 20% of school IT labs has OSS installed, for example, office productivity. Apa kedudukan? 60% of webs servers software used OSS. 30% of office infrastructure (e-mail, DNS, Proxy) used OSS. 30% of desktop OSS solutions that is web browses, email reader, used OSS.* Ini ada *master pelan, ada target.* Apa kita sudah capai? Tetapi sekarang, dalam perbahasan kita tengok semua tidak faham apa itu OSS. Saya cadang bahawa Yang Berhormat di kementerian memberi satu taklimat kepada semua Ahli-ahli Parlimen, khususnya Sri Yang Berhormat bagi Gading khususnya mengenai OSS.

Tuan Pengerusi, kita harap Yang Berhormat Menteri baru balik daripada Tunis dan WSIS, *World Submit Information Society*, tentulah dia tidak pergi sana untuk makan angin. Dia pergi sana untuk mewakili negara kita. Kita mahu tahu *what result* sudah dicapai dalam WSIS di Tunis yang boleh menguntungkan negara khususnya dalam rancangan kita untuk menjadi satu *IT power*. Bolehkah Yang Berhormat bagi tahu kita? Sebab itu dia patut berada di sini. Patut ada di sini untuk memberi satu taklimat kepada Dewan yang mulia apa yang sudah dicapai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat. Tuan Pengerusi, boleh bagi dia duduk?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lit Kim Siang: Peraturan Mesyuarat? Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, tunggulah dulu, duduk,..

Tuan Lit Kim Siang: Bukan, Peraturan Mesyuarat apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Duduk dulu, baru saya boleh cakap!

Tuan Lit Kim Siang: Apa Peraturan Mesyuarat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: 35(1).

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bercakap, pandanglah kepada Tuan Pengerusi. Apa pandang belah kami ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, pandang sini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya.

Tuan Lit Kim Siang: Dia takut!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, pandang sana!

Tuan Lit Kim Siang: Saya faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan takut! Sudah *fed up* tengok you punya muka.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pandang sana!

Tuan Lit Kim Siang: Yang pertama, yang kedua, okey saya tidak mahu tengok.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pandang sana.

Tuan Lit Kim Siang: Saya belum habis, awak sudah *standing up*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Awak pandang sana.

Tuan Lit Kim Siang: Tetapi *trouble maker stand up*, sahaja nakal-nakal mahu berdiri, apa boleh buat!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pandang sana!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah pandang.

Tuan Lit Kim Siang: Akhirnya, saya harap yang sebenarnya Yang Berhormat Menteri patut ada di sini untuk memberi satu laporan mengenai *result* mengenai WSIS dan saya tahu dia ada *open house*, hari raya *open house*, *very good*, tetapi ini lebih mustahak oleh kerana kita mahu tahu, *what have been achieved* sama ada sebenarnya summit melalui semacam WSIS itu, kemuncak dunia *is a waste of time*, *waste of funds* atau tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong.

5.57 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya seterusnya merujuk kepada Bekalan 30 dengan Butiran 030300 iaitu yang berkaitan dengan Direktorat Biotechnology....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, penjelasan Yang Berhormat. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat sikit, adakah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum berucap lagi.

Dr. James Dawos Mamit: Saya belum berucap lagi. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak tahu adakah setiap menteri melawat luar negeri, balik dia kena terangkan kepada Parlimen. Setiap menteri yang pergi, balik mai, panggil Dewan Rakyat, bersidang dan terang kepada Dewan ini.

Dr. James Dawos Mamit: Tidak perlulah Yang Berhormat, tidak perlu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, sudah, terima kasihlah Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Dan juga butiran di bawah Maksud B.30, Butiran 00605. Tuan Pengerusi, kita ataupun kerajaan sudah mewujudkan satu dasar biotechnology negara. Di dalam satu dasar ini juga, ada satu *action plan*. Tetapi kalau kita lihat *action plan* ini, negara kita akan mengambil masa yang lama untuk membangunkan industri biotechnology di negara kita. Di dalam *action plan* ini, fasa satu menyentuh kepada kapasiti *building* dari tahun 2005 kepada 2010. Dan di bawah fasa satu ini, pelbagai aktiviti akan dijalankan.

Sebenarnya, selama ini semua aktiviti ini yang disenaraikan di bawah fasa satu ini telah pun dijalankan. Jadi kalau kita bandingkan dengan fasa dua yang akan dijalankan pada tahun 2011 hingga ke 2015, maka ini bermakna bahawa pada tahun 2015, barulah kita mendapat hasil daripada industri biotechnology di negara kita ini. Di negara lain, seperti Australia, Australia

gabungkan fasa satu dengan fasa dua kita ini. Mereka melihat daripada aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan yang lepas.

Selepas itu mereka membuat analisis sama ada penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat boleh menghasilkan satu penemuan. Jika ia boleh menghasilkan penemuan, maka bermakna itu adalah satu produk. Jika ia satu produk sepatutnya sudah dipatenkan tetapi di negara kita kalau pihak kementerian membuat kajian atau pun mencari apa yang telah dibuat di universiti atau pun di pusat-pusat penyelidikan, maka sudah tentu kementerian boleh mencari penemuan daripada hasil penyelidikan-penyelidikan yang telah dijalankan. Dari hasil itulah kita dapat menghasilkan satu produk dan pihak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Puchong bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Nanti sekejap,dan pihak *business sector* boleh mengambil penemuan ini dan terus menjalankan *market* di mana-mana saja di dunia. Yang Berhormat bagi Puchong, silakan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Dasar Bioteknologi Negara ini bagi saya ada mengandungi beberapa faktor. Faktor utama ialah mengenai sumber manusia yang relevan - yang sesuai, kedua ialah pendidikan dan ketiga ialah infrastruktur.

Dulu semua kita tahu pada tahun 1996, di mana kita melancarkan *MSD Programme*, lebih kurang satu *plan* yang sama. Kalau hari ini kita tengok dasar bioteknologi, di mana skop yang telah diumumkan oleh kerajaan atau pun cara untuk melaksanakan dasar ini lebih kurang sama iaitu sesiapa yang *involved* dalam bioteknologi dia ada *.tax holiday* dan seterusnya kemudahan-kemudahan lain.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa faktor-faktor sumber manusia yang relevan atau pun tenaga manusia yang relevan ini penting dan kita mungkin tidak bersedia untuk *impark* dengan izin, dalam dasar bioteknologi masa ini dan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan supaya kejayaan ini dapat dipastikan. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat. . Sebenarnya apa Yang Berhormat bagi Puchong katakan tadi itu memang benar, kalau kita lihat di universiti, kita ada kepakaran. Kalau kita lihat di institusi penyelidikan, kita ada kepakaran. Daripada segi infrastruktur pula kita ada banyak makmal (*lab*), di mana penyelidikan boleh dijalankan dan penemuan pun boleh diperoleh daripada *lab* tersebut. Hanya apa yang kita perlu sekarang adalah *management*. Bagaimanakah kita mengurus penyelidikan ini supaya hasilnya boleh diperolehi. Ini adalah satu pengurusan sistematik. Janganlah pihak universiti selepas buat penyelidikan walaupun penemuan ada di dalam laporan itu, mereka tidak melepaskan penemuan ini kepada pihak *business sector* untuk memasarkan produk-produk ini yang mungkin ada pasaran.

Di negara Jepun, setiap penyelidikan yang telah siap mereka jual laporan kepada *business sector* supaya *business sector* boleh mengurus bagaimanakah yang dikatakan *from science to market* ini supaya mendapat *revenue* untuk kompeni mereka dan negara mereka. Ini memang sudah ada. Jadi, kalaulah kita *intergrate*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, saya mahu *intergrate* ini. Selepas *intergrate* memang penggulanganlah itu. Kalaulah kita *integrate* fasa satu dan fasa dua, maka apa-apa produk yang diperoleh tempohnya pendek. Sekarang negara kita sudah ketinggalan jauh daripada negara-negara yang lain seperti Korea.

Tuan Pengerusi, sikit saja. Saya ingin menyentuh kepada Butiran 0401100 iaitu, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA). Standard Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ini untuk *NORM* di dalam *sludge* minyak ini saya rasa terlalu ketat. Standard kita adalah satu bakrel per gram manakala standard di UK 8 bakrel setiap satu gram dan di Germany 14 bakrel setiap satu gram, Netherlands 3 bakrel setiap satu gram. Jadi, kenapakah standard ini terlalu ketat, kerana satu bakrel ini per kilogram di dalam *sludge* minyak memang terlalu rendah dan ia tidak akan membawa *radiation* kepada kita. Jadi, saya pohonlah agar LPTA melihatkan lagi standard ini lagi dan seragamkan dengan standard-standard antara bangsa yang ada sekarang. Sekian, terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Bharu

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada beberapa soalan ringkas. Butiran 01900 - *Multimedia Development Cooperation*. Saya ingin tahu daripada kerajaan, apakah kejayaan kita setakat ini atau pun kejayaan *Multimedia Development Cooperation* untuk menuntut balik kerugian-kerugian dan projek-projek yang gagal dan kita tahu termasuk E-Village yang saya kalau tidak silap, kerugian yang begitu besar RM100 juta dan ada lagi perkara-perkara lain yang perlu dan saya percaya telah pun diambil tindakan tetapi apakah *progressnya* dan apakah kita dapat *recovery* dari kegagalan projek-projek ini

Kedua, mengenai janji kerajaan supaya *MSC status companies* ini diberi *guarantee* melalui *Bill of Guarantees* mengenai perkara-perkara tertentu untuk menarik syarikat-syarikat *MSC*. Apakah status *Bill of Guarantees* yang dijanjikan itu.

Saya juga ingin bertanya mengenai Cyberjaya kerana dari luar, dari mata kasar kita lihat seolah-olah walaupun keadaan persekitarannya begitu canggih dan begitu baik tetapi agak lesu sedikit kalau dibandingkan misalnya dengan tempat-tempat lain. Jadi saya mahu tahu apakah kejayaannya setakat ini. Kata orang *MSC companies* ini kebanyakannya *local* dan saya ingin mengetahui sejauh mana kita dapat menarik syarikat-syarikat daripada luar setakat ini.

Akhir sekali kerana kejayaan Cyberjaya dan multimedia pada keseluruhannya itu amat penting kerana ini kita punya 'F Label' dan kita telah berjanji, kita telah banyak memberi

peruntukan untuk menjayakan projek-projek ini, jadi, saya ingin bertanya tentang perancangan atau kejayaan setakat ini berbanding dengan perancangan kita. Apakah kita berpuas hati dan apakah kelemahan-kelemahan yang ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pensiangan

Tuan Bernard S.Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh Butiran 01900 mengenai *Multimedia Development Cooperation Sdn. Bhd.* yang telah ditubuhkan pada tahun 1996 dan sekarang sudah masuk 2005, sudah sampai dalam lingkungan 10 tahun. Daripada masa tersebut, banyaklah perkara-perkara yang telah disusun atur, di antara lain mengenai dengan *partnership* atau pun kerjasama antara agensi-agensi kerajaan termasuk dari segi penyelidikan *human resources development* dan juga latihan dan sebagainya.

Di antara inisiatif MSC ialah untuk melihat menilai ataupun mengenal pasti dengan izin *the potential of technology in creativity integration to meet local and also the global participation*. Dalam soal ini kita telah juga melihat *incubator-incubator* yang telah dirancang oleh MSC. Kita ingin tahu apa sudah jadi dengan *incubator business, incubator* yang telah dijana ataupun telah dibiayai oleh kerajaan tersebut. *Incubator-incubator* ini saya difahamkan ada di antara *incubator* yang telah kita susun atur yang tidak menjadi apa nama manfaat kepada kerajaan. Saya seperti juga dengan kota Bharu tadi ingin tahu apa sudah terjadi dengan *incubator-incubator* tersebut.

Selain daripada itu saya juga ingin tahu mengenai dengan kerjasama di antara universiti, sekolah dan sebagainya dalam *contents* yang telah juga diperbincangkan dengan secara mendalam, kita ingin tahu apa yang sudah dibuat oleh MDC mengenai dengan kerjasama di antara institusi-institusi pengajian tinggi dan juga sekolah-sekolah dan juga termasuklah juga *e-village* dan sebagainya. Kita ingin tahu mengenai dengan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

18.11 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi itu halaman 421, 030000 - Penyelidikan dan Pembangunan Sains dan Teknologi. Tuan Pengerusi, mengenai penyelidikan, Yang Berhormat Menteri dia ada penyelidikan di McGill University. Semasa kita ada di mesyuarat Public Account Committee (PAC) dan sebagainya dia ada memberitahu saya itu dia buat penyelidikan untuk Ph.D di McGill University. Tetapi kalau ada yang disebutkan oleh Ipoh Timor, bahawa dia boleh tandatangan walhal dia ada belajar di Tunis University, ini bermakna penyelidikan dia yang dipelajari di McGill University itu tidak begitu berkesan kerana di dalam penyelidikan sains ini kita tidak boleh memalsukan sesiapaupun termasuk tandatangan, di dalam penyelidikan itu kita mestilah jujur dan ikhlas.

Tak ada yang nak bohong siapa pun, ini memang sains pun macam itulah penyelidikan. Kalau kita ada cedokan ataupun ada putar belit dan sebagainya itu bukan sains, bukan sains. Larut setuju kah dengan itu perbuatan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ini sangkaan jahat ini. Tuan Pengerusi, menteri ada tugas dia, tidak boleh buat satu tuduhan, Yang Berhormat dah berapa tahun dok di Parlimen ini? Sangkaan jahat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bukan tuduh, itu yang dijawab oleh Ipoh Timor, bukan tuduhan. Jadi walau bagaimanapun, itu.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lepas itu sebut nama nama kawasan pula, orang yang tak bangun mana boleh sebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukuplah, cukup. Dari segi sains.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ikan kembung ikan kerapu wakil Kepong cakap merapu ini masalahnya ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut sila duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukanlah, dari segi sains semua jenis penyelidikan sains itu kita mesti jujur dan ikhlas. Itulah prinsip yang terpenting sekali di dalam sains. Sebab negara kita nak maju kita ada akademi sains, kita ada banyakkah wang yang diperuntukkan. Setakat ini pun kalau ikut butiran ini RM123 juta diperuntukkan untuk penyelidikan dan di dalam prinsip penyelidikan itu Yang Berhormat Menteri mesti tahu. Jujur dan ikhlas itulah caranya. Saya percaya dia dapat Ph.D pun mengikut kerja jujur dan ikhlas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 35(1) pandang speakerlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Memang pandang speaker, jangan buang masa lagilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betullah, saya bersetujulah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Dan seterusnya Tuan Pengerusi mengenai e-dagang kita, di dalam satu kajian baru-baru ini bahawa didapati hanya 12.5 peratus sahaja pengguna IT *internet* yang percaya kepada e-dagang. Yang guna e-dagang itu pun tempahan untuk tiket penerbangan, buku dan sebagainya dan jumlah wang mungkin RM500, RM1,000 sahaja dan itu hanya 12.5 peratus ini tak termasuk Yang Berhormat Menteri. Dia tak *access* itu komputer langsung kerana beliau mempercayai beliau mempunyai kakitangan, itu cukuplah, bagi dia tak payah, hanya nak menjelajah dunia itu cukup.

Ini memang kita berharap kementerian dapat memberitahu mengapa penggunaan *internet* untuk e-dagang begitu kurang kerana kita nak maju nak menjadikan MSC kita begitu berjaya, saya setuju kita mesti menjayakan MSC.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada guna komputer kah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruddin: Saya guna ini besar. Tadi Yang Berhormat bercakap fasal *internet* sistem, macam-macam sistem e-dagang dan sebagainya.

Memanglah negara maju kita menuju ke arah itu dan saya difahamkan Kementerian Sains dan Teknologi sedang membuat ini R&D dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Soalannya Yang Berhormat adakah kalau Yang Berhormat mengatakan Yang Berhormat sendiri menuju ke arah sains teknologi mengapakah...

Dr. Tan Seng Giaw: Ada juga ini tengok ini.....[Menunjukkan laptop]

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Saya pun ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu Arau punya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Arau kata saya punya, saya beri dia pinjam.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu Arau punya, [Ketawa] ini bukan saiz.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Okey, jadi saya Yang Berhormat zaman sains teknologi ini, zaman e-dagang segala moden-moden E ini, kenapakah Yang Berhormat masih memakai serombong di atas kereta Yang Berhormat? Mengapakah memakai pembesar suara di atas kereta Yang Berhormat sedangkan kita sekarang menuju negara maju kenapa Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu mana satu butiran?

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Sains, sains teknologi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu penerangannya, penerangannya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Tidak kalau dia sendiri, sekarang kereta dia ada serompong hak kecil pun ada, hak kecil pun ada dan satu hari mungkin.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah cukup. Jangan, masa sudah tak adalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Satu hari R&D kita tak payah guna telefon tangan, kita letak telefon di celah gigi kita dah boleh bercakap. Itu sains. *For your information thank you.* [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi yang penting sekali itu Jerai janganlah serombong di sini. Dia sendiri jadi serombong tak payahlah kita mesti ada berasas, jangan itu hentam kromo sahaja serombong macam itu tak mudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kepong masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi mengenai e-dagang lah itu. E-dagang 12.5 peratus pengguna yang menggunakan e-dagang dengan jumlah wang yang begitu kecil sahaja. Ini bermakna sejak bermula MSC kita, kita masih lemah. Kita masih lemah dan ini termasuklah penggunaan itu *broadband*. Walaupun di dalam Dewan kita ada *broadband*. Ini ada

broadband, Parlimen punya ada *broadband*, ini baik dan Kota Bharu pun gunakan *broadband* itu pun baik. Tetapi walau bagaimanapun dari segi negara kita dari segi negara pada keseluruhannya kita memang sangat kurang dan saya ingat tak tahulah kementerian saya berharap dapat itu memberitahu kita apakah peratusan sekarang sama ada sudah meningkat daripada satu peratus kepada dua puluh peratus penggunaan *broadband*...

Tuan Lim Kit Siang: Masih satu peratus.

Dr. Tan Seng Giaw: Masih satu peratus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu cakap Ipoh Timor.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu pendapat Ipoh Timor tetapi kita mesti mengesahkan sama ada ia satu peratus lima peratus atau.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Yang Berhormat Kepong, kalau Ipoh Timor kata kosong *per cent* pun dia akan ikut kosong *per cent*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai sila duduk, Yang Berhormat sila duduk masa cukup Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tapi ada itu banyak masalah lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa berjalan laju.

Dr. Tan Seng Giaw: Laju, Jerai itu dia kacau.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta lain hari jangan layan dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan kita pun demokratik juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, cukuplah masa demokratik cukup masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Demokratik termasuk *e-village* kita disebutkan bertahun-tahun. Apa terjadi dengan *e-village* kita. Saya tak tengok langsung di mana ada *e-village*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya berharap kementerian dapat menjawab kerana kita tak ada masa. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lima orang. Selepas lima, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Sabak Bernam sila. Selepas ini Putatan, lepas itu Grik, Tanjong, Seputeh.

6.20 ptg

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin menyentuh Butiran 030500, 050200 dan 050300. Pertamanya Sabak Bernam ingin mengetahui setakat manakah kementerian ini membantu meningkatkan kepekaan, sensitiviti, minat pelajar-pelajar daripada peringkat sekolah rendah, menengah dan IPT dalam bidang sains dan teknologi.

Kita difahamkan memang ada peruntukan melalui kementerian ataupun Jabatan Pelajaran Negeri dalam perkara ini tetapi kita merasakan bahawa peruntukan yang diberikan itu tidak setimpal. Kita anggap bahawa sensitiviti kementerian terhadap membangkitkan minat

melalui umpamanya pameran sains dan teknologi, begitu juga dengan pertandingan inovasi di peringkat negeri itu perlu dipertingkatkan. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua Sabak Bernam ingin tahu setakat manakah pihak kementerian ini membantu individu-individu yang kreatif dalam penciptaan sains dan teknologi. Sabak Bernam ingin mengambil contoh seorang ahli sains kerja dengan kerajaan dan telah mencipta mesin untuk mengupas ataupun mengopek kelapa. Dalam satu jam boleh mengupas, mengopek kelapa sebanyak tidak kurang daripada 100 biji.

Ini memang sangat membantu khususnya golongan wanita ataupun golongan yang cacat di luar bandar untuk terlibat dalam kerjaya ini yang boleh memberikan satu sumber pendekatan yang baik kepada para petani yang terlibat dan kita difahamkan bahawa ahli sains ini telah mencipta mesin ini dengan nilai tidak kurang daripada RM12 ribu dan apabila dipertandingkan di Geneva telah memenangi anugerah emas.

Begitu juga baru-baru ini kita difahamkan mesin yang sama telah dipertandingkan di PWTC dan juga telah memenangi anugerah emas. Tetapi kita difahamkan bahawa segalanya ini diusahakan atas inisiatif sendiri, jadi maknanya individu ini menggunakan duit sendiri untuk melakukan penciptaan itu. Oleh kerana itu Sabak Bernam ingin bertanya sebagai satu insentif kepada individu yang kreatif ini apakah ada satu bentuk peruntukan yang khusus sebagai suatu galakan kepada individu yang kreatif ini untuk meningkatkan lagi penciptaan.

Akhir sekali, Pusat Sains Negara, 020400, ini satu pusat sains yang cukup memberikan maklumat dan manfaat berkaitan dengan sains, adakah kementerian bercadang mengadakan suatu bentuk peruntukan untuk pelajar-pelajar sekolah membuat lawatan daripada masa ke semasa untuk meningkatkan lagi kepekaan mereka, kegiatan mereka terhadap sains, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Putatan.

6.23 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin terus kepada B.30 Butiran 030300 dan P.30 Butiran 00605 dan P.30 bagi Maksud Butiran B.02100. Saya terus kepada cadangan kepada kementerian bukan macam Yang Berhormat Kepong Tuan Pengerusi yang mengkritik sahaja.

Ini soal penyelidikan yang negara kita sedang menerajui pembangunan Bitech melalui penyelidikan untuk dikomersialkan supaya Malaysia negara kita ini sebagai pusat aktif dalam industri bitech. Kita dengan adanya pakar-pakar di institusi penyelidikan dan industri untuk semua sekali universiti-universiti maka kita gerakkan mereka untuk terlibat bersama dengan pesanan penyelidikan kita.

Saya ingin menyentuh Tuan Pengerusi soal penyelidikan untuk di *commercializekan* soal rumpai laut, pembiakan *sea cucumber* dan pemprosesan dan pengeringan obor-obor laut dan

siput-siput laut seperti *abalone*. Di pesisir Pantai Barat Sabah maka dahulunya, terumbu-terumbu di laut di persekitaran ini agak banyak dan di situlah terdapat banyak sumber-sumber laut seperti abalone, penyu-penyu yang membiak di pesisir-pesisir Pantai Barat Sabah dan terdapat juga rumpai-rumpai laut yang tumbuh antara di terumbu-terumbu tersebut.

Maka sekarang kebanyakan terumbu-terumbu ini telah pun hancur dan mati akibat pembuangan ikan yang dibuat oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Pada tiga minggu yang lalu saya berjumpa dengan *Vice Chancellor* Universiti Malaysia Sabah semasa menghadiri satu hari terbuka Hari Raya Aidilfitri di Rumah Pesuruhjaya Polis Sabah, kami telah berbincang dengan lebar tentang dengan penyelidikan, dengan soal adanya pantai-pantai ini sesuai untuk dibuat industri marin.

Saya telah difahamkan adanya wujud Pusat Marin *Lab* di Universiti Sabah Malaysia dan beberapa pakar yang telah berpengalaman untuk membuat kajian di sebelah Semporna maka penyelidikan di pesisir Pantai Barat itu belum diadakan dan belum diketahui sama ada suhu air laut di pesisir Pantai Barat itu sesuai atau tidak.

Ini saya bercadang kepada kementerian untuk memberi peruntukan yang cukup kepada institusi penyelidikan kita ini supaya kajian boleh dibuat dan ini dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi di kawasan tersebut terutama sekali di pesisir Pulau Gaya dan Sepanggar. Di situlah dahulu dengan pengalaman saya semenjak saya kecil, terdapat penyu di situ dengan begitu banyak dan membiak di pantai-pantai pulau itu dan di Pantai Putatan.

Pada tahun yang lalu ketika tentera laut kita meronda kawasan itu tertangkap juga nelayan-nelayan dari negara jiran terutama sekali dari negeri Vietnam dan China menangkap penyu dan membunuh penyu-penyu tersebut. Ada keluar di surat khabar Tuan Pengerusi dan ini amat serius maka dicadangkan kementerian ini untuk menengok balik.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:supaya penyu-penyu ini dapat membiak kembali ke Pantai Barat negeri Sabah, jadi itu saya cadangkanlah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:supaya boleh berhubung dengan *Vice Chancellor* Universiti Malaysia Sabah sebab saya sudah berbincang dengan beliau saya akan membawa perkara ini Tuan Pengerusi kepada pihak jawatankuasa pada hari ini saya berjanji kepada beliau.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat sudah tunaikan janji cukuplah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:supaya kementerian bahawa berhubung dengan *Vice Chancellor* Universiti Malaysia Sabah supaya ini dapat dilaksanakan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih, Yang Berhormat Gerik.

6.29 ptg.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 030100 mengenai MIN ataupun Institut Penyelidikan Tenaga Nuklear yang berdekatan berjiran dengan rumah saya, jadi sudah lebih 20 tahun MIN ini ditubuhkan.

Kita ingin tahu setakat manakah kemajuan penyelidikan nuklear dan apakah sumbangan yang besar yang diberikan oleh MIN ini kepada penyelidikan dan juga kemajuan negara kita. Perkara keduanya ingin menyentuh Butiran 030400 Pusat *Remote Sensing* Negara, MyCrest, jadi subjek *remote sensing* ini telah menghangatkan negeri Perak sebulan dua yang lalu yang mana sebuah akhbar tempatan bahasa Inggeris mendedahkan kecurian kayu balak di kawasan Parlimen saya.

Jadi persoalannya ialah maklumat daripada Remote Sensing ini diperolehi oleh akhbar ini dari sumber Singapura, jadi apakah ini wajar dan pertanyaan saya juga kepada Menteri, apakah kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat sentiasa menggunakan MACRES ini untuk mengawal kecurian balak, pasir, tanah dan sebagainya?

Seterusnya Butiran 030600 yang sangat saya minati mengenai Agensi Angkasa Negara iaitu perkara pertamanya, kalau kita malam-malam memandang ke langit, "Sebagai pungguk rindukan bulan", kita akan melihat bulan ataupun bintang yang tidak berkelip. Ini saya kira satelit yang dihantar oleh negara-negara mana dan untuk tujuan apakah berlegarnya satelit atau bintang-bintang yang tidak berkelip ini di atas angkasa lepas kita? Adakah itu tujuan untuk penyelidikan ataupun *surveillance* terhadap kekuatan pertahanan kita?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Perkara keduanya ialah, setakat manakah sains angkasa ini telah kita popularkan ataupun kita masukkan dalam silibus di sekolah-sekolah, sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah untuk meningkatkan kesedaran minat para pelajar kita terhadap sains angkasa lepas?

Perkara ketiganya ialah persiapan kita untuk ke angkasa lepas, di mana saya kira ini masih dalam proses pemilihan, dan apakah kemajuan dari segi pemilihan bakal-bakal angkasawan kita ini? Dan adakah ANGKASA masih melihat membawa bekalan-bekalan makanan seperti teh tarik dan roti canai penting untuk berada 10 hari di angkasa lepas, kerana saya mendapat tahu dari rakan-rakan seperti dari Arau ataupun dari Kepong kalau mereka terpilih katanya, "Kami tidak perlu teh tarik ataupun roti canai untuk 10 hari itu". Kalau Jerai katanya, "Saya perlukan nasi lemak pada setiap hari", jadi dia sudah *disqualified* ya.

Akhirnya Butiran 030500 berkaitan dengan kemajuan penyelidik sains, sains dan teknologi di mana dalam masa beberapa belas atau berpuluh tahun nanti kita tidak boleh lagi

bergantung pada tenaga minyak, dan apakah kemajuan kita dan setakat manakah telah dikomersialkan penggunaan tenaga daripada suria dan juga angin. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanjong.

6.33 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Butiran 00605 - Direktorat Biotechnologi Kebangsaan (BIOTECH), di mana sebanyak RM300 juta diperuntukkan di bawah butiran ini yang merupakan satu peruntukan yang banyak, merupakan 25% dari peruntukan pembangunan di bawah kementerian ini.

Tuan Pengerusi pada tahun 2001 bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah memilih satu kawasan dekat KLIA dan namakan tempat ini sebagai Bio Valley untuk dijadikan *hub* untuk menarik projek-projek biotech ke negara ini, dan menjangka pada masa itu Bio Valley dilancarkan kita akan dapat menarik pelaburan sebanyak sepuluh bilion ringgit dalam jangka masa 10 tahun.

Dan menjelang tahun 2006 pada masa itu dianggarkan dapat menarik ataupun '*house*' .150 hingga 200 syarikat-syarikat biotech di Bio Valley. Tetapi mengikut laporan baru-baru ini nampaknya *hub* Bio Valley ini tidak banyak ada kemajuan, tidak lebih dari peringkat perancangan dan selepas empat tahun nampaknya kejayaannya adalah terhad boleh dikatakan oleh pemerhati sebagai, *this may fail* di mana cuma setakat ini tiga buah syarikat yang dapat ditarik untuk membina kilang-kilang mereka di Bio Valley ini, yang jauh lebih rendah daripada apa yang disasarkan iaitu 150 hingga 200 syarikat biotech di Bio Valley.

Jadi ini Tuan Pengerusi menimbulkan soal tentang *viability* kewangan projek Bio Valley ini, sungguhpun kerajaan telah berjanji memberi pelbagai insentif, menggubalkan dasar-dasar yang tertentu termasuk memberi laluan kepada pengajian pekerja-pekerja asing dan tempatan dengan tidak terhad atau batasan dan sebagainya, memberikan status perintis kepada syarikat-syarikat biotech ini mengenakan *duty* sifar bagi import alat-alat dan perkakas-perkakas biotechnology, tetapi nampaknya tidak berapa berhasil, khususnya saya ingin tahu dalam perkara menarik pakar-pakar, saintis-saintis yang kemungkinan rakyat Malaysia mahupun rakyat asing untuk berkecimpung dalam sektor biotech ini di bawah rancangan *brain gain*. Setakat ini, apakah rancangan *brain gain* ini berjaya untuk menarik sebarang saintis ataupun pakar dari luar negara, sama ada mereka warga asing ataupun warga Malaysia untuk berkhidmat dalam bidang biotech ini.

Tuan Pengerusi, ada juru perunding menyatakan juru perunding antarabangsa membuat *observation* terhadap Bio Valley kita yang menyatakan, kita menghadapi - sememangnya kita mengakui masalah ini iaitu seperti Yang Berhormat Puchong kata tadi, *skill profession* yang amat kurang dan tidak mencukupi di arena biotechnology. Dan juga pada masa ini peraturan-peraturan pun tidak jelas khususnya dalam perlindungan *intellectual property*.

Saya difahamkan bahawa Menteri sendiri sudah berbincang dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri berkenaan dengan *Intellectual Property Protection*, sebab kalau mengikut Yang Berhormat Menteri sendiri kalau kita tidak ada *protection intellectual property in place*, ini tidak akan dapat menggalakkan syarikat-syarikat biotech untuk datang ke Malaysia. Dan Tuan Pengerusi banyak negara membangun di *third world* amat beraspirasi untuk dapat menarik ataupun mendapat manfaat dalam industri biotech, tetapi nampaknya bukan banyak negara dapat berjaya dalam bidang biotech ini, dan saya rasa negara ini yang baru mahu berkecimpung dalam sektor yang begitu mencabar ini mungkin menghadapi berbagai-bagai masalah.

Jadi kita perlulah mempunyai satu arah tuju yang jelas dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, apakah bidang-bidang kecil khususnya yang akan dikhususkan oleh kementerian dalam bidang biotech yang begitu luas ini? Sebab kalau kita mempunyai aspirasi yang begitu tinggi tetapi kemampuan yang terhad, kita tidak akan pergi ke mana-mana. Lebih baik kita membuat pengkhususan yang tertentu dan cuba dapat *niche* di mana kita bolehlah mencapai sedikit sebanyak kejayaan.

Saya mendapati bahawa dari sebilangan kecil syarikat yang buat pelaburan di bidang *biotech* di negara ini, pada masa ini cuma *confined* kepada *clinical trials*, percubaan klinikal yang *outsource* oleh syarikat-syarikat *pharmaceutical* yang besar. Jadi saya ingin tahu sejauh mana *clinical trial* ini membabitkan rakyat Malaysia yang akan menjadi ujian terhadap ubat-ubatan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat ini yang sememangnya di negara India pun ada perlindungan terhadap rakyat tempatan supaya jangan dikorbankan apabila mereka menjadi *guinea pigs* kepada percubaan-percubaan klinikal daripada ubat-ubat yang cuba dikeluarkan oleh syarikat-syarikat *pharmaceutical* yang besar ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Dan saya mengharapkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai *Malaysian Biotech Corporation* iaitu selepas tertubuhnya koperasi ini. Apakah MBC akan memberi penekanan kepada *property development* seperti apa yang berlaku di MSC, cuba menekan *property development*, *infrastructure development* dan mengabaikan *human resources development*, dapat *funding*, mendekati isu-isu seperti *talent* dan sebagainya.

Akhirnya dengan kebenaran Tuan Pengerusi, saya ingin tahu selain daripada negeri Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah yang pada mulanya disasarkan untuk menjadi *satellite states* kepada *bio valley*, apakah kemajuan di negeri-negeri ini? Saya tahu bahawa di negeri Pulau Pinang, selepas kerajaan negeri mengheboh-hebohkan penemuan sektor *biotech* ini, tetapi cuma ada tiga syarikat sahaja yang datang di Bukit Minyak Biotech Park untuk membuat pelaburan. Apakah terjadi dengan Melaka, Sabah dan Sarawak? Apakah kemajuan yang dapat dihasilkan di negeri-negeri ini di samping *bio valley*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Ya, Seputeh.
6.42 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 02000 – Perkhidmatan Sains. Saya ingin tanya pihak kementerian untuk memberitahu Dewan yang mulia ini tentang kes seorang usahawan dan pereka ataupun *inventor* dari Amerika Syarikat yang mana syarikatnya telah menghadapi berbagai-bagai masalah dan halangan di Malaysia. Kes ini adalah mengenai Sadeg, seorang rakyat Amerika Syarikat yang dijemput oleh bekas Perdana Menteri, Dr. Mahathir untuk menubuhkan syarikatnya, InventQjaya di Cyberjaya, Malaysia.

Perjanjian telah pun ditandatangani di antara Kementerian Kewangan dengan beliau di mana Kementerian Kewangan memberi *soft loan* kepadanya dan syarikatnya pula mengeluarkan pelbagai rekaan dan ciptaan kepada negara kita. Masalah timbul apabila Dr. Mahathir bersara, kononnya terdapat tokoh politik yang menerajui kementerian tertentu termasuk Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi mula menyusahkan beliau. Sadeg mendakwa pihak kerajaan menggunakan seorang staf syarikatnya yang kurang puas hati dengan beliau untuk membuat laporan polis terhadapnya. Polis kemudian membuat serbuan terhadap syarikatnya iaitu InventQJaya dan membekukan semua aset dan operasi syarikatnya dengan menggunakan *Anti Money Laundering Act*.

Apa yang saya tidak puas hati ialah polis telah pun menjalankan siasatan selama 11 bulan, tetapi pihak polis dan pihak kementerian hari ini, masih gagal memberi satu alasan yang munasabah tentang hasil siasatan dan juga memberi penjelasan tentang sebab musabab pembekuan syarikatnya. Apa yang aneh ialah pihak polis masih belum mengambil kenyataan daripadanya dan belum lagi mendakwa beliau ke mahkamah dalam tempoh 11 bulan sejak syarikatnya dibekukan. Sekiranya ini adalah cara kementerian melayan pereka dan usahawan asing seperti Sadeg, maka kita tentu akan menghalang lebih ramai pereka ataupun *inventor* daripada luar negeri untuk berusaha dalam bidang sains dan inovasi di Malaysia.

Selain itu kerajaan juga dengan secara tidak langsung menakutkan pelabur asing daripada datang ke Malaysia kerana perkara ini telah pun luas disiarkan di media tempatan dan juga media asing. Ini juga bermaksud kes penindasan terhadap pereka dan pelabur asing ini oleh pihak kementerian juga telah luas diketahui oleh komuniti pelabur asing.

Tuan Pengerusi, saya ingin minta pihak kementerian memberi satu jawapan di Dewan mulia ini iaitu apakah kesalahan sebenar pengarah kepada syarikat InventQJaya ini. Kenapakah kerajaan membekukan aset dan syarikatnya melalui *Anti Money Laundering Act*? Dan bilakah pihak kementerian akan memulihkan semula operasi syarikat ini? Sehubungan dengan itu, saya juga ingin tahu apakah rancangan pihak kementerian untuk menarik lebih pelabur asing dan pereka asing untuk menceburi dalam bidang sains dan inovasi sebagai langkah untuk menaikkan taraf perekaan sains dan inovasi di Malaysia. Selain itu, saya juga ingin tanya apakah insentif

yang akan diberi oleh pihak kementerian untuk menggalakkan lebih pemuda dan juga rakyat Malaysia untuk menyertai dalam bidang sains dan inovasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya cuma boleh bagi Puchong, selepas itu Kementerian menjawab.

6.46 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya ada dua perkara. Perkara yang pertama ialah Butiran 01900 iaitu mengenai MDC, *Malaysian Development Corporation*. Saya hendak tanya beberapa soalan, saya harap kementerian dapat jawab dengan secara *detail* yang boleh. Seperti yang kita tahu MDC ini adalah diwujudkan sempena dengan MSC yang telah kita lancarkan pada tahun 1996 dan tujuan utamanya ialah untuk melibatkan kerajaan kita ataupun negara kita dalam industri ICT. So persoalan saya ialah mengenai setakat ini, ada berapa ramai *knowledge worker* yang telah dilatih untuk industri tempatan ataupun daripada negara kita?

Apakah *major sector* yang mereka *involved* setakat ini melalui MSC ini? Saya hendak tahu juga berapa banyak syarikat daripada MSC seperti *Microsoft* dan sebagainya itu yang telah mempunyai status MSC dan jumlah pekerjaannya dan juga apakah aktiviti yang utama mereka lakukan di sini? *Because* saya difahamkan kebanyakan MMC ini yang berstatus dengan MSC *company* ini, kebanyakan mereka hanya untuk membuat R&D di Malaysia. Dan saya hendak tahu apakah *contribution*, apakah jumlah perolehan atau *turnover* yang telah diciptakan oleh semua syarikat MSC status ini di bawah program MSC ini.

Dan yang paling penting sekali bagi saya ialah apakah jenis produk ataupun perkhidmatan yang telah dicipta oleh rakyat kita di bawah program ini untuk negara, untuk pasaran antarabangsa dan juga pasaran tempatan.

Persoalan yang akhir sekali mengenai tajuk ini ialah saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah rancangan ataupun strategi yang seterusnya mengenai MSC ini dalam tahun-tahun yang akan datang kerana seperti yang kita tahu MSC sudah macam tidak begitu aktif, Tuan Pengerusi, tetapi saya hendak tahu apakah rancangan dan strategi yang seterusnya.

Perkara yang kedua saya hendak bangkitkan ialah mengenai 00605 iaitu mengenai .Direktorat Bioteknologi Kebangsaan atau BIOTECH. Seperti mana ada beberapa Yang Berhormat telah bincang, saya terus kepada beberapa persoalan. Saya anggap satu dasar teknologi nasional BIOTECH ini memang baik dan bagus dan saya harap ini yang telah dibahagi kepada tiga fasa ini, memang satu perancangan yang baik, tetapi yang saya hendak tanya ialah mengenai fasa yang pertama terutamanya mengenai kapasiti *building*.

Dalam kapasiti *building* ini ,telah ada beberapa inisiatif telah dilakukan. Yang saya hendak tahu ialah *initial job* dan *industrial creations*. Apa yang dimaksudkan *industrial creations*

in agriculture biotechnology atau *healthcare biotech*, *industrial biotech* dan *bioinformatics* ini? Saya hendak tahu apa yang dimaksudkan dengan *industrial creations* ini.

Kita pun tahu *Malaysian Biotech Corporation* sudah ditubuhkan untuk tujuan ini dan ini ada satu yang saya hendak tahu juga, apakah fokus kita ataupun pengkhususan kita? Kerana saya difahamkan bahawa dalam teknologi atau dalam *industrial biotechnology* ini, kita ada beberapa bidang.

Saya berharap kementerian boleh membuat suatu analisis apakah *advantage* ataupun *competitive advantage* kita ada. Kalau kita betul-betul hendak *involve* dalam sektor perindustrian ini, itu pertama.

Yang kedua ialah kalau dasar ini dilaksanakan dalam fasal yang kedua. Saya hendak bertanya bagaimana dengan persaingan di peringkat antarabangsa. Bolehkah kita bersaing dengan *biotech company* yang lain di peringkat antarabangsa ataupun bagaimana kita bekerjasama dengan mereka supaya kita boleh *leave flock* dengan kita punya *approach* ini. Itu yang saya hendak tahu, apakah rancangan pihak kementerian kerana dalam dunia globalisasi ini, permintaan informasi dan maklumat adalah sangat cepat dan seterusnya. Ini kerana saya dapat satu data bahawa dalam dunia ini kita ada lebih kurang 5,000 buah syarikat dalam *biotechnology* dan *market capnya* saya ingat lebih kurang USD700 bilion dan sekarang ini saya difahamkan saiz *market* dia lebih kurang USD 70 bilion. Adakah kita ini sanggup untuk memasuki arena *biotechnology*, itulah persoalan yang kedua.

Yang ketiga, persoalan yang saya hendak tanya, bagaimana kerana selain daripada infrastruktur tenaga manusia dan seterusnya saya hendak bertanya *the funding*. Bolehkah *SME Fund* dan *SME Bank* yang akan ditubuhkan atau sedang ditubuhkan itu boleh membantu pengusaha-pengusaha *biotech* ini, terutamanya orang-orang tempatan kita, itu *fundingnya*.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak tanya ialah mengenai tenaga pakar-pakar kita. Kalau kita kekurangan pakar, bagaimana kementerian boleh tolong atau bagaimana kita membantu pakar-pakar kita supaya dasar ini dapat dijayakan. Saya harap dalam setiap fasa yang dirancangkan itu dapat diimplementasikan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila kemukakan jawapan.

6.52 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Kong Cho Ha]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya di sini ingin mengucapkan terima kasih kepada 11 orang Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada pagi ini. Saya juga sangat berbesar hati di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kementerian ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masa hadapan ekonomi negara kita bergantung kepada sumber-sumber teknologi yang ada di dunia pada masa sekarang. Untuk

menjawab soalan dari Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan *open source software*, sebenarnya negara kita adalah negara yang terbuka berkenaan dengan teknologi. Kita perlu mengadakan suatu keseimbangan (*balance*) di antara *open source software* dan juga berkenaan dengan *propriety software*.

Kalau kita terlalu bergantung kepada *open source software*, ini akan menjejaskan pelabur-pelabur dan penyelidik-penyelidik dalam industri penyelidikan untuk menjana *software-software* yang terkini.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Penjelasan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: nampaknya, dengan izin, *got the wrong end of the stick!* Timbalan Menteri, *sorry!* Yang Berhormat Timbalan Menteri, *got the wrong end of the stick.* Saya tidak kata bahawa kerajaan perlulah ada OSS tolak semua *proprietary*. Tidak, tetapi apa yang timbul ialah kerajaan ada satu OSS kempen dan apa kemajuan atau status *progress report*.

Saya ada sebut mengenai *target* yang perlu dicapai dalam tahun 2005, tahun ini dan apa *progress report*. Saya bukan kata bahawa tolak semua *window, Microsoft* dan lain-lain lagi. Tetapi *what progress report*, itu sahaja.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebenarnya kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri iaitu MAMPU, adalah penggerak *open source system* di negara kita dan pada masa sekarang jabatan-jabatan di bawah kerajaan digalakkan untuk menggunakan *open source software* di negara kita. Tetapi untuk sektor swasta, mereka ada suatu pilihan di mana mereka boleh pilih atau menggunakan *open source software* ataupun *operated software*.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bertanya ialah di sini adalah *master plan* kerajaan mengenai OSS dan semacam untuk 2005 mengenai seratus peratus CIO dan IT personaliti adalah OSS *literate* mengenai *re-circling 60% IT Personnel, OSS Train 10% IT Personnel OSS Certified, 20% Teachers responsible for school IT Lab or OSS Train* dan lain-lain kemudiannya. Berapa peratus *target* atau sasaran sudah dicapai. Itulah soalan saya, saya harap beri satu jawapan yang khusus.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sebenarnya OSS Master Plan itu adalah inisiatif MAMPU yang saya katakan tadi dan OSS Master Plan bukanlah inisiatif Kementerian Sains.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan. Bukankah MAMPU itu kerajaan? Bukankah MAMPU kerajaan?

Dato' Kong Cho Ha : MAMPU?

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Bukankah MAMPU kerajaan?

Dato' Kong Cho Ha : MAMPU - kerajaan tetapi bukan di bawah MOSTI

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kalau itu kempen MAMPU ialah kempen kerajaan. Bukan kempen ini dilancarkan oleh Perdana Menteri dan diketuai oleh KSN. Itulah, sebab itu kerajaan dan di sini oleh kerana Kementerian Sains bertanggungjawab mengenai OSS pun, saya tanya. Mana boleh kata ini kempen MAMPU, bukan kempen Kementerian Sains. Ini kempen Kerajaan Malaysia.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, untuk mendapat maklumat yang terkini berkenaan dengan peratusan yang telah - saya ingin kata kita akan mendapatkan statistik-statistik yang terkini dari MAMPU dan akan disampaikan secara bertulis. Itu saya janji dan kita akan dapatkan MAMPU dan untuk.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Kong Cho Ha: Ya, pegawai-pegawai saya ada di sini. Mereka akan mengambil perhatian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Puchong bangun Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: berkenaan dengan perkara itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tolong, saya tolong sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat OSS ini satu konsep. Bagi saya kalau OSS kita hendak tahu apakah peratusannya, mesti kita tahu, apakan dan daripada mana. Sebagai contoh, kalau kita cakap *web browser* iaitu internet itu, Microsoft Explorer, adakah kita cakap itu satu OSS? Bagi saya itu OSS ataupun kita cakap *application system* di dalam Kerajaan Malaysia – *Departmental Application*.

Sebagai contoh, OSS or Unix adakah OSS di dalam platform OSS? Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh - mungkin Yang Berhormat bagi Ipoh Timor memberi sedikit spesifikasi, *more detail*.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng: *more detail to them, because if you don't have detail they now what go happen.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng: *Because OSS is very open concept.*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Lau Yeng Peng: *I was outside, outside, I know, alright.* Yang Berhormat Timbalan Menteri, tanya dia. Apa yang dia hendak, Oss dari segi mana? Dari mana? Dari *web browser* kah ataupun dari internet protokolkah dan sebagainya. Ini kalau tanya dia, baru saya cerita.

Tuan Lim Kit Siang : *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]* Jangan complicatelah *[Dewan gamat]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Lau Yeng Peng: *No, I am not complicate, I am talking about a fact.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng: *No, no, no. Maybe you are the one who complicate the whole thing.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Timbalan Menteri, sila teruskan jawapan.

Dato' Kong Cho Ha: Okey .

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih. Dewan yang mulia ini, sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan penjimatan kalau kita menggunakan *open source* itu, penjimatan sebanyak RM2 bilion. Itu adalah satu anggaran sahaja. Jadi itu mungkin bukan satu angka yang tepat. Jadi walau bagaimanapun, negara kita menggalakkan penggunaan OSS, tetapi kita tidak boleh menghalang pembangunan *proprietor software* di negara kita. Jadi berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berkenaan dengan keputusan ataupun hasil dari WSIS, sebenarnya menteri saya baru balik malam semalam, jadi saya ingat mungkin menteri kita kalau Yang Berhormat bagi Ipoh Timor hendak jumpa ataupun menteri saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timor untuk minum kopi mungkin boleh lebih melanjut berbincang berkenaan apa yang di berlaku di WSIS.

Tuan Lim Kit Siang: Ok, penjelasan. Memanglah kalau ada tawaran, jemputan daripada Yang Berhormat menteri untuk minum kopi saya terimalah. Semalam saya tidak boleh terima oleh kerana saya *rushing off* untuk mesyuarat. Tadi rekod atau *result* mesyuarat atau WSIS, itu bukan untuk pengetahuan saya sahaja, ini publik *interest*. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri perkara ini penting dan menyampaikan cadangan bahawa beliau patutlah buat satu *ministerial statement* dalam Parlimen mengenai *out come* WSIS untuk pengetahuan Parlimen dan orang ramai.

Dato' Kong Cho Ha: Sebenarnya WSIS ada beberapa forum WSIS di Indonesia itu memang penting, kita tidak kata ia tidak penting. Negara kita sebagai negara yang hendak prihatin dan juga sebagai Pengerusi OIC dan juga NAM kita juga dianggap sebagai ketua untuk mengetuai negara-negara OIC dan juga NAM di dalam bidang ICT ini. Oleh kerana itu, negara kita juga menyertai WSIS dan banyak memberi input-input dari negara kita. Apa yang dikatakan ini oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi, sebenarnya Menteri walaupun, baru balik dari Tunnis, telah pun berpeluang bertemu dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor semalam, kita

bersama-sama di sini tidak menghadiri *Open House* di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan saya akan memaklumkan kepada Menteri berkenaan dengan apa yang berlaku di Dewan pada petang ini.

Yang Berhormat bagi Mambong ada membangkit berkenaan dengan bioteknologi di negara kita. Sebenarnya dasar bioteknologi negara kita baru dilancarkan oleh Perdana Menteri kita pada bulan April ini. Pada sekarang bahagian bioteknologi ini giat menyediakan semua infrastruktur untuk membolehkan bahawa negara kita pada masa yang akan datang akan menjadi satu negara yang pakar dalam sektor bioteknologi. Untuk beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membangkit berkenaan *Directory bio-technology* negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berkenaan, sebenarnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini bercadang bahawa kita terlibat dalam tiga sektor bioteknologi iaitu, *agriculture* bioteknologi, *Healthcare biotechnology* dan juga industri *bi-technology*. Ini adalah kerana kekuatan kita seperti sebuah negara mempunyai *biodiversity* yang begitu canggih dan mempunyai pelbagai keturunan yang selama ini telah pun mengguna perubatan-perubatan herba dan sebagainya. Untuk industri *biotechnology* kita perlu berhati-hati kerana pada masa sekarang kita tidak boleh melabur terlalu banyak wang dalam bidang penyelidikan untuk menjana satu mega *drugs* seperti ataupun *drugs-drugs* yang lain yang begitu mahal sesekali untuk penyelidikan.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong bangun Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Tetapi negara kita boleh melibatkan diri dalam bidang seperti apa yang dikatakan berkenaan dengan *clinical trial* dan juga pada masa akan datang, untuk membangunkan industri *generic drugs* di negara kita. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat kata kita mempunyai pengkhususan kepada tiga arena dalam bio-teknologi. Untuk *agriculture* bio-teknologi itu, saya faham kerana kita mungkin ada orang kata daya saing kerana kita punya *biodiversity* dan sebagainya. Untuk *health-care bio-tech*, saya difahamkan bahawa lebih kurang 60-70%. Sekarang ini bio-teknologi *company in the world*, mereka telah dalam bidang ini, *healthcare*. Bukankah ini telah orang kata dengan izin *saturated*. Kalau kita masuk dalam *healthcare* sekali lagi, satu. Kedua pula saya ingat dari segi pasaran. Negara kita merupakan satu negara yang kecil kalau dibandingkan negara-negara yang mempunyai penduduk yang ramai. So, bagaimana kita hendak memberi pengkhususan kepada sektor ini kalau kita mempunyai kekurangan ataupun kita kurang *competitiveness* ini. apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Berkenaan dengan *healthcare* bioteknologi ini yang saya kata tadi, oleh kerana dalam *healthcare* bioteknologi, kita juga mesti tertumpu kepada herba sahaja dan bukan semata-mata hendak buat R&D dalam mega *drugs* yang saya kata tadi.

Ini memerlukan pelaburan yang begitu besar sekali dan akhirnya mungkin gagal juga. Jadi kita tidak mampu bersaing dengan syarikat pharmaceutical yang besar seperti Pfizer, Roche, DuPont dan sebagainya. Jadi Walau bagaimanapun, kita akan menggalakkan pelaburan dalam sektor bioteknologi melalui insentif-insentif yang dicadangkan dan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bila beliau melancarkan Dasar Bioteknologi di negara kita. Dan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tuan bangun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam soal herba ini bagaimanakah kementerian Yang Berhormat bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam soal menentukan mana yang boleh dipakai dan yang tidak boleh dipakai. Sebagai contoh apabila Ketua Pengarah Jabatan Kesihatan membuat kenyataan tertentu berhubung dengan herba-herba ini yang sudah pun di pasaran sudah pun digunakan dan akibatnya ialah pasaran ataupun penggunaan herba tersebut menurun dan sebagainya ini ada akibatnya kepada industri seolah-olah tidak ada koordinasi di antara kementerian Yang Berhormat dengan kementerian Kesihatan. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah penyelarasan ataupun koordinasi di antara dua kementerian ini di dalam soal promosi herba di negara kita. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Sebenarnya mengenai promosi herba ini saya ingat banyak dibuat oleh sektor swasta. Saya tidak tahu adakah Kementerian Kesihatan ada mempromosikan perubatan herba tetapi yang itu saya kebanyakan pembangunan industri perubatan herba ini adalah perubatan tradisi mengikut keturunan mungkin untuk kaum Melayu ada ubat herba sendiri, kaum China India dan Orang Asli juga mempunyai ubat-ubatan herba yang tersendiri. Dan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuan bangun lagi. Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi. Persoalan yang saya bangkitkan tadi ialah memanglah Kementerian Kesihatan tugasnya ialah untuk menjaga standard piawai pengamalan perubatan. Dalam pihak yang lain sebagai mana yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat masyarakat kita telah menggunakan herba dan dalam dasar bioteknologi kerajaan sekarang yang dipromosikan oleh kementerian Yang Berhormat kita menggalakkan penggunaan herba sama ada untuk perubatan ataupun *food supplement*. Persoalannya di sini dari segi koordinasi, penyelarasan di antara kementerian Yang Berhormat dan Kementerian Kesihatan. Bilakah pihak Kementerian Kesihatan membuat kenyataan untuk memberi komen terhadap herba-herba yang dikeluarkan oleh sektor swasta? Sebagai contoh, ada yang sudah

digunakan dan barangkali sudah dipasarkan tiba-tiba satu kenyataan ia tidak boleh digunakan lagi. Jadi di mana letaknya kedudukan kementerian Yang Berhormat dalam soal mempromosikan bioteknologi bahan herba ini? Itu persoalan yang saya bangkitkan tadi. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Tuaran, sebenarnya kementerian kita tidak dipertanggungjawabkan untuk kelulusan kegunaan ubat-ubatan herba dan sebagainya kerana Kementerian Sains dan Teknologi dari segi *biotechnology healthcare* ini hanya untuk menggalakkan pendidikan pembangunan untuk sektor *health care biotechnology sahaja*.. Dan berkenaan dengan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Putatan. Hendak bagi jalan kepada Putatan?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ingin saya menambah sedikit saranan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran berkenaan dengan herba. Sedarkah kementerian bahawa adanya yang dilaporkan, yang telah diberitahu tentang pengeluaran ataupun eksport secara *illegal* produk-produk NDFP yang didapati di pergunungan Kinabalu, yang kononnya seorang profesor dari Jepun telah membeli sumber-sumber herba yang kononnya herba ini boleh mengubati kanser ataupun HIV. Jadi ini saya juga telah berhubung beberapa orang pakar di UMS Sabah tentang kebenaran kenyataan ini dan mereka tidak menafikan bahawa terdapat ada segolongan penduduk tempatan menjual satu jenis herba ini kepada profesor dari Jepun. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Putatan, memangnya herba-herba ini dan semua jenis tumbuhan adalah seperti sumber yang bernilai kepada negara kita dan juga semua rakyat negara perlu menghargai sumber yang ada ini. Saya rasa di kawasan Kota Kinabalu ataupun *Mount Kinabalu* ini mungkin *Forestry Department* Negeri Sabah perlu mengambil tindakan untuk menguatkuasakan apakah kuasa yang ada di bawah *Forestry Department* Negeri Sabah ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan bioteknologi ini yang diperuntukkan sebanyak RM300 juta itu sebenarnya RM40 juta daripada peruntukan ini adalah untuk membangunkan *The Malaysian Bio-Technology Corporation* dan yang lain itu untuk menubuhkan tiga institusi bioteknologi di negara kita iaitu untuk membangunkan Institut Genomic dan juga dalam bidang bioteknologi pertanian dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Mambong yang membangkitkan bahawa penyelidikan-penyelidikan di negara ini perlu dikomersialkan seperti apa yang ada di negeri Jepun. Sebenarnya itu adalah benar dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang mengkaji dan sedang membuat satu perancangan supaya pelaburan dalam penyelidikan iaitu R&D lebih berhasil dan pada akhirnya lebih banyak akan dikomersialkan.

Yang Berhormat bagi Kota Baharu membangkitkan berkenaan dengan kejayaan MDC. Sebenarnya MDC ini telah ditubuhkan selama lapan tahun dan mempunyai banyak kejayaan.

Pada masa sekarang kita ada 1,372 buah syarikat berstatus MSC dan di antaranya kita juga mempunyai 69 buah syarikat global yang ditubuhkan dan beroperasi di Cyberjaya.

Dan sampai ke hari ini, MSC telah berjaya menjana 31 ribu kerja ataupun *jobs* 31 ribu pekerja di dalam MSC kita. Dan juga, jualan dari syarikat-syarikat MSC ini berjumlah lebih dari RM7 bilion untuk tahun 2004. Pada masa sekarang, ada 46 syarikat status MSC ini disenarainamakan di pasaran MASDEQ, di KLSE. Di antara 1,370 syarikat MSC status adalah 301 adalah syarikat bumiputera.

MDC juga telah berjaya menjana *applications* dan juga *content* berkenaan dengan pelancaran *smartschool* untuk Kementerian Pelajaran kita di mana pada masa sekarang lebih dari 8 ribu buah sekolah adalah *connected to schoolnet* dan 9,500 buah sekolah mempunyai *educational tv facility*, dan lebih kurang 4,500 sekolah mempunyai komputer *lab*. Dan *content-content smart school* ini juga diguna pakai oleh negara luar yang dijana oleh MDC ini seperti negara Syria, Laos, Qatar dan sebagainya.

Dari MDC juga, *smart card system*, iaitu *Mycard system* yang diguna pakai oleh semua rakyat negara kita ini juga adalah menjadi kebanggaan negara kita kerana negara seperti Bahrain, Myanmar juga telah menggunakan teknologi *smart card* kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kepong, Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha: Selain daripada itu, selain daripada itu, juga beberapa negara telahpun menunjukkan minat untuk mengguna *Mycard* kita seperti Saudi Arabia, Yemen, Kuwait, Syria Pakistan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi jalan? Yang Berhormat Kepong, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk tanpa mic]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Pengerusi, memang kita banggallah kalau *Mycard Malaysia* dapat dijual di seluruh dunia. Itu memang satu perkara yang baik, kita galakkan. *[Menyampuk]*. Ha, galakkan itu. Tapi kalau nak jual ke Larut, tak payahlah. Dia tak berminat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat.. *[Menyampuk]*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan mesyuarat. Macam mana boleh sebut ni? Peraturan mesyuarat, macam mana boleh sebut. Tak bangun?

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat terangkan, bilangan sekolah Bestari sekarang? Sebab sejak berlakunya sejak 5, 6 tahun, kita ada melaksanakan sistem sekolah Bestari dan sayapun berminat kerana kita ada lebih 8 ribu sekolah di negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita ada di bawah jabatan pendidikan, jabatan pendidikan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendidikan, jabatan pendidikan.

Dr. Tan Seng Giaw: Jabatan pendidikan. Tapi dia ada kena mengena dengan itu kementerianannya. Memang ada kena, dia berlapis-lapislah tu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah, dah cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bertindih-tindih tu. Ya, walau bagaimanapun, sebab Yang Berhormat tadi, ada sebutkan mengenai itu sekian-sekian banyak komputer di dalam sekolah dan sebagainya, sayapun seronok. Seronok. Tapi saya nak tahulah bilangan yang sekolah Bestari ini, dan apakah tahap Bestari ini? *[Disampuk]*. Sama ada ini setakat komputer ataupun mereka benar-benar bestari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah cukuplah Yang Berhormat.

Seorang Ahli Yang Berhormat: *[Menyampuk]*.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, sebenarnya, sekolah Bestari ini bukan di bawah bidang kementerian MOSTI, tetapi pada masa sekarang kerajaan kita kita nak menjana beberapa buah sekolah bestari sahaja, iaitu *smartschool*. Jadi kita berhasrat membuat semua sekolah di negara kita ini menjadi *smart school*.

Dan oleh kerana itu, kerajaan telah berusaha untuk membina komputer *lab* dan sebagainya untuk semua sekolah. Dan diharap pada satu hari nanti, semua sekolah di negara kita akan menjadi *smartschool*. Jadi ini mungkin bukan di bawah bidang Kementerian Sains dan Inovasi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, tak payahlah Kepong. Itu bidang jabatan pendidikan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk tanpa pembesar surara]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bukan kementerian, kan dia dah jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*Sebutkan lagi, nak semua sekolah Bestari, saya setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, Timbalan Menteri, teruskan jawapan Timbalan Menteri. Laju sikitlah Timbalan Menteri.*[Ketawa]*.

Dato' Kong Cho Ha: Ya, jadi sebab ada beberapa Yang Berhormat membangkitkan berkenaan dengan kejayaan MDClah. Jadi saya jawab untuk semua yang tanya berkenaan dengan MDC. Sebenarnya aplikasi *e-government* kita juga digunapakai oleh beberapa negara yang lain seperti sistem *e-tanah*, *e-Syariah*, *e-court*, *e-services* dan juga berkenaan dengan *court* iaitu bayaran itu saman trafik dan sebagainya.

Juga pada masa sekarang, sistem *telehealth* kita, juga diguna pakai untuk yang pada masa sekarang mempunyai 42 pusat kesihatan mengguna pakai sistem *telehealth* dan sistem *telehealth* ini akan dikembangkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Juga beberapa Ahli Yang Berhormat membangkitkan berkenaan dengan keadaan *e-village* kita. Sebenarnya, *e-village* negara kita ini dirancang pada tahun 1999 di Dengkel. Pada masa sekarang *e-village* ini hanya dibangunkan oleh sebuah syarikat swasta yang dipanggil *E-Village* Sdn. Berhad sahaja di Dengkel.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tak tahu, saya telah membangkitkan beberapa persoalan mengenai MDC. Adakah Yang Berhormat akan menjawab dulu ataupun saya nak tanya sedikit mengenai MDC ini? Tadi Yang Berhormat ada katakan bahawa ada lebih kurang 31 ribu pekerja adalah di bawah skim itu.

Saya nak tahu berapakah daripadanya adalah *local* ataupun tempatan, satu. Yang kedua, mengenai aplikasi *medical*, yang ada *medical flagship* yang telah dibangunkan di bawah MDC ini. Apakah status sekarang ini? *Smart card is one of them*, satu. Dan ini *Smart school*, satu. Dan dia ada tujuh *flagship*. Salah satu ialah mengenai hospital session iaitu *medical flagship*. Apakah status sekarang ini? Adakah ini masih dalam proses pembangunan, ataupun telah dikomersialkan?

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Puchong menyentuh mengenai dengan *medical*, saya ingat *medical* ini semua adalah di bawah *Tele-Health*, sistem aplikasi *Tele-Health* kita, dan berkenaan dengan berapakah banyak atau peratus pekerja di MSC, itu adalah pekerja tempatan. Dari pengetahuan saya, tidak kurang dari 95% pekerja adalah pekerja tempatan dan ini juga menunjukkan bahawa *knowledge workers* kita, kemahiran kita adalah mencukupi dan bukan apa yang dituduhkan oleh pihak yang tertentu, bahawa institusi pengajian tinggi kita tidak mampu untuk menjana *knowledge workers* di negara kita, sebab ini ditunjukkan bahawa di syarikat-syarikat yang ditubuhkan di Cyberjaya ini bukan sahaja mereka guna pekerja tempatan, tetapi jika berjaya mereka juga mengeksportkan tenaga dari negara kita ke negara yang lain, dalam syarikat yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kepong apa lagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, sebelum Puchong mencelah, Yang Berhormat sebutkan *E-Village*. Saya hendak tahu selain dari *E-Village* Sdn. Bhd, apakah terjadi selepas enam tahun, sebab kita di dalam *broadband* sekarang, patut kita cepat, tapi kian cepat, kian perlahan. Itu masalah, kelajuan ini tak boleh difaham tu. Enam tahun *E-Village*, jadi *Village E* dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dah tanyalah itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah yang terjadi dengan *E-Village* kita?

Dato' Kong Cho Ha: Apa yang saya katakan tadi bahawa *E-Village* adalah pembangunan yang dijalankan oleh sebuah syarikat swasta yang dinamakan *E-Village* Sdb. Bhd., tetapi oleh kerana pembangunan itu tergendala dan melibatkan tanah seluas 38 ekar, dan pada masa sekarang ada beberapa kes berada di mahkamah kita sebab ada tuntutan dan

sebagainya. Tetapi apa yang dikatakan bahawa kerajaan telah melaburkan sebanyak RM100 juta dalam *E-Village* - itu adalah tidak benar. Dan oleh kerana kebanyakan isu berkenaan dengan *E-Village* itu berada dalam mahkamah, jadi saya ingat tidak patut kita bincang di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, Yang Berhormat dah jawab, masih dalam kes mahkamah lagi, jadi dia prejudis.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tak dengar ke tadi?

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Pensiangan membangkitkan berkenaan dengan MDC juga, berkenaan dengan pembangunan *human resource*. Jadi, memang MDC mementingkan pembangunan *human resource* kita yang dijalankan bersama dengan institusi pengajian tinggi di negara kita, dan berkenaan dengan *incubator* ada banyak jawapan yang diberi oleh pegawai-pegawai saya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Pilih mana satu.

Dato' Kong Cho Ha: Ada 25 *incubator* yang dirancang sekarang dan ada 17 *incubator* adalah status MSC kerana pada masa sekarang mempunyai 320 syarikat IKS yang bertapak di *incubator* ini, tetapi pelaburan dalam *incubator* perlu saya katakan di sini bahawa *incubator* ini adalah macam membuat *research and development* untuk membuat satu alipaksi supaya ia dapat dikomersialkan ataupun mempunyai nilai komersial, tetapi bukan semua syarikat *incubator* ini berjaya. Ini adalah satu kebenaran di mana-mana R&D yang dibuat oleh institusi-institusi penyelidikan di seluruh negara ataupun di seluruh dunia ini juga.

Berkenaan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong mengenai E-Dagang. Kementerian bersama dengan Kementerian Pertanian telah pun mewujudkan E-Bazar, ia adalah satu portal yang begitu berjaya sekali dan pada masa sekarang banyak digunakan oleh mereka untuk berdagang dalam produk-produk pertanian. Dalam sistem E-Dagang ini banyak dirancang dan dijalankan oleh syarikat-syarikat swasta ataupun syarikat ICT swasta di negara kita.

Untuk menjayakan Program E-Dagang ini, kita perlu memberi galakan kepada syarikat kecil dan sederhana supaya mereka mengguna pakai sistem ICT yang pada masa sekarang semakin canggih, di mana bukan sahaja kita boleh jual beli di dalam *internet* atau pun *web side*, tetapi juga boleh membuat *advertising* dan boleh menjalankan macam-macam perniagaan melalui *internet* ini. Jadi ini semua menunjukkan bahawa MSC selama lapan tahun kebelakangan ini mempunyai kejayaannya.

Berkenaan dengan *broadband accessibility* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong, saya ingat *broadband* ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Dan infrastruktur.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi Ya, nak bagi Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Timbalan Menteri memang dia tak takut, dia memang terbukalah, telus sikit, dia baik, bukan saja anak jantanlah, kita di sini nak bincangkan dengan bernas. Itulah caranya, itulah cara, saya menggalakkanlah tu. E-Plaza tadi tu kalau boleh dengan Kementerian Pertanian, kita dapat..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payahlah tu...

Tuan Pengerusi: Jangan buang masa, jangan buang masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita nak bincang E-Dagang ni kerana Tuan Pengerusi, yang penting sekali, kita sangat lemahlah. Ini bukan kesalahan Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong, orang sekarang nak makan nasi dagang you dok E-Dagang lagi, apa ni?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat, ini berucap ke minta penjelasan? Tuan Pengerusi, ini berucap ke, minta penjelasan, Kepong, jangan buang masa la.

Tuan Pengerusi: Kepong jangan buang masa dia.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya bukan buang masa, Yang Berhormat Jerai dengan Larut ni, kita pelawa mereka untuk menyaksikan sendiri apa di E-Plaza ni. Itu cara tu. Kita ingat dia diam saja sekarang ni, sekarang pelawa, undang mereka pergi ke E-Plaza untuk menyaksikan apa yang dimaksudkan sebagai dengan E-Dagang,

Kerana baru-baru ini kalau tak silap saya Dewan bahasa dan Pustaka dia hendak keluarkan satu buku istilah untuk e-Dagang di dalam bahasa. E-Dagang itu Yang Berhormat pun tahulah itu DBP nak keluarkan satu buku untuk istilah-istilah e-Dagang itu baik juga kerana itu *[Disampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat apa dia ini apa maksud ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya maksud sayanya apakah selain daripada e-Plaza itu apakah itu usaha yang lebih lagi untuk memperkembangkan e-Dagang kita ini dan sebelum saya ini akhir sekalilah saya tak akan kacau lagi mengenai itu Borad Band kerana kita pun tidak tahu di dalam sains dan inovasi kita ini setakat mana e-Dagang setakat mana di dalam kementerian itu sains dan inovasi, kita belum tahu dan tiba-tiba dia sebutkan sekolah bestari saya pun bingung dan sekarang dia kata broad band bukan di dalam di bawah bidang. Itu masalah kita sekarang.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat.

Dato' Kong Cho Ha [Lumut]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sabak Bernam ada membangkitkan berkenaan dengan

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Kong Cho Ha : tak ada soalan.

Tuan Pengerusi: Ambil perhatian.

Dato' Kong Cho Ha: Sabak Bernam membangkitkan berkenaan dengan bagaimana mewujudkan minat di peringkat sekolah rendah, menengah dan sebagainya dalam bidang sains dan teknologi. Sebenarnya Kementerian Pelajaran sekarang telah mengadakan satu dasar di mana 60 peratus pelajar ini mesti mengikuti bidang sains di sekolah ini adalah satu-satu usaha Kementerian Pendidikan supaya kita dapat menjana lebih banyak graduan-graduan dalam bidang sains.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga membangkitkan berkenaan dengan ciptaan dan rekaan di mana memberikan contoh satu dua kes di mana saintis kita ataupun *inventor* kita telah pun menghasilkan sesuatu alat yang canggih. Untuk itu saya ingat kalau mereka melalui Bahagian Sains dan Teknologi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kita mempunyai tabung-tabung untuk dipohon untuk membuat penyelidikan, pemasaran dan sebagainya.

Yang Berhormat Sabak Bernam juga membangkitkan berkenaan Pusat Sains Negara di mana menggalakkan kanak-kanak melawat Pusat Sains Negara kita. Sebenarnya Pusat Sains Negara kita di tubuh, dibina khasnya untuk memberi penggalakan kepada murid-murid sekolah melawat. Bayaran masuk adalah murah sekali dan itu menunjukkan bahawa Pusat Sains Negara kita telah pun menjalankan tanggungjawabnya selama ini. Yang Berhormat Putatan juga.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sabak Bernam .

Tuan Pengerusi: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara yang pertama tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tentang peranan yang telah dimainkan oleh Kementerian Pelajaran dari segi meningkatkan minat dan kesedaran. Yang saya hendak tanya ialah apakah peranan Kementerian Sains dan Inovasi untuk meningkatkan lagi kreativiti pelajaran. Sebagai contoh umpamanya kalau saya tidak silap, kementerian ini ada program pameran sains tahunan dan kemudian ada pertandingan reka cipta. Saya mohon supaya ini dipertingkatkan lagi supaya minat murid-murid kita itu akan terus dijana. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Sebenarnya Kementerian Sains dan Teknologi ini kita melalui Bahagian Akademi Sains, melalui Bahagian Sains dan Teknologi dan juga bersama dengan Institusi Pengajian Tinggi, kita menjalankan banyak pertandingan, di peringkat sekolah

berkenaan dengan rekaan sains dan teknologi dan juga dalam pertandingan roket teknologi dan juga di bawah anjuran Pusat Sains Negara dan juga Planetarium Negara kita. Kita mempunyai pusat sains bergerak ataupun planetarium bergerak yang di mana kita buat pameran dan juga *exhibition* di kawasan luar bandar dan sebagainya. Ini semua adalah usaha-usaha Kementerian Sains untuk menggalakkan bidang sains dan teknologi di kalangan anak-anak muda kita.

Yang Berhormat Putatan ada membangkitkan berkenaan dengan penyelidikan juga dalam bioteknologi dan juga beliau membangkitkan berkenaan dengan rumpai laut dan pertemuan dengan universiti, *Vice Chancellor* Universiti Sains Sabah dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Putatan bahawa kebanyakan universiti-universiti mempunyai makmal ataupun pusat penyelidikan dalam bidang marine science sains dan di Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang mempunyai satu institusi Marin Lab iaitu di Mukahid dan berkenaan dengan penyu, bagaimana menggalakkan pembiakan penyu dan sebagainya saya ingat ini dalam di bawah Jabatan PERHILITAN Negara tetapi kalau nak buat itu penyelidikan, Kementerian Sains dan Teknologi boleh membantu untuk mendapatkan tabung penyelidikan dalam sektor-sektor itu.

Yang Berhormat Grik ada membangkitkan berkenaan dengan apakah peranan yang dimainkan oleh MINT. Sebenarnya MINT ataupun Institute of Nuclear Technology Research di negara kita, menubuhkan kerja-kerja di bawah penyelidikan dalam bidang perubatan, industri dan juga di bawah pertanian tetapi kita tidak terlibat dalam tenaga nuklear pada masa sekarang dan kita juga pada masa sekarang mempunyai banyak *facility* untuk industri mengguna pakai *facility* kita khasnya dalam bidang 'serialization' dan juga kita dapat menjaga mereka, bunga dan juga orkid-orkid yang baru. Yang Berhormat Grik juga membangkitkan berkenaan dengan peranan yang dimainkan oleh MAKRES berkenaan dengan pembalakan haram.

Jadi MAKRES senantiasa bersedia membantu, membantu jabatan-jabatan pembalakan di semua negeri di negara kita sebab melalui Makres melalui satelit kita dapat mengesan pembalakan haram yang dijalankan di tempat-tempat yang tertentu.

Jadi kalau diperlukan Jabatan Perhutanan negeri boleh dapat maklumat dan kita selama ini telah pun beri banyak maklumat kepada Jabatan Perhutanan, tetapi kita tidak menghebah-hebahkan dalam surat khabar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ucap syabas kepada kementerian, cuma saya hendak tahu sedikit tentang *early warning system*, makna kita kata macam Tsunami, *earthquake* dan sebagainya. Mungkin termasuk dalam kementerian Yang Berhormat. Jadi apakah setakat ini, hari ini kita boleh menjangka ataupun mendapat maklumat daripada sistem-sistem yang kita ada ini supaya rakyat lebih bersedia untuk menghadapi apa jua bencana yang akan datang. Jadi apakah sistem ini sudah pun - dan saya difahamkan sudah pun berfungsi dan

bagaimanakah sistem ini, sama ada ia benar-benar memberi faedah dan secepat manakah kita dapat *detect* benda-benda yang mendatang ini? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Yang Berhormat Jerai ini adalah satu bidang bukan di bawah MACRES. Jadi ia adalah satu tugas di bawah Bahagian Kaji Cuaca, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi iaitu berkenaan dengan *Tsunami Early Warning System* dan sebagainya.

Sebenarnya di negara kita, kita mempunyai 12 stesen yang boleh mengesan kejadian gempa bumi yang terletak di 12 tempat di negara kita. Selepas 26 Disember tahun 2004, Tsunami yang berlaku di Lautan India ini, jadi Bahagian Kaji Cuaca ini telah pun mula mendapatkan satu sistem, *Tsunami Early Warning System* untuk negara kita dan pada masa sekarang kita masih *schedule* untuk menempatkan alat-alat itu di tiga tempat, di perairan negara kita iaitu satu di Selat Melaka, satu di Lautan Selatan China (South China Sea) dan satu lagi di Sulawesi. Mengikut jadual kita peralatan ini sebenarnya sudah sampai di negara kita dan akan diletakkan di tempat-tempat yang tertentu pada bulan hadapan.

Pada masa sekarang kalau ada kejadian gempa bumi di kawasan Asia Tenggara dan sebagainya, Jabatan Kaji Cuaca negara kita boleh menghantar SMS kepada pihak-pihak yang tertentu seperti Jabatan Keselamatan Negara, kepada polis, kepada bomba dan kepada Menteri dan sebagainya. *The response time* dalam masa tujuh saat sampai lima belas saat, maknanya kalau ada satu kejadian gempa bumi dalam masa lebih kurang 10 saat sahaja sudah terima SMS, ada kejadian gempa bumi di berapa kilometer dari Bandar Aceh dan dia punya kekuatan berapa di dalam *Richter Scale* dan adakah kemungkinan kejadian Tsunami dan sebagainya? Sistem ini sudah ada. Jabatan Kaji Cuaca kita juga sedang berunding dengan pihak FELCOS, iaitu macam Maxis, Celcom, Telekom dan sebagainya dan juga melalui stesen-stesen televisyen supaya dipamerkan kejadian gempa bumi ini di dalam tv dan di dalam SMS kalau betul-betul ada kemungkinan kejadian Tsunami dan sebagainya. Sistem ini sudah ada dan akan dilancarkan pada bulan hadapan.

Gerik juga bertanya berkenaan dengan program angkasa negara kita. Sebenarnya negara kita juga menggalakkan bidang angkasa untuk anak-anak muda kita, oleh sebab itu kita mempunyai Pusat Planetarium dan juga pada masa sekarang kita ada satu program di mana kita sedang memilih angkasawan. Beribu-ribu rakyat telah menunjukkan minat untuk menjadi angkasawan dan sedang dalam ujian, latihan dan sebagainya pada masa sekarang. Kita telah sampai ke satu tahap hanya kita tinggal lagi 27 orang sahaja. Jadi di antara 27 orang ini akan dipilih dua orang untuk menjalankan latihan di Rusia. Berkenaan dengan makanan...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Kudat bangun.

Dato' Kong Cho Ha: Sila.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Di dalam *exercise* kita untuk melibatkan diri di dalam program angkasawan ini berapakah jangkaan, perbelanjaan yang terlibat di dalam *the whole exercise* bermula daripada sekarang sehinggalah di masa akan datang, dan apakah faedah langsung yang akan diperolehi oleh Malaysia di dalam *exercise* ini?

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya sampai ke hari ini saya ingat dalam *exercise* untuk memilih angkasawan ini tidak banyak dibelanjakan sebab *exercise* itu tidak melibatkan perbelanjaan yang begitu besar, tetapi telah dipilih dan menjalankan latihan di Rusia. Pada masa itu sahaja, kita akan membelanjakan lebih banyak. Jadi berkenaan dengan apakah faedah kepada negara kita? Jadi negara kita memang menggalakkan bidang sains dan teknologi dan bidang angkasa adalah satu bidang di mana kita juga perlu menggalakkan khasnya untuk warga muda kita, khasnya untuk pelajar kita dan sebagainya. Dalam bidang ini kita juga tahu dan juga kita boleh buat penyelidikan dan sebagainya dalam bidang...

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: [*Bangun*] Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengetahui apakah *background* mereka yang akan dipilih untuk menyertai program angkasawan ini? Adakah mereka ini daripada kalangan pelajar-pelajar sains ataupun daripada rakyat biasa atau sesiapa juga yang dipilih untuk menyertai program ini?

Dato' Kong Cho Ha: Apa yang saya faham ialah dari mulanya beribu-ribu yang memohon itu adalah datang dari berbagai-bagai ada yang mempunyai Ph.D, *Master Degree* dan ada juga dari sekolah menengah. Dari peringkat kelayakan secara akademik sekolah menengah ada, suri rumah pun ada. Jadi boleh dikira dari semua lapisan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Menyampuk*] Yang Berhormat, Kepong ada mintakah? Hendak naik ke bulan itu? [*Ketawa*]

Dato' Kong Cho Ha: Tidak nampak apa-apa pun. [*Ketawa*] Ya, Ahli Yang Berhormat dari Gerik juga bertanya berkenaan dengan penyelidikan dalam tenaga *alternative*. Memang Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini memang prihatin dan mengambil berat. Oleh kerana pada masa sekarang harga minyak itu naik dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ini juga melalui tabung penyelidikan kita ada bersama dengan institusi pengajian tinggi menjalankan penyelidikan alternatif *energy* khasnya dalam solar *energy* dan juga *wind energy*.

Selain daripada itu kita juga memberi galakan untuk membuat penyelidikan dalam alternatif *energy* yang lain seperti biomas *energy* dan juga baru-baru ini kita juga bersama dengan MPOB telah menjana biodiesel dan sebagainya.

Yang Berhormat Tanjong membangkitkan berkenaan dengan biotech kebanyakannya saya telah jawab tetapi berkenaan dengan apakah jadi kepada Bio- Valley ini. Sebenarnya pada masa sekarang Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi fikir bahawa untuk membangunkan bidang biotechnology lebih sesuai kalau kita mengadakan *bionics's* bukan Bio Valley kerana

bionics's ini juga boleh dibuat di semua tempat di negara kita mengikut kesesuaian. Kesesuaian dari segi *human resource* kesesuaian dari bahan mentah yang ada juga kesesuaian kalau ia berdekatan dengan institut pengajian tinggi dan juga pusat penyelidikan (*research centre*) dan sebagainya. Dan bukan semata-mata buat satu tempat untuk meletakkan semua industri bioteknologi di dalam satu tempat. Sebab ia bukan seperti pembangunan industri ICT kerana industri ICT ia memerlukan banyak infrastruktur seperti *utilities* dan sebagainya. Jelas ya.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Pengerusi. Nampaknya ada perubahan dari segi tidak menekan satu kawasan yang khusus iaitu Bio-Valley tetapi sekarang lebih tumpu kepada *Centre of Excellent Bionics's Malaysia*. Jadi apakah perbelanjaan yang sudah dilakukan di Bio-Valley dari segi tanah, infrastruktur dan sebagainya? Sama ada sepanjang empat tahun kebelakangan ini setelah pelancaran Bio-Valley berapakah sudah dibelanjakan sehingga keputusan untuk membelakangkan keputusan yang awal itu dan tumpu perhatian kepada *bionics's*. Dan setakat ini berapa kawasan sudah dikenal pasti sebagai *bionics's* ?

Dato' Kong Cho Ha: *Bionics's* ini kita tidak hendak menentukan mana-mana tempat. Kita nampak mana tempat yang sesuai macam Pulau Pinang kalau ada satu tempat yang kerajaan Pulau Pinang hendak membangunkan industri bioteknologi kita menggalakkan sama juga untuk negeri-negeri yang lain. Jadi berkenaan dengan perbelanjaan di Bio-Valley ini oleh kerana kita berwaspada dan kita berhati-hati berkenaan dengan pelaburan. Kalau kita melaburkan berbilion-bilion ringgit dalam Bio-Valley untuk membangunkan *research centre* dan sebagainya dan mungkin satu hari nanti ia akan gagal. Oleh kerana itu, kita tidak melabur pada masa sekarang dalam makmal (*laboratory*). bioteknologi lagi. Jadi pada masa sekarang hanya ada satu dua syarikat yang ditubuhkan di tempat Bio-Valley yang asal. Kalau Yang Berhormat hendak maklumat yang lebih terperinci kita boleh bagi dalam bentuk bertulislah.

Dan untuk membangunkan industri bioteknologi kita memperkuatkan lagi *knowledge infrastructure* kita. *Knowledge infrastructure* kita seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong adalah *intellectual property laws* bahagian yang pada masa sekarang bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Pengguna tetapi kita ada bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Pengguna supaya kita bersama-sama memperkuatkan *intellectual property laws* di bawah *knowledge infrastructure* kita. Dan juga di bawah *knowledge infrastructure* kita, kita juga bercadang membangunkan banyak lagi tenaga manusia untuk bidang bioteknologi.

Berkenaan dengan masalah *brain gain* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada masa sekarang sedang membuat kajian baru berkenaan dengan *brain gain* di mana kita faham bahawa begitu susah sekali untuk membawa seorang *scientist* dari negara luar untuk balik ke negara kita kemungkinan oleh kerana masalah keluarga dan masalah-masalah yang lain. Jadi pada masa sekarang kita lebih menumpu kepada *collaborative research* iaitu kita menjemput *scientist* ataupun pakar yang berasal dari negara kita datang dan buat penyelidikan bersama dengan *scientist* kita di dalam institut

pengajian tinggi selama dua atau tiga bulan setahun tiap-tiap tahun dan lepas itu dia balik. Tetapi kita juga akan memanfaatkan oleh kerja yang dibuat di sini. Bila dia balik mungkin *scientist* dari institut pengajian tinggi kita dari universiti kita juga boleh pergi ke universiti di negara luar untuk menjalankan dua tiga bulan punya *collaborative research*. Kita ingat bahawa cara ini akan lebih memanfaatkan negara kita kerana kalau kita hendak bawa balik secara total ini mungkin bukan senang sangat. Dan kalau *scientist- scientist-saintis* ataupun pakar-pakar itu mempunyai keyakinan melalui cara *collaborative* ini melalui beberapa tahun mungkin ia akan balik secara total di negara kita.

Tuan Chow Kon Yeow: Setakat ini saya rasa mungkin dari laporan cuma ada seorang sahaja *scientist* yang menjalin hubungan *cooperative* dengan negara kita dan boleh saya simpulkan bahawa dalam skim *brain gain* yang pertama di mana seratus lebih rakyat Malaysia yang berkecayaan *scientist* dan sebagainya datang balik ke Malaysia untuk satu tempoh yang singkat dan kerana tidak puas, hati kecewa dan sebagainya sudah semua seratus lebih ini tidak ada satu pun yang terus tinggal di Malaysia untuk menyumbang cendekiawan mereka kepada pembangunan sains dan teknologi Malaysia. Jadi saya berharap dalam skim yang baru ini MOSTI berusaha dengan betul-betul dan bertubi-tubi untuk memastikan kita dapat *brain gain* dan bukan *brain loss*.

Dato' Kong Cho Ha: Memang kita faham tentang kesusahan, itu cara asal membuat kerja *brain gain* ini. Oleh kerana itu sekarang kita sedang merangkakan satu cara yang baru untuk menarik ataupun bagaimana kita boleh buat *collaborative research* bersama dengan *scientist- scientist -saintis* dari Malaysia yang pada masa sekarang berada di luar negara. Dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong berkenaan dengan *clinical trial* dalam bidang bioteknologi ini, kita memang faham tentang risiko yang ada untuk menjalankan *clinical trial* tetapi Malaysia merupakan satu tempat yang bagus untuk menjalankan *clinical trial* itu untuk perubatan.

Oleh sebab negara kita mempunyai penduduk yang berbagai-bagai, iaitu kita mempunyai orang yang berketurunan Melayu, Cina, India dan lain-lain dan oleh sebab itu, lebih sesuai untuk menjalankan *clinical trial*. Tetapi syarikat juga syarikat ubat dan sebagainya, bila mereka menjalankan *clinical trial* ini akan berhati-hati dan mengikuti syarat dan semua *standards* yang ada supaya ia tidak akan berisiko kepada pesakit di negara kita.

Dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong berkenaan dengan pembangunan bioteknologi ini menjadi satu *property player*, jadi ini tidak akan berlaku, seperti apa yang saya katakan tadi kita tidak akan membangunkan secara *Bio Valley* lagi, dan kita membangunkan secara *biomedicine* dan boleh dibangunkan di semua tempat di negara kita.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sebelum melanjutkan, saya ingin dapat kepastian dari kementerian. Setakat ini kita cuma berjaya untuk menarik beberapa buah syarikat yang mempunyai pengkhususan dalam *clinical trial*, percubaan *clinical* ubat-ubatan dari syarikat

pharmaceutical. Saya berharap janganlah kita menjadi sebuah negara yang menarik mereka, sebab kita ada kelebihan dari segi kemajuan rakyat kita dan akhirnya kita menjadi satu tempat untuk menjadi *guinea pig* kepada syarikat-syarikat raksasa multi nasional yang sebenarnya, bukan tidak akan membantu negara mencapai kejayaan dalam biotech, tetapi sebagai satu pasaran murahan untuk menguji ubat-ubatan mereka.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong ia akan diambil kira dalam rancangan kita. Yang Berhormat Seputeh membangkitkan berkenaan kes Hankyu Jaya. Sebenarnya Hankyu Jaya itu berada di bawah bidang Kementerian Kewangan dan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya tanya? Ya Tuan Pengerusi, saya memang tahu kerana kalau mengikut perjanjian adalah perjanjian itu di antara Kementerian Kewangan dengan pihak Hankyu Jaya. Tetapi yang syarikat itu sebenarnya adalah berkaitan dengan inovasi, jadi kementerian tentu ada pengaruh ataupun mengetahui apa yang telah berlaku, kenapakah syarikat Hankyu Jaya dibekukan? Bukankah ini akan menjejaskan imej negara kita dalam kaca mata pelabur asing? Jadi, saya hanya nak minta bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kita apa yang telah berlaku? Ini adalah soalan saya.

Dato' Kong Cho Ha: Sebenarnya apa yang saya kata tadi, sebenarnya Hankyu Jaya ini bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, jadi tak patutlah kita membuat komen ataupun nak buat penerangan yang mungkin tak tepat.

Tuan Pengerusi: Banyak lagi Yang Berhormat?

Dato' Kong Cho Ha: Tak, tak. Jadi akhir kata Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sekali lagi..... Okey, okey Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ada dua soalan, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan nak tanya, tadi ada Ahli Yang Berhormat yang kata, bahawa kita ni menghadapi masalah *brain gain*, atau *brain loss* ataupun kekurangan saintis dan sebagainya. Saya nak tanya, adakah kementerian bersedia untuk dengan izin, *jump-start* dasar bioteknologi negara ini dengan menghala tuju kita kepada negara-negara tertentu.

Sebagai contoh, kalau kita nak *jump-start* dengan bioteknologi dalam bidang *health care*, kemungkinan besar kita boleh mengambil India, negara India di Bangalore sebagai satu pusat yang ada *collaborative arrangement*. Kalau kita nak bioteknologi dengan *health care* yang *herbs base*, herba, kita boleh merujuk kepada negara China, mungkin satu-satu *base*. Adakah kementerian sudi untuk berbuat demikian supaya satu *jump-start* untuk dasar bioteknologi negara, satu.

Nombor dua, mengenai Dasar Bioteknologi Negara yang akan diimplementasikan selama 15 tahun ini. Apakah rancangan persediaan ataupun *contingency plan* yang telah diwujudkan di kementerian ini supaya kita tidak akan membuat *mistakes*, yang lalu sebagai

contoh, kalau MSC dulu kita ada MDC, kita membuat *mistakes* kerana sebagai contoh di awal 2001 bila *internet bubble burst*, maka MSC kita atau MDC kita mengalami satu kemerosotan dan banyak masalah berlaku. Adakah kementerian ini sudi memilih atau mewujudkan satu pelan persediaan atau *consistent plan* supaya kita ini tidak akan mengalami masalah-masalah dalam keadaan *contingency*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lau Yeng Peng: Saya nak komen sedikit daripada pihak kementerian.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya tadi tidak kata, bahawa kita kekurangan saintis di negara kita, tetapi di bidang-bidang yang tertentu, di bidang-bidang yang kita mempunyai kekurangan, kita akan menggalakkan pakar-pakar yang ada di negara yang lain untuk bekerjasama dengan kita. Jadi berkenaan dengan pembangunan bioteknologi, kita memang berhati-hati dalam pelaburan kita, oleh sebab itu kita tak melabur banyak dalam membangunkan makmal untuk bioteknologi dan juga *contingency plan*, dan untuk masa hadapan supaya kita membangunkan bioteknologi ini dengan lebih baik, dengan lebih teratur.

Kita juga mengadakan satu *International Advisory Panel* yang dipanggil *Biotechnology Roundtable*, yang baru-baru ini diadakan di San Francisco, di mana Perdana Menteri kita sendiri juga pergi di mana kita berkumpul seperti MSC, kita juga ada satu MSC, IAP – MSC, untuk bioteknologi kita juga ada satu *International Advisory Panel* yang dipanggil *Biotechnology Roundtable*, yang mana pakar-pakar dan *industry leaders* dalam bidang bioteknologi itu dijemput menjadi *advisor* kepada bidang bioteknologi negara kita. Jadi ini semua adalah *contingency* supaya kita tidak buat kesalahan pada masa yang akan datang.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Kepong Yang Berhormat. Lepas ini gulung ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ya lepas ini gulung. Saya nak bantu Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya nak bioteknologi kita berjaya. *Roundtable* di San Francisco ataupun Co Francis ataupun apa sahaja - itu memang satu langkah yang diambil oleh pihak kerajaan.

Yang penting sekali Tuan Pengerusi, di Amerika Syarikat dan di Eropah, misalnya profesor-profesor, saintis yang berkaliber, dia buat penyelidikan dan di dalam penyelidikan ini mungkin 5% atau 10% daripada penyelidikan ini dia berjaya dipasarkan dan berjaya. Ini bermakna kebanyakan itu dengan wang berbilion-bilion dolar Amerika atau berpuluh-puluh bilion ringgit tidak akan menghasilkan apa-apa, cuma 5%, 10% atau macam tu sahaja.

Dan kalau itulah masalahnya, macam mana di Malaysia kita dapat menjayakan bioteknologi? Itu tak apalah, kita ada *round table* di situ, sini ataupun *triangle table* - itu lain kira, yang penting sekarang macam mana kita menjanakan, menggunakan sumber Malaysia sendiri.

Tuan Pengerusi, syarikat seperti Sime Darby, dia besar, dengan Sime Darby ini bolehkah Yang Berhormat dengan kementeriaannya menggalakkan Sime Darby untuk menceburkan di dalam bidang penyelidikan bioteknologi ini supaya mereka itu besar, dia banyak kewangan dan sumber yang lain dan sebagainya dapat menceburkan diri di dalam penyelidikan bioteknologi. Saya akan mengulangi cadangan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri ulasan dan gulung.

Dato' Kong Cho Ha: Kita akan ambil maklum apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kepong.

Akhir sekali Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan teguran atau cadangan semua akan diambil kira supaya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan membangun dengan lebih baik pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih. .

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM510,246,000 untuk Maksud B.30 Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2006 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM510,246,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,213,522,600 untuk Maksud P.30 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2006 hendaklah diluluskan.

Malaysia dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,213,522,600 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2006.

Maksud B.32 [Jadual]

Maksud P.32 (Anggaran Pembangunan 2006)

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dibuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

8.22 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Halaman 442 – 020000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Di sini Tuan Pengerusi, kerana tidak cukup masa saya mencadangkan supaya yang pertama Pelan Struktur Kuala Lumpur, dengan adanya pelan tempatan, saya hendak mengetahui daripada pihak kementerian, setakat mana kita dapat

menjalankan usaha untuk mengadakan pelan tempatan bagi Kuala Lumpur kerana ini suatu perkara yang penting sekali sehingga pelan-pelan tempatan ini dapat diwartakan kelak. Bilakah pihak DBKL akan mewartakan pelan-pelan tempatan.

Yang kedua, usaha untuk membersihkan setinggan di Wilayah Persekutuan. Walaupun di Kepong saya nampak hampir berjaya tetapi di kawasan Cheras, Seputeh dan banyak lagi tidak dapat dibersihkan. Tetapi walau bagaimanapun di dalam usaha untuk membersihkan setinggan-setinggan ini, pihak DBKL dan pemaju-pemaju biasanya dia ada perkongsian dan kerjasama dengan pemaju untuk membersihkan setinggan itu diatarkan rumah panjang seperti rumah panjang di Taman Entrepreneur. Di situ saya nampak ada kelemahan-kelemahan di dalam mengendalikan setinggan-setinggan ke rumah-rumah panjang ini.

Misalnya projek Metro Prima, projek besar di Kepong. Di Kepong banyak projek-projek besar itu bukan sahaja Metro Prima, Mega Legasi, Padason, Rimbunan Melati dan banyak lagi Tuan Pengerusi. Kalau hendak pembangunan, pergi ke Kepong.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, betul, betul bukan Di dalam pembersihan setinggan ini memang DBKL hendak memperketatkan kawalan. Sebab apa, di rumah panjang Taman Entrepreneur itu bila dia keluarkan setinggan itu kerana ada penyelewengan, ada kegiatan yang luar biasa, setinggan baru masuk ke rumah panjang. Ini masalahnya.

Saya pun rasa pelik binti hairan kerana

Seorang Ahli: Pelik itu orang perempuan?

Dr. Tan Seng Giaw: Perempuan jugalah. Ada perempuan banyak ini *[Ketawa]* Ada setinggan di dalam rumah panjang. Saya rasa hairan dan terperanjat jugalah macam mana boleh berlaku hal ini. Yang kemudian, saya berharap pihak DBKL dan juga dengan pihak-pihak yang berkenaan dapat mengkaji macam mana kita dapat menyelenggarakan rumah pangsa kos sederhana dan kos rendah kerana penyenggaraan dan pengurusan flat-flat ini sangat kurang.

Misalnya pada tempoh hari ada kemalangan. Satu budak 10 tahun terjatuh daripada 12 lif di Suria Megna (B), Batu Tujuh, Kepong. Saya banyak lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, di lif itu biasanya tidak boleh jatuh daripada lif. Budak 10 tahun dia terjatuh daripada tingkat 12. Ini bermakna sama ada kontraktor lif itu cuai ataupun juruteknik yang menyelenggarakan itu tidak menjalankan kerja dan sebagainya. Saya berharap DBKL dapat satu laporan yang lengkap mengenai kemalangan ini. Kita mesti mengkaji macam mana menyelenggarakan rumah pangsa seumpama ini sama ada pihak DBKL akan mempertimbangkan, mengambil alih semua rumah pangsa swasta ataupun awam daripada segi penyelenggaraan sebab rakyat Malaysia setakat tidak mempunyai budaya rumah pangsa. Itu bukan kesalahan DBKL tetapi saya hendak DBKL mempertimbangkan macam mana kita dapat mengambil alih untuk menyelenggarakannya.

Tuan Pengerusi, mengenai kawasan lapang, kawasan hijau di Wilayah Persekutuan kerana di dalam buku ini disebutkan kita hendak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjadi sebagai bandar raya bertaraf dunia. Kalau kawasan-kawasan lapang, kawasan hijau tidak bertaraf dunia, macam mana kita boleh jadi bandar raya bertaraf dunia. Ini tidak munasabah. Saya berharap semua kawasan hijau di Wilayah Persekutuan termasuklah di Jalan Jambu Jertih di Jinjang Selatan, Kepong entah sudah berapa tahun DBKL hendak bersihkan penceroboh tetapi tidak berjaya pula.

Bagai makan buah 'simalakamu', dimakan mati ibu, tak dimakan mati bapak – dalam keadaan serba salah - buah 'simalakamu'.

Seorang Ahli: Buah dari mana? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Daripada Keponglah itu. Saya hairanlah macam mana penceroboh kawasan hijau boleh kekal bertahun-tahun termasuk jalan besar masuk ke Jinjang ada bangunan baru, bangunan cerminlah itu. Macam mana boleh bangunan cermin di jalan masuk? Itu masalah hairan binti pelik pula ini.

Tuan Pengerusi, ada tasik, Taman Tasik Kering Menjalara. Tasik ada tasik, Taman Tasik Perdana tetapi di sini ada Taman Tasik Kering Menjalara. Tasik dia macam ini *[Mengangkat tangan – tangan kanan di atas, tangan kiri di bawah]* Dia di bukit dan bila hujan ada tasik. Pihak DBKL digelar Taman Tasik Menjalara, cantik kawasannya. Sangat strategi, popular tetapi dia ada *tiub well* dia itu, pam dia itu untuk *tiub well* itu, *tiub well* ini boleh dikira luar biasa. Apa luar biasanya, dia pam satu jam, dia berhenti satu jam. Mana di Perak, Tuan Pengerusi ada pam, dia pam satu jam dan berhenti satu jam *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Tidak percayalah macam mana boleh berlaku sehingga tasik itu kering. Ini belum siap lagi. Belum selesai lagi. Di tepi tasik itu ada tandas mewah. Tandas mewah RM400,000. Saya setuju kalau kita ada konsep hendak rakyat Malaysia termasuk warga Kuala Lumpur, warga kota Kuala Lumpur hendak menjaga tandas kita dengan baik. Kita mesti mempunyai kebudayaan untuk menjaga tandas kita sama ada di bandar ataupun di kampung. Kia mesti jaga dengan baik-baik.

Konsep itu baik kerana di negara China, Korea, Jepun dia memang ada tandas-tandas mewah. Saya setuju dengan konsep itu. Tetapi di Tasik Kering Menjalara itu tidak diselenggarakan dengan baik. Tiba-tiba dua minggu yang lepas ada kereta pacuan empat roda telah melanggar tandas itu sehingga sebahagian besarnya rosak sama sekali *[Ketawa]* Tandas mewah yang dilanggar kereta. Itu masalahnya.

Bukan sahaja macam itu Tuan Pengerusi, di tepi tasik itu ada Pusat Sukan Serbaguna yang berharga RM5 juta.

Tuan Baharum bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa *injury* biasa diberikan kepada saya.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kepong. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Kepong tentang Tasik Manjalara kering tadi kerana saya pernah berkunjung ke tasik memangnya saya tidak tahulah sama ada arahan daripada Yang Berhormat Kepong sendiri, semasa tasik ini ada air memang orang isi dengan sampah tetapi bila tasik kering kurang sikit sebab itu agaknya dia kering. Macam mana agaknya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oh! Ini memanglah Yang Berhormat Sekijang ini walaupun dari Johor tetapi dia tahu sedikit. Orang-orang Malaysia ada sesetengah tu buang sampah dalam tasik pun dia buang, di mana-mana pun dia buang. Tak bolehlah kita buat macam tu. Saya menyerulah rakyat Malaysia cintakan negara kita jangan buang sampah mengikut kehendak.

Tuan Pengerusi, yang penting sekali di tepi tasik kering ini pun ada satu Pusat Sukan Serbaguna. Serbaguna pun baik kerana dia hendak adakan gelanggang badminton berhawa dingin, itu saya setuju. Tetapi 5 tahun kemudian projek ini dijalankan pusat ini menjadi pusat membiak aedes serbaguna. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya mencelah sedikit. Fasal Yang Berhormat Kepong menyeru semua rakyat Malaysia supaya bersih. Di Kelantan saya tengok *[Berbahasa Arab]* dia tulis yang bermakna "kebersihan setengah daripada iman" tetapi sampah masih dekat lutut, macam mana?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itulah saya pun tidak tengok siapa yang buang sampai di Kelantan. Saya percaya tidak ada sesetengah ahli UMNO, ahli PAS pun ada buang juga. Semua ada buang. Sesetengah ahli DAP pun ada buang juga. *[Ketawa]* Semua ada buang Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* PAS pun ada buang juga dengan begitu sahaja. Ini tidak bolehlah tetapi Pusat Sukan Serbaguna Manjalara menjadi 'pusat pembiakan aedes serbaguna'. Dia tak payah di bawah lantai di bawah tanah tu penuh dengan air daripada tanah kerana dia projek terbiar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak lagi. Saya akan gulunglah. Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil perhatian. Jangan kita membiakkan aedes di seluruh Kuala Lumpur tidak baik. Dan juga mengenai lalu lintas. Pihak DBKL mesti menjaga lalu lintas termasuk di taman-taman misalnya di Taman Batu dekat Kepong ada 'no-entry'. Bila ada no-entry ada orang entry juga, jadi saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil tindakan dan tikus.

Kita di kawasan DBKL dan juga di seluruh negara tetapi di Kuala Lumpur tu misalnya di Jinjang tikus bukan main banyak. *[Disampuk]* Betul kita ada kucing, ada anjing yang terbiar juga dengan itu di Kuala Lumpur walaupun kita ada pasukan untuk menembak anjing dan untuk

menjaga kucing pun ada tetapi untuk memusnahkan tikus tidak ada. Saya berharaplah di Jinjang sana banyak tempat, di Bukit Bintang di Cheras di merata-rata tempat ada tikus yang banyak. Tikus bawa penyakit. Bukan kawasan DAP tu tetapi kebanyakannya kawasan BN tulah.

Dan akhir sekali Tuan Pengerusi, dan ini mengenai pusat pelupusan sampah sarap. Di Kuala Lumpur ini warga kota membuang hampir 3,000 tan metrik sampah dan di dalam lebih 30 tahun ini hampir semua dibuang di Kepong di Jinjang Utara. Itu sedikit sahaja tu. Kecil macam tu dia sebahagian ada 5% tu dibuang di Bukit Hitam, Puchong. Sebahagiannya 5% sahaja tetapi hampir 90% itu dibuang di Kepong, di Jinjang lebih 30 tahun. Saya berharap DBKL dapat mengambil perhatian kerana pencemaran udara itu sudah mencemar kepada orang di Kepong termasuk saya dan apakah tindakan yang diambil kerana baru-baru ini saya tengok ada kilang loji untuk membersihkan kumbahan. Tetapi malangnya loji ini sekarang saya nampak dia bumbung dicuri orang, alat-alat pun diambil orang. Macam mana loji kumbahan, ini masalah.

Saya berharap DBKL dengan itu badan-badan yang berkenaan dapat mengkaji semula macam mana kita dapat tutupkan itu pusat pelupusan sampah ini dengan serta-merta kerana 30 tahun lebih cukuplah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Cukup dah. Kemudian diikuti dengan rancangan untuk merawat sampah yang sedia ada ini dengan baik termasuk kumbahan itu dirawat untuk jangka masa panjang 20 tahun. Dan tambah lagi macam mana kita mempertimbangkan untuk memberi pampasan kepada penduduk-penduduk Kepong terutamanya penduduk di Jinjang. Sekian terima kasih.

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 24 November 2005.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.40 malam.]